



**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia**





Perantis muda seni bonsai, menerusi bimbingan pakar seni bonsai yang berpengalaman dan mahir, telah mengamalkan seni gubahannya dengan penuh ketelitian dan ketekunan. Kemahiran dan pengalaman yang diperolehinya kini membolehkan beliau membentuk pertumbuhan pokok bonsai tersebut, sambil berkongsi pengetahuannya dengan rakan-rakan sebaya.

Sedemikian juga, PIDM telah berkembang kukuh sejak penubuhannya pada tahun 2005. Diterajui oleh visi untuk menjadi penginsurans dengan amalan terbaik, PIDM sentiasa menimba pengetahuan, berusaha gigih untuk mencapai kecemerlangan dan terus membina kejayaan, sambil memastikan pendeposit sentiasa yakin bahawa simpanan mereka selamat pada setiap masa.

Dengan berpegang teguh kepada pengalaman dan kepakaran yang diperolehi tahun demi tahun, PIDM berusaha gigih untuk memenuhi mandat baharu yang lebih luas serta memastikan bahawa semua pemilik sijil takaful dan polisi insurans menikmati jaminan dan yakin bahawa mereka juga turut dilindungi oleh PIDM.



PIDM mengutamakan kepentingan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasinya. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Laporan Tahunan ini. Kertas ini disahkan oleh *Forest Stewardship Council* (FSC), iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.

## VISI KAMI

- Penginsurans dengan amalan terbaik

## MISI KAMI

Kami akan:

- Melindungi deposit Islam dan konvensional
- Melindungi manfaat takaful dan insurans
- Memenuhi mandat kami dengan cara yang efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami

## TERAS STRATEGIK KAMI

- Kecemerlangan operasi
- Tadbir urus yang mantap
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

## OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap
- Persekitaran korporat yang kondusif

## NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

## KANDUNGAN

**Bahagian 1: Pengenalan**

- 6 Profil Korporat
- 8 Sekilas Pandang Tahun 2010
- 11 Sorotan Pencapaian Kami Sejak Penubuhan
- 12 Ringkasan Kewangan
- 15 Perutusan Pengerusi, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
- 20 Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
- 22 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin
- 28 Carta Organisasi
- 29 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- 32 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
- 36 Jawatankuasa Pengurusan

**Bahagian 2: Tadbir Urus Korporat**

- 40 Mengurus Risiko Kami
- 46 Penyataan Tadbir Urus
- 61 Penyataan Kawalan Dalaman

**Bahagian 3: Perbincangan Dan Analisis Pengurusan**

- 68 Persekitaran Operasi Kami
- 68 Kajian Semula Operasi dan Pencapaian Tahun 2010
- 84 Tinjauan Kewangan Tahun 2010
- 92 Ringkasan Rancangan Korporat 2011 – 2013

**Bahagian 4: Penyata Kewangan**

- 96 Laporan Pengarah
- 99 Penyataan Pengarah
- 100 Akuan Berkanun
- 101 Persijilan Ketua Audit Negara
- 102 Penyata Kedudukan Kewangan
- 103 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 104 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab
- 105 Penyata Aliran Tunai
- 106 Dana Insurans Deposit Konvensional – Penyata Kedudukan Kewangan
- 107 Dana Insurans Deposit Konvensional – Penyata Pendapatan Komprehensif
- 108 Dana Insurans Deposit Konvensional – Penyata Aliran Tunai
- 109 Dana Insurans Deposit Islam – Penyata Kedudukan Kewangan
- 110 Dana Insurans Deposit Islam – Penyata Pendapatan Komprehensif
- 111 Dana Insurans Deposit Islam – Penyata Aliran Tunai
- 112 Nota kepada Penyata Kewangan

**Bahagian 5: Tinjauan Keahlian**

- 138 Tinjauan Keahlian Tahun 2010

**Bahagian 6: Artikel**

- 144 Peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan
- 150 Memastikan Kesediaan Operasi dalam Intervensi dan Resolusi Kegagalan

**Bahagian 7: Inisiatif Kesedaran Awam Dan Tanggungjawab Sosial Korporat**

- 158 Inisiatif Kesedaran Awam
- 168 Tanggungjawab Sosial Korporat

**Bahagian 8: Kalendar Peristiwa**

- 172 Kalendar Peristiwa 2010

**Lampiran:**

- 180 Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus
- 182 Piagam Jawatankuasa Ganjaran
- 184 Piagam Jawatankuasa Audit
- 189 Kad Skor Korporat 2011 – 2013
- 192 Senarai Institusi Ahli
- 193 Soalan Lazim
- 197 Glosari Istilah
- 200 Butir-Butir Hubungan

Bahagian 1:  
PENGENALAN

*Memperkukuhkan komitmen yang berterusan  
terhadap amalan terbaik...*



## PENGENALAN PROFIL KORPORAT



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah badan berkanun yang ditubuhkan pada 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). Sebagai bahagian yang penting dalam sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat mereka sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Kami juga diberi mandat untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Institusi ahli kami terdiri daripada semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983, serta semua syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 dan semua pengendali takaful berlesen di bawah Akta Takaful 1984. Pada 1 Februari 2011, keahlian PIDM terdiri daripada 23 bank perdagangan dan 17 bank Islam serta 36 syarikat insurans dan 10 pengendali takaful.

Sistem insurans deposit Malaysia melindungi deposit Islam dan deposit konvensional secara berasingan. Sistem ini dibiayai oleh premium tahunan yang ditaksir terhadap institusi ahli berkaitan dengan deposit Islam dan konvensional, dengan dana-dana ditadbir secara berasingan. Dana Insurans Deposit Islam ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Begitu juga Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibiayai oleh premium tahunan yang ditaksir terhadap institusi ahli berkaitan dengan manfaat takaful dan insurans yang dilindungi. Dengan mandat PIDM yang diperluaskan, kami kini mentadbir enam dana yang berbeza secara berasingan:

1. Dana Insurans Deposit Islam;
2. Dana Insurans Deposit Konvensional;
3. Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga;
4. Dana Perlindungan Insurans Hayat;
5. Dana Perlindungan Takaful Am; dan
6. Dana Perlindungan Insurans Am.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dan pada masa ini, ditadbir oleh tujuh ahli Lembaga Pengarah. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation* di peringkat antarabangsa.

### PERLINDUNGAN KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUHKAN

Di bawah Akta PIDM yang baharu, perlindungan konsumen kewangan di Malaysia telah diperkukuhkan. Berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, had insurans deposit dinaikkan kepada RM250,000 daripada RM60,000 manakala skop perlindungan diperluaskan bagi merangkumi deposit mata wang asing. Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit pada April 2011 akan mengukuhkan lagi sistem insurans deposit. Peraturan-peraturan ini bertujuan memastikan institusi ahli menyediakan kepada pendeposit maklumat yang betul, relevan dan tepat pada masa mengenai perlindungan deposit dan perlindungan bagi produk deposit yang ditawarkan.

Akta PIDM baharu ini memberikan tanggungjawab tambahan kepada PIDM untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Sekiranya berlaku kegagalan mana-mana institusi ahli, PIDM akan bertindak dengan segera bagi membuat pembayaran balik kepada pendeposit dan melindungi pemilik sijil takaful atau polisi insurans serta mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menggalak dan mengekalkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan Malaysia.

### KESTABILAN SISTEM KEWANGAN

Dalam melaksanakan tanggungjawab kami, kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu badan pengawal selia utama. Hubungan kerja kami diberi mandat dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik. Perkongsian kami dengan BNM adalah penting, dan memastikan pertukaran maklumat mengenai institusi kewangan yang tepat pada masa dan kerjasama dalam semua aspek penting aktiviti penilaian dan pemantauan risiko.

PIDM juga melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi institusi ahli untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko mapan. Kami juga diberi kuasa untuk campur tangan lebih awal bagi mengurangkan atau mengelakkan kerugian kepada sistem kewangan, dan kami dilengkapi dengan pelbagai instrumen perundangan untuk mengurus institusi ahli yang menghadapi masalah. Sebagai sebahagian daripada mandatnya, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan bagi memastikan isu berkenaan urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Bagaimanapun, kami perlu bergantung pada pihak berkuasa pengawalseliaan untuk mengambil tindakan pembetulan dengan segera bagi mengurangkan kemungkinan kegagalan institusi ahli. Kuasa intervensi dan resolusi kami membolehkan kami, antara lainnya, memperoleh aset daripada institusi ahli atau menyediakan bantuan kewangan, mengikut kesesuaian. Sebaik sahaja sesebuah institusi ahli ditentukan oleh badan pengawalseliaan sebagai tidak lagi berdaya maju, kami boleh melaksanakan intervensi dan sekiranya perlu, mengambil alih kawalan institusi itu atau mengambil tindakan lain bagi melaksanakan resolusi kos terendah yang sewajarnya.

Komunikasi yang jelas dan tepat pada masa untuk memupuk keyakinan awam terhadap sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah kunci kepada kejayaan kami dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Justeru itu, kami melaksanakan program kesedaran awam dan inisiatif pendidikan pelbagai tahun bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman tentang manfaat perlindungan konsumen kewangan kami.

# PENGENALAN

## SEKILAS PANDANG TAHUN 2010



Sejak penubuhan PIDM pada 2005, kami telah mencatatkan kemajuan ketara dalam membina asas kukuh untuk diiktiraf sebagai penginsurans deposit amalan terbaik.

Fokus utama kami bagi 2010 adalah untuk meneruskan usaha kami meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan pemahaman tentang PIDM, memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi untuk menjalankan intervensi dan resolusi kegagalan bank

serta memantapkan aktiviti penilaian dan pemantauan risiko. Kami juga meneruskan pemantapan amalan tadbir urus kami dan memulakan inisiatif bagi membangunkan tenaga kerja dalam kecekapan teras.

Kami mencapai inisiatif-inisiatif utama mengikut rancangan dan melaksanakan dua inisiatif utama yang tidak dirancang. Kesemua inisiatif ini disempurnakan mengikut pelan kewangan yang diluluskan.

### SOROTAN PENCAPAIAN KAMI PADA 2010

#### Pemegang Kepentingan

- Melancarkan secara rasmi Projek PIDM MoneySmart, satu program pendidikan bagi pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia.
- Melaksanakan Program Biasiswa pelbagai tahun.
- Menyertai Mesyuarat Tiga Pihak antara PIDM, Agensi Perlindungan Deposit Thailand (*Deposit Protection Agency (DPA) Thailand*) dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia.
- Membangunkan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.
- Terus bergiat aktif dalam aktiviti Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*) serta menganjur dan menjadi tuan rumah bagi lawatan sambil belajar oleh penginsurans deposit lain.

#### Tadbir Urus dan Proses Dalaman

- Mengadakan dua sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan mengesyorkan pelantikan dua Pengarah baharu kepada Lembaga Pengarah.
- Membangunkan dan melaksanakan tiga Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah, iaitu Polisi Risiko Kuasa Insurans, Polisi Risiko Pasaran dan Polisi Risiko Mudah Tunai.
- Menjalankan Kaji Selidik Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Ujian Pematuhan yang pertama.
- Menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education – FIDE*) dan penubuhan sebuah syarikat yang dihadkan oleh jaminan bagi Alumni FIDE.
- Membangunkan Rangka Kerja dan Peraturan-peraturan Sistem Premium Berbeza.
- Membangunkan Fasa 1 Sistem Amaran Awal.
- Meneruskan pembangunan polisi, proses dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank yang lebih terperinci.
- Menjalankan latihan simulasi pertama Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank.
- Melaksanakan Portal Enterpris Korporat.
- Menjalankan latihan bagi menguji Pelan Kesenambungan Urusan.

## PENGENALAN

### SEKILAS PANDANG TAHUN 2010

#### SOROTAN PENCAPAIAN KAMI PADA 2010

##### Pembelajaran dan Pembangunan

- Meneruskan pembangunan tenaga kerja kakitangan menerusi analisis keperluan Pembelajaran dan Pembangunan yang menyeluruh.
- Menjalankan dua latihan kakitangan korporat bagi Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Pelan Kontigensi dan dua opsyen langkah resolusi.
- Meneruskan pelaksanaan model kecekapan dan rangka kerja perancangan penggantian termasuk peluang pembangunan rentas-fungsi.
- Mengajukan sesi kerja berpasukan di luar pejabat buat pertama kalinya bagi kakitangan.
- Memindahkan pejabat kami ke Quill 7, Kuala Lumpur Sentral.

##### Pencapaian Utama

- Susulan pengumuman Menteri Kewangan pada Mei 2010 mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan, kami:
- Membangunkan dan melaksanakan pakej peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan mengesyorkan Akta baharu, yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, untuk menggantikan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) 2005, termasuk peraturan-peraturan yang diperlukan; dan
  - Menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

##### Pengiktirafan Luar

- Penerima "Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) 2010 bagi Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan PIDM 2009.

## PENGENALAN

### SOROTAN PENCAPAIAN KAMI SEJAK PENUBUHAN

2005

#### Pemegang Kepentingan

- Memulakan operasi Pusat Panggilan, mewujudkan Laman Sesawang Korporat serta menerbit dan mengedarkan tanda keahlian, brosur dan buku panduan.

#### Tadbir Urus

- Akta PIDM 2005 berkuat kuasa pada 11 Ogos 2005.
- Menubuhkan Lembaga Pengarah terdiri daripada semua Pengarah Bukan Eksekutif.
- Menubuhkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Tadbir Urus dan Jawatankuasa Ganjaran.
- Menteri Kewangan melantik Ketua Pegawai Eksekutif pada 30 Ogos 2005.
- Membentuk struktur organisasi dan pelaporan dan rangka kerja PIDM.
- Menerbitkan Rancangan Korporat 2006-2008 pertama kami kepada Menteri Kewangan sebelum tarikh akhir berkanun pada 31 Mac 2006.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif.

2006

#### Pemegang Kepentingan

- Memeterai Perjanjian Perikatan Strategik dengan Bank Negara Malaysia (BNM).
- Menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Eksekutif IADI.
- Menggalakkan kesedaran awam menerusi pelbagai aktiviti.

#### Tadbir Urus

- Melaksanakan polisi tadbir urus utama termasuk Kod Etika dan Tata Laku Urusan, Polisi Pendedahan Maklumat berkaitan Salah Laku di Tempat Kerja dan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.
- Merangka rangka kerja dan konsep utama termasuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko organisasi.
- Menubuhkan jawatankuasa pengurusan, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti dan Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat.
- Membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus Teknologi Maklumat.
- Mengemukakan Laporan Tahunan 2005 pertama kami kepada Menteri Kewangan sebelum tarikh akhir berkanun pada 31 Mac 2006.

#### Proses Dalaman

- Membangunkan rangka kerja utama bagi aktiviti penilaian dan pemantauan risiko serta pembayaran balik deposit.
- Memulakan pembangunan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza.
- Mengeluarkan Garis Panduan bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Garis Panduan mengenai Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama.
- Melaksanakan sistem perakaunan yang baharu dan menyeluruh.
- Membangunkan Polisi Komunikasi.

#### Pengiktirafan Luar

- Penginsurans deposit pertama yang diterima sebagai ahli sekutu dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board – IFSB*).

2007

#### Pemegang Kepentingan

- Menumpukan usaha kepada aktiviti meningkatkan kesedaran awam termasuk mengadakan Pameran Kewangan Malaysia 2007 dan mengajukan Persidangan Tahunan IADI keenam.
- Melaksanakan Fasa 1 Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007-2011 kami termasuk program Capaian Korporat pertama dan Minggu Kesedaran Insurans Deposit.

#### Tadbir Urus

- Menjalankan empat sesi Pendidikan Lembaga Pengarah dan program Orientasi Lembaga Pengarah.
- Membentuk rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi.
- Membangunkan Rangka Kerja Pematuhan Korporat.
- Membangunkan rangka kerja pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah.

#### Proses Dalaman

- Melaksanakan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko.
- Membentuk rangka kerja pengurusan komunikasi krisis.
- Menubuhkan Pusat Data Teknologi Maklumat.

#### Pembelajaran dan Pembangunan

- Membentuk rangka kerja pengurusan penggantian bagi Pengurusan.
- Menjalankan tinjauan pendapat kakitangan kali pertama.
- Melaksanakan mekanisme maklum balas menyeluruh bagi Pengurusan.
- Membentuk Polisi bagi Gangguan Di Tempat Kerja.
- Menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.
- Mengajukan Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam Tahunan sulung PIDM.
- Memindahkan pejabat kami ke Bangunan 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral.

#### Pengiktirafan Luar

- Penerima Anugerah "Sijil Merit" bagi Laporan Tahunan 2006 oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional.

2008

#### Pemegang Kepentingan

- Mengajukan seminar insurans deposit Islam antarabangsa yang pertama.
- Meneruskan pelaksanaan Fasa 2 Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007-2011.

#### Tadbir Urus

- Mengadakan tiga sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman.
- Melaksanakan perancangan audit dan pengauditan berasaskan risiko.

#### Proses Dalaman

- Melaksanakan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza.
- Mengeluarkan Peraturan-Peraturan bagi Terma dan Syarat-Syarat Keahlian dan Sistem Premium Berbeza.
- Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko.
- Membangunkan Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank.
- Memulakan pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit.
- Mengendalikan pemantapan infrastruktur IT.

#### Pembelajaran dan Pembangunan

- Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja dan Model Kecekapan.
- Melaksanakan analisis keperluan Pembelajaran dan Pembangunan serta Program Pengiktirafan dan Ganjaran

#### Pencapaian Lain

- Membangunkan rangka kerja untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.
- Membangun dan melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education – FIDE*) bersama dengan BNM.
- Dilantik sebagai ahli Majlis Eksekutif, badan pentadbir bagi IADI.
- Ketua Pegawai Operasi PIDM (sekarang) mengetahui dan mengengerusikan Kumpulan Insurans Deposit Islam IADI.

#### Pengiktirafan Luar

- Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dalam Kategori Berkanun Persekutuan oleh Jabatan Audit Negara.
- Dicalonkan bagi Anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik Tahun 2008"
- Penerima Anugerah "Sijil Merit" bagi Laporan Tahunan 2007 oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional.

2009

#### Pemegang Kepentingan

- Menyertai Mesyuarat Lembaga Pengarah Tiga Pihak antara PIDM, *Deposit Protection Agency Thailand* dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia.
- Mengajukan seminar insurans deposit Islam antarabangsa yang kedua.
- Membangunkan Program Biasiswa untuk pengajian ijazah sarjana muda.

#### Tadbir Urus

- Mengadakan dua sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Menyediakan hubungan pelaporan Ketua Pegawai Risiko kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit.
- Menjalankan penilaian sendiri bagi keberkesanan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Korporat.
- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah jangka panjang.

#### Proses Dalaman

- Memulakan pembangunan proses, polisi dan prosedur yang terperinci bagi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank.
- Melaksanakan Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit.
- Membangunkan Dana Sasaran dan Rangka Kerja Peruntukan.
- Melaksanakan Polisi Klasifikasi Maklumat dan Polisi dan Prosedur bagi Pendedahan Umum Maklumat.
- Melaksanakan Proses Pengesahan Juruaudit Luar bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dikemukakan oleh institusi ahli.
- Mengendalikan pemantapan infrastruktur rangkaian dan keselamatan IT.
- Membangunkan Pelan Kesenambungan Urusan, dan Pelan Tindakan Jerebu dan Penyakit Berjangkit.

#### Pembelajaran dan Pembangunan

- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian pengurusan kanan utama.

#### Pencapaian Lain

- Membentangkan Perundangan Insurans Penstabilan di Parlimen yang berkuat kuasa pada Januari 2010.


#### Pengiktirafan Luar

- Dicalonkan bagi Anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik Tahun 2009".
- Penerima "Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2009 bagi Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2008.


# PENGENALAN

## RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI LIMA TAHUN PIDM


PENDAPATAN PREMIUM




PENDAPATAN PELABURAN




KOS OPERASI




LEBIHAN BERSIH




ASET




DANA INSURANS DEPOSIT



JUMLAH DEPOSIT DIINSURANSKAN



JUMLAH DEPOSIT



BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER	2010	2009	2008 RM Juta	2007	2006
<b>BUTIRAN PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPILIH</b>					
<b>Pendapatan Premium</b>	<b>105.7</b>	<b>131.8</b>	<b>90.0</b>	<b>110.1</b>	<b>102.1</b>
Konvensional	90.7	109.2	76.0	98.5	92.7
Islam	15.0	22.6	14.0	11.6	9.4
<b>Pendapatan Pelaburan</b>	<b>9.3</b>	<b>7.6</b>	<b>8.5</b>	<b>5.8</b>	<b>2.8</b>
Konvensional	8.1	6.7	7.5	5.2	2.6
Islam	1.2	0.9	1.0	0.6	0.2
<b>Perbelanjaan Operasi</b>	<b>54.2</b>	<b>44.9</b>	<b>34.5</b>	<b>27.1</b>	<b>15.0</b>
<b>Lebih Bersih</b>	<b>60.8</b>	<b>94.5</b>	<b>64.0</b>	<b>88.8</b>	<b>89.9</b>
<b>BUTIRAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN TERPILIH</b>					
<b>Jumlah Aset</b>	<b>438.0</b>	<b>375.9</b>	<b>276.8</b>	<b>215.1</b>	<b>127.0</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>7.3</b>	<b>6.0</b>	<b>1.5</b>	<b>3.8</b>	<b>4.5</b>
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>	<b>430.7</b>	<b>369.9</b>	<b>275.3</b>	<b>211.3</b>	<b>122.5</b>
Konvensional	374.6	320.9	243.0	190.4	111.2
Islam	56.1	49.0	32.3	20.9	11.3
<b>Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit Dan Liabiliti</b>	<b>438.0</b>	<b>375.9</b>	<b>276.8</b>	<b>215.1</b>	<b>127.0</b>
<b>Kadar Pertumbuhan Kumpulan Dana Insurans Deposit (%)</b>	<b>16.4%</b>	<b>34.3%</b>	<b>30.3%</b>	<b>72.5%</b>	<b>276.4%</b>
<b>BAGI TAHUN TAKSIRAN</b>					
<b>Jumlah Deposit Diinsuranskan*</b>	<b>207.6</b>	<b>201.5</b>	<b>191.0</b>	<b>178.8</b>	<b>165.2</b>
<b>Kadar Pertumbuhan Deposit Diinsuranskan (%)</b>	<b>3.0%</b>	<b>5.5%</b>	<b>6.8%</b>	<b>8.2%</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah Deposit*</b>	<b>1,033.0</b>	<b>900.9</b>	<b>822.0</b>	<b>769.6</b>	<b>662.0</b>
<b>Kadar Pertumbuhan Deposit (%)</b>	<b>14.7%</b>	<b>9.6%</b>	<b>6.8%</b>	<b>16.3%</b>	<b>3.3%</b>

\* Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Deposit bagi tahun taksiran 2010 merujuk kepada paras deposit pada 31 Disember 2009 kerana penaksiran premium tahunan adalah berdasarkan tahap deposit yang dipegang oleh bank-bank ahli pada 31 Disember tahun sebelumnya.

# PENGENALAN

## MASA DEPAN



Rancangan Korporat 2011–2013 kami menetapkan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan yang berfungsi sebagai pelan hala tuju bagi memenuhi mandat kami dengan efektif dan merealisasikan visi kami untuk diiktiraf sebagai penginsurans dengan amalan terbaik.

Secara ringkasnya, kami meneruskan pembangunan kesediaan Perbadanan dari segi keseluruhan kapasiti dan

keupayaan, memupuk kesedaran awam yang bertumpu kepada pendeposit dan pemilik polisi serta berusaha memantapkan operasi kami dengan efisien dan efektif. Khususnya, kami akan menumpukan sumber-sumber kami terhadap pelaksanaan dan penyediaan penuh Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta meneruskan usaha kami bagi menyempurnakan inisiatif tertentu berkaitan sistem insurans deposit.



## PERUTUSAN PENGERUSI

### TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

Bermula di Amerika Syarikat berikutan Zaman Kemelesetan Besar 1933, sumbangan sistem insurans deposit terhadap keyakinan awam dan kestabilan sistem kewangan telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Keyakinan awam inilah yang membolehkan bank-bank berfungsi dengan berkesan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Setakat 31 Januari 2010, 106 negara telah memperkenalkan beberapa bentuk perlindungan insurans deposit yang eksplisit – daripada 12 pada tahun 1974. Sejumlah 19 lagi negara sedang mengkaji atau mempertimbangkan sistem insurans deposit yang eksplisit.<sup>1</sup>

Sebagai respons awal pencegahan kepada krisis kewangan baru-baru ini, satu kaji selidik antarabangsa menunjukkan bahawa 48 bidang kuasa telah mengorak dasar untuk meningkatkan perlindungan pendeposit. Daripada 48 bidang kuasa tersebut, 29 bidang kuasa telah mengorak langkah menyediakan jaminan pendeposit penuh sementara atau peningkatan sementara dalam tahap perlindungan insurans deposit manakala 19 bidang kuasa lagi telah menyediakan jaminan pendeposit penuh. Sejumlah 17 bidang kuasa telah mengumumkan tarikh akhir yang kebanyakannya pada tahun 2010 atau 2011. Di rantau Asia, Malaysia, Singapura dan Hong Kong, yang telah menubuhkan kumpulan kerja tiga pihak untuk menentukan strategi terselaras bagi pengakhiran jaminan pendeposit penuh, telah dengan jayanya beralih daripada jaminan tersebut pada penghujung tahun 2010, mengikut jadual.<sup>2</sup>

Yang menariknya, sesuatu yang muncul daripada Zaman Kemelesetan Besar sebagai perlindungan bagi sekumpulan kecil pendeposit, muncul sebagai langkah awal pencegahan yang diambil untuk memantapkan rangka kerja kestabilan kewangan ketika era Kemelesetan Besar Amerika Syarikat baru-baru ini.

#### PENGALAMAN MALAYSIA

Tahun 2010 merupakan ulang tahun kelima penubuhan PIDM. Dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia baharu (Akta PIDM) yang membawa kita ke penghujung satu era diikuti permulaan satu era baharu, saya berasa adalah perlu untuk mengimbas kembali sejauh mana tahap perkembangan kita sejak penubuhan pada tahun 2005.

Sejajar dengan saranan amalan terbaik, perancangan dibuat dengan teliti dalam Pelan Induk Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia bahawa PIDM ditubuhkan ketika sistem perbankan Malaysia dalam keadaan kukuh dan persekitaran institusinya mantap. Tugas kami adalah untuk melaksanakan mandat yang diberikan kepada kami dengan pantas dan berkesan, dan dalam pengenalan Akta, ia mengenalpasti demi kepentingan awam, keperluan peruntukan khas untuk memberi kuasa kepada Perbadanan bagi melaksanakan tindakan resolusi dengan segera pada kos yang minimum kepada sistem kewangan.

Oleh itu, pada tahun-tahun awal penubuhannya, PIDM menetapkan keutamaan pembinaan asas-asas kami dengan membangunkan amalan tadbir urus dan pengurusan yang kukuh serta kesediaan operasi bagi memastikan kredibiliti kami dan keyakinan awam terhadap PIDM sebagai pihak berkuasa berkanun. Kami juga berusaha dengan gigih ke arah mengurangkan pengambilan risiko berlebihan oleh

<sup>1</sup> Sistem insurans deposit, Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*), boleh didapati di <http://www.iadi.org/di.aspx>

<sup>2</sup> Laporan kepada Lembaga Kestabilan Kewangan – Nota daripada kakitangan IADI dan Dana Monetari Antarabangsa (*International Monetary Fund – IMF*) berkenaan Maklumat Terkini mengenai Pengakhiran Insurans Deposit Sementara, Jun 2010

## PENGENALAN

### PERUTUSAN Pengerusi

institusi-institusi ahli, dengan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar menerusi sistem premium berbeza dan menggalakkan tadbir urus korporat yang dimantapkan di kalangan institusi, termasuk menerusi pelancaran Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan bersama Bank Negara Malaysia.

Krisis kewangan global baru-baru ini dengan kebimbangan umum terhadap derivatif dan perbankan bayangan, mewujudkan pelbagai respons dasar di seluruh dunia secara mendadak, dengan tahap keamatan dan skop yang berbeza-beza, untuk menangani isu-isu kestabilan kewangan. Tidak banyak negara terkecuali daripada merasai impak semasa tempoh ini, termasuk Malaysia.

Walaupun wujud persekitaran perbankan tempatan yang pada dasarnya kukuh, kesan krisis kewangan antarabangsa bagaimanapun membawa kepada respons dasar di Malaysia (dan di rantau ini) dan seterusnya perubahan dalam skop mandat asal kami. Susulan Jaminan Deposit Kerajaan 2008 - 2010, undang-undang kini membenarkan Menteri Kewangan (atas cadangan PIDM) memberikan jaminan Kerajaan dalam situasi luar biasa dan ketika tempoh jaminan tersebut, PIDM akan mentadbir jaminan ini bagi pihak Kerajaan dengan kuasa intervensi dan resolusi yang diperlukan.

Sejak 31 Disember 2010, dan bersempena dengan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan 2008 - 2010:

- PIDM telah diberi tanggungjawab baharu untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans, dengan kuasa statutori yang sewajarnya;
- perlindungan insurans deposit telah diperluaskan untuk merangkumi deposit mata wang asing; dan
- had deposit yang diinsuranskan telah dinaikkan kepada RM250,000 bagi setiap pendeposit bagi setiap bank ahli.

Ketika dunia melangkah ke hadapan untuk menangani kekurangan dalam struktur pengawalseliaan kewangan dan memantapkan undang-undang bagi menangani krisis, Malaysia juga mengambil langkah yang sama, dengan penguatkuasaan Akta Perbankan Pusat 2009 dan Akta PIDM yang baharu dengan serta-merta. Akta PIDM yang baharu mengemas kini perundangan kami sebelum ini, yang mana relevan, dan memberikan kami keupayaan untuk menangani isu-isu sama yang turut dihadapi oleh bidang-bidang kuasa lain baru-baru ini. Antara langkah lain yang diperkenalkan, Akta PIDM yang baharu telah memperluaskan kuasa kami untuk melaksanakan resolusi ke atas institusi bermasalah dengan teratur, khususnya dengan pengenalan langkah institusi perantara.

Bagi skim pampasan insurans, saya perhatikan bahawa terdapat sebilangan negara di Eropah dan Asia yang mempunyai skim pampasan insurans untuk melindungi pemegang polisi, dan terdapat pelbagai skim sedemikian di negeri-negeri berlainan di Amerika Syarikat. Daripada 27 negara Kesatuan Eropah, 13 negara melaksanakan

sekurang-kurangnya satu skim pampasan insurans. Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan United Kingdom dan Perbadanan Insurans Deposit Korea merupakan pentadbir bagi kedua-dua skim insurans deposit dan skim pampasan insurans. Pada tahun 2010, berikutan pengalaman dengan sebuah syarikat insurans tertentu semasa krisis global, Singapura juga mencadangkan penubuhan skim sedemikian.

Oleh itu, peristiwa di serata dunia telah memantapkan perlindungan sistem insurans deposit negara ini yang masih baharu ke tahap pembangunan yang mencerminkan kemajuan skim deposit dan perlindungan lain di seluruh dunia.

#### **MEMBINA BERDASARKAN PENCAPAIAN MASA LALU DEMI KESTABILAN MASA HADAPAN**

Pembaharuan dan langkah-langkah lain yang diambil untuk memperkukuh jaringan keselamatan kewangan negara merupakan langkah penting ke arah infrastruktur kewangan dan pengawalseliaan yang lebih teguh dalam industri kewangan Malaysia bagi dunia masa hadapan.

Dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami berharap ini akan membantu mengimbangkan kepentingan dan keutamaan antara sektor perbankan dan insurans. Secara khusus, kami merancang untuk membangunkan dan melaksanakan insentif pengurusan risiko yang wajar bagi ahli penginsurans, sama seperti yang dilaksanakan terhadap bank-bank ahli. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans juga bermatlamat mengurangkan penularan risiko kepada syarikat-syarikat insurans lain dan keseluruhan sistem kewangan, dengan menggalakkan keyakinan pelanggan. Nyata terdapat manfaat bagi semua.

Saya percaya, peristiwa di peringkat antarabangsa dan tempatan yang telah saya sebutkan sebelum ini, menangani kebimbangan mereka yang mempersoalkan kepentingan perlindungan pendeposit dan sistem-sistem yang serupa – terutamanya dalam keadaan ekonomi yang kukuh.

Sudah tentunya, saya ingin menegaskan bahawa sekadar wujudnya satu sistem perlindungan pendeposit (atau pemilik polisi insurans) adalah tidak mencukupi, malah sistem ini haruslah berkesan. Reka bentuk jaringan keselamatan kewangan juga perlu mengambil kira pengurusan isu-isu bahaya moral serta imbalan yang sesuai dalam reka bentuk dan pelaksanaannya. Ini bermakna terdapat aspek-aspek berikut:

- insentif yang mencukupi disediakan kepada institusi ahli bagi mengelakkan aktiviti yang meningkatkan risiko secara berlebihan yang memudaratkan pendeposit atau pemilik polisi insurans;
- pengawalseliaan berhemat dan pemantauan perundangan ke atas institusi ahli, serta penyelarasan yang baik di kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan; dan

- keupayaan bertindak dengan segera bagi melaksanakan intervensi atau resolusi terhadap institusi bermasalah, dan mekanisme peralihan keluar yang berkesan bagi pembubaran hal ehwal institusi yang gagal dengan menyediakan orang ramai dengan akses kepada wang diinsuranskan agar kestabilan dan keyakinan dalam sistem kewangan terus dikekalkan dan memperkukuh kestabilan sistemik.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sesetengah ciri-ciri reka bentuk ini telah dimantapkan dalam Akta PIDM yang baharu. Pada masa yang sama, saya ingin membuat petikan daripada kata-kata Winston Churchill, iaitu, "Sering kali adalah lebih mudah untuk menemui dan menyatakan prinsip-prinsip umum daripada mempraktikkannya (terjemahan)." Oleh itu, setelah mewujudkan reka bentuk yang sesuai dan rangka kerja yang berkesan bagi sistem insurans deposit, adalah penting kita menumpukan usaha terhadap pelaksanaan praktikal aspek-aspek yang penting bagi pencapaian mandat dengan jayanya. Oleh yang demikian, pembinaan asas dan pelaksanaan operasi sistem kita menjadi tumpuan utama Perbadanan sejak penubuhannya kira-kira lima tahun lalu, dengan objektif utama bagi mencapai tahap kesediaan untuk berhadapan dengan apa jua kemungkinan secara efisien dan efektif.

Saya amat sukacita untuk melaporkan bahawa kami meneruskan usaha kami dalam hala tuju ini pada 2010, dan saya amat berbesar hati untuk menyampaikan Laporan Tahunan ini yang memperincikan kemajuan yang telah kami capai pada 2010.

#### **KESIMPULAN**

Di samping keperluan untuk terus memajukan inisiatif kami dalam sistem insurans deposit, mandat kami yang diperluaskan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans membawa bersamanya institusi ahli baharu, industri baharu dan cabaran baharu. Berdasarkan pemerhatian saya sehingga kini, saya yakin bahawa Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kami, bersama peserta jaringan keselamatan dan rakan strategik kami, mempunyai keupayaan untuk menangani cabaran-cabaran ini. Fokus utama Lembaga Pengarah pada 2010 – dan melangkah ke hadapan ke tahun 2011 – adalah untuk memastikan kesinambungan kepimpinan agar kita terus maju ke arah mencapai visi kami tanpa halangan.


Sebelum mengakhiri perutusan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua mantan Pengarah kami, Tan Sri Sulaiman Mahbob dan Encik Michael Wong Kuan Lee, yang telah bersara pada bulan Ogos 2010. Kami menghargai jasa dan sumbangan mereka dalam bentuk wawasan strategik, kearifan, usaha gigih dan dedikasi ketika berkhidmat dengan Perbadanan. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengalu-alukan ahli Lembaga Pengarah yang baharu dari sektor awam, Dato' Halimah binti Esa, dan ahli Lembaga Pengarah yang baharu dari sektor swasta, Encik Lim Tian Huat, yang kedua-duanya menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Ogos 2010.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan kerja dalam Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan kakitangan atas sokongan berdedikasi kepada saya sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah serta komitmen yang diberikan demi pencapaian Perbadanan. Mereka telah berusaha dengan gigih ke arah usaha penambahbaikan yang berterusan. Bagi pihak Perbadanan, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pengarah-pengarah *ex officio* kami, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, atas jasa dan sumbangan mereka khususnya ke arah peralihan yang lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan 2008 - 2010.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan sekerja dari Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia, atas kesudian menjadi tuan rumah mesyuarat tiga pihak yang produktif di Jakarta bersama *Deposit Protection Agency Thailand* pada September lalu. Mesyuarat tersebut berakhir dengan majlis memeterai memorandum persefahaman bagi perkongsian pengetahuan di kalangan tiga penginsurans deposit serantau tersebut, dan kami berharap kerjasama ini akan berterusan. Saya juga ingin memaklumkan mengenai usaha penyelarasan serantau bersama Singapura dan Hong Kong baru-baru ini bagi memastikan peralihan lancar daripada perlindungan deposit menyeluruh kepada skim perlindungan terhad, sebagai contoh manfaat kerjasama serantau.

Setelah mengimbas kembali pencapaian sepanjang lima tahun yang lalu, saya harus membuat kesimpulan bahawa tempoh masa ini adalah luar biasa dalam bidang perlindungan pengguna kewangan dan pengawalseliaan kestabilan kewangan. Sesungguhnya saya juga merakamkan penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik J. P. Sabourin, kerana tanpa sumbangan beliau, cabaran-cabaran selama beberapa tahun ini tidak mungkin dapat kami harungi dengan jayanya.

Sekalung tahniah untuk semua!



TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

PENGENALAN  
LEMBAGA PENGARAH

**Dari kiri ke kanan:**

Encik George Anthony David Dass, Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz,  
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Dato' Halipah binti Esa, Encik Lim Tian Huat



# PENGENALAN

## LEMBAGA PENGARAH: AHLI DAN PROFIL

### TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA

*Pengerusi*

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dilantik menyertai Lembaga Pengarah PIDM pada 15 Ogos 2005 sebagai Pengerusi, dan tempoh pelantikannya diteruskan sehingga 14 Ogos 2011.

Sebagai seorang Akauntan Bertauliah, beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan dan telah memegang pelbagai jawatan dalam sektor awam dan swasta. Beliau berkhidmat selama 16 tahun di Bank Negara Malaysia, termasuk sebagai Gabenor dari tahun 1980 hingga 1985. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terbitan Modal dan rakan kongsi Tetuan Kassim Chan & Co/Deloitte Haskins & Sells Malaysia, ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing, Majlis Perancangan Pembangunan Kebangsaan, Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance dan Perbadanan Nasional Berhad.

### TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia, merupakan seorang daripada dua ahli *ex officio* Lembaga Pengarah.

Beliau telah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sejak 1985, dan kerjaya beliau meliputi pelbagai jawatan kanan dalam polisi monetari dan kewangan serta pengurusan rizab. Dr. Zeti mengengeruskan penggubalan Pelan Induk Sektor Kewangan, pelan 10 tahun bagi pembangunan sistem kewangan Malaysia. Sebagai Gabenor, beliau turut menyelia transformasi sistem kewangan melibatkan transformasi kewangan yang meluas, penubuhan institusi kewangan baharu, pengukuhan pasaran kewangan dan peralihan kadar pertukaran ringgit kepada apungan terurus. Beliau juga terlibat dalam memupuk kerjasama kewangan serantau dan pembangunan kewangan Islam antarabangsa.

Dalam menggalakkan inisiatif integrasi serantau, Dr. Zeti mengengerusi Mesyuarat Eksekutif Pasukan Petugas Khas Bank-Bank Pusat Asia Pasifik Timur (*Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks - EMEAP*) mengenai "Kerjasama Serantau di kalangan Bank-Bank Pusat di Asia" untuk merangka pelan tindakan bagi kerjasama kewangan masa depan di rantau ini. Dr. Zeti merupakan ahli Lembaga Gabenor *South East Asian Central Banks* (SEACEN) dan Pengerusi Lembaga Pengarah SEACEN. Beliau juga adalah ahli Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat *Bank for International Settlements* (BIS) sejak 2001. Dr. Zeti juga merupakan salah seorang ahli pengasas Majlis Perundingan Asia BIS dan menjadi Pengerusi Majlis dari 2008-2010.

Dr. Zeti menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Pennsylvania.

### TAN SRI DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sejak 28 Februari 2007 dan memegang jawatan ahli *ex officio* dalam Lembaga Pengarah PIDM.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 34 tahun dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang perancangan ekonomi.

Beliau memulakan kerjaya di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 1975, menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi makro, sumber manusia dan sektor tenaga. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Bergilir) bagi World Bank Group di Washington DC dan mewakili beberapa negara Asia. Beliau kemudiannya kembali ke Malaysia dan berkhidmat di Kementerian Kewangan, dan pada 2007 beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Ketika ini, beliau menjadi ahli lembaga pengarah di pelbagai organisasi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysia Airlines System Berhad, Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), MISC Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Cyberview Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd. dan Bank Negara Malaysia. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz menerima Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi dari University of Leeds, United Kingdom.

### TAN SRI DATO' SRI DR. SULAIMAN MAHBOD

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PIDM sejak 15 Ogos 2005 dan tempoh pelantikannya berakhir pada 14 Ogos 2010.

Tan Sri Sulaiman pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perancangan ekonomi, kewangan awam, dasar awam dan keseluruhan pengurusan ekonomi nasional. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 33 tahun dari tahun 1971 hingga 2004 dalam pelbagai jawatan, termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Rendah (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di UPE semasa krisis kewangan dari tahun 1998 hingga 2001. Pelantikannya sebelum ini juga termasuk sebagai presiden Institut Integriti Malaysia, agensi yang ditubuhkan untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional, Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Malaysia International Shipping Corporation Berhad, Padiberas Nasional Berhad dan Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS).

Pada masa ini, beliau ialah Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Beliau juga merupakan Profesor Adjung (Ekonomi) di Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia (Pengurusan Sektor Awam dan Undang-Undang) dan baru-baru ini dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia pada 16 November 2009.

### DATO' HALIPAH BINTI ESA

Dato' Halipah binti Esa dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 dan tempoh pelantikan adalah sehingga 15 Ogos 2013.

Beliau memulakan kerjaya dalam sektor awam di Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri pada 1973. Semasa tempoh perkhidmatannya di UPE, beliau berkhidmat dalam pelbagai bidang seperti infrastruktur, bekalan air, sumber tenaga, kesihatan, pendidikan, perumahan, telekomunikasi, perkhidmatan bandar, ekonomi makro, ekonomi antarabangsa, alam sekitar dan pembangunan serantau. Beliau telah menyandang pelbagai jawatan kanan di UPE sebelum persaraan sebagai Ketua Pengarah pada 2006. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha.

Ketika ini, beliau merupakan Pengerusi Cagamas SME Bhd. dan ahli lembaga pengarah di MISC Berhad, KLCC Property Holdings Berhad, Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MHB), Northport (Malaysia) Bhd. dan Pusat Resolusi Pertikaian Industri Sekuriti. Beliau sebelum ini merupakan Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad dan juga ahli lembaga pengarah UDA Holdings Berhad, Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Beliau pernah menjadi pakar perunding untuk Bank Dunia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dalam memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Diraja Arab Saudi mengenai perancangan ekonomi, dan juga pernah menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada agensi-agensi perancangan di Vietnam, Kemboja, Indonesia dan beberapa negara Afrika.

Dato' Halipah menerima Ijazah Sarjana Muda Kesenian (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau juga memegang Sijil Pengurusan Ekonomi Lanjutan daripada IMF Institute, Washington dan Kiel Institute for World Economics, Jerman serta Sijil Program Pengurusan Lanjutan daripada Adam Smith Institute, London.

### DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2005 dan tempoh pelantikan adalah sehingga 14 Ogos 2011.

Sebagai seorang Felo di Institute of Chartered Accountants di Australia, beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan. Beliau memegang jawatan Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Malaysia Venture Capital Management Bhd. dan Malaysia Debt Ventures Bhd. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Felda Holdings Berhad, Felda Global Ventures Bhd. dan TH Plantations Berhad. Beliau juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Pada 2006, Datuk Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa dalam bentuk Anugerah Pencapaian di Asia oleh Association of Chartered Certified Accountants.

### ENCIK MICHAEL WONG KUAN LEE

Encik Michael Wong Kuan Lee dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2005 dan tempoh pelantikannya berakhir pada 14 Ogos 2010.

Beliau pernah menjadi rakan kongsi firma guaman, Tetuan Shook Lin & Bok, selama 23 tahun, dan berkhidmat sebagai Rakan Kongsi Pengurusan selama 19 tahun sebelum bersara daripada praktik ini pada Disember 1991.

Beliau berpengalaman luas sebagai peguam korporat dan komersial serta pernah berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa termasuk bank-bank, bank pelaburan, firma pengurusan aset dan sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank di Malaysia. Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan sektor awam, termasuk sebagai ahli kepada Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Kolej Tunku Abdul Rahman. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Bank Negara Malaysia dan ahli Dewan Negara atas pelantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari tahun 1977 hingga 1981.

### ENCIK GEORGE ANTHONY DAVID DASS

Encik George Anthony David Dass dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 3 Februari 2009 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 2 Februari 2012.

Beliau pernah menjadi rakan kongsi di firma guaman, Shahrizat, Rashid & Lee (sebelum ini dikenali sebagai Rashid & Lee), melebihi 25 tahun. Beliau mempunyai kepakaran yang luas dalam pemindahhakan, perbankan, pembinaan, usaha sama, penswastaan, kontrak dan undang-undang korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah beberapa syarikat senaraian awam dan sebagai Pengarah Lembaga Utama di Costain PLC, salah sebuah syarikat pembinaan yang tertua di UK, antara 1997 dan 2000. Pada masa ini, beliau meneruskan penglibatan dalam bidang khidmat pakar runding setelah bersara daripada praktik perundangan yang aktif pada Disember 2004.

Encik Dass menjadi ahli Majlis Peguam di Malaysia pada 1971 dan memulakan kerjaya perundangannya di firma guaman Ng Ek Teong & Partners. Pada 1975, beliau mula berkhidmat di Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai Universiti Institut Teknologi MARA atau UiTM) sebagai pensyarah undang-undang. Pada Jun 1977, beliau melanjutkan pelajaran ke London dalam Sarjana Undang-Undang dan kemudiannya, bergiat semula dalam praktik perundangan pada 1979.

Encik Dass memegang Ijazah Sarjana Muda Perundangan dari University of Singapore dan Sarjana Perundangan (LL.M) dari Kings College, University of London. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah di United Bintang Berhad dan Montfort Boys Town serta bekas Presiden Kelab Rotary Damansara.

### ENCIK LIM TIAN HUAT

Encik Lim Tian Huat dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 15 Ogos 2013.

Beliau ialah Rakan Kongsi Pengurusan Lim Tian Huat & Co., Akauntan Bertauliah dan seorang juruaudit dan pembubar berlesen. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Majlis Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan juga ahli Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA). Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Muda Kesenian (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang penstrukturan semula korporat, pemulihan dan insolvensi. Beliau dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri sebagai ahli Corporate Law Reform Committee (CLRC) di bawah skop kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Suruhanjaya Pampasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh lima tahun dari 1998 hingga 2002 dan menjadi penulis bersama buku berjudul "Undang-Undang dan Amalan Penerimaan (*Receivership*) Korporat di Malaysia dan Singapura".

Encik Lim pernah menjadi rakan kongsi Ernst & Young (2002-2009) dan Arthur Andersen & Co. (1990-2002). Beliau merupakan Presiden pertama Persatuan Ahli Praktik Insolvensi Malaysia (*Insolvency Practitioners Association of Malaysia - IPAM*) yang ditubuhkan pada 2010.

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## JEAN PIERRE SABOURIN

Ketika banyak negara mula pulih daripada impak krisis global, kita mungkin bertanyakan soalan-soalan berikut – Adakah kita mengakhiri perjalanan tahun lepas, kurang bersemangat disebabkan persoalan-persoalan yang serius tetapi sukar diketepikan mengenai dunia kewangan, kepercayaan ortodoks ekonomi, dan undang-undang baharu? Atau adakah kita melangkah memasuki 2011, diperkukuh dengan kearifan baharu, lebih banyak pilihan dan momentum yang diperbaharui?


Mujurlah, serangan berterusan terhadap industri kewangan di tempat lain dan respons perundangan segera yang terpaksa diambil tidak tersasar ke arah negara kita. Selanjutnya, penyelesaiannya – yang masih sukar dicapai di kebanyakan tempat di dunia ini – mungkin lebih mudah dicapai dalam konteks kita. Saya mengemukakan pandangan ini, disebabkan terutamanya pemikiran ekonomi Malaysia, sejarahnya, tahap pembangunan industri kewangan kita, dan kebijaksanaan penggubal polisi kita untuk terus menggunakan peluang ini bagi memantapkan undang-undang kita serta belajar daripada kesilapan negara-negara lain. Akta Bank Pusat 2009 Bank Negara Malaysia merupakan teladan pandangan jauh ini.

Namun, meskipun kita bernasib baik dari segi kekukuhan persekitaran perbankan dan pengawalseliaan kita, ini tidak bermakna PIDM akan menempuh perjalanan yang mudah ketika kami memasuki ulang tahun kelima. Ketika Malaysia baru sahaja terpaksa mengambil langkah membentuk dasar awal pencegahan bagi memastikan kestabilan kewangan dan keyakinan konsumer pada 2008, kami mendapati bahawa kami diperlukan untuk melaksanakan strategi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan yang bakal tamat tempohnya pada 31 Disember 2010. Oleh itu, ini merupakan tahun penuh kesibukan bagi PIDM, dengan polisi-polisi baharu yang akan dibangunkan; perundangan baharu yang akan dikuatkuasakan; sumber-sumber baharu untuk dikumpulkan, di tengah-tengah keperluan untuk meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama kami yang tidak kurang pentingnya, iaitu kesediaan operasi.

### **PERALIHAN DARIPADA JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN DAN MANDAT BAHARU**

Artikel di halaman 144 Laporan Tahunan ini menghuraikan rancangan kami bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan 2008 - 2010. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa hasil daripada rancangan ini, tidak berlaku sebarang peristiwa luar biasa apabila tarikh 31 Disember 2010 memasuki catatan sejarah kewangan Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada strategi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan bagi memastikan pemeliharaan kestabilan, kami mengesyorkan pakej perlindungan konsumer kewangan yang diperkukuhkan kepada Menteri Kewangan, yang dilulus dan diumumkan pada 11 Mei 2010. Justeru, kami telah dipertanggungjawabkan untuk membuat penyelidikan, membangun, mengadakan rundingan, menguji dan memperkenalkan polisi-polisi muktamad Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans sebagai sebahagian daripada pakej perundangan, yang antara lainnya, juga membenarkan kenaikan had perlindungan deposit seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atas cadangan PIDM.



# PENGENALAN

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pakej konsumer kewangan itu termasuk pengenalan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, kenaikan had insurans deposit kepada RM250,000, perlindungan bagi deposit mata wang asing dan kuasa tambahan untuk mengurus dengan lebih berkesan institusi ahli yang bermasalah. Pelaksanaan cadangan-cadangan seumpama itu memerlukan pindaan kepada Akta PIDM sedia ada.

Hasilnya, seperti yang anda sedia maklum, adalah penggubalan Akta PIDM baharu, yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010. Dengan ini, PIDM memperoleh mandat, kuasa dan tanggungjawab yang lebih besar.

Dalam membangunkan cadangan polisi terperinci untuk dikemukakan kepada Menteri, mujurlah kami dapat meneliti skim pampasan insurans di Kanada, Eropah dan Korea. Bagaimanapun, sudah tentunya tiada satupun yang sesuai dengan persekitaran pengawalseliaan Malaysia, khususnya praktik insolvensi dan prinsip-prinsip Syariah kita. Tidak ada model skim yang tidak memerlukan tahap pengkhususan yang agak besar. Oleh itu, sebagai permulaan, kami membuat penyelidikan dan membangunkan cadangan polisi kami, membuat rundingan awam, dan kemudiannya memanfaatkan kepakaran dan pengalaman khusus daripada industri takaful dan insurans, khususnya daripada pengawal selia dahulu dan sekarang dan pakar-pakar daripada industri tersebut. Kami juga merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia bagi kelulusan berkaitan isu-isu Syariah. Seperti yang kami lakukan bagi perundangan insurans deposit kami, kami akan dari semasa ke semasa menguji perundangan itu bagi memastikan kecekapannya dan kadar yang boleh dipraktikkan.

Keahlian baharu kami juga bermakna peningkatan dalam tanggungjawab pengawasan kami. Kami akan mempunyai kumpulan dana baharu, iaitu takaful am; takaful perpaduan keluarga; insurans am; dan insurans hayat. Kumpulan dana ini, bersama dengan kumpulan dana kami yang sedia ada, akan menjadikan jumlah kumpulan dana yang ditadbir oleh PIDM secara berasingan kepada enam. Peraturan dan perintah berkaitan diwartakan pada 1 Februari 2011, yang menyediakan skop sebenar perlindungan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menetapkan kadar premium bagi ahli penginsurans. Lebih banyak peraturan boleh dijangkakan untuk diwartakan bagi melaksanakan operasi sistem ini. Satu kempen kesedaran awam komprehensif untuk mendidik orang awam mengenai sistem ini juga akan dilaksanakan. Kesemua ini, dan mandat insurans deposit kami, hanya bermakna kami mempunyai tanggungjawab dan tugas yang besar dalam jangka masa yang ada ini.

Hakikatnya bahawa keputusan polisi untuk mempertanggungjawabkan mandat baharu kepada PIDM, mengikut syor Bank Negara Malaysia, adalah amat wajar. Terdapat sinergi yang kukuh dan kecekapan kos, dan kami berpandangan bahawa pendekatan strategik kami berkenaan industri takaful dan insurans akan mengimbangkan medan peluang persaingan di kalangan ahli penginsurans dan ahli penerima deposit kami.

### **INSURANS DEPOSIT DAN KUASA DIPERKUKUH**

Akta baharu PIDM itu, selain merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, juga adalah kemuncak inisiatif (digariskan dalam Rancangan Korporat dahulu) untuk menjalankan kajian semula perundangan lama secara menyeluruh bagi memastikan ia kekal terkini dan relevan.

Dengan Akta PIDM baharu, PIDM kini mempunyai kuasa diperkukuh untuk melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli yang bermasalah, termasuk keupayaan untuk menubuhkan institusi perantara sebagai satu instrumen resolusi tambahan. Institusi perantara itu merupakan institusi sementara yang akan dimiliki oleh PIDM dan dibentuk untuk membolehkan PIDM memindahkan dengan pantas aset dan liabiliti tertentu sesebuah institusi ahli yang tidak lagi berdaya maju kepada institusi perantara ini. Ini bertujuan menstabil dan memelihara fungsi-fungsi kritikal dan nilai-nilai francais institusi ahli, sehingga institusi perantara tersebut boleh dipulihkan kembali kepada sektor swasta. Instrumen ini telah digunakan dalam pelbagai bentuk di negara-negara lain bagi tujuan kestabilan kewangan, seperti *Dumfermline Building Society* di United Kingdom dan *Silverton Bank* di Amerika Syarikat. Instrumen ini kini tersedia kepada Pejabat Institusi Kewangan Kompleks di Federal Deposit Insurance Corporation, Amerika Syarikat bagi semua institusi kewangan, dan tidak lagi terhad kepada bank penerima deposit tradisional.

Dengan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, kami juga mengeluarkan Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit, yang disasarkan untuk menyediakan kepada pendeposit maklumat yang betul, relevan dan tepat sama ada sesuatu produk deposit yang ditawarkan oleh institusi ahli diinsuranskan. Ahli penerima deposit bersiap sedia untuk memastikan dokumentasi produk yang ditawarkan memberi pernyataan jelas kepada pendeposit, status kebolehininsurans produk di tempat beroperasi. Peraturan itu berkuat kuasa pada bulan April 2011.

### **KESEDIAAN OPERASI**

Satu perkara yang boleh kami pelajari daripada sejarah adalah meskipun terdapat teori yang canggih dan diluluskan secara akademik sama ada mengenai peruntukan modal secara efisien mahupun mengenai risiko, kegagalan pasaran tetap berlaku.<sup>3</sup> Kemungkinan berlaku kegagalan, dan

resolusi kegagalan tersebut, adalah sebab utama kewujudan pengawal selia.

Sebagai pengawal selia kewangan, kami berusaha untuk mencapai dua matlamat utama: (a) untuk mengurangkan risiko dengan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar, agar risiko dan kos kegagalan diminimumkan; dan (b) untuk menghadkan kerugian disebabkan kegagalan sekiranya sesebuah institusi tetap gagal meskipun segala usaha telah dibuat untuk mengelakkan kegagalan. Tanggungjawab ini, yang dilaksanakan dengan efisien oleh sebuah institusi yang sentiasa bersedia dari segi operasi serta ditadbir dan diurus dengan baik, tambahan lagi dengan orang awam yang terdidik, menyumbang kepada keyakinan terhadap sistem kewangan.

Justeru, pada 2010, bagaimanakah keadaan persekitaran operasi kami, dan apakah yang kami lakukan ke arah mencapai matlamat-matlamat ini?

Perbincangan dan Analisis Pengurusan di halaman 68 Laporan Tahunan kami menghuraikan dengan terperinci persekitaran operasi dan kemajuan inisiatif kami pada 2010. Secara ringkasnya:

#### **Tadbir urus**

Kami terus mensasarkan pemantapan berterusan dalam pengaturan tadbir urus kami dan menanda aras amalan kami dengan pembangunan antarabangsa tadbir urus korporat. Khususnya, kami menanda aras amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami dengan ISO31000:2009 – piawaian antarabangsa pertama bagi pengurusan risiko – dan kami mematuhi piawaian itu. Pada 2010, Lembaga Pengarah kami juga meluluskan tiga Polisi Risiko Lembaga Pengarah – Polisi Risiko Pasaran, Polisi Risiko Mudah Tunai dan Polisi Risiko Kuasa Insurans. Pembangunan Polisi Risiko Lembaga Pengarah lain bagi Risiko Reputasi, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Penilaian dan Pemantauan serta Risiko Operasi akan disempurnakan pada 2011. Laporan kami mengenai tadbir urus boleh didapati di Bahagian 2 Laporan Tahunan ini.

#### **Penilaian dan pemantauan risiko dan kesediaan**

PIDM terus mengambil pendekatan berwaspada dalam aktiviti penilaian risiko bagi memastikan kami dapat mengenal pasti sebarang isu yang berbangkit dalam institusi ahlinya atau institusi yang dijamin. Kesediaan sepanjang masa terus menjadi fokus utama Perbadanan. Pada 2010, PIDM mencatatkan kemajuan ketara dalam pembangunan prosedur dan polisi terperinci bagi melaksanakan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank, yang disasarkan selesai menjelang suku tahun kedua 2011. Sepanjang tahun ini, kami telah mengadakan simulasi intervensi dan resolusi kegagalan bank pertama kami di peringkat korporat. Aktiviti ini memberi pemahaman yang lebih jelas kepada para peserta mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menangani sesebuah bank yang

bermasalah. Projek sistem Pembayaran Balik Deposit tiga fasa kami, yang mula dibangunkan pada 2007, berjalan lancar mengikut jadual bagi penyempurnaan mengikut bajet. Kami merancang untuk membangunkan satu sistem pembayaran balik deposit komprehensif yang akan menyediakan rangkaian tanpa had dengan semua aktiviti kritikal yang terlibat dalam pembayaran balik deposit, bagi memastikan pembayaran balik deposit kepada pendeposit dengan jumlah yang tepat dan segera, satu matlamat kritikal bagi mengekalkan keyakinan awam sekiranya berlaku kegagalan bank.

#### **Keahlian, premium dan pendapatan**

Keseluruhannya, keahlian kami masih kukuh dan mencatat keuntungan. Jumlah premium yang ditaksir daripada institusi ahli adalah sebanyak RM105.7 juta, berbanding RM132 juta pada tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh penambahbaikan dalam pengkadaran sistem premium berbeza serta pertumbuhan jumlah deposit diinsuranskan yang rendah iaitu 3% berbanding pertumbuhan 5.5% pada 2009. Pendapatan pelaburan Perbadanan bagi 2010 berjumlah RM9.3 juta, lebih tinggi berbanding bajet sebanyak RM8.0 juta, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pulangan pelaburan semasa tahun ini.

#### **Perbelanjaan**

Jumlah perbelanjaan operasi sebanyak RM54.2 juta, iaitu RM9.3 juta atau 21% lebih tinggi berbanding 2009 walaupun RM10.8 juta lebih rendah berbanding bajet 2010. Peningkatan itu mencerminkan usaha berterusan Perbadanan dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan terutamanya dalam modal insan, proses, sistem dan infrastruktur.

#### **Modal insan**

Penambahan pasukan kerja PIDM bagi kemahiran, keupayaan dan kapasiti untuk memenuhi mandat kami yang diperluaskan, bermula pada 2010 dan akan diteruskan ke 2011.

#### **Kesedaran awam**

Memastikan kesedaran orang awam mengenai insurans deposit, manfaat dan hadnya merupakan satu aspek penting dalam tanggungjawab PIDM. Bagaimanapun, disebabkan Jaminan Deposit Kerajaan terus dilaksanakan pada 2010, strategi kami adalah untuk mengurangkan aktiviti kesedaran berkenaan insurans deposit, had dan skop perlindungan. Pada tahun 2010, tahap kesedaran tahunan tentang insurans deposit tidak berubah berbanding tahun sebelumnya. Bagi tahun 2011, kami akan memantapkan usaha komunikasi kami bagi memastikan kesedaran tentang had dan skop perlindungan baharu, serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami juga akan meneruskan pelaksanaan program pendidikan sekolah yang menumpu pada celik kewangan dan perkara mengenai insurans deposit.

<sup>3</sup> Sila rujuk esei bertajuk "The Anatomy of Market Failure", oleh Francis Bator

# PENGENALAN

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### RUMUSAN

Secara ringkasnya, pada 2010, kami melaksanakan, mengikut bajet, inisiatif utama yang diluluskan Lembaga Pengarah yang dirancang bagi tahun itu seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat kami. Lanjutan daripada inisiatif-inisiatif tersebut, kami melaksanakan cadangan polisi kami menerusi perundingan, dengan kerjasama pelbagai pihak dan menepati tempoh akhir yang ditetapkan. Kami juga melaksanakan usaha-usaha komunikasi yang menyumbang kepada pelaksanaan pakej konsumer kewangan yang diperkukuhkan dan peralihan lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan. Kami ingin merakamkan penghargaan kami kepada banyak pihak kerana tanpa sokongan mereka, usaha ini tidak akan tercapai – wakil-wakil Bank Negara Malaysia, Perbendaharaan Malaysia dan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, dan khususnya, ahli praktik industri atas kesudian menyumbang masa, kepakaran dan nasihat bagi membantu membangunkan polisi dan perundangan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.


Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan atas dedikasi tinggi mereka, dan kerana mengamalkan suatu kelebihan jati diri yang sentiasa digalakkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah kita, iaitu kegigihan. Pengerusi kita dan ahli Lembaga Pengarah lain sentiasa dihargai atas kesungguhan mereka dalam mencabar dan seterusnya menyokong Pengurusan dalam usaha kami. Kami setulus hati akan merindui kearifan Tan Sri Sulaiman Mahbob dan Encik Michael Wong, berikutan persaraan mereka daripada Lembaga Pengarah, dan mengucapkan terima kasih kepada mereka atas segala sumbangan tidak ternilai sebagai ahli Lembaga Pengarah terawal kami. Pada masa yang sama, kami juga berasa sukacita menantikan pengalaman bekerja dengan Pengarah baharu kami, Dato' Halipah Esa dan Encik Lim Tian Huat.

Berkenaan pihak Pengurusan, seorang daripada pakar utama kami dalam urusan polisi, Puan Lai Wai Keen, bersara pada awal 2011. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada beliau atas sumbangan dan prestasi cemerlangnya selama ini, nasihat wajar dan keikhlasannya dalam berkongsi pengetahuan serta pengalaman beliau dalam organisasi, serta dalam komuniti antarabangsa. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau sempena persaraannya.

Dan akhir sekali untuk menjawab soalan yang diajukan pada awal perutusan ini, saya mencadangkan kita mempertimbangkan krisis global secara mendalam, puncanya, pihak yang bertanggungjawab, dan cara peristiwa seumpama itu boleh diperbetulkan bagi masa depan; siapa dalam dunia pengawalseliaan kewangan yang tidak pernah membuat pertimbangan ini?

Bagaimanapun, perbezaan dalam landskap kewangan kita, pemikiran ekonomi, dan peristiwa sejarah lampau bermakna bagi Malaysia, kita tidak dipaksa untuk membuat pembaharuan secara besar-besaran dengan segera hanya untuk menangani krisis tertentu, satu langkah yang sering membawa kepada pembangunan perundangan kecil-kecilan yang akhirnya menjadi ketinggalan zaman dengan perubahan masa. Dengan kata lain, kami tidak menumpukan perhatian semata-mata terhadap menangani pelbagai masalah kebelakangan ini, atau merundingkan fikiran dengan persoalan yang masih tidak terjawab berkenaan penyebab sebenar dan punca krisis yang membawa kepada pembaharuan undang-undang. Dan walaupun kita hanya membuat pertimbangan secara bebas, kita masih mampu mengenal pasti kemungkinan risiko dan kelemahan dalam kerangka kestabilan kewangan sebelum ini, dan yang terbaik sekali, mampu mempelajari daripada pengalaman pihak lain.

Dengan segala yang diperkatakan, anda boleh menduga kesimpulan saya iaitu kita bermula pada 2011, bukan berasaskan kelesuan, tetapi menghargai cabaran kita sebelum ini dan sekarang serta peluang penambahbaikan bagi masa depan. Pada masa yang sama (terutamanya dengan peranan dan tanggungjawab yang sudah diperluas), kita masih perlu untuk terus berusaha. Kita harus sentiasa mengambil pendekatan berwaspada dan ketelitian dalam memantau risiko kita. Kita perlu memantapkan pengetahuan dan pengalaman tentang industri takaful dan insurans. Kita juga menjangkakan cabaran sengit menanti kita, dan mengakui akan keperluan untuk menumpukan usaha pada kesediaan operasi. Justeru, saya akan membuat petikan daripada falsafah bekas Perdana Menteri British Harold Wilson, yang pernah berkata, "Saya seorang yang optimis, tetapi saya seorang optimis yang bersiap sedia dengan kot hujan".



JEAN PIERRE SABOURIN

## PEMENANG LAPORAN TAHUNAN TERBAIK NACRA BAGI ORGANISASI BUKAN SENARAIAAN AWAM BAGI DUA TAHUN BERTURUT-TURUT




Laporan Tahunan Terbaik NACRA 2009 bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sekali lagi menerima pengiktirafan daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Reports Awards - NACRA*) bagi piawaian tadbir urus yang tertinggi dan kecemerlangan dalam pelaporan korporat. Dianugerahkan dengan pengiktirafan terunggul ini bagi dua tahun berturut-turut merupakan bukti sebenar usaha berterusan kami untuk meningkatkan kualiti pendedahan maklumat dan pelaporan kami.

Kami berusaha untuk menjadi sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik, agar pemegang kepentingan kami mempunyai keyakinan dengan keupayaan kami bagi memenuhi mandat kami.

Ini sesungguhnya merupakan suatu penghormatan tertinggi untuk menerima Anugerah NACRA 2009 dan 2010.

## PENGENALAN CARTA ORGANISASI



## PENGENALAN JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF



Nota:

\* Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Menteri Kewangan sehingga Ogos 2014 atas cadangan Lembaga Pengarah

\*\* Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

# PENGENALAN

## JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF



Baris belakang dari kiri ke kanan:

Noorida Baharuddin, Lim Yam Poh, Md Khairuddin bin Hj Arshad, Chua Ee Leen, Rafiz Azuan Abdullah, Lee Yee Ming, S. Loganathan, Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi, Lim Kong Kuan

Baris hadapan dari kiri ke kanan:

Jean Pierre Sabourin, Lai Wai Keen, Siti Zubaidah Haron

# PENGENALAN

## JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahlinya terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian yang juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memupuk komunikasi yang efektif, kerja berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bahagian kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

### JEAN PIERRE SABOURIN

*Ketua Pegawai Eksekutif*

Jean Pierre Sabourin ialah Ketua Pegawai Eksekutif PIDM sejak penubuhannya pada 2005. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek insurans deposit dan kepakaran beliau sering mendapat permintaan di peringkat antarabangsa. Pelbagai negara telah meminta bantuan beliau untuk menubuhkan atau memantapkan sistem insurans deposit mereka.

Antara pencapaian beliau termasuk mempengerusikan kajian antarabangsa dan kumpulan kerja insurans deposit anjuran Forum Kestabilan Kewangan dan Dialog Polisi APEC mengenai Insurans Deposit yang pertama. Pada Mei 2002, beliau menerajui penubuhan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* – IADI) dan dilantik sebagai Pengerusi Majlis Eksekutif dan Presidennya yang pertama, jawatan yang dipegangnya sehingga akhir 2007.

Beliau bertugas di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC) sejak 1976, dan memegang pelbagai jawatan dalam CDIC sebelum dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada 1990, sehingga persaraan beliau pada April 2005. Pada Ogos 2005, beliau dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pertama PIDM. Tempoh perkhidmatannya akan berakhir pada 2014. Di bawah pimpinan beliau, PIDM berusaha menjadi penginsurans dengan amalan terbaik. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia. Beliau memegang ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Toronto.

### MD KHAIRUDDIN BIN HJ ARSHAD

*Ketua Pegawai Operasi*

MD Khairuddin bin Hj Arshad dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi pada awal 2010 dan beliau menyokong Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi harian Perbadanan. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko, yang bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko bank serta intervensi dan resolusi kegagalan bank-bank bermasalah.

Khairuddin juga berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) selama lebih 15 tahun di Jabatan Pengawasan Bank dan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dan kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Insurans Deposit Islam IADI dan ahli kumpulan kerja Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia mengenai urus niaga kewangan Islam. Beliau juga memberi nasihat teknikal kepada beberapa negara dalam pembangunan industri perbankan Islam mereka serta membentangkan kertas kerja di seminar tempatan dan antarabangsa. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

### LIM YAM POH

*Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat*

Lim Yam Poh dilantik sebagai Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat pada 2006 dan beliau bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang korporat di PIDM.

Tanggungjawab beliau termasuklah memastikan PIDM mematuhi semua peruntukan statutori, termasuk perundangan khusus kepada operasi dan hal ehwal PIDM. Beliau juga berkhidmat sebagai Setiausaha Korporat dan menyediakan semua perkhidmatan guaman berkaitan dengan Lembaga Pengarah. Secara khususnya, beliau memberi pandangan dan nasihat kepada Jawatankuasa Tadbir Urus yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah PIDM bagi memantau dan menangani perkara-perkara tadbir urus.

Beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dengan sebuah firma perundangan terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia antara 1997 hingga 2000 dan sebagai pengurus kanan di Hong Kong Securities and Futures Commission antara 2000

dan 2005. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perundangan dengan kepujian dari University of Birmingham, England dan menjadi ahli Bar of England and Wales dan Majlis Peguam Malaysia.

### WAN AHMAD IKRAM WAN AHMAD LOTFI

*Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran*

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada 2006 dan bertanggungjawab bagi kesemua hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat PIDM. Beliau bertanggungjawab terutamanya bagi hala tuju, pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi berkaitan dengan pengurusan sistem maklumat dan teknologi, pentadbiran pejabat serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi.

Sebagai Akauntan Bertauliah terlatih, beliau merupakan ahli Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum menceburi kerjaya perakaunan profesional dengan firma KPMG di Melbourne, Australia. Sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Audit Dalaman dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada Mac 2004. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Melbourne, Australia.

### NOORIDA BAHARUDDIN

*Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundangan*

Noorida Baharuddin dilantik sebagai Ketua Audit Dalaman pada 2006 dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan. Tanggungjawab utama beliau termasuk menyediakan perkhidmatan jaminan dan rundingan secara bebas dan objektif bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi PIDM, kebolehpercayaan dan integriti pelaporan kewangan PIDM serta memastikan pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam bidang audit, pengurusan risiko dan pembangunan polisi daripada kerjaya beliau dengan firma audit luaran, badan-badan pengawalselia dan syarikat senaraian awam. Pengalaman audit beliau termasuk audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan

pengawalseliaan. Dalam pemeriksaan kawal selia, beliau mengetuai pemeriksaan terhadap institusi-institusi dan pengantara-pengantara pasaran modal berlesen yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti, serta institusi-institusi kewangan dan insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA). Dalam pengurusan risiko, beliau terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi bagi Labuan FSA. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dalam pembangunan Prinsip-Prinsip Panduan Pengurusan Risiko bagi Bank-Bank yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam.

Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam jurusan perakaunan dari University of Tasmania, Australia dan ijazah Sarjana Muda Perundangan dari Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Malaysia. Beliau merupakan ahli Certified Practising Accountant (Australia) dan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (*Financial Planning Association of Malaysia* – FPAM).

### LEE YEE MING

*Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi*

Lee Yee Ming dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko pada 2008 dan mengetuai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM yang meliputi seluruh organisasi dan menyokong Lembaga Pengarah dengan memastikan risiko utama PIDM dikenal pasti, dinilai, diuruskan, dipantau dan dilaporkan secara berterusan.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang perundangan dan perbankan berkenaan Pengurusan Risiko Organisasi, Basel II, tadbir urus korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya di Amerika Syarikat di sebuah institusi kewangan di Illinois dan kemudiannya menyertai Ernst & Young di pejabat Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Berkenaan Pengurusan Risiko Organisasi, beliau memberi khidmat nasihat kepada organisasi di Malaysia dan antarabangsa berkaitan dengan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing. Beliau juga membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek keseluruhan dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II.

# PENGENALAN

## JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam jurusan pengurusan perniagaan (*summa cum laude*) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan kewangan dari Western Michigan University. Beliau juga merupakan Juruaudit Dalam Bertauliah.

### LAI WAI KEEN

*Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa*

Lai Wai Keen dilantik sebagai Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa pada 2005 dan bersara pada 18 Januari 2011. Beliau bertanggungjawab bagi polisi-polisi penting dan perhubungan antarabangsa PIDM. Beliau merupakan salah seorang ahli Pasukan Petugas Khas Insurans Deposit di BNM, yang ditubuhkan untuk membentuk sistem insurans deposit. Pasukan Petugas Khas itu bertanggungjawab membangunkan polisi yang mengambil kira keperluan khusus sistem kewangan dan para pendeposit di Malaysia. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman pengawalseliaan di BNM, termasuk dalam bidang pengawalan bank, komunikasi, perhubungan antarabangsa dan perundingan. Beliau memegang ijazah dalam jurusan pentadbiran perniagaan dari Universiti Malaya dan ijazah perundangan dari University of London.

### LIM KONG KUAN

*Pengurus Besar, Intervensi dan Resolusi Kegagalan*

Lim Kong Kuan dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan pada 2010. Tanggungjawab beliau termasuklah membangunkan infrastruktur bagi pengendalian aktiviti berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan yang tepat pada masa secara efektif oleh PIDM. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko.

Sebelum menyertai PIDM, beliau berkhidmat selama 11 tahun di BNM dari 1995, yang mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Bahagian Polisi Pruden, Jabatan Pengawalan Bank. Pengalaman beliau dengan BNM termasuklah membangunkan dan menyemak semula polisi-polisi pruden berkaitan keperluan kecukupan modal dan pengurusan risiko perbankan, khususnya risiko pasaran dan peraturan-peraturan berkaitan Basel II.

Beliau merupakan pemegang biasiswa BNM dan memperoleh ijazah Sarjana Muda Ekonomi (pengkhususan jurusan Perakaunan) dari University

of Sydney, Australia. Beliau juga menerima biasiswa lanjutan daripada BNM untuk menyempurnakan pengajian Sarjana Sains dalam jurusan Dagangan dan Kewangan Matematik dari City University Business School, City University London, United Kingdom pada 2001 dengan mencapai keputusan tahap Cemerlang.

### RAFIZ AZUAN ABDULLAH

*Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko*

Rafiz Azuan Abdullah dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko pada 2010. Beliau bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko bank-bank ahli serta fungsi-fungsi insurans dan penaksiran premium PIDM. Beliau menyertai PIDM pada Januari 2007 dan menerajui penyempurnaan Sistem Penilaian Risiko bagi PIDM.

Sebelum menyertai PIDM, Rafiz berkhidmat lebih 10 tahun dengan Agensi Penarafan Malaysia (*Ratings Agency Malaysia – RAM*) dengan pengkhususan dalam penarafan institusi kewangan, syarikat hartanah dan pembinaan. Sepanjang tempoh itu, Rafiz juga dipinjamkan sementara selama setahun kepada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat di Bank Negara Malaysia pada Disember 1999 untuk membantu penyusunan semula syarikat-syarikat yang bermasalah akibat kemelesetan ekonomi. Rafiz memegang ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari Lancaster University, United Kingdom.

### S. LOGANATHAN

*Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam*

S. Loganathan dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam pada 2006. Beliau bertanggungjawab bagi komunikasi dan perhubungan awam serta menguruskan program kesedaran awam PIDM. Beliau mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang media kewangan dan industri sekuriti.

Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan dengan Bernama dan kemudiannya dengan Business Times, dengan pengkhususan dalam berita korporat, pasaran saham dan industri sekuriti. Beliau menyertai kumpulan Bursa Malaysia (sebelumnya dikenali sebagai Kuala Lumpur Stock Exchange) pada 1990 dan pernah memegang pelbagai jawatan termasuk Pengurus Institut

Penyelidikan Juruanalisis Pelaburan Malaysia, Naib Presiden Kanan Pembangunan Pasaran dan Pengurus Besar Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan (*Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange – KLOFFE*). Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang dipegang dari Jun 2001. Beliau kemudiannya meninggalkan kumpulan Bursa Malaysia pada 2004 untuk menubuhkan WeR-1 Consultants Sdn. Bhd. di Malaysia, sebuah firma rundingan dengan pengkhususan dalam hubungan pelabur dan strategi media yang beribu pejabat di Singapura. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda dalam jurusan pentadbiran perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

### SITI ZUBAIDAH HARON

*Pengurus Besar, Sumber Manusia*

Siti Zubaidah Haron dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia pada 2007. Tanggungjawab beliau termasuklah strategi modal insan, pengurusan modal insan serta polisi, prosedur dan fungsi berkaitan sumber manusia, dan juga memastikan perkembangan modal insan yang mampan.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang sumber manusia pada 1990 dan mempunyai pengalaman dalam pengurusan fungsi sumber manusia dalam industri perkilangan, komersial, pasar raya besar dan pusat perkhidmatan global yang berkhidmat untuk 15 negara di Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Pasifik. Beliau mempunyai pengalaman luas dan menguruskan sumber manusia pada peringkat pengurusan dalam pelbagai budaya sejak 1996. Beliau merupakan Ketua Sumber Manusia di Carrefour (Malaysia)/Magnificent Diagraph Sdn. Bhd. antara 2002 dan 2005 dan juga sebagai Naib Presiden – Sumber Manusia, Pembelajaran & Pembangunan dan Komunikasi di HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn. Bhd. (Pusat Perkhidmatan Kumpulan, Malaysia) sehingga beliau menyertai PIDM. Siti memegang ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan pengurusan sumber manusia dan Diploma Pengajian Perniagaan.

### CHUA EE LEEN

*Pengurus Kanan, Perancangan Strategik*

Chua Ee Leen dilantik sebagai Pengurus Kanan, Bahagian Perancangan Strategik pada 2010. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM serta menyokong Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menetapkan hala tuju dan pembangunan rancangan strategik yang mengambil kira peluang serta risiko yang dihadapi oleh Perbadanan. Beliau menyertai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi PIDM pada Disember 2007 dan membantu Ketua Pegawai Risiko dalam pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM secara korporat serta memastikan risiko utama PIDM dikenal pasti, dinilai, diuruskan, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Sebelum menyertai PIDM, beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dalam bidang pengauditan, pengurusan risiko, serta pembangunan polisi dan prosedur di pejabat Ernst & Young di Kuala Lumpur, termasuk dipinjamkan sementara kepada sebuah kumpulan global bagi syarikat-syarikat tenaga dan petrokimia. Pengalaman pengauditannya termasuklah pengauditan dalaman dan luaran, penilaian semula pematuhan bebas Sarbanes-Oxley, serta penilaian semula berkaitan pensijilan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam jurusan perakaunan dan kewangan dari Curtin University of Technology, Perth, Western Australia. Beliau ialah Certified Practising Accountant (Australia) dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

# PENGENALAN

## JAWATANKUASA PENGURUSAN

### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Dalam membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menyediakan hala tuju dan pengawasan bagi pelaksanaan rangka kerja korporat Pengurusan Risiko Organisasi dan pengurusan kesinambungan urusan secara konsisten. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menerajui pengurusan risiko dan memantau pendedahan risiko serta aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM pada peringkat korporat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada ahli berikut:

- Ketua Pegawai Eksekutif (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pegawai Kewangan
- Kaunsel Am
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Pemantauan dan Penilaian Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Kanan, Bahagian Perancangan Strategik
- Pengurus Kanan, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa

Timbalan Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi bertugas sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, manakala Ketua Audit Dalam menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi sebagai pemerhati.

### JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan Perancangan Strategik menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dalam mempermudah dan menyelaraskan pengurusan kesinambungan urusan, aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik di peringkat operasi di seluruh PIDM. Ini termasuk mengemas kini pelan kesinambungan urusan bahagian, penilaian dan penarafan risiko sedia ada, memantau kemajuan berbanding pelan mitigasi bahagian masing-masing dan mengemas kini pelan-pelan tersebut.

Jawatankuasa Kerja ini terdiri daripada ahli berikut:

- Ketua Pegawai Risiko (Pengerusi)
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

- Wakil Bahagian-bahagian berikut di PIDM:
  - Wakil Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
  - Wakil Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
  - Wakil Bahagian Sumber Manusia
  - Wakil Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
  - Wakil Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
  - Wakil Bahagian Perundangan
  - Wakil Bahagian Polisi dan Antarabangsa
  - Wakil Bahagian Perancangan Strategik
- Penolong Pengurus, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi (Setiausaha)
- Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan (Pemerhati)

### JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk membantu dan menyokong Ketua Pegawai Kewangan dalam isu-isu berkaitan dengan pengurusan aset dan liabiliti. Jawatankuasa ini juga menyediakan bantuan, maklumat dan sokongan bagi pembiayaan, mudah tunai, pelaburan dan pengurusan risiko kewangan kepada Ketua Pegawai Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif secara umum. Ia juga berfungsi sebagai forum perbincangan implikasi keputusan berkaitan dengan pengurusan aset dan liabiliti PIDM.

Ahli Jawatankuasa ialah:

- Ketua Pegawai Kewangan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan
- Pengurus Kanan, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Kanan, Kewangan (Setiausaha)
- Ketua Audit Dalam (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)
- Ketua Pegawai Operasi (*ex officio*)
- Mana-mana pegawai atau kakitangan PIDM lain yang akan ditentukan oleh Ketua Pegawai Kewangan mengikut keperluan semasa

### JAWATANKUASA PENGEMUDI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi utama Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat adalah untuk menyediakan pengawasan, mengurus dan melaksanakan strategi dan rancangan Teknologi Maklumat (IT). Pengawasan oleh Jawatankuasa

itu menyediakan hala tuju dan garis panduan untuk menyelaras dan melaksanakan strategi IT bagi menyokong matlamat PIDM. Jawatankuasa ini juga menawarkan pandangan dan hala tuju berhubung dengan pengurusan risiko dan peluang berkaitan IT daripada sumber atau peristiwa luaran. Jawatankuasa ini juga menangani isu-isu urusan berkaitan dengan Pelan Strategik IT dan kajian semula strategi bajet, keperluan operasi, serta memantau risiko, kualiti dan ketepatan masa projek-projek IT.

Ahli Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat ialah:

- Ketua Pegawai Operasi (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Timbalan Pengurus Besar, Teknologi Maklumat
- Timbalan Pengurus Besar, Pentadbiran
- Kaunsel Undang-Undang Kanan
- Ketua Audit Dalam (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)

### JAWATANKUASA PEMATUHAN KORPORAT

Jawatankuasa Pematuhan Korporat menyediakan bantuan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan dan tadbir urus korporatnya berkaitan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod-kod industri, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang terpakai kepada PIDM disebabkan aktiviti urusan dan fungsi-fungsinya. Jawatankuasa Pematuhan Korporat juga mempertimbangkan cara-cara untuk memantapkan prosedur dan proses Perbadanan dari segi pematuhan, serta meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai polisi dan prosedur utama yang diguna pakai dalam semua bahagian PIDM.

Ahli-ahlinya ialah:

- Kaunsel Am (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Kanan, Jabatan Organisasi dan Kaedah
- Pengurus Kanan, Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan
- Pengurus Kanan, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Kaunsel Undang-Undang Kanan (Setiausaha)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)

### JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, yang ditubuhkan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996, membantu pihak Pengurusan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif bagi semua kakitangan, kontraktor, pakar perunding, pelawat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan Perbadanan. Fungsi-Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, menyiasat sebarang isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan dan berusaha untuk menangani perkara-perkara tersebut.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini ialah:

- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Timbalan Pengurus Besar, Pentadbiran
- Pengurus Kanan, Bahagian Perancangan Strategik
- Pengurus, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko (Setiausaha)
- Wakil-wakil kakitangan daripada:
  - Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
  - Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
  - Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi
  - Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
  - Bahagian Sumber Manusia / Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan
  - Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
  - Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
  - Bahagian Perundangan
  - Mana-mana pegawai atau kakitangan lain PIDM yang akan ditentukan oleh Pengerusi mengikut keperluan semasa



Bahagian 2:  
TADBIR URUS KORPORAT

*Membentuk masa depan dengan kepimpinan  
berwawasan dan tadbir urus yang mantap...*

# TADBIR URUS KORPORAT

## MENGURUS RISIKO KAMI



### TINJAUAN

Fungsi Pengurusan Risiko Organisasi PIDM telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi membantu Perbadanan memenuhi mandatnya serta mencapai misi dan visinya. Untuk menjadi penginsurans deposit dengan amalan terbaik, Perbadanan mesti mempunyai fungsi Pengurusan Risiko Organisasi dengan amalan terbaik.

Pada tahun 2010, kami melaksanakan inisiatif untuk mempertingkatkan lagi kedua-dua proses dan infrastruktur Pengurusan Risiko Organisasi sementara rangka kerja, proses dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami terus menjadi matang. Aspek yang perlu diperkukuhkan telah dikenal pasti semasa Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi dilaksanakan pada tahun 2009.

Kami juga menanda aras amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami terhadap ISO31000:2009 – piawaian antarabangsa pertama bagi pengurusan risiko – bagi memastikan rangka kerja dan amalan kami kekal terkini dan relevan. Kami mendapati rangka kerja dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami adalah sejajar dengan prinsip, rangka kerja dan proses yang dicadangkan oleh ISO31000.

### PENCAPAIAN UTAMA KAMI PADA TAHUN 2010

Di samping mengekalkan kelancaran operasi proses Pengurusan Risiko Organisasi kami yang diwujudkan, kami terus menyediakan khidmat nasihat risiko, menyokong kesemua bahagian dalam pelbagai projek utama kerana sumber risiko lebih mudah dikenal pasti dan diurus.

Satu lagi fungsi utama Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi ialah Pengurusan Kesenambungan Urusan. Kami mengemas kini Pelan Kesenambungan Urusan dan menjalankan latihan dan ujian bagi memastikan PIDM berupaya meneruskan fungsi urusan kritikal sekiranya berlaku sesuatu bencana. Tambahan lagi, kami juga memainkan peranan kami dalam menggalakkan pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat yang baik melalui sesi perkongsian maklumat bersama ahli penginsurans deposit daripada negara lain dan juga pengamal pengurusan risiko daripada industri lain.

Inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi pada tahun 2010 adalah seperti yang berikut:

- Menyemak semula dan mempertingkatkan proses Pengurusan Risiko Organisasi tahunan bagi membolehkan lebih banyak perbincangan rentas fungsi.
- Melaksanakan sistem e-dokumentasi Pengurusan Risiko Organisasi – Sistem Penilai Risiko Organisasi untuk mengautomasi proses Pengurusan Risiko Organisasi.
- Pembangunan dan pelaksanaan berterusan Polisi Risiko Lembaga Pengarah.

### Proses Tahunan Pengurusan Risiko Organisasi

Pada tahun ini, Perbadanan telah melengkapkan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu mengenal pasti, menaksir, menilai, mengendali, memantau, melapor dan menyelaras komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan.

Salah satu bahagian penting proses ini termasuk 12 sesi perbincangan risiko peringkat bahagian yang berasingan membabitkan penilaian semula risiko terkini yang memberi kesan terhadap bahagian masing-masing dan pelaksanaan pandangan organisasi bagi mengenal pasti ancaman kepada Perbadanan dalam memenuhi mandatnya. Perbincangan tersebut diadakan sebelum bengkel kerja untuk memastikan lebih masa diperuntukkan semasa Bengkel Kerja Pengenalpastian dan Penilaian Risiko Pengurusan Risiko Organisasi bagi perbincangan risiko rentas fungsi, pemberian keutamaan dan pembangunan inisiatif-inisiatif korporat. Pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan bagi menangani risiko utama terkandung dalam Rancangan Korporat 2011 - 2013.

### Sistem Penilai Risiko Organisasi

Kami juga telah melaksanakan infrastruktur untuk mengautomasi proses Pengurusan Risiko Organisasi dan menyimpan semua daftar risiko peringkat bahagian dan korporat. Sistem tersebut bukan sahaja membantu mengurangkan masa yang diambil untuk memasukkan data dan menggabungkan profil risiko, tetapi juga menyediakan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, suatu instrumen untuk melakukan pelbagai analisis terhadap data risiko, arah aliran dan maklumat kawalan dalaman lain.

Oleh sebab Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menggunakan sistem yang sama, ini membenarkan pautan langsung antara Pengurusan Risiko Organisasi dan maklumat kawalan dalaman. Ini menyepadukan lagi Pengurusan Risiko Organisasi dan fungsi audit dalaman untuk menyediakan jaminan yang lebih baik bahawa Perbadanan adalah "dalam keadaan terkawal".

### Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah

Polisi Risiko Lembaga Pengarah menjelaskan keputusan yang diambil oleh Perbadanan berkaitan dengan risiko tertentu dan menggariskan harapan Lembaga Pengarah daripada Pengurusan dalam menyokong Lembaga Pengarah.

Laporan Risiko menyatakan kawalan, proses dan pengawasan Pengurusan terkini yang sedia ada dalam mengurus risiko tertentu. Pengurusan juga menyediakan penilaian keseluruhan dan kesimpulan terhadap tahap risiko terkini dalam persekitaran pengoperasian Perbadanan dalam Laporan Risiko.

Sepanjang tahun 2010, Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah tertentu dibincangkan dengan lebih terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Audit dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan. Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah telah meluluskan polisi dan laporan bagi Risiko Pasaran, Risiko Mudah Tunai dan Risiko Kuasa Insurans. Kami akan terus membangunkan Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah yang lain pada tahun 2011 dan menyemaknya secara berterusan.

### STRUKTUR PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi kami menjelaskan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab bagi pengurusan risiko. Ini memastikan aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan.


Pada tahun 2010, dua jawatankuasa risiko Perbadanan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, masing-masing bermesyuarat sebanyak empat kali bagi membincangkan dan memutuskan pelbagai perkara berkaitan risiko.

Sepanjang tahun ini, fungsi Pengurusan Risiko Organisasi juga dilaporkan secara kerap kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah dan mendapatkan panduan mereka mengenai hal-hal Pengurusan Risiko Organisasi.

# TADBIR URUS KORPORAT

## MENGURUS RISIKO KAMI

### Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM



Lembaga Pengarah bertanggungjawab penuh bagi pengawasan risiko utama PIDM. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Audit, memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko utama urusan PIDM, telah dilaksanakan dan sentiasa dikaji semula.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan polisi, prosedur dan amalan yang kukuh dilaksanakan untuk mengurus risiko utama PIDM. Jawatankuasa akan mengkaji semula bersama-sama dengan pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai polisi yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko PIDM. Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Ketua Pegawai Risiko juga menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi merupakan jawatankuasa pengurusan kanan. Ia menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pelaksanaan dan penggunaan secara konsisten sistem Pengurusan Risiko Organisasi, bagi keseluruhan organisasi. Jawatankuasa pengurusan ini menerajui pengurusan risiko serta mengurus dan memantau pendedahan risiko dan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM di peringkat keseluruhan organisasi.

Di setiap mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi akan mempertimbangkan apa-apa perkara penting yang perlu diusulkan bagi perhatian Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.



Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi. Ia memudahkan cara dan menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik di peringkat operasi. Ini termasuk mengemas kini penilaian dan penarafan risiko yang sedia ada, memantau prestasi terhadap pelan mitigasi setiap Bahagian dan mengemas kini pelan tersebut. Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada wakil daripada setiap Bahagian.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian bebas dan pengesahan keberkesanan dan pematuan proses pengurusan risiko organisasi, dan menyediakan jaminan kepada Jawatankuasa

Audit dan Lembaga Pengarah bahawa Perbadanan mempunyai proses Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan dan polisi pengurusan risiko dipatuhi. Penilaian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan rangka kerja, proses dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM terhadap lapan ciri-ciri dan lima kriteria tahap kematangan. Ini menyediakan kami dengan kriteria yang jelas dan bermatlamat bagi merancang dan membangunkan rancangan Pengurusan Risiko Organisasi pada masa hadapan. Inisiatif yang telah diambil oleh Pengurusan Risiko Organisasi pada tahun ini adalah berpandukan hasil penilaian keberkesanan 2009.

Kakitangan PIDM adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan melaporkan sumber risiko. Pengurusan risiko adalah tanggungjawab semua kakitangan PIDM.

# TADBIR URUS KORPORAT

## MENGURUS RISIKO KAMI

### RISIKO UTAMA YANG MEMBERI KESAN KEPADA PIDM

PIDM menjalankan penilaian tahunan Pengurusan Risiko Organisasi untuk mengenal pasti, menaksir dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan dan membangunkan pelan tindakan dan inisiatif bagi menangani risiko ini. Aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan untuk mencapai penilaian tahunan Pengurusan Risiko Organisasi tersebut:



Sebagai satu amalan terbaik, keputusan penilaian tahunan Pengurusan Risiko Organisasi telah disinerji dan disepadukan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan strategik Perbadanan. Proses simbiotik ini membolehkan PIDM mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam Rancangan Korporatnya yang mana hasil Pengurusan Risiko Organisasi membantu menentukan keutamaan inisiatif Perbadanan.

Risiko-risiko utama tersebut boleh dikategorikan kepada empat bidang: Risiko Strategik dan Tadbir Urus; Risiko Insurans; Risiko Operasi; dan Risiko Reputasi. Risiko Kewangan sedang dinilai serta diuruskan dan tiada inisiatif tambahan korporat dicadangkan.

Pelan tindakan dan inisiatif risiko utama yang telah dibangunkan bagi menangani risiko utama yang dikenal pasti terkandung dalam Rancangan Korporat 2011 – 2013. Inisiatif utama ini dinyatakan di bawah.

#### Risiko Strategik dan Tadbir Urus

Kami menyempurnakan projek untuk menyusun semula keutamaan Petunjuk Prestasi Utama mengikut keperluan pengoperasian baharu dan mandat kami yang telah diperluas, dan menyepadukannya ke dalam Rancangan Korporat bagi tahun 2011 hingga 2013.

#### Risiko Insurans

Menerusi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang baharu, kami merancang untuk meneruskan perkongsian pengetahuan bersama pakar-pakar di peringkat tempatan dan luar negara, serta industri takaful dan insurans dan pemegang kepentingan yang lain. Kami juga akan menanda aras prosedur, amalan dan perundangan berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans terhadap amalan terbaik antarabangsa, yang mana berkaitan. Kami akan menyemak semula, membuat ujian tekanan dan mencadangkan pindaan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) setiap lima tahun.

PIDM telah memulakan satu projek untuk membangunkan dan melaksanakan Kaedah Penilaian dan Pemantauan Risiko, Rangka Kerja dan Sistem bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, termasuk Garis Panduan Penyata Jumlah Polisi Yang Dilindungi dan rangka kerja Sistem Premium Berbeza.

PIDM juga telah memperluas hasil projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk memasukkan pertimbangan berkaitan takaful dan insurans ke dalam polisi dan prosedurnya. Di samping itu, kami juga akan meneruskan latihan simulasi tahunan Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Pembayaran Balik Deposit.



#### Risiko Operasi

PIDM merancang untuk meneruskan pembangunan dan pelaksanaan Model Kecekapan dan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan masing-masing untuk mengenal pasti dan menarik modal insan yang sesuai serta menutup kekurangan kecekapan kakitangan.

Kami akan terus mengukuhkan Polisi Pengklasifikasian Maklumat dan meningkatkan Sistem Pengurusan Maklumat Korporat kami dengan melaksanakan Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat yang merangkumi pengurusan enkripsi dan akses maklumat.

PIDM juga komited menilai keberkesanan dan kecekapan polisi dan prosedur, proses dan amalan sedia ada bagi memastikan operasi kami adalah berpandukan polisi dan prosedur yang kukuh untuk mencapai matlamat Perbadanan.

#### Risiko Reputasi

Bagi risiko reputasi yang timbul akibat daripada risiko yang lain seperti risiko operasi, PIDM akan meneruskan amalan tadbir urus dan sistem kawalan dalamannya yang kukuh bagi memastikan ketelusan dan amalan terbaik tadbir urus korporat. Dalam mengurus pendedahan reputasi luaran, PIDM akan terus

melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu lima tahun bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai PIDM, sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans demi mencapai tahap kesedaran awam yang kami sasarkan.

#### KESIMPULAN

Tahun 2010 merupakan tahun yang amat produktif bagi Pengurusan Risiko Organisasi serta Perbadanan secara keseluruhannya. Kami berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan bagi tahun 2010 dan telah berjaya dengan cemerlang dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif kami.

Bagaimanapun, untuk mengekalkan fungsi Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan memerlukan usaha yang berterusan, termasuk semakan semula dan peningkatan yang berterusan kepada pelbagai polisi, prosedur dan proses kami.

Bagi tahun 2011, antara inisiatif lain, kami merancang untuk menyempurnakan pembangunan Polisi Risiko Lembaga Pengarah, melengkapkan kesediaan tapak pemulihan bencana, terus menyediakan khidmat nasihat risiko yang ditambah nilai, dan terus meningkatkan budaya pengurusan risiko dalam Perbadanan.

# TADBIR URUS KORPORAT


## PENYATAAN TADBIR URUS

### PENGENALAN

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah PIDM telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2006. Polisi ini menggariskan 15 piawaian berdasarkan prinsip dan amalan tadbir urus korporat terbaik di peringkat antarabangsa dan tempatan. Lembaga Pengarah mematuhi sepenuhnya Polisi tersebut. Setiap tahun ia melapor kepada pemegang kepentingannya mengenai piawaian ini.

Penyataan ini menerangkan mengenai cara PIDM mematuhi piawaian dan amalan terbaik ini sebagaimana yang ditetapkan dalam setiap piawaian.

### RANGKA KERJA TADBIR URUS KAMI



### PENYATAAN KAMI

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan pematuhan penuh dengan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

### LEMBAGA PENGARAH

#### Komposisi, Pelantikan dan Ganjaran

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh orang Pengarah, dengan pelbagai bidang kemahiran dan pengalaman yang luas daripada sektor swasta dan awam. Dua daripada Pengarah ini merupakan Pengarah *ex officio*, iaitu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Semua Pengarah adalah bukan eksekutif, bagi tujuan mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah, dan Ketua Pegawai Eksekutif bukan seorang ahli Lembaga Pengarah.

Menteri Kewangan melantik kelima-lima Pengarah bukan *ex officio*, atas cadangan Lembaga Pengarah. Salah seorang Pengarah mempunyai pengalaman dalam sektor awam. Pengerusi mesti mempunyai pengalaman dalam sektor swasta. Tiga Pengarah yang lain adalah daripada sektor swasta, dengan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka mempunyai pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan yang berkaitan.

Pada tahun 2010, Menteri Kewangan (atas cadangan Lembaga Pengarah) telah melantik dua orang Pengarah bukan *ex officio* bagi memenuhi kekosongan jawatan setelah persaraan Encik Michael Wong dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob. Pengarah baharu tersebut ialah:

- Dato' Halipah Esa; dan
- Encik Lim Tian Huat.

Profil mereka boleh didapati di muka surat 20 Laporan Tahunan ini.

Di bawah Akta PIDM yang telah digubal baru-baru ini, bilangan maksimum Pengarah telah bertambah daripada tujuh kepada sembilan orang. Salah seorang daripada dua Pengarah tambahan mesti mempunyai pengalaman dalam sektor awam, manakala seorang lagi mesti mempunyai pengalaman dalam sektor swasta. Penambahan dalam bilangan maksimum Pengarah menunjukkan mandat PIDM yang diperluaskan bagi melindungi pemilik sijil takaful atau polisi insurans.

Pada tahun 2010, Pengarah-pengarah menerima sejumlah RM362,000 secara kolektif sebagai ganjaran bagi Lembaga Pengarah dan kerja Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

#### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Akta PIDM menggariskan tanggungjawab keseluruhan Lembaga Pengarah bagi pengendalian urusan dan hal ehwal PIDM, dan tanggungjawab Pengarah untuk melaksanakan tugas secara jujur, penuh ketelitian dan bertindak untuk kebaikan Perbadanan.

Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah juga dinyatakan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan dalam huraian jawatan mereka. Akta PIDM yang baharu, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, dan huraian tugas tersebut boleh didapati dalam laman sesawang PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my) di bahagian bertajuk "Tadbir Urus PIDM".

#### Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun 2010, tujuh mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Tiga daripadanya merupakan mesyuarat khas Lembaga Pengarah, yang mana dua daripadanya adalah untuk mempertimbangkan cadangan pindaan kepada Akta PIDM dan polisi-polisi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan selebihnya, bagi perancangan strategik. Rekod kehadiran adalah seperti yang berikut:

Lembaga Pengarah	Kehadiran	Sesi Perancangan Strategik	Mesyuarat Akta PIDM / Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, Pengerusi	7/7	✓	✓
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz ( <i>ex officio</i> )	5/7	X	✓
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah ( <i>ex officio</i> )	5/7	✓	✓
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob [Bersara pada 14 Ogos 2010]	4/4 mesyuarat ketika berkhidmat	Bersara	✓
Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias	6/7	✓	✓
Encik Michael Wong Kuan Lee [Bersara pada 14 Ogos 2010]	4/4 mesyuarat ketika berkhidmat	Bersara	✓
Encik David Dass	7/7	✓	✓
Dato' Halipah Esa [Dilantik pada 14 Ogos 2010]	3/3 mesyuarat ketika berkhidmat	✓	Belum menyertai Lembaga Pengarah
Encik Lim Tian Huat [Dilantik pada 14 Ogos 2010]	3/3 mesyuarat ketika berkhidmat	✓	Belum menyertai Lembaga Pengarah

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS



### TUGAS LEMBAGA PENGARAH

Bahagian seterusnya menghuraikan pematuhan Lembaga Pengarah terhadap kesemua piawaian Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

#### Tahun-tahun Awal Penubuhan 2006 – 2009

Lembaga Pengarah mula menubuhkan pengatur tadbir urus korporatnya pada tahun 2006, dan telah berusaha sejak dari itu untuk mematuhi sepenuhnya Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Pada tahun 2008, Lembaga Pengarah telah berupaya melaporkan pematuhan penuh terhadap Polisi tersebut.

#### Tinjauan Tugas Lembaga Pengarah Pada Tahun 2010

Sejak tahun 2009, pada permulaan setiap tahun, Lembaga Pengarah mengenal pasti beberapa bidang fokus tertentu bagi tahun berkenaan, dan akan berusaha ke arah memenuhi objektif tersebut.

Pada tahun 2010, objektif Lembaga Pengarah adalah untuk melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan fokus ke atas perkara yang paling kritikal kepada Perbadanan di peringkat strategik. Ini merupakan jangkaan terhadap urusan dan hal ehwal Perbadanan yang semakin rumit, dengan lebih inisiatif, dan berikutan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan.

Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah mengguna pakai tiga pelan tindakan utama bagi memastikan Lembaga Pengarah memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Pelan tindakan tersebut ialah:

- Senarai butiran strategik:** Digunakan sebagai satu cara peringatan kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan, setiap fail Lembaga Pengarah mengandungi senarai butiran strategik yang akan menjadi fokus utama Lembaga Pengarah.
- Agenda yang dicadangkan dan pengurusan mesyuarat:** Agenda yang dicadangkan akan memberi tumpuan kepada isu-isu utama dan strategik.
- Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah yang memberi tumpuan kepada hal-hal polisi utama tertentu:** Tempoh tertentu diperuntukkan untuk mempertimbangkan dan membahaskan dengan terperinci hal-hal polisi kritikal, serta untuk mencabar pihak Pengurusan. Sekiranya diperlukan, Lembaga Pengarah bersetuju, untuk mengaturkan mesyuarat khas Lembaga Pengarah bagi memastikan Lembaga Pengarah membahaskan sepenuhnya hal-hal polisi, seperti strategi untuk memastikan kelancaran peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, atau polisi-polisi pendasar pindaan yang dicadangkan kepada Akta PIDM 2005.

Lembaga Pengarah melaksanakan pelan tindakan utamanya pada tahun 2010 dan berupaya memberi tumpuan terhadap semua hal-hal strategik dan polisi utama pada tahun 2010. Tiga mesyuarat khas Lembaga Pengarah telah diadakan: satu pada 12 April 2010 dan satu lagi pada 3 Ogos 2010 khusus untuk membincangkan cadangan pindaan kepada Akta PIDM dan polisi-polisi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan satu lagi pada 30 September 2010, yang merupakan sesi perancangan strategik.

Jadual yang berikut memperinci kemajuan Lembaga Pengarah berkenaan dengan setiap piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 1: Kebebasan Lembaga Pengarah</b>	
Ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.	Akta PIDM membezakan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bagi memastikan kebebasan dan Ketua Pegawai Eksekutif bukan seorang ahli Lembaga Pengarah. Semua Pengarah adalah bukan eksekutif dan mesti menggunakan penilaian bebas untuk bertindak demi kepentingan PIDM. Ini merupakan keperluan Akta PIDM.
<b>Piawaian 2: Keberkesanan dan tanggungjawab tadbir urus Lembaga Pengarah</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan kefahaman mengenai matlamat dan kuasa Perbadanan, serta tanggungjawab tadbir urusnya.</p> <p>Untuk mencapai piawaian ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) membangunkan dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab itu dan akan menilai secara objektif, keberkesanan dalam tindakan sedemikian dari semasa ke semasa; dan</p> <p>(ii) memastikan Perbadanan mempunyai perancangan bagi program orientasi pengarah baharu dan latihan berterusan yang sesuai kepada tanggungjawab dan keperluan Lembaga Pengarah dari segi tadbir urus.</p>	<p>Pada tahun berkenaan, Lembaga Pengarah telah menyemak semula dan mempertimbangkan pindaan kepada Akta PIDM, yang melibatkan semakan semula terhadap mandat, objektif dan kuasa PIDM. Ini disusuli oleh cadangan dibuat kepada Menteri Kewangan untuk meminda mandat, objektif dan kuasa PIDM.</p> <p>(i) <b>Proses untuk menilai keberkesanan.</b> Sejalan dengan amalan terbaik, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah menilai keberkesanan mereka pada setiap tahun, dan begitu juga setiap Pengarah. Di bawah pimpinan Pengerusi, pada awal tahun 2011, Lembaga Pengarah merancang untuk bermesyuarat untuk menilai keberkesanan mereka bagi 2010. Setiap Pengarah juga melakukan satu penilaian sendiri terhadap prestasi masing-masing dengan melengkapkan borang penilaian yang dirangka berdasarkan tugas dan tanggungjawab mereka.</p> <p>Pada tahun 2010, berikutan cadangan tadbir urus korporat seperti Semakan Walker (<i>Walker Review</i>)<sup>1</sup>, Lembaga Pengarah mempertimbangkan keperluan bagi mendapatkan perunding luar untuk menjalankan penilaian Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah memutuskan bahawa langkah ini belum lagi diperlukan dalam konteks PIDM, tetapi akan mempertimbangkan perunding tadbir urus luar untuk menilai proses penilaian terkini. Pindaan kepada soal selidik telah dibuat untuk memberi tumpuan kepada hal-hal prestasi dan khusus, dengan merujuk kepada draf panduan yang dikeluarkan oleh Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (<i>Institute of Chartered Secretaries Association – ICSEA</i>), yang menyediakan draf panduan mengenai "Menambah Baik Keberkesanan Lembaga Pengarah".<sup>2</sup></p> <p>(ii) <b>Orientasi.</b> Pada tahun 2010, Program Orientasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah telah dijalankan bagi dua Pengarah baharu. Objektif utama Program Orientasi tersebut adalah untuk memastikan penyediaan Pengarah baharu ke dalam Lembaga Pengarah dengan secepat mungkin agar Perbadanan boleh memanfaatkan pandangan Pengarah baharu. Sebagai sebahagian daripada program ini, Pengarah baharu juga diberikan "Panduan Pengarah" yang menyediakan maklumat utama mengenai fungsi dan tugas serta harapan utama Lembaga Pengarah.<sup>3</sup></p> <p>(iii) <b>Sesi pendidikan.</b> Seperti tahun-tahun sebelum ini, Lembaga Pengarah mengenal pasti sesi-sesi pendidikan yang akan diadakan pada awal tahun. Pada tahun 2010, ahli Lembaga Pengarah terus terlibat dalam sesi pendidikan bagi pembangunan dan membina kefahaman mengenai objektif dan kuasa serta persekitaran operasi PIDM. Secara khusus, satu sesi maklumat telah diadakan mengenai Rangka Kerja Dana Sasaran dan satu sesi maklumat mengenai Pembayaran Balik Deposit juga telah dijalankan. Beberapa ahli Lembaga Pengarah juga mengambil bahagian dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (<i>Financial Institutions Directors' Education – FIDE</i>)<sup>4</sup>, dan juga menghadiri taklimat oleh penceramah utama yang dianjurkan oleh Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan.</p> <p>(iv) <b>Mesyuarat Bersama Tiga Pihak Penginsurans Deposit Serantau.</b> Pada tahun 2009, ahli Lembaga Pengarah PIDM dan pihak Pengurusan telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat bersama tiga pihak yang pertama dengan penginsurans deposit dari Indonesia dan Thailand di Kuala Lumpur, dan mesyuarat tersebut telah membuahkan perkongsian pengetahuan yang berguna dan menetapkan asas bagi mesyuarat yang sama pada masa hadapan. Pada tahun 2010, PIDM mengambil bahagian dalam acara susulan yang diadakan di Jakarta, bersama penginsurans deposit dari Indonesia dan Thailand. Acara tersebut merangkumi upacara menandatangani memorandum persefahaman bagi kerjasama yang lebih erat dan perkongsian pengetahuan di kalangan tiga penginsurans deposit tersebut.</p>

<sup>1</sup> Walker Review of Corporate Governance of UK Banking Industry (November 2009)

<sup>2</sup> <http://www.icsea.org.uk/policy-guidance/consultations/improving-board-effectiveness/draft-consultation>. Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia ialah badan keajaian dan keahlian antarabangsa bagi profesyen Setiausaha Berkanun dan pihak berkuasa terulung di dunia mengenai tadbir urus dan pematuhan.

<sup>3</sup> Salinan Panduan Pengarah boleh didapati di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my) di bawah Bahagian "Tadbir Urus PIDM"

<sup>4</sup> Ditubuhkan pada tahun 2008, Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan merupakan inisiatif bersama antara PIDM dan BNM yang memberi tumpuan kepada amalan tadbir urus korporat dalam kalangan institusi kewangan di Malaysia

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 3: Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa</b>	
<p>Apabila melantik sesebuah jawatankuasa, Lembaga Pengarah akan menentukan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta keperluan kebertanggungjawaban bagi jawatankuasa ini.</p>	<p>Keperluan tanggungjawab, bidang kuasa dan kebertanggungjawaban Jawatankuasa Lembaga Pengarah diuraikan dalam piagam masing-masing.</p> <p>Kesemua piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah disemak semula pada tahun 2010 bagi memastikan piagam kekal terkini dan relevan. Perubahan telah dibuat masing-masing kepada Piagam Jawatankuasa Ganjaran, Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dan Piagam Jawatankuasa Audit seperti yang dilaporkan di bawah.</p> <p>Setiap Jawatankuasa melaporkan secara tetap mengenai pematuhan terhadap piagam-piagam ini iaitu untuk menilai sama ada ia telah memenuhi tanggungjawab utamanya.</p>
<b>Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah</b>	
<p>Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan unsur kebebasan serta mempunyai gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, memandangkan objektif dan hala tuju strategik Perbadanan.</p> <p>Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah, melalui rundingan bersama Ketua Pegawai Eksekutif, akan:</p> <p>(i) membangunkan satu profil kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan menasihati Menteri Kewangan berkenaan dengan gabungan sesuai yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan jawatan ahli Lembaga Pengarah bukan <i>ex officio</i></p> <p>(ii) membangunkan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah untuk mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan bagi memastikan pengurusan penggantian Pengarah secara teratur</p>	<p><b>Latar Belakang.</b> Pada tahun 2007, Lembaga Pengarah mewujudkan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, yang merangkumi Polisi Tempoh Pemegangan Jawatan, Persaraan dan Pengurusan Penggantian, serta proses membangunkan profil Lembaga Pengarah dan profil individu ahli Lembaga Pengarah bagi menilai gabungan kemahiran dan kepakaran yang sesuai yang tersedia dalam Lembaga Pengarah. Rancangan ini telah dimaklumkan kepada Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada cadangan Lembaga Pengarah bagi pelantikan Pengarah.</p> <p><b>Profil Lembaga Pengarah.</b> Proses membangunkan profil Lembaga Pengarah (berkumpulan dan individu) telah diwujudkan pada bulan November 2006. Profil tersebut telah dibangunkan dan disemak semula setiap tahun, dengan mempertimbangkan keperluan semasa, tahap pembangunan, dan aspirasi Perbadanan. Profil tersebut kemudian membentuk asas bagi menentukan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk memenuhi kekosongan Lembaga Pengarah akan datang dan dipertimbangkan dalam menyediakan senarai calon yang sesuai.</p> <p><b>Analisis bagi mengenal pasti kekurangan dalam tahap kemahiran.</b> Seperti tahun-tahun sebelum ini, pada tahun 2010 Lembaga Pengarah menjalankan analisis kekurangan kemahiran tahunannya, dengan membandingkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang tersedia di Lembaga Pengarah terhadap profil yang diinginkan. Ini adalah untuk menentukan sekiranya terdapat mana-mana kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan dalam Lembaga Pengarah, yang tidak tersedia ketika ini. Hasil analisis menunjukkan Lembaga Pengarah mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai Lembaga Pengarah walaupun pada masa hadapan, Lembaga Pengarah akan mencari calon-calon yang berpotensi dengan kepakaran dalam industri insurans.</p> <p><b>Pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah.</b> Sebagai sebahagian daripada rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah akan mengekalkan dan menambah kepada senarai calon-calon yang berpotensi yang memenuhi profil yang diperlukan bagi keahlian Lembaga Pengarah. Senarai tersebut dikemas kini dari semasa ke semasa bagi tujuan cadangan pelantikan Pengarah apabila diperlukan. Pada 2010, Lembaga Pengarah terus mengikuti proses ini, dan Lembaga Pengarah telah membuat cadangan tertentu kepada Menteri Kewangan bagi memenuhi dua kekosongan yang timbul pada tahun 2010.</p> <p><b>Rancangan jangka panjang.</b> Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah menjangkakan perubahan kepada persekitaran pengoperasian PIDM serta perubahan yang akan berlaku kepada komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun-tahun mendatang. Dengan jangkaan peluasan mandat PIDM untuk merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Lembaga Pengarah mempertimbangkannya sebagai penting bagi memastikan kestabilan dan kesinambungan bagi Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, fokus utama pada tahun 2010 termasuk mencadangkan calon-calon yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu. Encik Lim Tian Huat, Pengarah baharu dilantik pada bulan Ogos telah diumumkan sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Audit. Dato' Halipah Esa, seorang lagi Pengarah baharu dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran.</p> <p>Seperti yang dinyatakan di muka surat 47, bilangan maksimum Pengarah telah ditambah daripada tujuh kepada sembilan dengan penggabungan Akta PIDM baharu berkuat kuasa pada 31 Disember 2010. Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan calon-calon untuk memenuhi dua jawatan baharu ini, satu dengan kepakaran dalam bidang insurans dan satu lagi daripada sektor awam.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 5: Peranan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif</b>	
<p>Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) membangunkan huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif;</p> <p>(ii) membangunkan satu set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun yang mana Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk mencapainya, dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif terhadap objektif tersebut; dan</p> <p>(iii) mewujudkan hubungan kebertanggungjawaban Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.</p>	<p>Ini telah diperincikan dan didokumentasikan bagi memberi kejelasan huraian jawatan bagi kedua-dua peranan.</p> <p>Sehubungan ini:</p> <p>(i) Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif telah dikaji semula setiap tahun sejak penubuhan PIDM. Tiada pindaan penting dibuat berikutan kajian semula pada tahun 2010.</p> <p>(ii) Petunjuk Prestasi Utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan setiap tahun berdasarkan objektif korporat PIDM. Prestasi beliau terhadap Petunjuk Prestasi Utama tersebut dipantau dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran, pada akhir tahun; dan</p> <p>(iii) Di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan kuasa dan prestasi tugasannya. Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif juga menerangkan hubungan kebertanggungjawaban.</p>
<b>Piawaian 6: Pelantikan pegawai korporat kanan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan Perbadanan (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan tempoh jawatan dan ganjaran bagi mereka.</p>	<p>Pegawai korporat kanan dilantik oleh Lembaga Pengarah dan terma-terma perkhidmatan dan pampasan mereka ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Pada tahun 2010, Undang-undang Korporat telah dipinda agar jawatan Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalamam dikira sebagai pegawai korporat yang melapor kepada Lembaga Pengarah.</p>
<b>Piawaian 7: Ganjaran pegawai</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan, secara berterusan, bahawa ganjaran yang diterima oleh pegawai dan kakitangan PIDM adalah sejajar dengan pencapaian mapan objektif Perbadanan, pengurusan berhemat hal ehwal dan risiko yang dihadapinya, serta pematuhan kepada polisi dan prosedur.</p> <p>Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program ganjaran bagi semua pengarah, dan mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan berkenaan dengannya.</p>	<p>Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai hal-hal ganjaran. Polisi ganjaran dan manfaat kakitangan serta polisi pengurusan prestasi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi-polisi tersebut adalah sejajar dengan model perniagaan kami, yang memerlukan pasukan individu khusus yang berupaya mencapai mandat kami dan bekerjasama dengan rakan strategik dan penyedia perkhidmatan utama apabila diperlukan. Lembaga Pengarah menanda aras secara tetap tahap penggajian berbanding penggajian industri bagi memastikan PIDM kekal berdaya saing dari segi ganjaran.</p> <p>Sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta PIDM, Menteri Kewangan menentukan ganjaran bagi Lembaga Pengarah atas cadangan Lembaga Pengarah. Setiap ahli Lembaga Pengarah dibayar fi tahunan, bersama elaun bagi kehadiran mesyuarat. Satu semakan telah dijalankan pada tahun 2010 bagi menentukan sama ada ganjaran untuk Pengarah setara dengan masa yang diluahkan oleh para Pengarah mengenai hal-hal PIDM dan Lembaga Pengarah akan membuat cadangan mengenai perkara yang sama kepada Menteri Kewangan.</p>
<b>Piawaian 8: Rancangan pengurusan penggantian</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan merancang penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.</p>	<p>Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan meluluskan rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2009 dan jawatan Ketua Pegawai Operasi telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian. Proses rancangan pengurusan penggantian merupakan usaha berterusan, yang memerlukan pembangunan calon-calon yang berpotensi tinggi. Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah mempertimbangkan rancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama dan berpuas hati bahawa rancangan-rancangan yang sesuai telah tersedia.</p>

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 9: Piawaian tata laku dan etika</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan mewujudkan piawaian tata laku dan etika bagi Pengarah, pegawai dan kakitangan lain di Perbadanan, dan memperoleh jaminan secara berterusan, bahawa Perbadanan mempunyai proses berterusan, sesuai dan berkesan bagi memastikan kepatuhan terhadap piawaian tersebut.</p>	<p>Lembaga Pengarah mewujudkan piawaian tata laku dan etika yang patut diamalkan oleh Pengarah dan kakitangan melalui Kod Tata Laku dan Etika Urusan, serta Kod Konflik Kepentingan. Pihak Pengurusan melaporkan pematuhan kepada kod ini kepada Lembaga Pengarah setiap tahun. Kesemua kakitangan menjalani latihan mengenai Kod-kod tersebut dan mesti mengisytihar kepatuhan mereka setiap tahun. Polisi Pendedahan Maklumat Berkenaan Salah Laku Di Tempat Kerja, juga menyediakan mekanisme yang membolehkan kakitangan dan pemegang kepentingan lain membuat laporan mengenai salah laku.</p> <p>Program pematuhan rasmi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah boleh didapati di laman sesawang PIDM di <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a> dalam bahagian "Tadbir Urus PIDM". Program pematuhan ini juga melibatkan penubuhan Jawatankuasa Pematuhan Korporat pada tahun 2009, dengan objektif memastikan pelaksanaan tanggungjawab pemantauan yang berkaitan dengan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang diguna pakai oleh Perbadanan. Laporan mengenai pematuhan dibuat setiap tahun kepada Lembaga Pengarah (melalui Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Audit) mengenai kepatuhan kepada piawaian-piawaian ini, dan Kaunsel Am juga memberikan jaminan mengenai pematuhan melalui surat representasi rasmi.</p> <p>Polisi Pelantikan Kaunsel Perundangan Berasingan Bebas dan Kaunsel yang Lain membolehkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah melantik penasihat bebas untuk membantu dalam memenuhi tanggungjawab mereka.</p> <p>Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan tinggi terhadap kesesuaian dan pematuhan sistem yang sedia ada.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 10: Risiko utama kepada Perbadanan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) mencapai kefahaman mengenai risiko utama urusan Perbadanan;</p> <p>(ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan dan sentiasa dikaji semula; dan</p> <p>(iii) memperoleh jaminan yang wajar, secara berterusan bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan terus diurus secara efektif.</p>	<p>(i) Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko dilaksanakan. Antara lain, sejajar dengan komitmen terhadap Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, Lembaga Pengarah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memantau pematuhan terhadap program Pengurusan Risiko Organisasi bagi memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko secara konsisten dalam mengenal pasti, menaksir, menilai, memantau dan melaporkan risiko di seluruh PIDM;</li> <li>• memantau pelaksanaan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi oleh pihak Pengurusan, dan menerima laporan risiko yang tetap yang mengenal pasti kawalan dan pelan tindakan risiko bagi menangani risiko yang dikenal pasti;</li> <li>• mengambil kira hasil pelaksanaan penilaian keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi dan seterusnya mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik;</li> <li>• mempertimbangkan dan meluluskan profil risiko utama yang penting; dan</li> <li>• menerima laporan terperinci mengenai setiap polisi.</li> </ul> <p>Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah dari segi pelaksanaan fungsi melalui Jawatankuasa Audit, bagi memastikan kebebasan daripada pihak Pengurusan.</p> <p>(ii) Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah meluluskan polisi risiko tertentu sebagaimana yang dijelaskan dalam artikel "Mengurus Risiko Kami" di muka surat 40.</p> <p>(iii) Lembaga Pengarah memperoleh kefahaman mengenai risiko utama PIDM dengan menerima dan menyemak laporan tetap mengenai kekukuhan institusi ahli. Lembaga Pengarah juga menerima dan menyemak laporan tetap daripada pihak Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengenai risiko terhadap urusan dan hal ehwalnya, bagi memahami jenis dan saiz risiko utama kepada PIDM.</p> <p>(iv) Lembaga Pengarah juga menerima laporan tetap daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan bidang audit utama yang tertentu. Ketua Juruaudit Dalaman juga mengesahkan laporan Pengurusan Risiko Organisasi, melalui audit ke atas pematuhan terhadap kawalan dalaman. Ini membolehkan Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan yang wajar bahawa polisi pengurusan risiko dipatuhi. Setiap tahun, Ketua Pegawai Risiko menyediakan surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan tinggi bahawa sistem Pengurusan Risiko Organisasi tersedia dan sentiasa dipatuhi.</p>

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 11: Persekitaran kawalan dan audit dalaman</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasi dan risiko yang berkenaan (termasuk risiko yang menghalang pencapaian matlamatnya) serta mempunyai polisi dan amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) memperuntukkan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman bagi menetapkan mandatnya;</p> <p>(ii) meluluskan pelan audit setiap tahun; dan</p> <p>(iii) memperoleh jaminan wajar daripada kumpulan audit dalaman secara tetap berkaitan dengan pemantauan dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan sepatutnya diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti.</p>	<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko PIDM dan memperoleh jaminan masing-masing daripada Pengurusan, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman. Sehubungan ini:</p> <p>(i) Lembaga Pengarah telah menubuhkan fungsi audit dalaman, meluluskan mandatnya, dan memperuntukkan sumber bagi memastikan ia memenuhi peranan dan tanggungjawabnya.</p> <p>(ii) Lembaga Pengarah telah menyediakan satu proses untuk meluluskan pelan audit tiga tahun pada setiap tahun. Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah meluluskan pelan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Prestasi menurut pelan audit dilaporkan dan disemak dua kali setahun.</p> <p>(iii) Rangka kerja kawalan dalaman Perbadanan disempurnakan pada Februari 2007. Pada Februari 2010, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan audit dalaman mengenai penilaian pematuhan pihak Pengurusan terhadap kawalan dalaman dengan menggunakan kriteria yang diluluskan. Ketua Juruaudit Dalaman menyediakan jaminan yang wajar mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan integriti sistem kawalan dalaman melalui penfailan surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. (Lihat Penyataan Kawalan Dalaman di muka surat 61).</p>
<b>Piawaian 12: Dalam kawalan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan mendapatkan jaminan sewajarnya secara tetap bahawa Perbadanan berada "dalam keadaan terkawal".</p> <p>(Nota: Konsep "dalam keadaan terkawal" merujuk kepada keadaan operasi Perbadanan di bawah tadbir urus Lembaga Pengarah yang berkesan dan diurus berpandukan proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Kelemahan yang berkaitan akan dikenal pasti, ditangani dan dikemukakan bagi perhatian Lembaga Pengarah).</p>	<p>Pada tahun 2010, sejajar dengan kriteria yang ditetapkan dalam rangka kerja, Lembaga Pengarah memperoleh jaminan yang wajar bahawa urusan dan hal ehwal PIDM diurus secara berkesan menurut proses pengurusan strategik dan risiko yang tersedia dalam persekitaran kawalan yang sesuai. (Lihat Penyataan Kawalan Dalaman di muka surat 61, dan artikel mengenai "Mengurus Risiko Kami" di muka surat 40).</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 13: Proses pengurusan strategik</b>	
<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan rancangan dan hala tuju strategik Perbadanan, dengan mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan.</p> <p>Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) menilai objektif Perbadanan dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif kekal relevan dan, sekiranya perlu, mencadangkan perubahan untuk pertimbangan Menteri Kewangan;</p> <p>(ii) melaksanakan proses perancangan strategik;</p> <p>(iii) sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, rancangan peminjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat memandangkan objektif, persekitaran terkini dan yang dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan;</p> <p>(iv) sentiasa menilai prestasi Perbadanan dalam melaksanakan perancangan dan bajet yang diluluskan; dan</p> <p>(v) memperoleh jaminan secara tetap bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan.</p>	<p>Setiap tahun, sesi Perancangan Strategik diadakan untuk mempertimbangkan hala tuju strategik PIDM. Pada September 2010, Lembaga Pengarah bermesyuarat untuk mempertimbangkan dan meluluskan hala tuju strategik Perbadanan dan objektif, matlamat serta aktiviti utamanya bagi tempoh rancangan korporat 2011 – 2013. Analisis risiko dan peluang juga telah dijalankan. Lembaga Pengarah kemudiannya telah meluluskan Rancangan Korporat bagi 2011 – 2013 pada mesyuarat Disember 2010.</p> <p>Setiap tahun Lembaga Pengarah menilai objektif PIDM bagi memastikan ia kekal relevan. Pengumuman Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan oleh Menteri Kewangan pada Mei 2010 telah membawa kepada penggubalan Akta PIDM 2010, teras utamanya adalah untuk memperluas mandat PIDM bagi menyediakan perlindungan sekiranya berlakunya kegagalan syarikat insurans dan pengendali takaful serta memperluaskan kuasa PIDM.</p> <p>Proses perancangan strategik telah dilaksanakan oleh PIDM sejak penubuhannya.</p> <p>Setiap tahun, Lembaga Pengarah meluluskan Rancangan Korporat tiga tahun sejajar dengan piawaian ini, dan Rancangan Korporat ini diterbitkan dan diedarkan kepada pemegang kepentingan utama sebagai sebahagian daripada sistem ketelusan dan kebertanggungjawaban PIDM.</p> <p>Laporan tetap mengenai prestasi Rancangan Korporat diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah, dan dipertimbangkan secara terperinci oleh Jawatankuasa Audit.</p> <p>Proses pengurusan strategik merupakan proses yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan digunakan setiap tahun untuk membangunkan Rancangan Korporat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</p>
<b>Piawaian 14: Komunikasi yang berkesan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa Perbadanan berkomunikasi secara berkesan dengan orang ramai, Bank Negara Malaysia (BNM), badan berkanun atau pengawalselia yang lain, pendeposit, institusi ahli dan pihak berkaitan yang lain.</p>	<p>Lembaga Pengarah terus mengekalkan hubungan interaksi dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi beberapa saluran. Setiap tahun, Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan PIDM diedarkan kepada pemegang kepentingan utama. Bersempena dengan penerbitan Laporan Tahunan kami, sesi dialog tahunan diadakan dengan pemegang kepentingan. Mesyuarat dan perbincangan terus diadakan antara pegawai PIDM dan BNM berkaitan dengan isu-isu pengawalseliaan. Terdapat satu program kesedaran awam pelbagai tahun yang komprehensif untuk mendidik orang ramai mengenai manfaat dan had sistem insurans deposit. Brosur maklumat telah diedarkan dan tersedia di semua bank ahli. Kami mengadakan rundingan berterusan bersama pemegang kepentingan utama mengenai pembangunan undang-undang, peraturan dan garis panduan utama yang dikeluarkan oleh PIDM. PIDM merupakan peserta aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Pada tahun 2010, dialog tahunan bersama pemegang kepentingan telah diadakan pada 6 Mei, dan PIDM telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya yang pertama pada 30 September bersempena dengan sambutan ulang tahun kelimanya.</p> <p>Lembaga Pengarah juga meneruskan pemantauan usaha komunikasi oleh pihak Pengurusan pada tahun 2010 dan laporan suku tahun disediakan kepada Lembaga Pengarah.</p>

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2010
<b>Piawaian 15: Kajian semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah</b>	
Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah setiap tahun bagi memastikan polisi ini kekal responsif terhadap situasi dan keperluan Perbadanan dan terus sejajar dengan perundangan yang dipatuhi oleh Perbadanan, mandat Perbadanan, panduan hal tadbir urus yang khusus bagi badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.	Dalam semakan semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada Julai 2010, Lembaga Pengarah mendapati bahawa Polisi ini kekal terkini dan relevan dengan keperluan dan situasi PIDM. Satu-satunya perubahan kepada Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah ialah penambahan Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Risiko masing-masing kepada Piawaian No. 1 dan 10 bagi menunjukkan perubahan kepada organisasi. Lembaga Pengarah juga mengambil kira struktur tadbir urus masih memuaskan, ditanda aras terhadap senarai semakan Persekutuan Akauntan Antarabangsa dalam laporannya bertajuk " <i>Governance in the Public Sector – A Governing Body's Perspective</i> " (Ogos 2001). Tambahan lagi, Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Tadbir Urus, juga menyemak struktur tadbir urusnya terhadap beberapa penerbitan mengenai tadbir urus korporat dalam sektor swasta, termasuk laporan penyelidikan oleh Profesor Bob Tricker bertajuk " <i>Twenty Practical Steps to Better Corporate Governance</i> " (Mac 2010), dan mendapati amalan kami adalah sejajar dengan bahagian berkaitan cadangan-cadangan ini.

### Keandalan maklumat

Bagi memastikan Lembaga Pengarah mempunyai maklumat untuk menentukan keandalan maklumat yang menjadi asas pengurusan sesebuah syarikat, Lembaga Pengarah menerima surat-surat representasi yang komprehensif daripada pihak Pengurusan yang menangani ketepatan dan keandalan maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menerima pengesahan daripada Ketua Juruaudit Dalaman, pada setiap tahun, sebagai asas bagi keandalan. Lembaga Pengarah juga mengharapkan pihak Pengurusan untuk menyediakan laporan Lembaga Pengarah yang komprehensif yang memperincikan tujuan laporan, isu-isu untuk dipertimbangkan dan menjangka pihak Pengurusan menyediakan penilaian dan analisis berkualiti, serta cadangan yang mantap. Pada penghujung setiap tahun, Lembaga Pengarah menilai sokongan yang diberikan oleh pihak Pengurusan dari segi maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah, dan memberikan pihak Pengurusan maklum balas terperinci dan penarafan keseluruhan, serta bersedia untuk menyoal pihak Pengurusan dan menjalankan pertanyaan terperinci untuk memenuhi tanggungjawab. Ketua Pegawai Risiko bukan hanya melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah, tetapi Lembaga Pengarah juga boleh meminta Ketua Pegawai Risiko mengesahkan sama ada beliau mempunyai pandangan dan pendapat berbeza mengenai hal-hal penting yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah, dan menyoal Ketua Pegawai Risiko mengenai risiko utama yang berkaitan dengan isu dan pandangan beliau mengenai keandalan maklumat yang diberikan. Ketua Pegawai Risiko dikehendaki menghadiri kesemua mesyuarat Lembaga Pengarah.

### JAWATANKUASA

Lembaga Pengarah telah melantik tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran. Piagam jawatankuasa tersebut boleh didapati di Lampiran Laporan Tahunan.

## Jawatankuasa Audit

### Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Audit mengadakan lima mesyuarat pada tahun 2010. Kehadiran ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA AUDIT	KEHADIRAN MESYUARAT
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias <i>(Pengerusi)</i>	5/5
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob <i>[Bersara pada 14 Ogos 2010]</i>	4/4 mesyuarat ketika berkhidmat
Encik Lim Tian Huat <i>(Naib Pengerusi)</i> <i>[Dilantik pada 14 Ogos 2010]</i>	1/1 mesyuarat ketika berkhidmat
Encik Michael Wong Kuan Lee <i>[Bersara pada 14 Ogos 2010]</i>	4/4 mesyuarat ketika berkhidmat
Encik David Dass	5/5
Dato' Halipah Esa <i>[Dilantik pada 14 Ogos 2010]</i>	1/1 mesyuarat ketika berkhidmat

Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah melantik dua ahli tambahan Jawatankuasa Audit. Bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian, Encik Lim Tian Huat telah dilantik sebagai Naib Pengerusi pada 4 Oktober 2010.

### Piagam Jawatankuasa Audit

Piagam Jawatankuasa Audit, yang telah dipinda dalam tahun 2010 untuk memasukkan jawatan Naib Pengerusi, digariskan di dalam Lampiran di muka surat 184. Piagam Jawatankuasa Audit menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Jawatankuasa Audit perlu memastikan penyata kewangan disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberi maklumat tepat mengenai hal

ehwal kewangan PIDM dengan cara yang paling komprehensif. Jawatankuasa ini juga perlu memastikan bahawa juruaudit dalaman dan luaran tidak mempunyai sebab untuk meragui sebarang aspek akaun atau kawalan dan prosedur audit di PIDM. Jawatankuasa ini menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu pelaporan kewangan perakaunan dan kawalan dalaman yang lain serta pengurusan kewangan, dan menyemak dan membuat cadangan mengenai Pelan Korporat Tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit juga memainkan fungsi pengawasan risiko utama dan peranan ini didokumentasikan dengan lengkap dalam Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi.

### Ringkasan Aktiviti Tahun 2010

Berikut ialah laporan ringkasan kerja utama Jawatankuasa Audit pada tahun 2010:

**Audit Dalaman:** Pada tahun 2010, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan empat laporan audit dalaman yang diterbitkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan. Ini termasuk semakan tahunan pematuhan kawalan dalaman PIDM, audit ke atas laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, audit yang dijalankan ke atas kawalan sistem, polisi, prosedur dan proses PIDM berkaitan inisiatif dan aktiviti hubungan media; dan audit ke atas penaksiran risiko dan fungsi pemantauan berkaitan institusi ahli.

Jawatankuasa Audit juga menyemak piagam audit dalaman, pelan tiga-tahun fungsi audit dalaman, bajet dan mempertimbangkan sumber yang diperlukan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan. Jawatankuasa ini memantau prestasi fungsi audit dalaman berbanding pelan audit setiap pertengahan tahun dan memastikan kebebasan fungsi audit dalaman.

**Perkara yang memerlukan perhatian:** Jawatankuasa Audit mempunyai akses secara langsung kepada juruaudit luaran dan pihak Pengurusan, serta kaunsel luaran bebas menurut Polisi Penglibatan Badan Asing dan Kaunsel Lain. Pada tahun 2010, jawatankuasa ini menganjurkan dua sesi perbincangan tertutup bersama pihak pengurusan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Juruaudit Dalaman dan juruaudit luar sebagai amalan tadbir urus yang baik. Sesi perbincangan ini turut menyediakan peluang untuk membincangkan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.

**Pelaporan secara langsung:** Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Audit terus menyemak laporan mengenai prestasi setiap fungsi.

**Pelaporan Kewangan:** Jawatankuasa Audit memperoleh kefahaman mengenai laporan kewangan dan memantau ketepatan, kebolehpercayaan dan kejelasan maklumat kewangan. Jawatankuasa ini juga mempertimbangkan maklumat yang

terdapat di dalam Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat. Seperti yang dinyatakan di dalam Akta PIDM, Laporan Tahunan PIDM (termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit luaran) mesti dihantar kepada Menteri Kewangan dalam tempoh tiga bulan selepas penghujung tahun kewangan (31 Disember).

### Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman: Jawatankuasa Audit mempertimbangkan:

- polisi perakaunan dan pertukaran utama di dalam polisi perakaunan untuk 2010;
- menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan tahunan, perbincangan dan analisis pengurusan, laporan audit luaran dan menyemak ketelusan proses pelaporan kewangan, laporan kawalan dalaman serta perwakilan pengurusan;
- mendapatkan pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalaman mengenai system kawalan dalaman; dan
- menyarankan penggunaan prinsip yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan, termasuk membuat pendedahan yang sewajarnya mengenai liabiliti kontinjen apabila tiada kerugian.

### Pengawasan pengurusan kewangan dan strategi:

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tanggungjawabnya berkaitan pengawasan pengurusan kewangan, termasuk pengurusan bajet tahunan dan pelaburan. Jawatankuasa Audit secara tetap menerima laporan mengenai perkembangan berbanding Rancangan Korporat 2010 – 2012 dan mempertimbangkan serta mencadangkan Rancangan Korporat 2011 – 2013 yang mengandungi bajet operasi tahunan dan pelan modal.

**Pengurusan risiko:** Berkaitan pengurusan risiko, Jawatankuasa Audit memberikan nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara yang dilaporkan dibawah Piawaian No. 10 hingga 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, di muka surat 53 hingga 54 Laporan Tahunan ini. Jawatankuasa Audit juga menjalankan semakan dalaman ke atas penaksiran risiko menurut rangka kerja kawalan dalaman korporat, yang diasaskan oleh rangka kerja *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission* (COSO) yang diiktiraf di seluruh dunia. Berdasarkan keputusan penaksiran, Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa kawalan dalaman yang kukuh di seluruh harapan organisasi telah dapat diwujudkan melalui kepimpinan yang mampan, budaya dan nilai korporat yang dikongsi, dan persekitaran korporat yang kondusif yang menekankan bertanggungjawab kepada pengurusan kawalan dan risiko. Pelbagai risiko yang dihadapi oleh Perbadanan dikenal pasti dan ditaksir secara rutin di setiap peringkat dan setiap fungsi dalam Perbadanan. Aktiviti kawalan dan mekanisme lain telah direka untuk mengurangkan risiko utama. Maklumat penting

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

untuk mengenalpasti risiko dan memenuhi objektif Perbadanan dimaklumkan melalui saluran yang telah dibangunkan dalam Perbadanan dan pihak luar. Kakitangan diberikan saluran komunikasi yang bersesuaian untuk menyampaikan isu atau masalah kepada pihak atasan. Di samping itu, pihak Pengurusan juga memantau secara berterusan seluruh sistem kawalan dalaman dan menangani sebarang isu atau masalah dengan segera.

Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa Audit mendapat akses langsung kepada Ketua Pegawai Risiko, yang secara tetap akan melaporkan aktiviti Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan risiko korporat kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

**Pematuhan etika dan perundangan:** Jawatankuasa Audit menyemak semula laporan mengenai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta kod dan polisi utama. Tiada kejadian ketidakpatuhan yang ditemui. Jawatankuasa Audit juga menyemak laporan aktiviti berkaitan dengan program pematuhan PIDM.

**Semakan Piagam:** Pada bulan Februari 2010, beberapa pindaan telah dibuat kepada Piagam Jawatankuasa Audit, termasuk pindaan untuk menjelaskan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Audit perlu dirujuk sebelum pelantikan atau penamatan Ketua Juruaudit Dalaman. Semakan piagam berikutnya akan dibuat pada tahun 2011.

### Jawatankuasa Ganjaran

#### Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Ganjaran mengadakan dua kali mesyuarat pada tahun 2010. Kehadiran ahli Jawatankuasa Ganjaran di mesyuarat adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA GANJARAN	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	2/2
Encik Michael Wong Kuan Lee [Bersara pada 14 Ogos 2010]	1/1 mesyuarat ketika berkhidmat
Encik David Dass	2/2
Dato' Halipah Esa [Dilantik pada 14 Ogos 2010]	1/1 mesyuarat ketika berkhidmat
Encik Lim Tian Huat [Dilantik pada 14 Ogos 2010]	1/1 mesyuarat ketika berkhidmat

#### Piagam Jawatankuasa Ganjaran

Piagam Jawatankuasa Ganjaran digariskan dalam Lampiran di muka surat 182. Piagam ini menghendaki ahli Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk

menyemak dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu-isu sumber manusia, seperti pampasan, pematuhan kepada keperluan undang-undang berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan, perancangan pengurusan penggantian, aduan dan perkara berkaitan sumber manusia yang lain. Satu pindaan dibuat kepada Piagam Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2010, untuk menerangkan bahawa pihak Pengurusan akan membentangkan cadangan mengenai polisi bonus kepada Jawatankuasa Ganjaran untuk dipertimbangkan.

#### Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Ganjaran

Beberapa perkara utama yang dijalankan atau disemak oleh Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2010 adalah seperti di bawah:

- meneruskan pemantauan ke atas pelaksanaan Strategi Sumber Manusia;
- mengambil tahu tentang laporan berkenaan pematuhan kepada polisi dan keperluan perundangan utama berkaitan sumber manusia, Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tata Laku Urusan dan Etika untuk Pengarah, dan juga Kod Tata Laku Urusan dan Etika untuk Kakitangan.
- menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2010 berbanding objektif yang diluluskan dan Petunjuk Prestasi Utama dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Ganjaran juga mempertimbangkan pernyataan objektif 2011 dan penunjuk prestasi utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan membuat cadangan tentang perkara yang sama kepada Lembaga Pengarah.
- mempertimbangkan kajian daya saing pasaran untuk menanda aras skim ganjaran semasa berbanding dengan pasaran semasa. Jawatankuasa juga membangunkan rangka kerja bonus yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Ganjaran juga meluluskan polisi bonus bagi tahun 2010 dan pemberian bonus sejajar dengan rangka kerja bonus yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- mempertimbangkan rancangan pengurusan penggantian untuk memastikan pemimpin sedia ada digalakkan untuk terus berkhidmat dalam organisasi dan membangunkan kerjaya mereka agar bersedia untuk memegang jawatan utama; dan
- memantau pelaksanaan program biasiswa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan. Program ini bermula pada bulan Julai 2010 yang mana biasiswa telah dianugerahkan kepada lima orang penerima.

### Jawatankuasa Tadbir Urus

#### Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Tadbir Urus mengadakan tiga kali mesyuarat pada tahun 2010. Kehadiran ahli Jawatankuasa Tadbir Urus adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA TADBIR URUS	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (Pengerusi)	3/3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	3/3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	1/3

#### Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus digariskan dalam Lampiran pada muka surat 180. Piagam tersebut mengkehendaki Jawatankuasa Tadbir Urus bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Tadbir Urus adalah memastikan struktur dan proses yang bersesuaian dilaksanakan agar pengawasan berkesan dan hala tuju dapat dibuat ke atas aktiviti PIDM. Jawatankuasa ini juga memastikan pematuhan kepada polisi tadbir urus dan piawai tadbir urus yang tinggi, menyemak semula keseimbangan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang sesuai bagi Lembaga Pengarah dan mengenalpasti jurang kemahiran serta membuat cadangan pelantikan jawatan bukan *ex officio* dalam Lembaga Pengarah pada masa hadapan.

#### Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Tadbir Urus

Jawatankuasa Tadbir Urus menyokong usaha Lembaga Pengarah berkenaan tadbir urus korporat, seperti yang dinyatakan di atas. Berikut adalah aktiviti utama Jawatankuasa Tadbir Urus pada tahun 2010:

- pelaksanaan pelan pendidikan tahunan Lembaga Pengarah untuk latihan dan pendidikan berterusan Pengarah mengenai operasi Perbadanan dan tanggungjawab tadbir urusnya.
- pelaksanaan objektif Lembaga Pengarah bagi tahun 2010, yang memberi penekanan terhadap peningkatan keberkesanan operasi Lembaga Pengarah;
- menyemak semula keahlian semasa ketiga-tiga jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- menyemak semula pendekatan PIDM mengenai tadbir urus dan juga polisi berkaitan tadbir urus, termasuk Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Undang-undang Korporat, pernyataan jawatan Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif;
- memantau rancangan pengurusan penggantian bagi pegawai korporat; dan

- menyemak semula profil Lembaga Pengarah secara bersama dan individu, dan menjalankan analisa jurang kemahiran, serta pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Tadbir Urus juga terus memantau perkembangan dalam tadbir urus korporat dan amalan terbaik di Malaysia dan luar negara.

#### PERKEMBANGAN JAWATANKUASA

Semua jawatankuasa menggunakan amalan mengikut perkembangan mereka berbanding tanggungjawab utama yang terkandung dalam piagam, pada setiap mesyuarat dan mempertimbangkan pelan tindakan pada masa hadapan. Pada penghujung setiap tahun, setiap Jawatankuasa menyemak semula kerja mereka sepanjang tahun tersebut, dan setiap ahli jawatankuasa mengisi borang kaji selidik untuk menilai keberkesanan jawatankuasa dan maklum balas dibincangkan pada tahap Lembaga Pengarah.

#### MAKLUMAT LAIN

##### Komunikasi Pemegang Kepentingan

Polisi Komunikasi Perbadanan menggariskan objektifnya, di antara lain, untuk:

- mewujudkan kesedaran dan pemahaman mengenai mandat Perbadanan dengan menyebarkan maklumat yang betul, tepat pada masanya dan relevan sebagai respons kepada keperluan pemegang kepentingan dan orang ramai bagi membantu mereka membuat keputusan bermaklumat mengenai simpanan dan pelaburan; dan
- mengalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan menyediakan maklumat dan akses oleh orang ramai dan pemegang kepentingan bagi membina kepercayaan dan sokongan.

Ini adalah sejajar dengan mandat PIDM, yang merangkumi objektif menyumbang kepada atau menggalakkan kestabilan sistem kewangan.

Kami mengekalkan laman web yang mesra pengguna bagi memudahkan akses kepada maklumat berkaitan urusan dan hal ehwal PIDM. Dari segi ketelusan, kami menyediakan di laman sesawang, maklumat mengenai polisi, amalan dan prosedur utama yang berkaitan dengan tadbir urus, etika dan pemerolehan.

Strategi komunikasi kami juga melibatkan penyebaran bahan maklumat PIDM kepada orang awam. Ini termasuk rancangan korporat dan laporan tahunan dalam empat bahasa utama. Brosur maklumat kami juga disediakan dalam empat bahasa utama, Kadazandusun dan Iban. Maklumat lanjut mengenai inisiatif komunikasi kami boleh didapati di Bahagian 7. PIDM berazam untuk telus dan menyediakan laporan berkualiti di dalam laporan tahunannya sejak Laporan Tahunan 2006.

Laporan tahunan PIDM telah diberi pengiktirafan dan menerima anugerah NACRA atas kecemerlangan dalam pelaporan.

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS

### AUDIT DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

#### Pelaporan Kewangan

Kami telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan di Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Kami mentadbir dua sistem deposit insurans yang berbeza dan berasingan, satu untuk bank-bank perdagangan dan satu lagi untuk bank-bank Islam. Kami menyediakan perakaunan dan laporan bagi kedua-dua kumpulan dana insurans deposit secara berasingan.

Laporan Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010 dan Penyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di muka surat 96 dan seterusnya.

#### Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman boleh didapati di muka surat 61 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Pengurusan Risiko

Bahagian mengenai Perbincangan dan Analisis Pengurusan mengenai pengurusan risiko PIDM boleh didapati di muka surat 40 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Juruaudit Negara mengikut Akta Audit 1957. Dari sudut pandangan operasi, kami mengekalkan hubungan kerjasama dengan juruaudit luaran kami daripada Jabatan Audit Negara, yang wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagai satu amalan kebiasaan, wakil Jabatan Audit Negara akan menerima semua laporan dan dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sehubungan ini, mereka telah menghadiri tiga daripada lima mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun 2010. Fi tahunan boleh didapati di muka surat 128 dalam Laporan Tahunan ini.

### INSURANS DEPOSIT ISLAM

Perbadanan mendapatkan nasihat dan kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (Majlis) mengenai mana-mana isu Syariah berkaitan dengan operasi insurans deposit Islam. Pengaturan dan ciri-ciri utama operasi insurans deposit Islam telah diluluskan oleh Majlis.

Premium diperolehi daripada institusi ahli diuruskan secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah. Premium dan pendapatan daripada pelaburan dikumpulkan dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam. Dana tersebut, bersama Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional, digunakan untuk membiayai aktiviti Perbadanan, dan hanya perbelanjaan yang dibenarkan oleh Syariah sahaja boleh dicajkan kepada Kumpulan Dana tersebut. Mana-mana lebihan akan digunakan untuk memenuhi obligasi pada masa hadapan, sekiranya ada,

berkenaan dengan deposit Islam yang diinsuranskan. Sekiranya Perbadanan dikehendaki menjana dana kecairan daripada Kerajaan dan pasaran, pengaturan pembiayaan sedemikian akan disediakan menurut prinsip Syariah.

### PENGURUSAN

Pihak Pengurusan Eksekutif bertanggungjawab ke atas pengurusan harian PIDM di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif, dengan kuasa menurut Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Seorang Ketua Pegawai Operasi telah dilantik pada 1 Januari 2010 bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian dan carta organisasi yang baharu boleh didapati di muka surat 28. Pengurusan Eksekutif bertanggungjawab bagi fungsi masing-masing dan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko, Kaunsel Am, serta Ketua Audit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko semuanya, dikehendaki menyediakan surat representasi rasmi. Pihak Pengurusan juga menyediakan surat representasi komprehensif kepada Lembaga Pengarah dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada audit akhir tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan juga menyediakan akaun berkanun lanjutan bagi penyata kewangan dan kualiti kawalan dalaman. Akaun berkanun tersebut boleh didapati di muka surat 100 dalam Laporan Tahunan ini.

Para Pengarah mempunyai akses kepada rekod dan maklumat Perbadanan, kepada Setiausaha Korporat dan Pengurusan Eksekutif. Mereka menerima laporan yang terperinci secara tetap mengenai aspek kewangan dan operasi urusan dan hal ehwal Perbadanan serta boleh meminta penjelasan lanjut berkenaan dengan laporan tersebut pada bila-bila masa. Mereka juga menerima maklumat terkini mengenai perubahan dalam persekitaran operasi PIDM, dan perkembangan utama dalam bidang deposit insurans.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama yang berikut menyokong Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi PIDM :

- Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi yang disokong oleh Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi;
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti;
- Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat;
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; dan
- Jawatankuasa Pematuhan Korporat.

Kesemua Jawatankuasa ini memperoleh kuasa mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Kehendak Lembaga Pengarah daripada pihak Pengurusan digariskan secara khusus di dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Penyataan Kawalan Dalaman (Pernyataan) ini bertujuan menyediakan maklumat peringkat tinggi yang penuh bermanfaat mengenai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM kepada pemegang kepentingan.

### PENGENALAN

Sebagai sebuah badan berkanun, tidak seperti entiti tersenarai, PIDM tidak dikehendaki membuat pernyataan kawalan dalaman dalam laporan tahunan kami. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah kami komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, dan memperakui kepentingan membuat pernyataan kawalan dalaman sebagai satu amalan tadbir urus korporat yang baik. Penyataan seumpama ini juga selaras dengan kehendak Lembaga Pengarah di bawah Piawaian No. 11 dan 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Penyataan ini telah disediakan, mengikut kesesuaian penggunaan, sejajar dengan "Penyataan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam", yang diterbitkan sebagai garis panduan bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi Syarat-Syarat Penyenaian dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Penyataan ini menggariskan ciri-ciri dan skop sistem kawalan dalaman PIDM semasa tahun kewangan tersebut.

### TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

#### Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi PIDM. Ia memainkan fungsi pengawasan utama, dan memastikan Pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dalam PIDM. Lembaga Pengarah memperakui keperluan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi mencapai operasi urusan yang cekap dan berkesan, pelaporan kewangan yang utuh, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan, serta perlindungan kepentingan aset PIDM yang wajar.

Lembaga Pengarah memperakui keperluan sistem kawalan dalaman PIDM yang dibangunkan oleh Pengurusan untuk mengurus dan mengurangkan risiko, dan bukan menyingkirkan keseluruhan risiko kegagalan bagi mencapai mandat berkanun dan objektif Perbadanan.

Kaji semula keberkesanan, integriti dan kesesuaian sistem kawalan dalaman PIDM merupakan satu proses berterusan yang dilaksanakan secara bersepadu, dan melibatkan Jawatankuasa Audit, Pengurusan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan juruaudit luaran PIDM seperti berikut:

#### (a) Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam piagamnya. Jawatankuasa Audit menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu perakaunan dan kawalan dalaman serta pelaporan kewangan dan pengurusan. Jawatankuasa Audit juga berfungsi sebagai pengawal selia risiko utama.

Butir-butir terperinci mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di muka surat 56.

#### (b) Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif memperoleh kuasanya daripada Akta PIDM dan huraian tugas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Beliau bertanggungjawab terhadap Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan tanggungjawabnya, dan bukan seorang ahli Lembaga Pengarah.

Struktur organisasi PIDM, yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif, dibahagikan kepada 10 bahagian. Bagi operasi harian, Ketua Pegawai Eksekutif disokong oleh Ketua Pegawai Operasi yang juga memegang tanggungjawab korporat. Sistem semak dan imbang yang bersesuaian telah dilaksanakan dalam PIDM. Ini diterapkan dalam penetapan hubungan pelaporan, yang melibatkan pelaporan secara langsung daripada bahagian operasi kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau kepada Ketua Pegawai Eksekutif melalui Ketua Pegawai Operasi, dan bahagian bebas seperti Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Pengurusan Risiko Organisasi melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit dan secara langsung kepada Lembaga Pengarah.

Ketua Pegawai Eksekutif memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan kepemimpinan dan hala tuju kepada Pengurusan. Beliau memastikan struktur organisasi PIDM dibahagikan mengikut fungsi dengan secukupnya, dan memastikan kuasa dan tanggungjawab diperuntukkan dengan sewajarnya. Ini membolehkan kakitangan Perbadanan membuat keputusan, menangani masalah atau melaksanakan penambahbaikan mengikut peringkat sewajarnya bagi menguruskan operasi mereka dengan berkesan.

Semasa tahun kewangan tersebut, Pengurusan terus menyokong Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan rangka kerja kawalan dalaman PIDM. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi terus menyediakan Lembaga Pengarah dan Pengurusan kaedah dalam menjangka dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi, dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran pengoperasian PIDM serta persekitaran pengawalseliaan dan landskap kewangan negara sepanjang tahun. Rangka kerja kawalan dalaman PIDM diasaskan melalui rangka kerja yang disediakan oleh *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway*

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

*Commission in Internal Control – Integrated Framework.* Rangka kerja kawalan dalaman menyediakan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan kaedah dalam memastikan sistem kawalan dalaman yang sesuai dan kukuh dibangunkan dan memudahkan pihak Pengurusan melaksanakan penilaian tahunan yang mengukur tahap pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman. Rangka kerja kawalan dalaman mengandungi lima komponen yang saling berkaitan, iaitu persekitaran kawalan, penilaian risiko, aktiviti kawalan, maklumat dan komunikasi serta proses pemantauan berterusan.

### (c) Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

Piagam Pengurusan Risiko Organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah memperincikan tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi serta kakitangan terlibat dengan Pengurusan Risiko Organisasi. Piagam itu tertakluk kepada kajian semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ia sentiasa relevan.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi meneruskan pelaksanaan Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi. Rangka kerja dan garis panduan ini berfungsi sebagai asas bagi program Pengurusan Risiko Organisasi untuk memastikan pengurusan risiko menjadi tanggungjawab semua kakitangan dan penggunaan amalan pengurusan risiko diselaraskan di seluruh PIDM. Penyelaras Risiko dilantik bagi semua bahagian untuk membantu menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi. Penyelaras Risiko merupakan ahli Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi.

Setiap tahun, melalui proses Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM melaksanakan usaha pengenalan dan penilaian risiko secara menyeluruh menerusi bengkel kerja untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dalam tempoh perancangan tersebut. Latihan kesedaran mengenai pengurusan risiko juga dilaksanakan kepada kakitangan sedia ada dan baharu. Latihan ini menyumbang kepada lebih pemahaman mengenai risiko yang dihadapi oleh PIDM dan tindakan yang diperlukan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Pada tahun berkenaan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi melaksanakan Sistem Penaksir Risiko yang mengautomatiskan proses pelaporan risiko.

### (d) Kakitangan PIDM

PIDM memperakui bahawa setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab untuk membantu mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Pengurusan terus memupuk

budaya kawalan dalaman dengan menekankan kepentingan latihan dan kesedaran mengenai nilai-nilai Perbadanan, mengelakkan percanggahan kepentingan, mematuhi Kod Tata Laku dan Etika Urusan dan, mengkehendaki pengisytiharan tahunan aset dan liabiliti peribadi daripada kakitangan serta pematuhan kepada kod tersebut. Satu program orientasi dilaksanakan oleh Bahagian Modal Insan kepada kakitangan baharu untuk memperkenalkan kepada mereka struktur, amalan kerja, budaya serta polisi dan prosedur di PIDM.

Menerusi Bahagian Modal Insan, Pengurusan menekankan kepentingan nilai-nilai korporat melalui aktiviti melibatkan kakitangan seperti aktiviti kerjasama berpasukan antara Pengurusan dan kakitangan, ceramah kesedaran berkaitan kesihatan dan keselamatan, latihan dalaman seperti kursus Sijil Bantuan Kecemasan CPR (bantuan pemulihan pernafasan), aktiviti hari keluarga dan majlis makan malam tahunan kakitangan.

Pihak Pengurusan mengalu-alukan cadangan daripada kakitangan berkaitan cara-cara untuk meningkatkan produktiviti, kualiti atau penambahbaikan lain yang serupa menerusi Kaji Selidik Dalaman bagi Menilai Kepuasan dengan Tahap Perkhidmatan antara Bahagian, yang dikendalikan oleh setiap Bahagian bagi memperoleh maklum balas ke atas keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap Bahagian kepada kakitangan di Bahagian yang lain.

Pengurusan memperakui kepentingan maklumat yang relevan bagi tujuan menguatkuasakan kawalan yang menambah baik proses dan operasi urusan. Sehubungan ini, Pengurusan memastikan saluran komunikasi sewajarnya yang bersesuaian disediakan bagi semua kakitangan. Fasa pertama Portal Organisasi PIDM telah dilaksanakan bagi membolehkan kakitangan mengakses berita perniagaan terkini, arkib maklumat perniagaan, acara dan peristiwa melibatkan kakitangan dan artikel relevan yang diterbitkan bagi memastikan kakitangan mengetahui perkembangan terkini dalam sistem kewangan. Tambahan lagi, semua kakitangan mempunyai akses kepada kemudahan Internet tertakluk kepada Polisi Penggunaan E-mel dan Internet. Jabatan Teknologi Maklumat menyekat akses ke laman web yang tidak dibenarkan, laman perangkaan sosial dan mengawal e-mel yang diterima daripada sumber yang tidak diketahui.

### (e) Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

#### Tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi kawalan

Piawaian No. 11 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah mengenai Persekitaran Kawalan dan Audit Dalaman menyatakan bahawa Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan operasi dan risiko yang dihadapinya

secara berhemat dan mempunyai polisi dan amalan yang berkesan bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan pengurusan sistem maklumat. Piawaian No. 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah merujuk kepada tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memperoleh jaminan sewajarnya dari semasa ke semasa bahawa "kawalan dalaman Perbadanan dalam keadaan yang baik".

#### Peranan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dalam menyokong Lembaga Pengarah dan menilai kawalan dalaman

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyokong Lembaga Pengarah bagi mematuhi Piawaian Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dengan menyokong peranan pengawaseliaan Jawatankuasa Audit. Butiran selanjutnya mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di muka surat 56.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan bertanggungjawab bagi struktur yang bersesuaian dan operasi sistem kawalan dalaman yang berkesan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan pula memainkan peranan penting dalam pengesahan pelaksanaan tanggungjawab oleh Pengurusan, dengan menilai kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus serta memantau sama ada Pengurusan telah menjalankan pelan tindakan yang dipersetujui untuk melaksanakan penambahbaikan yang dicadangkan dalam kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyediakan status perkembangan terkini berkaitan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun.

#### Perancangan audit berasaskan risiko

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko bagi perancangan audit, dan proses perancangan audit Bahagian itu menyepadukan perancangan korporat dan proses Pengurusan Risiko Organisasi. Profil risiko serta keutamaan dan penetapan masa pembangunan dan pelaksanaan inisiatif korporat ini semasa tempoh perancangan korporat menetapkan keseluruhan hala tuju aktiviti audit dan perundingan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tempoh perancangan korporat.

#### Khidmat Perundingan dan Nasihat

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga memenuhi permintaan dalaman bagi khidmat perundingan dan nasihat. Sebahagian besar operasi harian Bahagian ini diperuntukkan bagi menyediakan khidmat perundingan dan nasihat kepada pelbagai jawatankuasa kerja, pasukan petugas dan Bahagian tertentu berkenaan dengan projek atau inisiatif Rancangan Korporat PIDM.

#### Keberkesanan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Audit terus mengkaji semula keseluruhan prestasi dan operasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan sebanyak dua kali bagi memastikan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus berfungsi dengan berkesan, dan prestasinya dipantau dan dinilai menurut aktiviti audit dan perundingan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun ini. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga mendapatkan maklum balas dan cadangan pihak yang diaudit bagi setiap audit yang dijalankan, agar boleh meningkatkan prestasi Bahagian. Keputusan kaji selidik bagi tahun 2010 juga disemak oleh Jawatankuasa Audit.

### (f) Juruaudit luaran

Jabatan Audit Negara bertindak sebagai juruaudit luaran PIDM, seperti yang digariskan dalam Akta PIDM. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Jabatan Audit Negara menyelaraskan kerja audit masing-masing dan terus bekerjasama bagi kecekapan dan keberkesanan pada tahun 2010. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Negara mempunyai akses kepada semua laporan audit yang disediakan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.

### PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN PIDM PADA TAHUN 2010

#### Teknologi Maklumat

Pengurusan meneruskan usahanya untuk mengukuhkan infrastruktur keselamatan maklumat. Berikutan pemindahan pejabat PIDM dari 1 Sentral ke Quill 7, infrastruktur sistem perangkaan PIDM telah dinaik taraf. Infrastruktur sistem perangkaan yang dipertingkatkan tersebut adalah lebih berkesan dari segi kos dan menyediakan sokongan penuh bagi peningkatan prestasi sistem komputer agar bersedia menghadapi pertumbuhan berterusan PIDM dan penggunaan aplikasi baharu dan bersepadu pada masa hadapan. Di samping itu, Pengurusan juga telah mengukuhkan kedudukan keselamatan PIDM terhadap ancaman luaran dengan menaik taraf sistem dan infrastruktur keselamatan rangkaian.

#### Kesedaran mengenai Risiko dan Kawalan

PIDM terus memupuk budaya kawalan dalaman, seperti yang dihuraikan sebelum ini dalam perenggan (d) di muka surat 62.

Secara khususnya, PIDM menganjurkan latihan tahunan kesedaran keselamatan teknologi maklumat bagi semua kakitangan untuk mengukuhkan konsep bahawa keselamatan maklumat merupakan ciri penting dalam proses urusan. Program ini juga bertujuan memberi motivasi dan peringatan kepada kakitangan berkaitan kehendak PIDM terhadap kakitangan yang memastikan maklumat PIDM diilindungi dengan sewajarnya.

# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Kaji selidik penilaian sendiri mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah dijalankan pada Disember 2010. Objektif kaji selidik ini adalah bagi mengukur tahap kesedaran kakitangan mengenai sistem dan amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman di PIDM. Hasil kaji selidik tersebut akan dinilai secara bersama oleh Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko dan akan dibentangkan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit pada Mei 2011.

### Sistem, Polisi, Amalan dan Proses Utama

Pada tahun 2010, sistem, polisi, amalan dan proses utama yang berikut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman kami:

- Dalam membangunkan Rancangan Korporat, PIDM terus mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik menyeluruh, yang merangkumi keadaan persekitaran luaran persekitaran operasi PIDM dan pengenalpastian dan penilaian risiko utama PIDM dengan menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Dengan itu, tanggapan perancangan yang menjadi asas kepada Rancangan Korporat boleh diselaraskan mengikut persekitaran terkini.
- Bajet tahunan PIDM disediakan berdasarkan Rancangan Korporat dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan. Inisiatif korporat bagi tahun ini dilaksanakan mengikut rancangan dan sasaran kewangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Keputusan kewangan dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.
- Pelaporan prestasi berbanding Kad Skor peringkat Bahagian dilaksanakan setiap suku tahun. Bahagian Perancangan Strategik memaklumkan perkembangan terkini kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah mengenai Kad Skor Korporat setiap suku tahun.
- Polisi utama serta polisi dan prosedur operasi PIDM telah dilaksanakan dan ini termasuk polisi dan prosedur dengan implikasi kewangan atau berkaitan dengan proses pengurusan kewangan.
- Polisi dan prosedur yang tertangguh kebanyakannya kini sedang disemak semula dan dikemas kini berikutan pemindahan pejabat ke Quill 7 dan ini termasuk Prosedur Kecemasan dan Pengosongan, Akses Pejabat dan Prosedur Keselamatan serta polisi dan prosedur berkaitan kakitangan yang kini dalam peringkat akhir semakan semula.
- Polisi dan prosedur kewangan dan operasi utama PIDM disemak semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keupayaan dan integriti kewangan dan operasi PIDM terus diperkukuh dan kekal konsisten dengan piawaian dan amalan terbaik yang diguna pakai.
- Semasa tahun tersebut, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi telah membangunkan beberapa Polisi Risiko Lembaga Pengarah, iaitu Risiko Kuasa Insurans, Risiko Pasaran dan Risiko Kecairan. Pengurusan Risiko Organisasi terus membangunkan imbalan kepada Polisi Risiko dan akan menyediakan draf polisi kepada Jawatankuasa Audit untuk perbincangan dan hala tuju dan kemudiannya, untuk dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Matriks Autoriti yang menyeluruh telah dibangunkan. Matriks Autoriti merupakan ringkasan kumpulan kuasa strategik dan operasi yang terkandung dalam instrumen masing-masing bagi pemberian kuasa termasuk undang-undang kecil, piagam, serta polisi dan prosedur. Matriks Autoriti kini di peringkat akhir semakan dan akan dilaksanakan pada suku tahun pertama 2011.
- Kumpulan Kerja mengenai Polisi dan Prosedur telah diwujudkan untuk memantau kemajuan polisi dan prosedur tertangguh dan mengawasi penyeragaman, pemusatan dan penyepaduan polisi dan prosedur utama dan operasi.
- Pemilihan polisi dan prinsip perakaunan berkaitan dengan pengurusan dan pelaporan kewangan PIDM adalah mengikut keperluan undang-undang, piawaian dan prinsip Syariah yang berkaitan, dan polisi serta prinsip ini digunakan secara konsisten.
- PIDM berusaha untuk bersedia dari segi operasi. Sehubungan ini, Rancangan Kesenambungan Urusan dan Rancangan Pemulihan Penyakit Berjangkit dan Jerebu telah dibangunkan bagi memastikan kesinambungan proses urusannya berlaku bencana atau pandemik. Latihan berkomputer mengenai Pengurusan Kesenambungan Urusan dijalankan setiap tahun sebagai persediaan kepada kakitangan apabila berlaku sesuatu bencana.
- Penilaian tapak dan infrastruktur yang sesuai bagi pemulihan bencana telah disempurnakan dan tapak pemulihan bencana dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011.
- Pengurusan terus membangunkan sistem teras operasinya. Pembangunan fasa kedua sistem Pembayaran Gaji terdiri daripada Sistem Pengurusan Pembayaran Gaji dan Sistem Pendaftaran Produk bermula pada suku tahun ketiga 2010.
- PIDM telah melaksanakan fasa pertama Portal Enterpris. Objektif Portal Enterpris adalah untuk meningkatkan sistem pengurusan dokumen, tugas dan sistem pengurusan takwim organisasi PIDM dan sebagai pusat bagi hubungan korporat. Portal Enterpris juga berfungsi sebagai platform untuk mengawal akses kepada maklumat yang berdasarkan pengklasifikasian maklumat dalam Polisi Pengklasifikasian Maklumat.

- Manual Komunikasi Krisis telah disiapkan. Ia menyediakan proses terperinci bagi komunikasi berkesan dengan pendeposit dan pemegang kepentingan utama yang lain ketika berlakunya sesuatu krisis.

### KAJIAN SEMULA SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengkaji semula keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berasaskan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan hasil kajian semulanya termasuk yang berikut:

- Sebagai amalan, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara tetap. Ini termasuk laporan kajian semula hal ehwal kewangan PIDM oleh Jawatankuasa Audit; pematuhan kepada undang-undang dan etika dan keberkesanan kawalan yang dilaksanakan dalam sistem atau proses yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran berkenaan dengan pematuhan kepada polisi modal insan utama dan undang-undang berkaitan; dan laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus berkenaan dengan pematuhan kepada polisi tadbir urus utama.
- Lembaga Pengarah mempertimbangkan, setiap suku tahun, (i) laporan kewangan PIDM; (ii) penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan; (iii) pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan maklumat terkini mengenai risiko dan langkah-langkah yang diambil oleh PIDM untuk mengurangkan risiko utama; dan (iv) kemas kini dan prestasi keseluruhan Pengurusan berbanding dengan inisiatif yang diluluskan mengikut Rancangan Korporat, serta penilaian Pengurusan terhadap faktor-faktor dalaman dan luaran yang mungkin menjejaskan prestasi Rancangan Korporat.
- Di setiap mesyuarat Jawatankuasa, Jawatankuasa Lembaga Pengarah menyemak prestasinya berbanding dengan piagam dan pelan tindakan yang dicadangkan oleh Pengurusan bagi menyokong Jawatankuasa dalam memenuhi tanggungjawab utamanya. Prestasi ini dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

### PENYATAAN KEBERKESANAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Kebekesanan pematuhan PIDM kepada kawalan dalaman setakat 31 Disember 2010 telah dinilai oleh Pengurusan dan disahkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berdasarkan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja kawalan dalaman PIDM.

Berdasarkan penilaian dan keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM yang dilaksanakan pada tahun 2010, Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan bahawa sistem kawalan dalaman yang kukuh telah diwujudkan dalam PIDM. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan bahawa Pengurusan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi:

- mengekalkan budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dalam PIDM yang mengutamakan kebertanggungjawaban terhadap kawalan dan pengurusan risiko;
- mengenal pasti, menilai dan menangani pelbagai risiko yang dihadapi oleh PIDM yang boleh menghalang pencapaian objektif korporat PIDM semasa tempoh perancangan korporat; dan
- mengkaji semula dan memantau keseluruhan sistem kawalan dalaman dan menangani isu-isu atau masalah dengan secukupnya dan tepat pada masa.

Lembaga Pengarah juga dengan sukacita melaporkan bahawa, bagi tahun 2010, tiada sebarang laporan peristiwa kelemahan atau kekurangan dalam kesesuaian dan integriti kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM, dan tiada kerugian kewangan berlaku semasa tahun kewangan tersebut yang berpunca daripada kelemahan atau kekurangan dalam kawalan dalaman.

Penyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 23 Februari 2011.

Bahagian 3:  
PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

*Memanfaatkan potensi sebenar kami untuk  
mencapai matlamat yang lebih gemilang...*



# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Sepanjang tahun 2010, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 7.2%, disokong oleh kekukuhan aktiviti ekonomi domestik di tengah-tengah persekitaran ekonomi global yang lemah. Meskipun kelembapan permintaan luaran dijangka berterusan hingga ke setengah tahun pertama 2011, aktiviti ekonomi dijangka bertahan disebabkan terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh.

Pelaburan domestik, khususnya, yang dirangsang oleh komitmen pelaburan baharu, jangkaan peningkatan pelaburan dalam sektor minyak dan gas serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi oleh Kerajaan, dijangka akan mengukuh dan menjadi enjin utama pertumbuhan ekonomi pada tahun 2011. Diiringi permintaan konsumer yang berdaya tahan dan kemungkinan pemulihan sederhana tetapi tidak sekata dalam aktiviti ekonomi global pada setengah tahun kedua, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 5%<sup>1</sup> pada tahun 2011. Bagaimanapun, dengan kemungkinan pemulihan aktiviti ekonomi pada setengah tahun kedua, digabung dengan harga komoditi dan bahan api yang tinggi, risiko inflasi boleh mendatangkan cabaran kepada Malaysia pada tahun 2011.

Justeru, prospek bagi persekitaran operasi kami kekal dalam keadaan berwaspada. Masih terdapat ketidakpastian yang menyelubungi kemampuan pemulihan ekonomi global. Di samping itu, aliran masuk modal yang besar dan mudah ubah ketika ini menyediakan cabaran besar kepada bank-bank pusat di pasaran yang sedang pesat membangun dalam pelaksanaan dasar makroekonomi. PIDM akan terus memantau dengan teliti risiko-risiko luaran ini.

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN PADA TAHUN 2010

Dalam tempoh lima tahun yang agak singkat, PIDM telah mencatatkan kemajuan ketara untuk mencapai sasaran diiktiraf sebagai penginsurans deposit dengan amalan terbaik. Usaha kami ditumpukan kepada meningkatkan kesedaran awam, memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi serta membangunkan polisi dan amalan tadbir urus yang mantap. Kami juga menumpukan usaha terhadap pembangunan modal insan bagi memastikan kami membangunkan kemahiran, kepakaran dan keupayaan yang diperlukan untuk memenuhi mandat kami. Oleh itu, kami terus membina asas yang kukuh dan memupuk budaya prestasi tinggi.

Bahagian ini mengemukakan kajian semula operasi kami bagi tahun 2010 dan pencapaian kami berbanding Rancangan Korporat 2010 - 2012. Rancangan Korporat tiga tahun kami menggariskan hala tuju strategik, objektif dan keutamaan yang akan membantu kami mencapai mandat kami. Ini diterjemahkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (PPU) atau inisiatif dalam Kad Skor Korporat kami yang digunakan untuk memantau kemajuan kami ke arah mencapai visi dan misi dan seterusnya, memenuhi mandat kami.



<sup>1</sup> Laporan Ekonomi 2010/2011, Kementerian Kewangan

## PENCAPAIAN KAMI PADA TAHUN 2010

Teras strategik kami kekal sama iaitu untuk memupuk keyakinan awam terhadap sistem kewangan dan kecemerlangan operasi. PPU dan inisiatif 2010 kami diselaraskan dengan objektif korporat dan teras strategik untuk mencapai visi dan misi dan seterusnya, memenuhi mandat kami. Objektif korporat kami, yang juga kebanyakannya kekal sama, dihuraikan dalam perspektif Kad Skor Terimbang seperti berikut:

### Pemegang Kepentingan

#### Pemegang Kepentingan yang Terdidik dan Bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting bagi keberkesanan sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan, bagi mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam yang komprehensif dan program pendidikan serta mengadakan perundingan dengan pemegang kepentingan kami apabila membangunkan Peraturan-Peraturan dan Garis-Garis Panduan.

#### Perkongsian Efektif

Memandangkan model urusan kami, perkongsian efektif penting dalam memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik kami termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), badan pengawalselia lain, penginsurans deposit lain dan penyedia perkhidmatan utama. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan baik dengan institusi ahli kami.

### Tadbir Urus dan Proses Dalam

#### Organisasi yang Ditadbir dan Diurus dengan Baik

Kami akan menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi amalan tadbir urus dan tata laku urusan yang mampan, serta dengan mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

#### Keupayaan Penilaian dan Pemantauan Risiko serta Resolusi yang Kukuh

Dalam memastikan mandat kami dicapai dan memandangkan kesediaan kekal sebagai aspek utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang mantap, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan untuk menangani dengan efektif aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

#### Amalan Urusan dan Kewangan yang Mantap

Untuk mentadbir dengan efektif sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami akan terus mengekalkan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh agar terkini dan relevan. Amalan kukuh dalam pentadbiran operasi kami akan berasaskan amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan kami bagi memastikan kami boleh memenuhi peranan dan tanggungjawab kami.

### Pembelajaran dan Pembangunan

#### Tenaga Kerja yang Cekap dan Berpengetahuan

Kakitangan kami adalah aset terpenting kami. Kami menyediakan pakej dan program ganjaran yang berdaya saing bagi menarik dan mengekalkan pekerja dengan kemahiran, pengalaman dan sikap yang sesuai. Kami komited dalam menyediakan kepada kakitangan kami peluang bagi pembelajaran dan pembangunan berterusan, bagi memenuhi potensi penuh mereka.

#### Persekitaran Korporat yang Kondusif

Kami menggalakkan budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menyemai nilai-nilai korporat kami serta menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan tanpa gangguan serta keseimbangan kerja-kehidupan.

Dalam tahun 2010, kami menumpukan usaha terhadap peningkatan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan pemahaman tentang PIDM, memastikan keberkesanan operasi dan kesediaan bagi menjalankan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank termasuk memperkukuh aktiviti penilaian dan pemantauan risiko. Kami juga terus memantapkan amalan tadbir urus kami serta pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan memulakan inisiatif bagi membangunkan modal insan dalam kecekapan teras.

Keseluruhannya, kami menyempurnakan inisiatif utama yang dirancang mengikut pelan kewangan yang diluluskan dan melaksanakan dua inisiatif utama melebihi perancangan bagi tahun ini.

Sorotan pencapaian kami diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2010 di halaman-halaman berikut.

## IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2010

<b>P</b>	Berjalan lancar mengikut jadual; dan / atau dalam lingkungan bajet yang diperuntukkan	<b>F</b>	Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan	<b>N</b>	Sasaran tidak dicapai, kelewatan berbanding jadual; dan / atau di bawah sasaran, dan / atau >±10% perbezaan bajet (tahun penuh)
<b>A</b>	Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan	<b>D</b>	Inisiatif ditangguhkan berikutan pengutamaan semula		

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Tahun 2010	Keputusan Disember 2010
A Pemegang Kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam (tahap kesedaran umum mengenai insurans deposit)	35%	N <sup>1</sup>
	2. Interaksi dan responsif terhadap keperluan pemegang kepentingan yang lain	Tahap responsif 100%	A
	3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan):		
	i. Melaksanakan program pengiklanan	Disempurnakan	A
	ii. Melaksanakan program perhubungan awam	Disempurnakan	A
	iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan	Disempurnakan	A
	b. Melaksanakan program pendidikan	Dilaksanakan	A
	c. Melaksanakan dan mengurus program biasiswa	Dilaksanakan	A
	d. Membangunkan dan melaksanakan pakej peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan termasuk mengkaji semula had dan skop perlindungan insurans deposit	Dibangunkan & dilaksanakan	A
e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan prosedur mengenai peraturan-peraturan peruntukan maklumat insurans deposit	Dibangunkan	A	
B Perkongsian efektif	4. Hubungan PIDM dengan:		
	a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A
	b. Institusi ahli dan institusi kewangan lain yang dijamin	Memuaskan	A
	c. Penyedia perkhidmatan	Kukuh	A
	d. Penginsurans deposit lain	Kukuh	A
	5. Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	A
C Tadbir urus yang mantap	6. Rakan kongsi strategik:		
	a. Mewujudkan dan mengekalkan pangkalan rakan kongsi strategik utama	Pangkalan diperkembangkan	A
	7. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:		
	a. Perlaksanaan dan pematuhan amalan terbaik tadbir urus	Tahap kepuasan tinggi	A
	b. Perlaksanaan dan pematuhan polisi dan amalan utama	Tahap kepuasan tinggi	A
	c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah bagi membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi	A
	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah	Dibangunkan & dilaksanakan	P <sup>2</sup>
	b. Mengesyorkan pindaan kepada Akta PIDM dan undang-undang berkaitan	Mengesyorkan pakej pindaan perundangan	A
	c. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif	A

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Tahun 2010	Keputusan Disember 2010
D Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	9. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Mengkaji semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan termasuk proses pengesahan	Kajian semula & dimantapkan	A
	b. Mengkaji semula dan memantapkan rangka kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko yang komprehensif	Kajian semula & dimantapkan	A
	c. Membangunkan Sistem Amaran Awal	Fasa 1 dibangunkan	A
	d. Membangunkan dan melaksanakan komponen rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk proses, polisi dan prosedur	Dibangunkan	P <sup>3</sup>
	e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi ahli:		
	i. Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dibangunkan & dilaksanakan	D
	ii. Surcaj premium	Dibangunkan & dilaksanakan	P <sup>4</sup>
	iii. Mengkaji selidik keperluan prinsip-prinsip teras bagi amalan urusan dan kewangan yang mantap bagi institusi ahli	Dikaji selidik	D
	f. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:		
	i. Fasa 1: Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit	Simulasi & dimantapkan	A
	ii. Fasa 2: Membangunkan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk	Dibangunkan & dilaksanakan	P <sup>5</sup>
	iii. Fasa 3: Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	-	F
	g. Program pematuhan bagi institusi ahli untuk mematuhi Akta dan peraturan-peraturan PIDM	Dibangunkan	D
h. Menubuhkan Syarikat Pengurusan Aset	Dibangunkan	D	
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A <sup>6</sup>
	11. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan:		
	i. Fasa 1: Pinjaman Kerajaan	Fasa 1 disempurnakan & Fasa 2 dibangunkan	P <sup>7</sup>
	ii. Fasa 2: Pembiayaan daripada pasaran modal		
	b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi:		
	i. Dana Sasaran dan Peruntukan	Dibangunkan & dilaksanakan	A
	12. Pematuhan kawalan dalaman	Kukuh	A
	13. Tinjauan dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A
	14. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
a. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan	Disempurnakan	P <sup>8</sup>	
b. Membangunkan dan melaksanakan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Pemulihan Bencana:			
i. Rancangan Kesenambungan Urusan	Diuji & dimantapkan	A	
ii. Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Dibangunkan & dilaksanakan	P <sup>9</sup>	

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Tahun 2010	Keputusan Disember 2010	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	E Amalan urus dan kewangan yang mantap	c. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Disempurnakan	A <sup>10</sup>
		d. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia	Fasa 2 dilaksanakan & Fasa 3 dibangunkan	D
		e. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan:		
		i. Fasa 1 : Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan & dilaksanakan	D
		ii. Fasa 2 : Membangunkan dan melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan	-	F
		f. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat	Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	A
		g. Membangunkan sistem pengurusan maklumat eksekutif	Dibangunkan	D
		h. Memperoleh infrastruktur tambahan (ruang pejabat, sistem Teknologi Maklumat, proses-proses dan keperluan organisasi lain)	Diperoleh	A
Pembelajaran dan Pembangunan	F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	15. Pelaksanaan pelan pembelajaran dan pembangunan tahunan	80% pelan disempurnakan	A
		16. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Terus melaksanakan perancangan pengurusan penggantian berasaskan kepada rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang disepadukan dengan model kecekapan	Dilaksanakan	A	
	G Persekitaran korporat yang kondusif	17. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	D
18. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:				
a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A		

<sup>1</sup> Tahap kesedaran insurans deposit pada akhir tahun 2010 kekal pada 21% (2009: 21%). Selain itu, di kalangan mereka yang tahu tentang insurans deposit, pemahaman mereka tentang insurans deposit telah menurun kepada 47% (2009: 53%). Penurunan tahap kesedaran insurans deposit itu sudah dijangka dari awal lagi disebabkan aktiviti pengiklanan dan publisiti secara kecil-kecilan semasa tahun ini, memandangkan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan telah dirancang.

<sup>2</sup> Pembangunan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah berjalan lancar mengikut jadual. Kami akan meneruskan pembangunan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah yang lain pada tahun 2011.

<sup>3</sup> Projek tiga tahun ini untuk membangunkan polisi dan prosedur bagi rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank berjalan lancar mengikut jadual. Setakat ini, kami telah menyempurnakan dokumentasi bagi tujuh daripada 13 bahagian yang telah dikenal pasti dengan enam lagi bahagian yang akan disempurnakan pada tahun 2011.

<sup>4</sup> Draf rangka kerja surcaj premium akan dikemukakan bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada tahun 2011.

<sup>5</sup> Pembangunan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk berjalan lancar. Kedua-dua sistem akan dilaksanakan pada tahun 2011.

<sup>6</sup> Kami mencapai perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi dan modal. Butiran terperinci mengenai keputusan kewangan dihuraikan di halaman 84 hingga 91.

<sup>7</sup> Draf perjanjian kemudahan pembiayaan dengan Kerajaan telah disempurnakan dan diusulkan bagi pertimbangan Perbendaharaan Malaysia. Kami telah memulakan pembangunan Fasa 2 rangka kerja pembiayaan yang dijangka akan disempurnakan pada tahun 2011.

<sup>8</sup> Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif korporat berikut yang ditangguhkan memandangkan perkembangan terkini dalam persekitaran operasi:

- Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia; dan
- Membangunkan sistem pengurusan maklumat eksekutif.

<sup>9</sup> Kami sedang melaksanakan Pelan Pemulihan Bencana dan infrastruktur, yang akan dibuat pada pertengahan tahun 2011.

<sup>10</sup> Draf Manual Komunikasi Krisis akan disempurnakan pada tahun 2011.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

### KAJIAN SEMULA OPERASI MENGIKUT BAHAGIAN

Semua inisiatif utama pada tahun 2010 disempurnakan menerusi 10 Bahagian dalam PIDM. Jadual berikut menyediakan huraian ringkas bagi fungsi-fungsi Bahagian masing-masing, serta aktiviti utama dan pencapaian pada tahun 2010, termasuk inisiatif baharu dan yang kini diusahakan.

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<b>Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan</b>	<b>Audit:</b> Menyempurnakan audit 2010 mengikut Pelan Audit 2010 - 2012 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah termasuk audit berkenaan Perhubungan Media; fungsi Penilaian dan Pemantauan Risiko; Pemerolehan dan Pengurusan Penyedia Perkhidmatan; serta Pelaporan dan Pendedahan Kewangan bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2010. Menilai tahap kawalan dalaman PIDM. Butiran lanjut boleh didapati dalam Penyataan Kawalan Dalaman di halaman 61 Laporan Tahunan ini. Berkenaan dengan Pembayaran Balik Deposit, membangunkan manual audit bagi Fasa 1 (Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit) projek tersebut.	<b>Audit:</b> Meneruskan pelaksanaan Pelan Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menggunakan pendekatan pengauditan berasaskan risiko. Berkenaan dengan Pembayaran Balik Deposit, Bahagian ini akan melaksanakan program audit bagi memastikan integriti data, sistem dan proses. <b>Penilaian keberkesanan:</b> Melantik pakar runding untuk menjalankan penilaian Kajian Semula Jaminan Kualiti. <b>Khidmat Perundingan:</b> Terus menyediakan khidmat perundingan bagi projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pengurusan Tuntutan. <b>Perkongsian pengetahuan:</b> Menganjur dan menjadi tuan rumah bagi seminar perkongsian pengetahuan antarabangsa mengenai pengauditan dalaman, tadbir urus dan pengurusan risiko.
	<b>Penilaian sendiri risiko dan kawalan:</b> Melalui kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, menjalankan kaji selidik mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi menilai pemahaman dan kesedaran kakitangan mengenai risiko dan kawalan. <b>Penilaian keberkesanan:</b> Memulakan persediaan bagi Kajian Semula Jaminan Kualiti bahagian itu pada tahun 2011. <b>Perkongsian efektif:</b> Menyertai sesi perkongsian pengetahuan dengan <i>Nigeria Deposit Insurance Corporation, Central Bank of Afghanistan, Zimbabwe Deposit Protection Board</i> dan <i>Credit Guarantee Corporation of Nepal</i> . Meneruskan pembinaan hubungan kerja yang baik dengan firma perakaunan dan firma khidmat nasihat.	
	<b>Khidmat perundingan:</b> Terus menyokong bahagian-bahagian relevan dalam projek utama PIDM, termasuk rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Sistem Pembayaran Balik Deposit dan Dana Sasaran.	

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<p><b>Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam</b></p> <p>Peranan utama Bahagian ini adalah untuk membangunkan dan menyampaikan mesej efektif kepada orang awam dan segmen pasaran yang disasar menerusi inisiatif kesedaran awam dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman awam mengenai perlindungan insurans deposit dan peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.</p>	<p><b>Peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan sementara kepada sistem insurans deposit perlindungan terhadap:</b> Mengendalikan sesi taklimat bagi pelbagai pemegang kepentingan susulan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan. Dengan pelan peralihan ini, kebanyakan usaha kami bagi tahun ini ditumpukan kepada pembangunan inisiatif komunikasi bagi melancarkan pakej yang diperkukuhkan itu. Kami juga membangunkan slogan baharu, mengubah suai logo dan menerbitkan brosur maklumat awam yang baharu.</p> <p><b>Pengiklanan dan perhubungan awam:</b> Dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM, Bahagian ini mengadakan taklimat bagi bank ahli dan pelbagai pemegang kepentingan, sesi dialog dengan pegawai perhubungan serta menyertai pameran dan jerayawara. Kami juga menerbitkan siri advertorial yang mengandungi lima bahagian dalam akhbar-akhbar harian utama dalam tiga bahasa bersempena dengan ulang tahun kelima PIDM. Bagi peralihan yang lancar dan efektif kepada sistem insurans deposit perlindungan terhadap, kami menghasilkan dan menyiarkan iklan radio dan iklan cetak pada suku terakhir 2010.</p> <p><b>Program pendidikan:</b> Melancarkan secara rasmi Projek PIDM MoneySmart, program pendidikan bagi pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Berjaya melaksanakan program tersebut di 200 sekolah menengah dan 50 institusi pengajian tinggi.</p> <p><b>Berinteraksi dengan pemegang kepentingan:</b> Membangunkan dan melaksanakan sistem Pengurusan Pusat Perhubungan Awam sebagai sebahagian daripada usaha menaik taraf Pusat Panggilan bagi menangani peningkatan ketara jumlah pertanyaan daripada orang awam dan pelbagai pemegang kepentingan.</p> <p>Butiran lanjut boleh didapati di Bahagian 7, halaman 158.</p>	<p><b>Pengiklanan dan perhubungan awam:</b> Dengan peluasan peranan kami untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami akan meneruskan pelaksanaan inisiatif tahun akhir Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011 dan menumpukan semula strategi dan usaha komunikasi kami untuk mencapai audien sasaran baharu. Dalam melaksanakan publisiti langkah-langkah perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan termasuk kenaikan had insurans deposit, pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit, Bahagian ini akan menjalankan kempen komunikasi yang komprehensif.</p> <p><b>Program pendidikan:</b> Mengkaji semula, memantapkan dan meneruskan pelaksanaan program pendidikan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.</p> <p><b>Berinteraksi dengan pemegang kepentingan:</b> Meneruskan pemantapan kesediaan pelbagai saluran komunikasi seperti pembaharuan laman sesawang maklumat awam.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<p><b>Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi</b></p> <p>Bahagian ini melaksanakan, memantau dan menyenggara proses dan prosedur utama Pengurusan Risiko Organisasi dalam PIDM, agar PIDM dapat menangani pelbagai pendedahan risiko dalaman dan luaran dengan efektif. Bahagian ini juga menyokong dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua bahagian dan bagi semua projek utama. Satu lagi peranan utama Bahagian ini ialah Pengurusan Kesenambungan Urusan.</p>	<p><b>Amalan-amalan utama:</b> Menanda aras amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami dengan ISO31000:2009, piawaian antarabangsa pertama bagi pengurusan risiko, bagi memastikan rangka kerja dan amalan kami terus relevan dan terkini.</p> <p><b>Penilaian keberkesanan:</b> Melaksanakan pelan tindakan berasaskan keputusan penilaian sendiri keberkesanan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami termasuk proses Pengurusan Risiko Organisasi tahunan yang dimantapkan bagi membolehkan lebih perbincangan silang-fungsi dan melaksanakan sistem Penaksir Risiko Organisasi untuk mengautomatiskan proses Pengurusan Risiko Organisasi.</p> <p><b>Polisi Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah:</b> Membangunkan dan melaksanakan tiga Polisi Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah, iaitu Polisi Risiko Pasaran, Polisi Risiko Mudah Tunai dan Polisi Risiko Kuasa Insurans.</p> <p><b>Penilaian sendiri risiko dan kawalan:</b> Seperti yang dinyatakan di bawah pencapaian utama Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, menjalankan kaji selidik mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman dengan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.</p> <p><b>Pengurusan Kesenambungan Urusan:</b> Mendapatkan khidmat pakar runding untuk mengkaji semula dan memantapkan Pelan Kesenambungan Urusan. Pakar runding itu juga mengendalikan taklimat mengenai kesedaran kesinambungan urusan korporat dan latihan simulasi untuk menguji pelan kami.</p> <p><b>Perkhidmatan nasihat berkaitan risiko:</b> Terus menyokong bahagian-bahagian relevan dalam projek utama PIDM termasuk rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Pembayaran Balik Deposit dan Dana Sasaran.</p> <p>Butiran lanjut mengenai pencapaian utama, Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi dan cara PIDM menangani risiko-risiko utamanya dijelaskan dalam Bahagian 2, di halaman 40 hingga 45.</p>	<p><b>Proses Pengurusan Risiko Organisasi:</b> Meneruskan aktiviti pengenaltapan, penilaian, penaksiran, pemantauan, pelaporan dan komunikasi risiko dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada PIDM. Bahagian ini juga akan mengkaji semula dan memantapkan Rangka Kerja dan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi. Susulan pelaksanaan sistem Penaksir Risiko Organisasi, Bahagian ini akan menyepadukan proses Pengurusan Risiko Organisasi ke dalam sistem tersebut.</p> <p><b>Polisi Risiko Lembaga Pengarah:</b> Bagi tahun 2011, Bahagian ini akan terus membangunkan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah yang lain.</p> <p><b>Pengurusan Kesenambungan Urusan:</b> Meneruskan pengujian dan pemantapan Pelan Kesenambungan Urusan.</p> <p><b>Perkhidmatan nasihat berkaitan risiko:</b> Terus menyokong dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan risiko kepada semua Bahagian dan projek utama yang relevan.</p>

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<p><b>Bahagian Kewangan dan Pentadbiran</b></p> <p>Bahagian ini terdiri daripada Jabatan Kewangan, Jabatan Pentadbiran, Jabatan Teknologi Maklumat (IT) serta Jabatan Organisasi dan Kaedah yang menumpukan usaha kepada menyediakan perkhidmatan sokongan yang efektif dan efisien dalam bidang pengurusan kewangan, pentadbiran pejabat am, pengurusan IT serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi bagi memastikan operasi PIDM yang lancar.</p>	<p><b>Pembiayaan dan peruntukan:</b> Menyempurnakan draf perjanjian kemudahan pembiayaan dan mengemukakan draf bagi pertimbangan Perbendaharaan Malaysia. Kami memulakan pembangunan Fasa 2 (pembiayaan daripada pasaran modal) rangka kerja pembiayaan. Kami juga menyempurnakan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi mencapai tahap kumpulan dana yang optimum dengan memberikan pertimbangan kepada persekitaran operasi.</p> <p><b>Strategi IT:</b> Menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi dua inisiatif korporat yang ditangguhkan memandangkan perkembangan semasa dalam persekitaran operasi. Butiran lanjut boleh didapati di halaman 72 Laporan Tahunan ini.</p> <p><b>Pentadbiran:</b> Memindahkan pejabat kami ke Quill 7, KL Sentral.</p> <p><b>Rancangan pemulihan bencana dan infrastruktur:</b> Memulakan perancangan dan pembangunan Pusat Pemulihan Bencana.</p> <p><b>Organisasi dan kaedah:</b> Mengkaji semula dan memantapkan polisi dan prosedur utama bagi kecekapan dan keberkesanan operasi termasuk Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar, Polisi Pelaburan dan Polisi Klasifikasi Maklumat. Kami juga memusatkan penyimpanan selamat polisi dan prosedur yang telah diluluskan dalam Portal Enterpris Korporat.</p>	<p><b>Pengurusan kewangan:</b> Mengkaji semula dan memantapkan proses pengurusan kewangan bagi menambah baik keberkesanan operasi serta memastikan pentadbiran Kumpulan Dana Perlindungan Takaful dan Insurans baharu dengan efektif.</p> <p><b>Pembiayaan:</b> Bahagian Kewangan juga akan mengkaji dan mengesahkan semula rangka kerja Dana Sasaran berbanding data yang dikemas kini dan membangunkan prosedur bagi pelaksanaan termasuk pendedahan relevan dalam penyata kewangan.</p> <p><b>Strategi IT:</b> Daripada perspektif IT, Bahagian ini akan meneruskan pelaksanaan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat termasuk menyepadukan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dengan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit dan ejen pembayaran balik deposit, menaik taraf dan memantapkan sistem berkaitan perakaunan kewangan untuk memenuhi keperluan kedua-dua sistem perlindungan tersebut, memantapkan Sistem Pengurusan Maklumat Korporat serta melaksanakan infrastruktur keselamatan maklumat.</p> <p><b>Rancangan pemulihan bencana dan infrastruktur:</b> Bagi tahun 2011, Bahagian ini akan membina Pusat Pemulihan Bencana dan meneruskan kajian semula dan pengujian rancangan pemulihan bencana dan infrastruktur.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<p><b>Bahagian Sumber Manusia</b></p> <p>Bahagian ini bertanggungjawab bagi semua aspek pengurusan sumber manusia PIDM.</p>	<p><b>Pengurusan modal insan:</b> Meneruskan pembangunan modal insan kami menerusi analisis keperluan Pembelajaran dan Pembangunan komprehensif, serta menyepadukan model kecekapan ke dalam fungsi-fungsi modal insan utama seperti pelantikan, pengurusan prestasi, perancangan pengurusan penggantian dan pembangunan kepimpinan termasuk peluang bagi pertukaran antara Bahagian. Berkenaan dengan pengurusan prestasi, mesyuarat luar pejabat bagi kesemua kakitangan dianjurkan untuk menugaskan inisiatif atau PPU daripada pegawai atasan kepada pegawai bawahan. Berkenaan pembelajaran dan pembangunan, pendekatan bersepadu digunakan merangkumi pelbagai jenis latihan seperti kepimpinan, kemahiran insaniah berkaitan dan kemahiran teknikal menerusi pelbagai saluran iaitu, lawatan belajar, seminar dan taklimat luaran, persidangan, sesi latihan dalaman dan latihan sambil bekerja. Purata jumlah hari latihan luaran dan dalaman kakitangan pada Disember 2010 ialah enam hari.</p> <p>Di PIDM, kami percaya kakitangan kami adalah aset terpenting kami. Kami menyediakan pakej dan program ganjaran yang berdaya saing untuk menarik dan mengekalkan kakitangan dengan kemahiran, pengalaman dan sikap yang sesuai. PIDM juga memastikan peluang pekerjaan yang seimbang bagi semua calon yang layak kerana kriteria dalam penawaran pekerjaan adalah berasaskan keupayaan untuk memenuhi keperluan jawatan tanpa sebarang kecenderungan memihak kepada jantina, agama dan bangsa. Kakitangan kami menghormati nilai-nilai, budaya dan falsafah kerja yang pelbagai, sejajar dengan nilai korporat kami, dan komited untuk bekerjasama dalam memenuhi mandat kami. Pada 31 Disember 2010, kami mempunyai sejumlah 45% kakitangan lelaki dan 55% kakitangan wanita dan daripada jumlah kakitangan, 59% ialah Bumiputera<sup>2</sup>, 30% bangsa Cina diikuti 10% bangsa India dan 1% yang lain-lain.</p>	<p><b>Pengurusan modal insan:</b> Sejajar dengan objektif bagi menumpukan usaha terhadap pembangunan modal insan, Bahagian ini akan meneruskan kajian semula model kecekapan dan melaksanakan inisiatif utama termasuk pengurusan modal insan dan program perancangan pengurusan penggantian, program pembelajaran dan pembangunan komprehensif dan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan.</p>

<sup>2</sup> Kumpulan ini terdiri daripada bangsa Melayu dan lain-lain Bumiputera

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<b>Bahagian Sumber Manusia</b>	<p><b>Program biasiswa:</b> Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat kami, kami melaksanakan Program Biasiswa pelbagai tahun, yang termasuk program bimbingan mentor dan latihan bagi pemegang biasiswa.</p> <p><b>Hubungan kakitangan:</b> Menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif menerusi pelbagai aktiviti seperti menganjurkan kursus Pensijilan Bantuan Kecemasan CPR, taklimat dan vaksinasi H1N1, sesi kerja berpasukan di luar pejabat pertama bagi kakitangan, taklimat mengenai program Keseimbangan Kerja dan Kehidupan, jamuan Hari Raya bagi kakitangan dan ahli keluarga mereka serta Majlis Makan Malam Tahunan. Kami meneruskan pelaksanaan Program Pengiktirafan dan Ganjaran dan memberikan ganjaran kepada kakitangan yang layak. Berkenaan dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, kami melantik ahli baharu menyertai jawatankuasa ini susulan berakhirnya tempoh keahlian sebelum ini. Bagi Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, kami juga melantik ahli baharu.</p>	<p><b>Program biasiswa:</b> Meneruskan pengurusan program bagi penuntut institusi pengajian tinggi Malaysia.</p> <p><b>Perhubungan kakitangan:</b> Meneruskan penganjuran pelbagai aktiviti bagi menggalakkan interaksi dan penglibatan kakitangan serta persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.</p> <p><b>Mengautomatiskan proses pengurusan sumber manusia:</b> Meneruskan pembangunan Fasa 2 dan 3 Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia yang menumpukan kepada automasi proses pelantikan dan proses pengurusan prestasi kakitangan serta proses pembelajaran dan pembangunan dan proses pengurusan penggantian.</p>
<b>Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan</b> Bahagian ini bertanggungjawab terutamanya bagi kesediaan intervensi yang melibatkan pembangunan polisi dan prosedur berkaitan Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian aktiviti berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan PIDM, apabila diperlukan, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.	<b>Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank:</b> Menyempurnakan dokumentasi bagi tujuh daripada 13 bidang intervensi dan resolusi kegagalan bank yang dikenal pasti. Menjalankan latihan simulasi pertama bagi menguji rangka kerja, polisi dan prosedur. Bagi membangunkan keupayaan PIDM dari segi kesediaan intervensi, kami juga mengadakan dua latihan korporat kakitangan bagi Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Pelan Kontingensi dan dua pilihan resolusi kegagalan bank.	<b>Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank:</b> Menyempurnakan dokumentasi komponen akhir polisi, proses dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank. Memandangkan mandat kami yang diperluas untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami akan membuat pindaan yang relevan bagi mengambil kira perkara-perkara berkaitan dengan syarikat insurans dan pengendali takaful. Sebagai persediaan bagi kesediaan intervensi, kami akan menjalankan latihan tahunan dan latihan simulasi bagi pembayaran balik deposit dan intervensi dan resolusi kegagalan serta membangunkan pelan hala tuju yang melibatkan pembangunan infrastruktur yang diperlukan bagi intervensi yang lebih efektif seperti, antara lainnya, senarai semak berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan, serta model dan sistem kos terendah.

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<b>Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan</b>	<b>Pembayaran balik deposit:</b> Menyempurnakan pemantapan Fasa 1 projek tersebut yang mengautomatiskan proses mengira jumlah pembayaran balik deposit dan mendapatkan maklumat utama relevan bagi komunikasi dengan orang awam. Kami juga mengeluarkan Garis Panduan mengenai Sistem dan Penyerahan Maklumat Deposit kepada bank ahli untuk memudahkan peruntukan maklumat deposit yang diperlukan bagi tujuan pengesahan jumlah deposit diinsuranskan dan pembayaran balik deposit kepada pendeposit. Selain itu, kami memulakan pembangunan Fasa 2 yang termasuk Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk bagi mengenal pasti amaun pembayaran balik deposit masing-masing dan status kebolehsuranaan produk deposit institusi ahli.	<p><b>Pembayaran balik deposit:</b> Menyepadukan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dengan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit dan ejen pembayaran bagi memudahkan pembayaran balik deposit yang efektif sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli.</p> <p><b>Sistem pengurusan tuntutan:</b> Kaji selidik mengenai pembangunan sistem bagi tuntutan yang akan diterima daripada syarikat insurans dan pengendali takaful.</p>
<b>Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko</b> Bahagian ini menyediakan penilaian dan pemantauan risiko secara bebas, jitu dan tepat pada masa berkenaan institusi ahli kami bagi membolehkan pengesanan awal institusi ahli berisiko tinggi serta penaksiran premium yang cekap. Bahagian ini juga bertanggungjawab membangunkan dan memantapkan insurans deposit Islam.	<p><b>Penilaian dan pemantauan risiko:</b> Meneruskan pemantapan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko, termasuk nisbah-nisbah yang digunakan bagi penilaian risiko, dan membangunkan rangka kerja dan peraturan-peraturan Sistem Premium Berbeza yang dimantapkan, menerusi proses perundingan dengan BNM dan bank-bank ahli, susulan perkembangan pengawalseliaan dalam industri perbankan. Kami juga menyempurnakan Fasa 1 Sistem Amaran Awal yang melibatkan pengumpulan data ekonomi dan kewangan serta peringkat pengesahan. Sistem tersebut apabila disempurnakan, akan berfungsi sebagai sistem ramalan dan unjuran.</p> <p><b>Perkongsian efektif:</b> Meneruskan hubungan kerja yang erat dan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama termasuk BNM dan institusi ahli. Mengendalikan sesi perkongsian pengetahuan mengenai Rangka Kerja dan Sistem Penilaian Risiko dengan wakil daripada <i>Central Bank of Kenya</i> dan <i>Deposit Protection Agency (DPA) Thailand</i> serta mengenai insurans deposit Islam dengan wakil daripada <i>Nigeria Deposit Insurance Corporation</i>.</p>	<p><b>Penilaian dan pemantauan risiko:</b> Dalam memastikan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, Bahagian ini akan terus memantapkan Rangka Kerja dan Sistem Penilaian dan Pemantauan Risiko bagi sistem insurans deposit dan membangunkan rangka kerja yang sama bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami juga akan membangunkan dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Penyata Jumlah Manfaat Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta membangunkan model unjuran pengkadaran bagi Sistem Amaran Awal.</p> <p><b>Polisi dan peraturan:</b> Membangunkan garis panduan faedah dan dividen boleh dibayar bagi bank-bank ahli yang akan dilaksanakan sekiranya berlaku pembayaran balik deposit. Pada tahun 2011, kami juga akan melaksanakan Garis Panduan bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Sistem Premium Berbeza yang dipinda bagi sistem insurans deposit manakala bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami akan melaksanakan Garis Panduan mengenai Serahan Pulangan bagi Pengiraan Premium untuk Perniagaan Takaful dan Insurans.</p>

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<b>Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko</b>	<b>Insurans deposit Islam:</b> Menyempurnakan Kertas Perbincangan mengenai "Insurans Deposit dari Perspektif Syariah" dan kertas maklumat mengenai "Kaji Selidik Insurans Deposit Islam" bagi Kumpulan Insurans Deposit Islam Persatuan Pengunsirans Deposit Antarabangsa ( <i>International Association of Deposit Insurance - IADI</i> ).	<b>Insurans deposit Islam:</b> Terus menjadi pusat rujukan bagi perkara-perkara berkaitan insurans deposit Islam menerusi penyertaan aktif dalam Kumpulan Insurans Deposit Islam IADI dan menganjurkan seminar mengenai insurans deposit Islam bagi mengukuhkan peranan penerajuan PIDM dalam pembangunan insurans deposit Islam di peringkat antarabangsa.
<b>Bahagian Undang-Undang</b> Bahagian ini memberi sokongan khidmat nasihat undang-undang yang melindungi kepentingan PIDM. Bahagian ini juga menyediakan sokongan khidmat sekretariat dan khidmat nasihat tadbir urus kepada Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab bagi semua perkara berkaitan dengan prosiding dan pentadbiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.	<b>Perundangan:</b> Menjalankan kajian semula menyeluruh Akta PIDM 2005 (dan perundangan berkaitan tertentu) dan memperbaharui Akta itu bagi mengambil kira mandat PIDM yang diperluaskan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans secara efektif. Akta PIDM baharu tersebut berkuat kuasa pada 31 Disember 2010. Bahagian ini juga membangunkan beberapa peraturan untuk melaksanakan kuasa-kuasa baharu dalam Akta baharu tersebut. <b>Khidmat nasihat undang-undang:</b> Mengkaji semula, menasihati dan menyediakan kontrak bagi pihak Perbadanan. Berkenaan Program Pematuhan, Bahagian ini menjalankan Ujian Pematuhan pertama yang diwajibkan untuk semua kakitangan. Bahagian ini juga meneruskan pengesahan produk deposit yang ditawarkan oleh institusi ahli. Sehubungan ini, bagi memudahkan proses pensijilan, Sistem Pendaftaran Produk dibangunkan yang akan menghasilkan kod produk deposit untuk dikeluarkan kepada bank ahli dan mengeluarkan Garis Panduan mengenai Serahan Maklumat Produk Deposit. Berkenaan projek-projek utama PIDM termasuk Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, Pembayaran Balik Deposit dan rangka kerja pembiayaan, Bahagian ini terus menyediakan sokongan khidmat nasihat kepada Bahagian-bahagian relevan. <b>Tadbir urus korporat:</b> Terus mengekalkan rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan yang kukuh serta hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah dan menyokong Lembaga Pengarah dalam urusan tadbir urus korporatnya. Mencadangkan pelantikan dua pengarah baharu kepada Menteri Kewangan untuk menggantikan pengarah yang telah tamat perkhidmatan mereka. Selain itu, dua sesi pendidikan Lembaga Pengarah diadakan bagi para Pengarah pada tahun 2010. Bagi butiran lanjut, sila lihat halaman 46 dalam Penyataan Tadbir Urus.	<b>Khidmat nasihat undang-undang:</b> Terus memberi sokongan dalam penyediaan kontrak bagi pihak PIDM, perakuan produk deposit yang ditawarkan oleh institusi ahli dan peruntukan sokongan khidmat nasihat undang-undang bagi projek-projek utama. <b>Tadbir urus korporat:</b> Terus mengguna pakai dan memastikan pematuhan kepada amalan terbaik dalam tadbir urus dan menyokong Lembaga Pengarah dalam mencapai matlamat tahunannya dan usaha tadbir urus korporatnya yang berterusan. <b>Automasi proses undang-undang:</b> Menyempurnakan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pendaftaran Produk dan penyelidikan bagi pembangunan sistem yang sama bagi syarikat insurans dan pengendali takaful. Bahagian ini juga akan memulakan pembangunan Sistem Pengurusan Pengetahuan Undang-Undang / Perundangan.

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<b>Bahagian Undang-Undang</b>	Menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan penubuhan sebuah syarikat dihadkan oleh jaminan bagi Alumni Program ini serta pemindahan Program ini ke Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF.	Penyertaan aktif dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan.
<b>Bahagian Polisi dan Antarabangsa</b> Bahagian ini mempertimbangkan dan membangunkan polisi mantap berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM. Bahagian ini juga menerajui dan menyelaraskan aktiviti perhubungan antarabangsa.	<b>Polisi:</b> Memandangkan mandat PIDM yang diperluaskan, Bahagian ini membangunkan polisi komprehensif dan ringkasan (dokumentasi keputusan dan rasional polisi) bagi pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. <b>Pemegang kepentingan terdidik dan bermaklumat:</b> Membangunkan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 bagi memastikan bank ahli menyediakan maklumat yang betul, relevan dan tepat pada masa mengenai perlindungan insurans deposit bagi produk deposit kepada pendeposit. <b>Perkongsian efektif:</b> Terus mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan pemegang kepentingan termasuk penginsurans deposit lain menerusi penyertaan aktif dalam IADI. Menyertai pelbagai sesi perkongsian pengetahuan dan menganjurkan lawatan sambil belajar bagi penginsurans deposit dan bank-bank pusat lain. Bagi menggalakkan kerjasama dan perkongsian pengetahuan, kami memeterai memorandum persefahaman antara PIDM, <i>Deposit Protection Agency Thailand</i> (DPA) dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia dalam Mesyuarat Tiga Pihak antara ketiga-tiga organisasi tersebut. <b>Forum antarabangsa:</b> Menerajui pembangunan kapasiti bagi resolusi bank-bank yang bermasalah bagi bank-bank pusat dan penginsurans deposit di Asia Tenggara dan Afrika menerusi reka bentuk dan pembangunan program latihan komprehensif. Kami menganjurkan bersama latihan resolusi Pusat SEACEN (Bank-bank Pusat Asia Tenggara) dan IADI. Di peringkat antarabangsa, kami mempengerusikan Jawatankuasa Kecil IADI mengenai proses pembayaran balik deposit dan membangunkan kes kajian serta penyelidikan bagi mengenal pasti halangan kepada keberkesanan proses pembayaran balik deposit. Kami juga menyertai 15 forum antarabangsa yang melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa, dalam pelbagai kapasiti termasuk menggalakkan perkongsian pengetahuan menerusi mesyuarat dan latihan dengan penginsurans deposit lain di rantau ini, serta menyediakan wakil untuk menyampaikan pengetahuan di persidangan peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.	<b>Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat:</b> Menyediakan bimbingan kepada bank ahli dalam pelaksanaan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011. <b>Perkongsian efektif:</b> Terus membina kredibiliti dan reputasi PIDM menerusi pembangunan polisi yang mampan dan mantap. Selain itu, Bahagian ini akan juga terus membina perkongsian strategik dengan pemegang kepentingan utama tempatan dan antarabangsa bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan. <b>Polisi dan peraturan:</b> Membangunkan polisi bagi mengukuhkan peraturan surcaj premium bagi bank-bank dan membangunkan terma dan syarat keahlian bagi syarikat insurans dan pengendali takaful. <b>Forum antarabangsa:</b> Sebagai pengerusi Jawatankuasa Kecil IADI bagi proses pembayaran balik deposit, kami akan meneruskan pembangunan prinsip-prinsip panduan bagi sistem pembayaran balik deposit.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2010	MASA HADAPAN
<p><b>Bahagian Perancangan Strategik</b></p> <p>Bahagian ini bertanggungjawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM dan menyokong Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam penetapan hala tuju strategik PIDM dan pembangunan pelan strategik.</p>	<p><b>Perancangan strategik:</b> Mempermudah dan menyokong Bahagian-bahagian dalam pembangunan pelan strategik masing-masing dan menyelaraskan pelan dengan objektif, misi dan visi korporat. Mengendalikan Bengkel Kerja Perancangan Strategik tahunan bagi kakitangan dan memberi sokongan sebagai fasilitator bagi perbincangan inisiatif dan PPU peringkat korporat dan bahagian. Mengendalikan sesi Perancangan Strategik Lembaga Pengarah tahunan.</p> <p><b>Pengurusan prestasi:</b> Terus mengesan dan memantau prestasi PIDM berbanding sasaran dalam pelan yang telah diluluskan, setiap suku tahunan, menggunakan pendekatan kad skor terimbang. Laporan itu dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.</p> <p><b>Penerbitan korporat:</b> Membangunkan Rancangan Korporat 2011 – 2013 yang menyampaikan objektif, keutamaan, inisiatif dan bajet PIDM. Bekerjasama dengan Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam serta Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, menyelaraskan bersama dan mengurus pembangunan dan penerbitan Laporan Tahunan PIDM.</p> <p><b>Perkongsian efektif:</b> Terus mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan pemegang kepentingan utama dan menyertai sesi perkongsian pengetahuan dengan <i>Nigeria Deposit Insurance Corporation</i> dan <i>Zimbabwe Deposit Protection Board</i>.</p>	<p><b>Perancangan strategik:</b> Terus mengguna pakai pendekatan bersepadu dalam proses perancangan strategik, mengambil kira peluang dan risiko yang dihadapi PIDM, termasuk mengguna pakai pendekatan perancangan senario, bagi memastikan pencapaian mandat, visi dan misi kami.</p> <p><b>Automasi pengurusan prestasi:</b> Membangunkan sistem pelaporan kad skor terimbang bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kajian semula, pengesanan dan pemantauan PPU dan sasaran. Ini juga akan termasuk pemusatan pelaporan kemajuan oleh Bahagian-bahagian.</p>

### LANJUTAN KEPADA KAD SKOR KORPORAT 2010

Semasa tahun ini, kami berjaya menyempurnakan inisiatif-inisiatif utama tambahan yang tidak dikenal pasti dalam Kad Skor Korporat 2010, susulan pengumuman Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan oleh Menteri Kewangan pada Mei 2010. Antaranya:

1. Kami membangunkan dan mengesyorkan Akta baharu untuk menggantikan Akta PIDM 2005, termasuk peraturan dan perintah yang perlu bagi melaksanakan Akta baharu tersebut.
2. Kami membangunkan rangka kerja untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, termasuk metodologi dan rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko interim, mengesyorkan kadar premium yang akan ditaksir terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful serta merangka Garis Panduan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: Serahan Penyata Pengiraan Premium bagi Urus Niaga Takaful dan Insurans 2011.

Dalam memastikan pemahaman orang awam mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan, kami menumpukan usaha kami terhadap pembangunan program kesedaran awam dan komunikasi yang menyeluruh untuk disasarkan kepada segmen besar orang awam. Dalam suku terakhir 2010, iklan-iklan disiarkan dalam platform media utama bagi memudahkan pelaksanaan pakej dengan lebih efektif.

Kami juga membangunkan program komunikasi komprehensif untuk mewujudkan kesedaran tentang Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, yang membentuk sebahagian daripada Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan.

### PAKEJ PERLINDUNGAN KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUKKAN

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan perlindungan konsumer kewangan dan menggalakkan lagi keyakinan awam terhadap sistem kewangan, Menteri Kewangan pada Mei 2010, mengumumkan Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan. Sebagai respons kepada pengumuman tersebut, kami membangunkan dan mengesyorkan Akta PIDM baharu, yang akan berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, bagi menggantikan Akta PIDM 2005. Di bawah Akta baharu ini, PIDM diberi mandat untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, skop perlindungan bagi sistem insurans deposit diperluaskan bagi merangkumi deposit mata wang asing dan PIDM juga diberi kuasa tambahan untuk menangani dengan efektif institusi ahli yang bermasalah.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah sistem untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans mereka yang layak sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Di bawah sistem ini, pemilik sijil takaful atau polisi insurans yang layak mendapat perlindungan termasuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, kesatuan sekerja, persatuan berdaftar, koperasi, badan amal berdaftar dan perbadanan. Manfaat takaful dan insurans yang dilindungi di bawah sistem ini dan had-had berkaitannya diperincikan berdasarkan Takaful Keluarga dan Insurans Hayat serta Takaful Am dan Insurans Am. Butiran lanjut mengenai manfaat dan had dilindungi boleh didapati di halaman 146 hingga 147.

PIDM juga melaksanakan peraturan baharu yang merangkumi had insurans dinaikkan daripada RM60,000 kepada RM250,000, berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, dan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 yang baharu bagi mengukuhkan lagi sistem insurans deposit. Bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, PIDM telah melaksanakan tiga peraturan lain yang menggariskan had dan skop perlindungan berkaitan manfaat yang dilindungi, iaitu Peraturan-Peraturan Manfaat Dilindungi 2011, Perintah Had Manfaat Dilindungi 2011 serta Perintah Premium Pertama dan Premium Tahunan bagi Ahli Penginsurans 2011.

Berkaitan dengan inisiatif komunikasi, kami memulakan inisiatif pengiklanan dan berinteraksi dengan pemegang kepentingan bagi memudahkan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit perlindungan terhadap dan pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dengan mandat yang diperluaskan untuk melindungi pemilik polisi insurans dan sijil takaful, kami kini perlu memantau lebih banyak institusi ahli. Kami akan terus menilai dan memantau dengan teliti risiko yang memberi kesan kepada institusi ahli kami dan terus menggalakkan amalan pengurusan risiko yang wajar.



# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## TINJAUAN KEWANGAN TAHUN 2010

### KEPUTUSAN OPERASI

<b>PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010</b>	<b>2010 Sebenar RM'000</b>	<b>2010 Bajet RM'000</b>	<b>Perbezaan (Bajet berbanding Sebenar)</b>		<b>2009 Sebenar RM'000</b>
			<b>RM'000</b>	<b>%</b>	
Pendapatan premium	105,687	122,000	(16,313)	(13)	131,795
Pendapatan pelaburan	9,314	8,000	1,314	16	7,594
Pendapatan pelbagai	-	-	-	-	28
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>115,001</b>	<b>130,000</b>	<b>(14,999)</b>	<b>(12)</b>	<b>139,417</b>
Manfaat kakitangan	26,409	29,340	2,931	10	22,209
Perhubungan awam dan pengiklanan	6,434	8,010	1,576	20	5,708
Susut nilai	2,791	3,350	559	17	2,450
Pajakan operasi	3,124	2,850	(274)	(10)	1,080
Perbelanjaan lain	15,398	21,450	6,052	28	13,429
<b>Jumlah perbelanjaan operasi</b>	<b>54,156</b>	<b>65,000</b>	<b>10,844</b>	<b>17</b>	<b>44,876</b>
<b>Lebihan bersih</b>	<b>60,845</b>	<b>65,000</b>	<b>(4,155)</b>	<b>(6)</b>	<b>94,541</b>

### PERBELANJAAN MODAL

<b>PERBELANJAAN MODAL DITANGGUNG PADA TAHUN 2010</b>	<b>2010 Sebenar RM'000</b>	<b>2010 Bajet RM'000</b>	<b>Perbezaan (Bajet berbanding Sebenar)</b>		<b>2009 Sebenar RM'000</b>
			<b>RM'000</b>	<b>%</b>	
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	7,784	8,850	1,066	12	195
Sistem komputer dan peralatan pejabat	5,731	6,250	519	8	8,736
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>13,515</b>	<b>15,100</b>	<b>1,585</b>	<b>10</b>	<b>8,931</b>

### ULASAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2010

Jumlah pendapatan yang dicatatkan sepanjang tahun ini iaitu, sebanyak RM115.0 juta merupakan pengurangan RM24.4 juta atau 17.5% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan oleh premium lebih rendah yang ditaksir daripada bank ahli berikutan penambahbaikan keseluruhan dalam pengkadaran Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli serta pertumbuhan jumlah deposit diinsuranskan yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

Perbelanjaan operasi bagi tahun 2010 berjumlah RM54.2 juta atau 20.7% lebih tinggi berbanding perbelanjaan tahun sebelumnya pada RM44.9 juta. Dalam memastikan kesediaan operasi, kami meneruskan pembangunan dan pemantapan kapasiti dan kepercayaan modal insan, proses, sistem dan infrastruktur kami. Peningkatan aliran dalam perbelanjaan dijangka akan berterusan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, terutamanya dengan mandat kami yang telah diperluaskan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, kami akan terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan pengelolaan kewangan yang mampan sambil mencapai objektif kami seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat kami. Bagi tahun 2010, perbelanjaan operasi kami iaitu, sebanyak RM54.2 juta adalah lebih rendah berbanding bajet kami pada RM65.0 juta atau 16.7% lebih rendah berbanding bajet.


Pada 31 Disember 2010, kami menanggung RM13.5 juta bagi perbelanjaan modal yang merangkumi 89.5% daripada bajet perbelanjaan modal bagi tahun 2010 iaitu, sebanyak RM15.1 juta.

Lebihan bersih berjumlah RM60.8 juta pada tahun 2010, turun sebanyak RM33.7 juta atau 35.6% berbanding tahun 2009 disebabkan terutamanya pendapatan premium yang lebih rendah.

Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit sebanyak RM430.7 juta menandakan peningkatan 16.4% berbanding tahun sebelumnya, terdiri daripada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam sebanyak RM56.1 juta dan Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional sebanyak RM374.6 juta. Kumpulan Dana Insurans Deposit tersebut akan digunakan untuk memenuhi kewajipan sekiranya wujud keperluan untuknya.

Mandat PIDM diperluaskan pada 31 Disember 2010 bagi merangkumi perlindungan manfaat takaful dan insurans. Bagaimanapun, semasa tahun kewangan, tiada pendapatan diterima atau perbelanjaan ditanggung berkaitan dengan pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Carta 1: Aliran Kewangan Utama dari tahun 2006 hingga 2010



### PENDAPATAN

#### Pendapatan Premium


Premium tahunan ditaksir berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipegang oleh bank-bank ahli pada 31 Disember tahun sebelumnya. Tahap Jumlah Deposit Diinsuranskan sentiasa berada dalam aliran meningkat sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005. Bagaimanapun, bagi tahun taksiran 2010, kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan menurun kepada 3.0% berbanding kadar pertumbuhan tahun sebelumnya pada 5.5%. Paras Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi tahun taksiran 2010 ialah RM207.6 bilion dan berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipegang oleh bank-bank ahli pada 31 Disember 2009.

PIDM menggunakan premium untuk membiayai operasinya dan lebihan bersihnya dikreditkan setiap tahun kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit sebagai rizab bagi memenuhi sebarang kewajipan pada masa hadapan. PIDM terus membina rizab dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan yang dijana daripada operasinya. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan sekiranya wujud keperluan untuknya. Rizab terkumpul dalam sebuah Kumpulan Dana tidak boleh digunakan bagi memenuhi kewajipan Kumpulan Dana lain.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## TINJAUAN KEWANGAN TAHUN 2010

Carta 2: Aliran Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dari tahun taksiran 2006 hingga 2010



Pada 2008, kami memperkenalkan Sistem Premium Berbeza. Sistem ini membezakan bank ahli mengikut profil risiko masing-masing dan mengklasifikasi bank ahli kepada empat kategori premium. Kadar premium yang diguna pakai bagi keempat-empat kategori ini adalah seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM	KADAR PREMIUM
Kategori 1	0.03%
Kategori 2	0.06%
Kategori 3	0.12%
Kategori 4	0.24%


Sistem Premium Berbeza bertujuan untuk menyediakan insentif kepada bank ahli untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang wajar dan rapi termasuk mengekalkan tahap kecukupan modal yang kukuh. Di bawah sistem ini, bank ahli dengan profil risiko yang lebih rendah membayar premium lebih rendah berbanding bank ahli yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

Pada tahun 2010, keseluruhan pengkadaran Sistem Premium Berbeza secara umumnya bertambah baik, menyebabkan jumlah premium ditaksir yang lebih rendah sebanyak RM105.7 juta berbanding RM131.8 juta pada tahun sebelumnya.

Kami meneruskan pelaksanaan Program Pengesahan Juruaudit Luaran bagi memastikan ketepatan maklumat yang disediakan oleh bank ahli sebagai dasar pengiraan skor Sistem Premium Berbeza dan premium. Di bawah program ini, juruaudit luaran

bank ahli dikehendaki menyediakan pengesahan bebas kepada PIDM bahawa maklumat yang dikemukakan berkaitan Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan bagi tahun taksiran tersebut adalah tepat.

Carta 3: Aliran Premium dari tahun 2006 hingga 2010



Bagi tahun 2011, kami telah membajetkan premium sebanyak RM160.8 juta bagi sistem insurans deposit, iaitu RM55.1 juta atau 52.1% lebih tinggi berbanding premium yang diterima pada tahun 2010. Ini disebabkan terutamanya peningkatan dalam had insurans deposit daripada RM60,000 kepada RM250,000, peningkatan dalam skop perlindungan, dan jangkaan pertumbuhan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan.

Berkuat kuasa pada tahun 2011, bank ahli yang sebelum ini membayar premium minimum sebanyak RM250,000 kini akan tertakluk kepada premium minimum baharu berdasarkan skor Sistem Premium Berbeza masing-masing seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM	PEMBAYARAN PREMIUM MINIMUM (RM)
Kategori 1	100,000
Kategori 2	200,000
Kategori 3	400,000
Kategori 4	800,000

Bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami membajetkan premium sebanyak RM81.9 juta daripada pengendali takaful dan syarikat insurans. Premium ini akan ditaksir berdasarkan kadar sama rata yang terpakai bagi Jumlah Manfaat Dilindungi.


### Pendapatan Pelaburan, Tunai dan Kesetaraan Tunai

Aktiviti pelaburan PIDM dijalankan sejajar dengan polisi yang diluluskan berkaitan dengan pengurusan risiko kewangan iaitu, risiko mudah tunai, pasaran dan kredit. PIDM terus melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang diterbitkan oleh Kerajaan atau BNM serta penempatan lebihan dana operasi dalam instrumen pasaran wang jangka pendek. Ini sejajar dengan polisi pelaburan PIDM yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi pelaburan PIDM menghendaki pelaburan dipegang hingga kematangan.


Pendapatan pelaburan kami bagi tahun 2010 ialah RM9.3 juta, iaitu 16.4% lebih tinggi berbanding bajet disebabkan peningkatan aliran kadar faedah, dengan hasil purata 2.32% (Islam: 2.37% dan Konvensional: 2.32%).

Pada 31 Disember 2010, aset penjana pendapatan kami terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan berjumlah RM53.0 juta (2009: RM48.0 juta) bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan RM357.4 juta (2009: RM313.0 juta) bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional.


Carta 4: Pendapatan Pelaburan dari tahun 2006 hingga 2010



Carta 5: Aliran Kadar Hasil Purata Berwajaran dari tahun 2008 hingga 2010



Carta 6: Tunai, Kesetaraan Tunai dan Pelaburan dari tahun 2006 hingga 2010




# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## TINJAUAN KEWANGAN TAHUN 2010

### PERBELANJAAN OPERASI

Carta berikut menunjukkan aliran perbelanjaan operasi kami.

Carta 7: Aliran Perbelanjaan Operasi dari tahun 2006 hingga 2010




Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2010 iaitu, sebanyak RM54.2 juta adalah RM10.8 juta atau 16.7% lebih rendah berbanding bajet tetapi RM9.3 juta atau 20.7% lebih tinggi berbanding tahun 2009. Perbezaan positif berbanding bajet ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan lebih rendah bagi perbelanjaan berkaitan kakitangan, telekomunikasi dan sistem komputer serta khidmat pakar runding dan penasihat undang-undang. Perbezaan positif ini juga disebabkan pengutamaan semula aktiviti tertentu berkaitan perhubungan awam dan pengiklanan. Peningkatan aliran daripada tahun-tahun sebelumnya adalah terutamanya, hasil usaha berterusan PIDM bagi membina kapasti dan keupayaannya termasuk sistem, proses dan membangunkan kemahiran dan kepakaran berkaitan dengan insurans deposit dan program perlindungan insurans.

#### Manfaat kakitangan

Kakitangan kami adalah aset terpenting kami. Kami terus melatih dan membangunkan kakitangan kami bagi memastikan mereka mempunyai kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Justeru, penyediaan pakej ganjaran yang berdaya saing adalah penting bagi menarik dan mengekalkan kakitangan kami. Pertambahan bilangan kakitangan sejak beberapa tahun ini menunjukkan usaha berterusan kami untuk membangunkan kapasti dan keupayaan bagi memastikan kesediaan operasi. Kami menjangka aliran ini akan berterusan memandangkan usaha kami dalam mengukuhkan kapasti dan keupayaan kami dalam semua bahagian operasi agar kami bersedia untuk memenuhi mandat kami dengan berkesan dan bagi pengurusan pangantian yang efektif.

Carta 8: Bilangan Kakitangan dari tahun 2006 hingga 2010




Peningkatan utama dalam bilangan kakitangan pada 31 Disember 2010 adalah dalam bahagian operasi penting termasuk penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi kegagalan bank, bahagian undang-undang, serta kewangan, pentadbiran dan teknologi maklumat. Peningkatan ini juga disebabkan sumber kemahiran tambahan dalam bidang insurans dan takaful, sebagai persediaan untuk melaksanakan mandat yang telah diperluaskan. Kos manfaat kakitangan bagi tahun 2010 hanya mengambil kira sebahagian daripada kos sumber tambahan yang dilantik pada tahun 2010 kerana kebanyakan kakitangan baharu mula berkhidmat pada akhir tahun 2010. Impak penuh pelantikan kakitangan baharu ini akan menjadi lebih ketara pada tahun 2011.

Bagi tahun 2010, perbelanjaan manfaat kakitangan berjumlah RM26.4 juta, iaitu 18.9% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, jumlah ini RM2.9 juta atau 10.0% lebih rendah berbanding bajet.

#### Perhubungan Awam dan Pengiklanan

Komunikasi dan kesedaran awam penting bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Sejak penubuhan kami pada tahun 2005, tumpuan kami adalah untuk memastikan komunikasi yang efektif dalam usaha berterusan kami untuk meningkatkan tahap kesedaran awam tentang sistem insurans deposit dan pemahaman mengenai PIDM. Sepanjang tahun 2010, kami meneruskan pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu lima tahun yang memperincikan aktiviti komunikasi kami, dengan tumpuan tambahan terhadap persediaan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan serta pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Aktiviti ini termasuk penerbitan brosur maklumat awam baharu, penerbitan artikel, mengendalikan taklimat media, jerayawara dan temu bual. Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan kami untuk meningkatkan lagi pemahaman awam mengenai insurans deposit, kami juga melaksanakan program pendidikan bagi pelajar sekolah menengah dan penuntut institusi pengajian tinggi.

Carta 9: Perbelanjaan Perhubungan Awam dan Pengiklanan dari tahun 2006 hingga 2010



Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2010 berjumlah RM6.4 juta dan adalah 12.7% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh persediaan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta pelaksanaan program pendidikan.

Bagaimanapun, keseluruhan perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2010 masih lebih rendah sebanyak RM1.6 juta atau 19.7% berbanding bajet disebabkan pengutamaan semula beberapa aktiviti pengiklanan. Perbezaan positif ini juga hasil penjimatan kos daripada kerjasama kami dengan BNM dan agensi kerajaan lain dalam pelaksanaan jerayawara dan program interaksi dengan pelbagai pemegang kepentingan.


#### Perbelanjaan Modal dan Susut Nilai

Kami meneruskan pembangunan infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif, terutamanya Teknologi Maklumat (IT). Pada tahun 2010, kami terus menumpukan usaha terhadap pengukuhan dan pembangunan sistem IT teras, terutamanya sistem Pembayaran Balik Deposit.

Sepanjang tahun ini, kami menyempurnakan Fasa 1 pembangunan Portal Enterpris Korporat yang disasar untuk menyepadukan maklumat, kakitangan dan proses di seluruh PIDM. Kami sedang melaksanakan pengukuhan dan pembangunan sistem IT utama, terutamanya sistem Pembayaran Balik Deposit yang terdiri daripada Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit, Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk. Kami telah menyempurnakan semua penaiktarafan dan pemantapan infrastruktur operasi IT mengikut rancangan termasuk keselamatan


rangkaiannya dan sistem. Kami juga menanggung perbelanjaan bagi perabot dan kelengkapan pejabat serta mendirikan pusat data baharu bagi pejabat baharu kami di Quill 7, KL Sentral.

Carta 10: Aliran Perbelanjaan Modal dari tahun 2006 hingga 2010



Pada 31 Disember 2010, PIDM memeterai kontrak perkhidmatan dengan penyedia perkhidmatan luaran bagi projek-projek berjumlah RM13.5 juta yang merangkumi 89.5% daripada jumlah bajet perbelanjaan modal bagi tahun 2010 pada RM15.1 juta. Perbezaan positif RM1.6 juta bagi perbelanjaan modal adalah hasil pengutamaan semula beberapa pelaksanaan sistem IT dan penjadualan semula beberapa inisiatif disebabkan aktiviti kesediaan berkaitan dengan mandat baharu PIDM.

Carta 11: Pecahan Perbelanjaan Modal Utama dari tahun 2006 hingga 2010



# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN


## TINJAUAN KEWANGAN TAHUN 2010

Perbelanjaan susut nilai bagi tahun tersebut berjumlah RM2.8 juta atau 13.9% lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya kenaikan dalam aset susut nilai, termasuk sistem IT serta perabot dan kelengkapan di pejabat baharu kami di Quill 7, KL Sentral.


### Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain

Kategori perbelanjaan ini berkait dengan perbelanjaan am dan pentadbiran, seperti sewa pejabat, fi khidmat profesional dan perundangan, perbelanjaan latihan dan pembangunan, perbelanjaan perjalanan, kos pencetakan dan alat-alat tulis, kos telekomunikasi serta perbelanjaan sebelum pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Oleh sebab sumber manusia, infrastruktur dan inisiatif kami meningkat dari setahun ke setahun, kos am dan pentadbiran kami juga telah meningkat.

Carta 12: Aliran Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain dari tahun 2006 hingga 2010



Carta 13: Butiran utama dalam Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain dari 2006 hingga 2010




Pajakan operasi yang kebanyakannya terdiri daripada sewa pejabat kami mencatatkan kenaikan ketara sepanjang tahun ini sempena perpindahan kami ke pejabat baharu di Quill 7, KL Sentral. Kos sewa pejabat bagi tahun 2010 hanya mengambil kira sebahagian daripada sewa pejabat baharu yang bermula daripada bulan September 2010. Impak penuh kos sewa pejabat tersebut akan menjadi lebih ketara pada tahun 2011.

Peningkatan dalam perbelanjaan lain iaitu, daripada RM13.4 juta pada tahun 2009 kepada RM15.4 juta pada tahun 2010 adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan khidmat pakar runding bagi pembangunan rangka kerja dan proses-proses Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank serta peningkatan perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer. Keseluruhan perbelanjaan kami dalam kategori perbelanjaan ini adalah RM6.1 juta atau 28.2% lebih kurang berbanding bajet disebabkan terutamanya oleh pengaturan masa dan penjimatan daripada pelaksanaan beberapa aktiviti utama, khususnya penggunaan khidmat pakar runding serta fi lebih rendah daripada penggunaan khidmat penasihat undang-undang.

### SOROTAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Carta 14: Komposisi Aset



### Tunai, Kesetaraan Tunai dan Pelaburan pada 31 Disember 2010

Aset kami kekal cair dengan tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan yang mewakili 93.7% daripada jumlah aset kami.

Pada 31 Disember 2010, jumlah tunai dan kesetaraan tunai kami termasuk pelaburan jangka pendek kurang daripada 90 hari adalah RM184.0 juta. Sumber-sumber dan kegunaan tunai dan kesetaraan tunai dihuraikan dalam Penyata Aliran Tunai di Bahagian 4 dalam Laporan Tahunan ini.

Jumlah pelaburan mencatatkan peningkatan 11.1% kepada RM226.4 juta, berbanding dengan RM203.8 juta pada tahun 2009. Portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2010 terdiri daripada sekuriti pelaburan terbitan BNM dan Kerajaan dengan tempoh jangka pendek dan sederhana daripada 91 hari hingga 354 hari. Polisi pelaburan tidak membenarkan kami membuat pelaburan atau menyimpan dana dengan mana-mana bank ahli kecuali bagi tujuan operasi harian.

### Hartanah dan Peralatan dan Aset-aset Lain pada 31 Disember 2010

Hartanah dan peralatan kami pada 31 Disember 2010 berjumlah RM24.1 juta dengan peningkatan (kos tolak susut nilai) sebanyak RM10.8 juta atau 80.4% daripada tahun sebelumnya iaitu, pada RM13.3 juta. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh aset-aset di pejabat baharu (kebanyakannya perabot dan kelengkapan pejabat serta peralatan pusat data). Peningkatan ini juga disebabkan oleh pengukuhan infrastruktur IT dan penggantian teknologi serta sistem IT utama seperti Sistem Pembayaran Balik Deposit dan Portal Enterpris Korporat.

Aset-aset lain terdiri daripada deposit dan prapembayaran, pendapatan pelaburan belum terima, aset-aset lain dan akaun belum terima lain berjumlah RM3.6 juta. Baki pada 31 Disember 2010 adalah 131.2% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya disebabkan terutamanya oleh peningkatan deposit bagi sewa dan utiliti untuk pejabat baharu di Quill 7 yang berjumlah RM1.9 juta.

### Liabiliti pada 31 Disember 2010

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 21.6% kepada RM7.3 juta pada tahun 2010 dan terdiri daripada akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti yang tidak digunakan serta perkhidmatan yang disediakan berkaitan dengan penggunaan khidmat pakar runding dan bekalan barangan.

### Sumber Pembiayaan dan Keupayaan Kewangan

Bagi mentadbir dan membiayai program perlindungan konsumen kewangan, PIDM menaksir dan mengumpul premium tahunan daripada ahlinya. Premium digunakan pertama sekali bagi membiayai operasinya dan lebihan bersih tahunan dikreditkan kepada Kumpulan Dana rizab yang sewajarnya.

Seperti yang diperincikan dalam Nota 21 penyata kewangan berkaitan Liabiliti Kontingensi, kami mempunyai pendedahan langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang dipegang oleh bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans. Bagaimanapun, sehingga tarikh laporan ini disediakan, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam penyata kewangan menurut Peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standard – FRS*) 137, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan kami dan keupayaan masa hadapan untuk memenuhi liabiliti dan komitmen yang berbangkit adalah terjamin. Kami diberi kuasa di bawah perundangan kami untuk menaksir premium tahunan daripada institusi ahli dan menetapkan kadar premium tahunan dengan kelulusan Menteri Kewangan. Sekiranya pembiayaan besar diperlukan, kadar premium boleh dinaikkan dengan kelulusan Menteri menurut Akta PIDM.

Walaupun peruntukan tidak direkodkan melainkan peristiwa tertentu berlaku, PIDM terus membina rizab dalam Kumpulan Dana yang relevan menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan yang dijana daripada operasinya. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap Kumpulan Dana bagi menanggung kerugian sekiranya wujud kewajipan untuknya. Rizab terkumpul dalam sesebuah Kumpulan Dana tidak boleh digunakan untuk menanggung kewajipan Kumpulan Dana yang lain.

Lebihan bersih kami sebanyak RM60.8 juta (Islam: RM7.1 juta dan Konvensional: RM53.7 juta) pada akhir tahun 2010 telah dikreditkan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit yang sewajarnya. Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2010 berjumlah RM430.7 juta, selepas peningkatan 16.4% dari tahun sebelumnya. Ini terdiri daripada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam sebanyak RM56.1 juta dan Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional sebanyak RM374.6 juta.

Akta PIDM juga memberi kuasa kepada kami untuk membuat pinjaman atau mengumpul dana bagi memenuhi kewajipan kami. Kami boleh membuat pinjaman daripada Dana Pendapatan Bersepadu dengan kelulusan Menteri Kewangan atas terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri. Kami juga boleh mengumpul dana daripada pasaran modal apabila diperlukan.

Akhir sekali, Akta PIDM melarang pembubaran urusan dan hal ehwal PIDM.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2011 – 2013

Suatu peribahasa Jerman menyatakan, “Apa gunanya berlari kalau anda tidak berada di jalan yang betul?”. Secara ringkasnya, seorang ketua yang efektif membentuk visi bagi masa hadapan dan menetapkan strategi untuk mencapainya. Ketua ini kemudiannya memberi motivasi dan inspirasi kepada yang lain untuk menuju ke haluan yang betul.

Di PIDM, setiap inisiatif yang dimulakan, daripada pembangunan konsep hingga pelaksanaannya, merupakan satu perjalanan yang bermula dengan visi. Hala tuju strategik menggerakkan sesuatu rancangan yang dibangunkan dan dilaksanakan untuk memenuhi mandat, visi dan misi Perbadanan dan melaksanakan matlamat yang disasarkan dengan efektif.

Berikut ialah ringkasan Rancangan kami dan harus dirujuk bersama dengan Rancangan Korporat 2011 – 2013 kami. Dalam membangunkan Rancangan tersebut, kami terus mengguna pakai pendekatan bersepadu dengan mengenal pasti dan menilai cabaran dan risiko utama yang dihadapi oleh PIDM berdasarkan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Seperti tahun sebelumnya, kami mengguna pakai pendekatan perancangan senario dalam proses perancangan strategik kami supaya dapat mengambil tindakan dengan efektif sekiranya berlaku aktiviti intervensi dalam institusi ahli yang bermasalah yang mungkin menghalang pencapaian rancangan kami yang telah diluluskan. Kami juga memastikan fokus dan inisiatif utama kami diselenggarakan dengan hala tuju strategik dan objektif korporat kami.

### STRATEGI KAMI

Tempoh beberapa tahun akan datang pasti menjadi lebih mencabar bagi PIDM memandangkan peluasan mandat kami. Meskipun cabaran-cabaran itu, hala tuju strategik dan objektif korporat kami kekal terkini dan relevan. Ketika kami mara ke hadapan, kami akan terus membangunkan strategi, memberi keutamaan dan menumpukan usaha-usaha utama kami terhadap menyokong tahap kesediaan PIDM dalam beberapa bidang, termasuk:

- membangunkan kapasiti dan keupayaan dari segi kesediaan operasi serta menggiatkan aktiviti penilaian dan pemantauan risiko;
- memupuk kesedaran awam termasuk memantapkan inisiatif pendidikan;
- memantapkan keberkesanan operasi; dan
- mendirikan infrastruktur, sistem, polisi dan sumber yang diperlukan bagi mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif.

### TUMPUAN KAMI

Bidang-bidang berikut akan menjadi fokus usaha kami dalam tempoh perancangan 2011 - 2013.

### Membangunkan Kapasiti dan Keupayaan dari segi Kesediaan Operasi

Memandangkan peranan, tanggungjawab dan mandat kami, PIDM akan terus menumpukan usaha terhadap aspek-aspek kesediaan utama termasuk penilaian dan pemantauan risiko institusi ahli kami, keupayaan intervensi dan resolusi kegagalan, pembangunan modal insan serta interaksi dan kerjasama dengan pemegang kepentingan. Aspek ini juga termasuk menyediakan infrastruktur, sistem, polisi dan sumber yang diperlukan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif.

- **Penilaian dan Pemantauan Risiko.** Adalah penting bagi PIDM untuk mengenal pasti dan bertindak dengan segera sekiranya terdapat institusi ahli yang mempunyai potensi risiko tinggi. Sebagai sebahagian daripada mandatnya, PIDM membuat penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama secara rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan bagi memastikan semua isu berkenaan urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Kami perlu bergantung pada pihak berkuasa pengawalseliaan untuk mengambil tindakan penyelesaian dengan segera bagi mengurangkan kemungkinan kegagalan institusi ahli. Kami memantau secara berterusan persekitaran ekonomi dan kewangan, mengenal pasti isu-isu dan risiko yang muncul dan mungkin memberi kesan kepada institusi ahli kami. Berkaitan dengan institusi ahli, kami terus memantau aliran semasa industri, kedudukan pasaran, keupayaan kewangan, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus. Justeru, kami akan meneruskan pemantapan Metodologi, Rangka Kerja dan Sistem Penilaian dan Pemantauan Risiko serta Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli dan membangunkan infrastruktur yang sama bagi syarikat insurans dan pengendali takaful.

- **Intervensi dan Resolusi Kegagalan.** PIDM perlu mengekalkan tahap kesediaan untuk mengendalikan intervensi dengan pantas dalam urusan dan hal ehwal institusi ahli yang bermasalah dan bekerjasama dengan pegawai pengawal selia BNM bagi memenuhi mandat kami dengan efisien dan efektif. Kami akan meneruskan pembangunan dan pelaksanaan komponen akhir polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank bagi bank-bank ahli dan membuat pindaan yang diperlukan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful. Kami juga akan membangunkan dan melaksanakan pendekatan Model Kos Terendah kami, suatu instrumen utama bagi pertimbangan pilihan resolusi kegagalan bank. Kesediaan Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank akan diuji menerusi simulasi tahunan. Berkaitan dengan pembayaran balik deposit, kami akan meneruskan pembangunan fasa-fasa lain sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit, dan membangunkan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful.

Memandangkan kepentingan pembiayaan apabila PIDM dikehendaki mengendalikan intervensi dalam sesebuah institusi

ahli yang bermasalah, kami akan menyempurnakan pelaksanaan rangka kerja daripada pelbagai sumber pembiayaan, iaitu pinjaman Kerajaan dan pembiayaan daripada pasaran modal. Kami juga akan melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi bank-bank ahli pada tahun 2011.

- **Pembangunan Modal Insan.** Kakitangan kami adalah aset yang paling berharga dan memandangkan mandat kami yang telah diperluaskan serta kekurangan modal insan kritikal yang relevan kepada mandat PIDM, pelan strategik Modal Insan kami adalah untuk terus mengenal pasti, melantik, membangun dan mengekalkan tenaga kerja yang paling sesuai. Inisiatif utama kami akan melibatkan, antara lainnya, program pembelajaran dan pembangunan korporat dan kakitangan yang komprehensif bagi memastikan latihan berterusan untuk kakitangan; model kecekapan mantap yang merangkumi pengurusan modal insan dan program perancangan pengurusan penggantian serta strategi ganjaran dan manfaat yang berdaya saing; dan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif.

- **Interaksi dan Kerjasama dengan Pemegang Kepentingan.** Memandangkan model urusan kami dan bagi mencapai visi dan misi kami, kami mengutamakan komunikasi efektif dan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama kami, rakan kongsi strategik dan kakitangan kami. Dengan itu, kami komited terhadap hubungan kerja yang kukuh dan erat dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi urusan utama tempatan dan antarabangsa kami. Seperti yang digariskan dalam Kad Skor Korporat kami, kami akan terus memantapkan amalan tadbir urus dan pengurusan kami; mengukuhkan amalan Pengurusan Risiko Organisasi dengan membangunkan dan melaksanakan polisi Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah yang lain; dan meningkatkan pengauditan berasaskan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman kami. Kami juga akan meneruskan penglibatan aktif di peringkat antarabangsa menerusi keahlian kami dalam IADI dan badan-badan antarabangsa lain, termasuk penyertaan dalam latihan, seminar dan persidangan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa untuk berkongsi pengetahuan.

### Memupuk Kesedaran Awam

Kesedaran awam tentang PIDM dan peningkatan pengetahuan mengenai sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah keutamaan yang terpenting. Justeru, kami akan menggiatkan usaha kami untuk meningkatkan tahap kesedaran awam menerusi Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami. Memandangkan mandat kami yang telah diperluaskan bagi mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan perubahan dalam persekitaran operasi, kami telah menyesuaikan strategi, mesej dan inisiatif komunikasi untuk mencapai audien. Kami juga akan terus melaksanakan program pendidikan komprehensif kami untuk mendidik generasi muda dalam urusan kewangan. Kami akan membuat publisiti tentang Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit yang akan dikuatkuasakan pada

tahun 2011 bagi membolehkan pendeposit mempunyai akses kepada maklumat di cawangan-cawangan bank mengenai kebolehinseranan produk deposit yang ditawarkan oleh institusi mereka.

### Menambah Baik Kecekapan dan Keberkesanan Operasi

PIDM meneruskan pemantapan kapasiti operasinya sebagai asas bagi semua urusan, termasuk penyediaan infrastruktur, sistem dan polisi yang perlu bagi tujuan pengurusan operasi dengan cekap dan berkesan serta memastikan kami tidak ketinggalan dengan perkembangan terkini di persekitaran teknologi. Inisiatif utama yang dijalankan pada tahun 2011 termasuk menaik taraf sistem dan proses berkaitan perakaunan kewangan kami bagi menguruskan enam Kumpulan Dana; melaksanakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan kami; memantapkan infrastruktur keselamatan bagi melindungi maklumat kami; dan meneruskan kajian semula dan pengujian Rancangan Kesinambungan Urusan dan Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur kami.

Butiran terperinci inisiatif utama kami dalam menyokong objektif korporat kami diuraikan dalam Kad Skor Korporat 2011 - 2013 kami yang boleh didapati dalam Lampiran. Rancangan Korporat PIDM boleh dimuat turun daripada laman sesawang kami di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

### SOKONGAN PELAN KEWANGAN

Pelan Kewangan bagi tahun 2011 telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif tahun 2011 serta pengurusan operasi harian kami. Pendapatan premium dibajetkan pada RM242.7 juta, dan daripada jumlah itu RM160.8 juta dijangka diperoleh daripada bank-bank ahli dan RM81.9 juta daripada ahli penginsurans. Digabung dengan pendapatan pelaburan yang dibajetkan pada RM11.0 juta, jumlah pendapatan PIDM dijangka berjumlah RM253.7 juta bagi tahun 2011. Jumlah perbelanjaan operasi dibajetkan pada RM89.5 juta manakala perbelanjaan modal dibajetkan pada RM7.5 juta. Pada akhir tahun 2011, kami menjangka lebih bersih daripada operasi sebanyak RM164.2 juta, yang akan meningkatkan jumlah Kumpulan Dana yang ditadbir oleh PIDM kepada RM589.9 juta, iaitu RM537.8 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan RM52.1 juta bagi Kumpulan Dana Perlindungan Takaful dan Insurans.

### MASA HADAPAN

Penyempurnaan Rancangan kami dengan jayanya merupakan satu lagi langkah ke arah pengiktirafan sebagai penginsurans dengan amalan terbaik. Memandangkan mandat kami yang telah diperluaskan, kami diamanahkan dengan lebih banyak tanggungjawab untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan memupuk keyakinan awam. Sehubungan ini, kami akan menumpukan sumber kami dalam memenuhi jangkaan yang dipertanggungjawabkan kepada kami.

Bahagian 4:  
PENYATA KEWANGAN



*Membina keseimbangan yang ideal untuk mengoptimumkan sumber demi kejayaan...*

# PENYATA KEWANGAN

## LAPORAN PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

### AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Berkuat kuasa dari 31 Disember 2010, Akta PIDM 2005 telah digantikan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM 2011). Peruntukan Akta PIDM 2011 mengenai penyediaan penyata kewangan adalah serupa dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta PIDM 2005.

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit bank anggota, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. Mulai 31 Disember 2010, PIDM juga mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (SPMTI) yang menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful dan insurans yang ditanggung oleh anggota penginsurans. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang akan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Akta PIDM 2011 menyediakan perlindungan secara berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi yang berkaitan dengan takaful keluarga, takaful am, insurans hayat dan insurans am. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan konvensional bagi memastikan wujudnya tadbir urus yang baik di samping pematuhan kepada keperluan Syariah. Empat kumpulan dana tambahan untuk SPMTI akan ditubuhkan dan ditadbir urus mulai 2011.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan mulai 16 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2010, apabila ianya luput.

### HASIL KEWANGAN

	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>Lebih bersih bagi tahun kewangan:</b>		
Dana Insurans Deposit Konvensional	53,751	77,897
Dana Insurans Deposit Islam	7,094	16,644
<b>Jumlah lebih bersih</b>	<b>60,845</b>	<b>94,541</b>

	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		
Dana Insurans Deposit Konvensional	374,645	320,894
Dana Insurans Deposit Islam	56,088	48,994
<b>Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>	<b>430,733</b>	<b>369,888</b>

### PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat pada 31 Disember 2010 adalah:

- Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob (bersara pada 14 Ogos 2010)
- Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias
- Dato' Halipah Esa (dilantik pada 14 Ogos 2010)
- Encik Michael Wong Kuan Lee (bersara pada 14 Ogos 2010)
- Encik George Anthony David Dass
- Encik Lim Tian Huat (dilantik pada 14 Ogos 2010)

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada ahli *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

### MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah PIDM yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan rizab selain daripada lebih bersih kepada Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan.

### HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan dimuktamadkan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa tindakan telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan terhadap hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk untuk dihapus kira atau hutang ragu yang perlu dibuat peruntukan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan sebarang jumlah untuk dihapus kira sebagai hutang lapuk atau hutang yang dianggap sebagai ragu sehingga ke tahap ketara yang perlu dibuat peruntukan.

### KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

### PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa yang berlaku.

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa di mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

### JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Sejak 16 Oktober 2008, semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia telah dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) meliputi semua deposit yang tidak dilindungi oleh PIDM dan

dipanjangkan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Setiap bank anggota dan institusi kewangan bukan anggota yang dijamin di bawah JDK perlu membayar yuran jaminan tahunan kepada PIDM yang mana ianya diremit kepada Kerajaan yang memberikan jaminan tersebut.

Sepanjang tempoh JDK beroperasi, tiada panggilan telah dibuat ke atas jaminan Kerajaan tersebut.

Dalam tahun 2010, PIDM telah menaksir yuran jaminan sebanyak RM92 juta (Islam: RM18 juta, Konvensional: RM74 juta) bagi tahun taksiran 2009 dan jumlah tersebut telah diremitkan kepada Kementerian Kewangan. Yuran jaminan bagi tahun taksiran 2010 sebanyak RM88 juta (Islam: RM20 juta, Konvensional: RM68 juta) telah diterima dan diremitkan kepada Kerajaan pada 7 Februari 2011.

### PAKEJ KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUKKAN

Akta PIDM 2011, yang mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, membenarkan Menteri Kewangan untuk menetapkan had insurans deposit melalui Perintah. Menteri Kewangan telah menetapkan had insurans deposit baru sebanyak RM250,000 bagi setiap depositor di setiap bank anggota. Had ini menggantikan had insurans deposit lama iaitu RM60,000, dan berkuat kuasa mulai 31 Disember 2010.

Perlindungan insurans deposit juga telah diperluaskan untuk merangkumi deposit mata wang asing serta perluasan mandat PIDM untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful dan insurans yang ditanggung oleh anggota penginsurans. Akta PIDM 2011 juga memberi kuasa bagi PIDM untuk melaksanakan campur tangan dan resolusi anggota penginsurans bermasalah.

### LIABILITI LUAR JANGKA

**Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit**  
Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit yang dipegang oleh bank anggota. Bagaimanapun pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun ini, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian risiko terhadap bank anggota serta bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan perihal perniagaan

## PENYATA KEWANGAN LAPORAN PENGARAH

dan urusan bank anggota di kawal. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan bank anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada bank anggota untuk mengamalkan pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyesuaian kedudukan modal yang kukuh. Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap bank anggota yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional melalui pengumpulan lebihan bersih tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku. Rizab terkumpul di dalam sesuatu dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap dana-dana yang lain.

Sekiranya sesuatu dana tersebut tidak mencukupi, PIDM sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam dari Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana, serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

### Pendedahan kepada kerugian daripada perlindungan manfaat takaful dan insurans

Mandat PIDM telah diperluaskan mulai 31 Disember 2010 untuk merangkumi perlindungan manfaat takaful dan insurans. Sehubungan itu, kini wujud pendedahan kerugian yang ditanggung oleh PIDM sekiranya berlaku kegagalan sesebuah pengendali takaful atau syarikat insurans. Bagaimanapun, pendedahan kerugian sedemikian tidak boleh dipastikan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sehingga tarikh penyata kewangan ini, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan di dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM akan membina rizab dalam setiap dana khusus SPMTI melalui pengumpulan lebihan bersih tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku. Rizab terkumpul didalam sesuatu dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap dana-dana yang lain.

Sekiranya sesuatu dana tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan di bawah SPMTI, PIDM sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau mengeluarkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana,

serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi yang berkaitan dengan dana berkenaan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

### TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan pihak Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- i) Penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta PIDM dan piawaian *Financial Reporting Standards* (FRS) yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. FRS adalah piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.
- ii) Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

### JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



**Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha**  
Pengerusi Lembaga Pengarah



**Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**  
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur  
23 Februari 2011

## PENYATA KEWANGAN PENYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dan Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dan piawaian *Financial Reporting Standards* yang berkenaan, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



**Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha**  
Pengerusi Lembaga Pengarah



**Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**  
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur  
23 Februari 2011

# PENYATA KEWANGAN

## AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dan piawaian *Financial Reporting Standards* yang berkenaan iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan serta fungsi audit dalaman yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa urus niaga telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM dan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan ini telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 23 Februari 2011



**Jean Pierre Sabourin**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi**  
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran dan Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Level 16, Menara TM Asia Life,  
185, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.



### SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
28 FEBRUARI 2011



## PENYATA KEWANGAN

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	184,015	157,177
Pelaburan <i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	226,368	203,810
Aset lain	5	3,551	1,536
Hartanah dan peralatan	6	24,059	13,335
<b>Jumlah Aset</b>		<b>437,993</b>	375,858
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	7,260	5,970
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>7,260</b>	5,970
<b>KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB</b>			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	374,645	320,894
Dana Insurans Deposit Islam	8b	56,088	48,994
<b>Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		<b>430,733</b>	369,888
<b>Jumlah Liabiliti dan Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		<b>437,993</b>	375,858

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
Hasil premium	9	105,687	131,795
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	9,314	7,594
Pendapatan lain		-	28
<b>Jumlah hasil</b>		<b>115,001</b>	139,417
Manfaat kakitangan	11	26,409	22,209
Perhubungan awam dan pengiklanan		6,434	5,708
Susut nilai	6	2,791	2,450
Pajakan operasi		3,124	1,080
Perbelanjaan lain	12	15,398	13,429
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<b>54,156</b>	44,876
<b>Lebih bersih</b>		<b>60,845</b>	94,541

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2009	8	242,997	32,350	275,347
Lebihan bersih bagi tahun		77,897	16,644	94,541
Pada 31 Disember 2009	8	320,894	48,994	369,888
<b>Pada 1 Januari 2010</b>	<b>8</b>	<b>320,894</b>	<b>48,994</b>	<b>369,888</b>
<b>Lebihan bersih bagi tahun</b>		<b>53,751</b>	<b>7,094</b>	<b>60,845</b>
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<b>8</b>	<b>374,645</b>	<b>56,088</b>	<b>430,733</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota		105,687	131,766
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(53,167)	(39,871)
Penerimaan pendapatan pelaburan		7,532	8,503
Pendapatan lain		-	28
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>60,052</b>	<b>100,426</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		528,800	474,857
Pembelian sekuriti pelaburan		(549,013)	(488,784)
Pembelian hartanah dan peralatan		(13,001)	(5,722)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(33,214)</b>	<b>(19,649)</b>
<b>Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>26,838</b>	<b>80,777</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		157,177	76,400
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	3	<b>184,015</b>	<b>157,177</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL

#### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	153,200	133,886
Pelaburan <i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	204,222	179,129
Aset lain	5	3,017	1,413
Hartanah dan peralatan	6a	20,275	11,510
<b>Jumlah Aset</b>		<b>380,714</b>	325,938
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	6,069	5,044
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>6,069</b>	5,044
<b>DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB</b>			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	374,645	320,894
<b>Jumlah Dana Insurans Deposit</b>		<b>374,645</b>	320,894
<b>Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit</b>		<b>380,714</b>	325,938

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL

#### PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

#### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
Hasil premium	9	90,655	109,178
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	8,078	6,649
Pendapatan lain		-	24
<b>Jumlah hasil</b>		<b>98,733</b>	115,851
Manfaat kakitangan	11	21,881	18,720
Perhubungan awam dan pengiklanan		5,320	4,815
Susut nilai	6a	2,433	2,169
Pajakan operasi		2,588	912
Perbelanjaan lain	12	12,760	11,338
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<b>44,982</b>	37,954
<b>Lebih bersih</b>		<b>53,751</b>	77,897

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL

#### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota		90,655	109,149
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(44,119)	(33,546)
Penerimaan pendapatan pelaburan		6,683	7,613
Pendapatan lain		-	24
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>53,219</b>	<b>83,240</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		455,622	383,237
Pembelian sekuriti pelaburan		(478,757)	(400,682)
Pembelian hartanah dan peralatan		(10,770)	(4,827)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(33,905)</b>	<b>(22,272)</b>
<b>Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		133,886	72,918
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	3	<b>153,200</b>	<b>133,886</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM

#### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	30,815	23,291
Pelaburan <i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	22,146	24,681
Aset lain	5	534	123
Hartanah dan peralatan	6b	3,784	1,825
<b>Jumlah Aset</b>		<b>57,279</b>	<b>49,920</b>
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	1,191	926
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,191</b>	<b>926</b>
<b>DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM</b>			
Dana Insurans Deposit Islam	8b	56,088	48,994
<b>Jumlah Dana Insurans Deposit</b>		<b>56,088</b>	<b>48,994</b>
<b>Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit</b>		<b>57,279</b>	<b>49,920</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM

### PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
Hasil premium	9	15,032	22,617
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	1,236	945
Pendapatan lain		-	4
<b>Jumlah hasil</b>		<b>16,268</b>	23,566
Manfaat kakitangan	11	4,528	3,489
Perhubungan awam dan pengiklanan		1,114	893
Susut nilai	6b	358	281
Pajakan operasi		536	168
Perbelanjaan lain	12	2,638	2,091
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<b>9,174</b>	6,922
<b>Lebihan bersih</b>		<b>7,094</b>	16,644

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEWANGAN

### DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota		15,032	22,617
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(9,048)	(6,325)
Penerimaan pendapatan pelaburan		849	890
Pendapatan lain		-	4
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>6,833</b>	17,186
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		73,178	91,620
Pembelian sekuriti pelaburan		(70,256)	(88,102)
Pembelian hartanah dan peralatan		(2,231)	(895)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan</b>		<b>691</b>	2,623
<b>Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>7,524</b>	19,809
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		23,291	3,482
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	3	<b>30,815</b>	23,291

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

### 1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Berkuat kuasa dari 31 Disember 2010, Akta PIDM 2005 telah digantikan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM 2011). Peruntukan Akta PIDM 2011 mengenai penyediaan penyata kewangan adalah serupa dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta PIDM 2005.

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit bank anggota, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. Mulai 31 Disember 2010, PIDM juga mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (SPMTI) yang menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful dan insurans yang ditanggung oleh anggota penginsurans. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang akan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Akta PIDM 2011 menyediakan perlindungan secara berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi berkaitan dengan takaful keluarga, takaful am, insurans hayat dan insurans am. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan konvensional bagi memastikan wujudnya tadbir urus yang baik di samping pematuhan kepada keperluan Syariah. Empat kumpulan dana tambahan untuk Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan ditubuhkan dan ditadbir urus mulai 2011.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan mulai 16 Oktober 2008 hingga pada 31 Disember 2010, apabila ianya luput. Butiran lanjut seperti di Nota 19.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Quill 7, No.9 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah membenarkan penerbitan Penyata Kewangan melalui resolusinya bertarikh 23 Februari 2011.

### 2. DASAR PENTING PERAKAUNAN

#### 2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah serta mematuhi peruntukan Akta PIDM. Sebagai polisi, penyata kewangan ini disediakan mengikut piawaian *Financial Reporting Standards* (FRS)

yang berkenaan, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional PIDM. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah seperti yang digariskan dalam Akta PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### 2.2 Ringkasan dasar penting perakaunan

##### (a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diakaunkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

##### (i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata Aliran Tunai disediakan secara kaedah langsung. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang dari 90 hari.

##### (ii) Pelaburan

Pelaburan terdiri terutamanya daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti pelaburan Bank Negara Malaysia yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga tarikh matang dan bukan untuk diurusniagakan. Sekuriti ini sama ada yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tempoh matang yang tetap dinyatakan pada kos yang diselenggarakan kepada pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan berkesan, dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan akresi diskaun diiktiraf kira di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

##### (iii) Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain dinyatakan pada nilai boleh realis bersih. Hutang lapuk akan dihapus kira setelah dikenal pasti. Peruntukan hutang ragu, jika ada, dibuat selepas mengambil kira semua jumlah tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

##### (iv) Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

##### (b) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan asetnya, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi akaun muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum dapat digunakan, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan atau lebih kerap apabila petunjuk penjejasan nilai dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan atas asas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dengan nilai guna. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini aset menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset yang terlibat. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset yang sama.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset selain akaun muhibah akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperolehi semula dengan anggaran penjejasan nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain dari aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diakaunkan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula. Penjejasan nilai bagi aset muhibah tidak boleh dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

##### (c) Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperolehi oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselenggarakan semula. Kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun kewangan di mana ianya berlaku.

Selepas diiktiraf, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan bermotor	20%
Ubahsuai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaunnya, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf, setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperolehi dari penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diambil kira terus dalam Dana Insurans Deposit.

### (d) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi diiktiraf mengikut asas akrual. Mengikut Akta PIDM, perbelanjaan PIDM yang tidak boleh diperuntukkan secara langsung kepada sesuatu dana atau dana-dana dibahagi mengikut bahagian jumlah premium Islam dan konvensional yang diterima ke atas jumlah premium tahun sebelumnya. Bagi operasi tahun kewangan semasa, penentuan asas pembahagian adalah berdasarkan premium sebenar yang diterima pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Asas pembahagian yang digunakan untuk Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional pada tahun kewangan tersebut ialah masing-masing 17.16% (2009: 15.64%) dan 82.84% (2009: 84.36%). Dalam tahun kewangan ini, tiada pendapatan yang diterima atau perbelanjaan yang berkaitan dengan SPMTI.

Pendapatan premium diakaunkan dalam sesuatu tempoh kewangan berdasarkan risiko yang diambil semasa tempoh kewangan berkenaan. Bank anggota membayar premium tahunan bagi tempoh perlindungan yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan dari penempatan dalam pasaran wang (*REPO*) diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan berkesan aset tersebut.

### (e) Manfaat kakitangan

#### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat seperti faedah kesihatan dan elaun diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

#### (ii) Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap adalah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan di mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti lain. PIDM tidak lagi bertanggung untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ianya berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

### (f) Mata wang asing

#### (i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi di mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

#### (ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa urus niaga dilakukan. Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan yang disebut dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar kepada mata wang fungsian

dengan kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif untuk tempoh

berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif untuk tempoh berkaitan kecuali keuntungan atau kerugian butiran tersebut yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran asing bagi keuntungan atau kerugian butiran tersebut akan juga diiktiraf terus ke dalam ekuiti.



## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	835	486	349
Baki tunai dan baki di bank	7,759	7,158	601
Pelaburan jangka pendek: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,284	24,473	9,811
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	139,022	119,388	19,634
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,115	1,695	420
	<b>175,421</b>	<b>145,556</b>	<b>29,865</b>
<b>Jumlah tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>184,015</b>	<b>153,200</b>	<b>30,815</b>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,161	24,358	9,803
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	138,201	118,596	19,605
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	<b>172,362</b>	<b>142,954</b>	<b>29,408</b>
	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	820	390	430
Baki tunai dan baki di bank	7,598	3,696	3,902
Pelaburan jangka pendek: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	82,928	64,162	18,766
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	65,208	65,208	-
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	623	430	193
	148,759	129,800	18,959
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	<b>157,177</b>	<b>133,886</b>	<b>23,291</b>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	83,727	64,764	18,963
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	64,874	64,874	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	<b>148,601</b>	<b>129,638</b>	<b>18,963</b>

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari diklasifikasikan sebagai kesetaraan tunai.

## 4. PELABURAN

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	124,275	104,806	19,469
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	100,044	97,571	2,473
	<b>224,319</b>	<b>202,377</b>	<b>21,942</b>
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,049	1,845	204
<b>Jumlah pelaburan</b>	<b>226,368</b>	<b>204,222</b>	<b>22,146</b>
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	124,303	104,855	19,448
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	100,008	97,536	2,472
Jumlah nilai pasaran pelaburan	<b>224,311</b>	<b>202,391</b>	<b>21,920</b>
	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	202,612	177,976	24,636
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
	202,612	177,976	24,636
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	1,198	1,153	45
Jumlah pelaburan	<b>203,810</b>	<b>179,129</b>	<b>24,681</b>
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	203,761	179,065	24,696
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan	<b>203,761</b>	<b>179,065</b>	<b>24,696</b>

Pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional sebagaimana yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada petunjuk harga pasaran yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 5. ASET LAIN

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Deposit dan bayaran terdahulu	3,090	2,576	514
Pendapatan pelaburan belum terima	337	337	-
Aset lain	30	27	3
Akaun belum terima lain	94	77	17
<b>Jumlah aset lain</b>	<b>3,551</b>	<b>3,017</b>	<b>534</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Deposit dan bayaran terdahulu	873	758	115
Pendapatan pelaburan belum terima	571	571	-
Aset lain	30	27	3
Akaun belum terima lain	62	57	5
<b>Jumlah aset lain</b>	<b>1,536</b>	<b>1,413</b>	<b>123</b>

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN

2010	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
	<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2010	4,609	1,728	412	3,250	8,546	18,545
Penambahan	1,568	-	-	-	11,947	13,515
Pengelasan semula	3,285	1,306	-	6,478	(11,069)	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	<b>9,096</b>	<b>3,034</b>	<b>412</b>	<b>9,728</b>	<b>9,424</b>	<b>31,694</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>						
Baki pada 1 Januari 2010	2,607	989	223	1,391	-	5,210
Caj bagi tahun semasa	1,489	357	82	863	-	2,791
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	<b>3,730</b>	<b>1,346</b>	<b>305</b>	<b>2,254</b>	<b>-</b>	<b>7,635</b>
<b>Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010</b>	<b>5,366</b>	<b>1,688</b>	<b>107</b>	<b>7,474</b>	<b>9,424</b>	<b>24,059</b>

\* Aset masih dalam pembinaan berjumlah RM9,424,553 (2009: RM8,546,563) iaitu Sistem Pembayaran Semula Deposit berjumlah RM8,476,685, perkakasan untuk pusat data dan pusat pemulihan bencana berjumlah RM798,643, pembangunan sistem pengurusan kewangan berjumlah RM83,600 dan Sistem Pendaftaran Produk berjumlah RM65,625.

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

2009	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos Baki pada 1 Januari 2009	2,113	1,728	412	3,055	3,846	11,154
Penambahan	166	-	-	195	7,030	7,391
Pengelasan semula	2,330	-	-	-	(2,330)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>4,609</b>	<b>1,728</b>	<b>412</b>	<b>3,250</b>	<b>8,546</b>	<b>18,545</b>
Susut nilai terkumpul Baki pada 1 Januari 2009	1,215	644	140	761	-	2,760
Caj bagi tahun semasa	1,392	345	83	630	-	2,450
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>2,607</b>	<b>989</b>	<b>223</b>	<b>1,391</b>	<b>-</b>	<b>5,210</b>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	2,002	739	189	1,859	8,546	13,335

\* Aset masih dalam pembinaan berjumlah RM8,546,563 (2008: RM3,845,937) iaitu Sistem Pembayaran Semula Deposit berjumlah RM6,082,655, Portal Enterpris (Korporat) berjumlah RM1,497,238, Sistem Penilaian Risiko berjumlah RM580,075, Sistem Maklumat Sumber Manusia berjumlah RM293,945 dan Pengukuhan Sistem Infrastruktur berjumlah RM92,650.

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2010	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Baki pada 1 Januari 2010	4,023	1,568	374	2,933	7,286	16,184
Penambahan	1,299	-	-	-	9,899	11,198
Pengelasan semula	2,764	1,082	-	5,366	(9,212)	-
Pelupusan	(332)	-	-	-	-	(332)
<b>Baki pada 31 Disember 2010</b>	<b>7,754</b>	<b>2,650</b>	<b>374</b>	<b>8,299</b>	<b>7,973</b>	<b>27,050</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>						
Baki pada 1 Januari 2010	2,314	897	202	1,261	-	4,674
Caj bagi tahun semasa	1,275	320	75	763	-	2,433
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	(332)	-	-	-	-	(332)
<b>Baki pada 31 Disember 2010</b>	<b>3,257</b>	<b>1,217</b>	<b>277</b>	<b>2,024</b>	<b>-</b>	<b>6,775</b>
<b>Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010</b>	<b>4,497</b>	<b>1,433</b>	<b>97</b>	<b>6,275</b>	<b>7,973</b>	<b>20,275</b>

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2009

	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Baki pada 1 Januari 2009	1,917	1,568	374	2,769	3,463	10,091
Penambahan	-	-	-	164	5,929	6,093
Pengelasan semula	2,106	-	-	-	(2,106)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>4,023</b>	<b>1,568</b>	<b>374</b>	<b>2,933</b>	<b>7,286</b>	<b>16,184</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>						
Baki pada 1 Januari 2009	1,103	584	127	691	-	2,505
Caj bagi tahun semasa	1,211	313	75	570	-	2,169
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>2,314</b>	<b>897</b>	<b>202</b>	<b>1,261</b>	<b>-</b>	<b>4,674</b>
<b>Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009</b>	<b>1,709</b>	<b>671</b>	<b>172</b>	<b>1,672</b>	<b>7,286</b>	<b>11,510</b>

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## b. Dana Insurans Deposit Islam

2010

	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Baki pada 1 Januari 2010	586	160	38	317	1,260	2,361
Penambahan	269	-	-	-	2,048	2,317
Pengelasan semula	521	224	-	1,112	(1,857)	-
Pelupusan	(34)	-	-	-	-	(34)
<b>Baki pada 31 Disember 2010</b>	<b>1,342</b>	<b>384</b>	<b>38</b>	<b>1,429</b>	<b>1,451</b>	<b>4,644</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>						
Baki pada 1 Januari 2010	293	92	21	130	-	536
Caj bagi tahun semasa	214	37	7	100	-	358
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	(34)	-	-	-	-	(34)
<b>Baki pada 31 Disember 2010</b>	<b>473</b>	<b>129</b>	<b>28</b>	<b>230</b>	<b>-</b>	<b>860</b>
<b>Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010</b>	<b>869</b>	<b>255</b>	<b>10</b>	<b>1,199</b>	<b>1,451</b>	<b>3,784</b>

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## b. Dana Insurans Deposit Islam

2009	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos Baki pada 1 Januari 2009	196	160	38	286	383	1,063
Penambahan	166	-	-	31	1,101	1,298
Pengelasan semula	224	-	-	-	(224)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2009	586	160	38	317	1,260	2,361
Susut nilai terkumpul Baki pada 1 Januari 2009	112	60	13	70	-	255
Caj bagi tahun semasa	181	32	8	60	-	281
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2009	293	92	21	130	-	536
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	293	68	17	187	1,260	1,825

## 7. AKAUN BELUM BAYAR

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	421	349	72
Akaun belum bayar runcit	33	27	6
Akaun belum bayar lain	6,134	5,128	1,006
Peruntukan cuti yang tidak terambil	672	565	107
<b>Jumlah akaun belum bayar</b>	<b>7,260</b>	<b>6,069</b>	<b>1,191</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	250	211	39
Akaun belum bayar runcit	30	25	5
Akaun belum bayar lain	5,182	4,379	803
Peruntukan cuti yang tidak terambil	508	429	79
Jumlah akaun belum bayar	5,970	5,044	926

## 8. KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

## a. Dana Insurans Deposit Konvensional:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Baki pada 1 Januari	320,894	242,997
Lebih bersih	53,751	77,897
Baki pada 31 Disember	374,645	320,894

## b. Dana Insurans Deposit Islam:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Baki pada 1 Januari	48,994	32,350
Lebih bersih	7,094	16,644
Baki pada 31 Disember	56,088	48,994

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 9. PENDAPATAN PREMIUM

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Premium pertama	250	250	-
Premium tahunan	105,437	90,405	15,032
<b>Jumlah pendapatan premium</b>	<b>105,687</b>	<b>90,655</b>	<b>15,032</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Premium pertama	-	-	-
Premium tahunan	131,795	109,178	22,617
<b>Jumlah pendapatan premium</b>	<b>131,795</b>	<b>109,178</b>	<b>22,617</b>

**Pendapatan premium daripada bank ahli**

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan) 2008, kadar Premium Tahunan yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 adalah seperti berikut:

**(i) Kadar premium tahunan bagi sistem premium berbeza**

Jika kategori premium bagi suatu bank anggota yang dikelaskan untuk suatu tahun taksiran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kadar premium tahunan yang perlu dibayar oleh bank anggota itu bagi tahun taksiran tersebut adalah kadar premium yang dinyatakan bersempentangan dengannya dalam ruang (2) seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM (RUANG 1)	KADAR PREMIUM (RUANG 2)
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

Jika suatu bank anggota dikelaskan dalam kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam diinsuranskan dan deposit Konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang perlu dibayar bagi deposit yang diinsuranskan tersebut adalah kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing.

Premium tahunan yang perlu dibayar bagi bank anggota adalah tidak kurang daripada RM250,000.

**(ii) Kadar premium pertama**

Sebuah bank anggota baru (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) 2008) yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit Konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama bank anggota itu adalah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1.

Premium pertama yang perlu dibayar bagi bank anggota baru adalah tidak kurang daripada RM250,000.

**Pendapatan premium daripada ahli penginsurans**

Premium pertama bagi anggota penginsurans adalah tidak kurang daripada RM250,000 serta perlu dibayar dalam tahun 2011.

## 10. PENDAPATAN PELABURAN

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	6,004	5,145	859
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	3,210	2,860	350
Penempatan dalam Pasaran Wang	100	73	27
<b>Jumlah pendapatan pelaburan</b>	<b>9,314</b>	<b>8,078</b>	<b>1,236</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5,378	4,880	498
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	2,133	1,719	414
Penempatan dalam Pasaran Wang	83	50	33
<b>Jumlah pendapatan pelaburan</b>	<b>7,594</b>	<b>6,649</b>	<b>945</b>

Kadar pulangan purata berwajaran bagi sekuriti pelaburan untuk tahun kewangan semasa adalah 2.37% (2009: 2.25%) dan 2.32% (2009: 2.42%) bagi portfolio Islam dan bagi portfolio Konvensional mengikut turutan.

## 11. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Gaji dan upahan	21,940	18,175	3,765
Caruman kepada rancangan caruman tetap	2,645	2,191	454
Peruntukan cuti yang tidak terambil	92	77	15
Manfaat lain	1,732	1,438	294
<b>Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan</b>	<b>26,409</b>	<b>21,881</b>	<b>4,528</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Gaji dan upahan	18,437	15,553	2,884
Caruman kepada rancangan caruman tetap	2,275	1,919	356
Peruntukan cuti yang tidak terambil	80	45	35
Manfaat lain	1,417	1,203	214
<b>Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan</b>	<b>22,209</b>	<b>18,720</b>	<b>3,489</b>

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan ialah sembilan puluh sembilan (99) (2009: 72).

## PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

## 12. PERBELANJAAN LAIN

	2010		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Yuran audit	32	27	5
Saraan dan fi Pengarah*	362	300	62
Sewa tempat letak kereta	345	286	59
Perbelanjaan Pra-Pelaksanaan untuk SPMTI	535	443	92
Percetakan dan alat tulis	834	691	143
Fi penasihat dan perundingan	7,445	6,167	1,278
Keahlian dan yuran langganan	340	282	58
Latihan dan pembangunan	1,544	1,279	265
Perjalanan	860	713	147
Telekomunikasi dan sistem komputer	2,094	1,737	357
Pembangunan dan penyelenggaraan laman web	25	21	4
Pelbagai	982	814	168
<b>Jumlah perbelanjaan lain</b>	<b>15,398</b>	<b>12,760</b>	<b>2,638</b>

	2009		
	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Islam RM'000
Yuran audit	30	25	5
Saraan dan fi Pengarah*	433	365	68
Sewa tempat letak kereta	281	237	44
Perbelanjaan Pra-Pelaksanaan untuk SPMTI	-	-	-
Percetakan dan alat tulis	1,065	899	166
Fi penasihat dan perundingan	7,023	5,925	1,098
Keahlian dan yuran langganan	343	291	52
Latihan dan pembangunan	1,303	1,102	201
Perjalanan	548	462	86
Telekomunikasi dan sistem komputer	1,679	1,419	260
Pembangunan dan penyelenggaraan laman web	28	24	4
Pelbagai	696	589	107
<b>Jumlah perbelanjaan lain</b>	<b>13,429</b>	<b>11,338</b>	<b>2,091</b>

\* Para Pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

## 13. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian penuh daripada cukai pendapatan di peringkat statutori.

## 14. PAJAKAN OPERASI

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 12, 13, 15 dan 16, Quill 7, Kuala Lumpur Sentral. Sewaan ini adalah bagi tempoh 3 tahun (Penggajal Pertama) mulai 1 September 2010 pada kadar sewaan tetap dan mengandungi opsiyen untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh 2 tahun lagi (Penggajal Kedua) pada kadar sewaan tetap yang sama. Selepas tempoh tersebut, PIDM mempunyai opsiyen untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh selama 3 tahun (Penggajal Ketiga) dan tambahan selama 2 tahun (Penggajal Keempat), kedua-duanya pada kadar sewaan mengikut nilai pasaran lazim tertakluk kepada kenaikan minima sebanyak 10% dan maksima sebanyak 20% ke atas sewa bulanan bagi Penggajal Kedua. Kontrak ini tidak mengandungi klausa opsiyen pembelian. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

Dalam tahun ini, PIDM juga telah mendapatkan sub-pajakan bagi ruang pejabatnya di Aras 19, 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral kepada pihak ketiga pada kadar yang setara dengan kadar pasaran. Kontrak yang dimeterai bagi sub-pajakan tersebut tidak boleh dibatalkan dan adalah untuk baki tempoh kontrak pajakan yang dimeterai oleh PIDM dengan tuan tanah bagi tempoh 5 tahun mulai 18 April 2007. Pendapatan daripada sewaan yang diterima melalui sub-pajakan ini mengurangkan sepenuhnya komitmen PIDM terhadap pajakan ruang pejabat tersebut sehingga tamat tempoh.

PIDM juga telah memeterai pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh 5 tahun dengan peruntukan pembaharuan automatik bagi tempoh 5 tahun tambahan sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggajal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi opsiyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan untuk masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

Pembayaran pajakan minimum untuk masa hadapan:  
Tidak lebih dari 1 tahun  
Melebihi dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 5 tahun

**Jumlah komitmen pajakan operasi**

2010 RM'000	2009 RM'000
5,876	999
18,377	1,349
<b>24,253</b>	2,348

## 15. KOMITMEN MODAL

Diluluskan dan dikontrakkan untuk:  
Hartanah dan peralatan

**Jumlah komitmen modal**

2010 RM'000	2009 RM'000
3,169	5,811
<b>3,169</b>	5,811

# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

### 16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

#### a. Transaksi dengan pihak berkaitan

i. Dalam tahun ini, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Shook Lin & Bok (SLB), firma guaman bagi perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Salah seorang daripada ahli lembaga pengarah PIDM (yang telah bersara sebagai Pengarah pada 14 Ogos 2010), merupakan bekas penasihat berkontrak kepada SLB. Fi yang dikenakan ialah RM67,524 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2010, tiada amaun yang tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pengarah berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pengarah berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada kontrak tersebut.

ii. Pengerusi Jawatankuasa Audit PIDM, Datuk Dr. Abdul Samad juga adalah merupakan Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) semenjak 1 Ogos 2008. Bank Pembangunan merupakan salah satu institusi kewangan lain di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

#### b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2010 RM'000	2009 RM'000
Manfaat jangka pendek	10,080	7,912
Manfaat selepas persaraan: Caruman kepada rancangan caruman tetap	836	657
<b>Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama</b>	<b>10,916</b>	8,569

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengendali dan mengawal aktiviti PIDM.

Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk ganjaran bagi para Pengarah yang didedahkan secara berasingan dalam Nota 12. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didedahkan dalam Nota 11.

### 17. INSTRUMEN KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti PIDM semasa menguruskan risiko PIDM mengenai mata wang asing, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti Kerajaan jangka pendek dan sederhana dalam nilai Ringgit Malaysia yang mempunyai pelbagai tempoh matang. Berhubung dengan operasi pengurusan tunai harian, PIDM boleh meletakkan lebih dana di dalam pasaran wang atau penempatan semalaman di banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan bank anggota memandangkan PIDM adalah penginsurans deposit.

#### a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

#### b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri daripada aset pelaburan, termasuk Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko, pada masa ini, PIDM hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Pada masa ini, PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, kadar pulangan purata berwajaran (WYWR) pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Dana Insurans Deposit Konvensional	Nota	WYWR %	Dalam tempoh 1 bulan RM'000	1-3 bulan RM'000	3-12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
<b>31 Disember 2010</b>						
<b>Kadar tetap</b>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.55	7,644	145,556	-	153,200
Pelaburan	4	2.78	-	-	204,222	204,222
<b>31 Disember 2009</b>						
<b>Kadar tetap</b>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	1.83	4,086	129,800	-	133,886
Pelaburan	4	1.90	-	-	179,129	179,129

# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010

### 17. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

Dana Insurans Deposit Islam	Nota	WAYR %	Dalam tempoh 1 bulan RM'000	1-3 bulan RM'000	3-12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
<b>31 Disember 2010</b>						
<b>Kadar tetap</b>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.63	950	29,865	-	30,815
Pelaburan	4	2.76	-	-	22,146	22,146
<b>31 Disember 2009</b>						
<b>Kadar tetap</b>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	1.88	4,332	18,959	-	23,291
Pelaburan	4	2.05	-	-	24,681	24,681

#### c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM untuk memenuhi kewajipannya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan mudah tunainya. Sejumlah dana besar daripada kumpulan dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha untuk mengurus profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk mengurus keperluan pembiayaan bagi aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan.

#### d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan. Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini adalah minimum.

#### e. Risiko kredit

PIDM hanya melabur dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit atas aset pelaburannya sebagai sangat minimum.

#### f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia yang nilai saksamanya boleh diwakilkan oleh nilai pasaran sekuriti ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 3 dan 4.

### 18. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia.

### 19. JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Sejak 16 Oktober 2008, semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia telah dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) meliputi semua deposit yang tidak dilindungi oleh PIDM dan dipanjangkan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Setiap bank anggota dan institusi kewangan bukan anggota yang dijamin di bawah JDK perlu membayar yuran jaminan tahunan kepada PIDM yang mana ianya diremit kepada Kerajaan yang memberikan jaminan tersebut.

Sepanjang tempoh JDK beroperasi, tiada panggilan telah dibuat ke atas jaminan Kerajaan tersebut.

Dalam tahun 2010, PIDM telah menaksir yuran jaminan sebanyak RM92 juta (Islam: RM18 juta, Konvensional: RM74 juta) bagi tahun taksiran 2009 dan jumlah tersebut telah diremitkan kepada Kementerian Kewangan. Yuran jaminan bagi tahun taksiran 2010 sebanyak RM88 juta (Islam: RM20 juta, Konvensional: RM68 juta) telah diterima dan diremitkan kepada Kerajaan pada 7 Februari 2011.

### 20. PAKEJ KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUHKAN

Akta PIDM 2011, yang mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, membenarkan Menteri Kewangan untuk menetapkan had insurans deposit melalui Perintah. Menteri Kewangan telah menetapkan had insurans deposit baru sebanyak RM250,000 bagi setiap depositor di setiap bank anggota. Had ini menggantikan had insurans deposit lama iaitu RM60,000, dan berkuat kuasa mulai 31 Disember 2010.

Perlindungan insurans deposit juga telah diperluaskan untuk merangkumi deposit mata wang asing serta perluasan mandat PIDM untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful dan insurans yang ditanggung oleh anggota penginsurans. Akta PIDM 2011 juga memberi kuasa bagi PIDM untuk melaksanakan campur tangan dan resolusi anggota penginsurans bermasalah.

# FINANCIAL STATEMENTS

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2010



### 21. LIABILITI LUAR JANGKA

#### Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit yang dipegang oleh bank anggota. Bagaimanapun pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun ini, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian risiko terhadap bank anggota serta bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan perihal perniagaan dan urusan bank anggota di kawal. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan bank anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada bank anggota untuk mengamalkan pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap bank anggota yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan konvensional melalui pengumpulan lebih bersih tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku. Rizab terkumpul di dalam sesuatu dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap dana-dana yang lain.

Sekiranya sesuatu dana tersebut tidak mencukupi, PIDM sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam dari Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana, serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

#### Pendedahan kepada kerugian daripada perlindungan manfaat takaful dan insurans

Mandat PIDM telah diperluaskan mulai 31 Disember 2010 untuk merangkumi perlindungan manfaat takaful dan insurans. Sehubungan itu, kini wujud pendedahan kerugian yang ditanggung oleh PIDM sekiranya berlaku kegagalan sesebuah pengendali takaful atau syarikat insurans. Bagaimanapun, pendedahan kerugian sedemikian tidak boleh dipastikan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sehingga tarikh penyata kewangan ini, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan di dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM akan membina rizab dalam setiap dana khusus SPMTI melalui pengumpulan lebih bersih tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Rizab terkumpul disimpan dalam setiap dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku. Rizab terkumpul didalam sesuatu dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap dana-dana yang lain.

Sekiranya sesuatu dana tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan di bawah SPMTI, PIDM sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau mengeluarkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana, serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi yang berkaitan dengan dana berkenaan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian 5:  
TINJAUAN KEAHLIAN

*Meningkatkan pengukuhan asas untuk  
kerjasama yang mantap dan berkesan...*



# TINJAUAN KEAHLIAN


## TINJAUAN KEAHLIAN TAHUN 2010

Tahun 2010 menyaksikan persekitaran operasi yang lebih baik dengan sentimen perniagaan dan pelanggan yang bertambah baik. Persekitaran operasi yang mantap diterjemahkan kepada pertumbuhan dua angka bagi pinjaman yang menyumbang kepada keuntungan yang bertambah baik bagi hampir keseluruhan bank ahli. Secara keseluruhannya, kami mendapati terdapat perkembangan positif dalam profil risiko bank ahli disebabkan oleh peningkatan berterusan dalam amalan pengurusan risiko dan pengawalseliaan aktif oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Secara kolektif, bank ahli kekal berdaya tahan dengan tahap permodalan yang kukuh, kualiti aset yang stabil, keuntungan yang bertambah baik dan mudah tunai atau kecairan yang mencukupi. Prestasi mantap bank ahli telah memperkukuhkan keyakinan orang awam terhadap sistem kewangan secara keseluruhannya.

Dengan sentimen dan keyakinan yang bertambah baik terhadap persekitaran operasi, beberapa bank ahli telah mengembangkan operasi ke luar negara sama ada melalui pengambilalihan institusi perbankan lain atau melalui pertambahan rangkaian cawangan, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh kedudukan mereka di rantau ini serta menjana kepelbagaian sumber pendapatan. Perkembangan ini dianggap positif kerana bank ahli akan berupaya meraih manfaat daripada perkembangan pasaran di rantau ini apabila pasaran tempatan menjadi lebih kompetitif. Bagaimanapun, kami sedia maklum terhadap risiko yang timbul apabila beroperasi di luar negara, dan kami akan terus memantau bank ahli ini.

### KEDUDUKAN MODAL YANG KUKUH


Carta 15: Kedudukan Modal



Kedudukan modal bank ahli kekal kukuh walaupun terdapat peningkatan ketara dalam aset berwajaran risiko berikutan pertumbuhan pinjaman. Penunjuk kecukupan modal yang utama, iaitu nisbah modal berwajaran risiko, adalah sebanyak 14.2% pada akhir Disember 2010 (Disember 2009: 14.9%<sup>1</sup>), jauh melebihi tahap minimum keperluan pengawalseliaan oleh BNM iaitu, sebanyak 8%. Sejalan dengan ini, tahap nisbah modal teras yang mengukur kualiti modal, kekal kukuh pada 12.4% pada akhir Disember 2010 (Disember 2009: 13.3%<sup>1</sup>). Modal Kumpulan-1 merangkumi kira-kira 82% daripada jumlah sekuriti modal bank ahli. Modal teras yang tinggi juga menyumbang kepada nisbah leveraj yang memuaskan iaitu, sebanyak 11.7 kali jumlah aset keahlian pada akhir Disember 2010 (akhir Disember 2009: 10.9 kali).

### KUALITI ASET KEKAL BERDAYA TAHAN DAN STABIL

Carta 16: Petunjuk Kualiti Aset Terpilih



Nota: Bermula Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan 139. Penggunaan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank-bank.


Kualiti aset yang stabil adalah penting untuk mengekalkan kekukuhan sistem perbankan. Adalah suatu perkembangan yang menggalakkan apabila kualiti aset keseluruhan bank ahli kekal stabil walaupun dengan penggunaan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standard - FRS*) 139 oleh bank ahli yang berkuat kuasa pada Januari 2010. Pinjaman terjejas mutlak berkurang sebanyak 5.2% dalam tempoh setahun untuk berada pada RM26.7 bilion pada akhir Disember 2010. Nisbah pinjaman tidak dibayar / pinjaman terjejas kasar dan bersih kekal baik masing-masing pada 3.0% dan 2.0% pada akhir Disember 2010.

<sup>1</sup> Dipetik daripada Buletin Statistik Bulanan BNM Disember 2010

Jumlah pemberian pinjaman dan pendahuluan adalah sebanyak RM878.8 bilion pada akhir Disember 2010 iaitu, pertumbuhan sebanyak 12.8% setahun, berbanding 8.0% yang dicatatkan pada tahun 2009. Kami juga mendapati bahawa komposisi pinjaman daripada jumlah aset telah meningkat kepada 60.1% pada akhir Disember 2010 daripada 57.6% pada akhir Disember 2009, disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman yang mapan pada tahun 2010. Sektor isi rumah terus memacu pengembangan asas pinjaman dengan menyumbang hampir 60% daripada pertumbuhan keseluruhan pinjaman. Pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 13.4% dalam tempoh setahun pada akhir Disember 2010, berbanding dengan 9.7% pada tahun 2009. Pertumbuhan dalam sektor isu rumah diterajui terutamanya oleh pemberian pinjaman kepada segmen harta kediaman, yang merangkumi hampir 50% daripada sektor isi rumah.

Walaupun aktiviti pinjaman bank ahli meningkat, kadar mungkir bagi pinjaman untuk segmen teras kekal stabil. Bagaimanapun, Perbadanan sedia maklum tentang kesan pertumbuhan pinjaman ke atas kualiti aset dan akan terus memantau aliran pertumbuhan serta pemberian pinjaman bertumpu. Secara positifnya, pertumbuhan kukuh telah banyak didorong oleh peningkatan berterusan dalam piawaian pengunderaitan, mekanisme pengawasan bagi pengesanan awal pinjaman yang terjejas, sistem pemungutan serta sistem pengurusan maklumat yang bertambah baik untuk analisis portfolio yang lebih baik.

Carta 17: Kadar Mungkir bagi Pinjaman dalam Sektor / Segmen Terpilih




## TINJAUAN KEAHLIAN

### TINJAUAN KEAHLIAN TAHUN 2010

#### PRESTASI PEROLEHAN BERADA DALAM ALIRAN MENAIK

Carta 18: Aliran Keuntungan



Persekitaran operasi yang bertambah baik pada tahun 2010 serta aset yang stabil, membawa kepada aliran keuntungan yang mapan kepada bank ahli. Beberapa bank ahli juga telah meraih manfaat daripada keadaan ekonomi yang memberangsangkan melalui operasi mereka di negara Asia lain. Keuntungan sebelum cukai tidak diaudit untuk keahlian bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM22.1 bilion, meningkat 37.7% berbanding dengan RM16.1 bilion pada tahun 2009. Ini juga sebahagiannya disumbangkan oleh peruntukan penjejasan nilai yang lebih rendah pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

Sejajar dengan keuntungan yang lebih tinggi, nisbah pulangan aset bertambah baik kepada 1.6% pada tahun 2010 daripada 1.3% pada tahun 2009. Ini disokong oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi dengan margin faedah bersih menokok sedikit kepada 2.4% daripada 2.3% sebelum ini. Keuntungan bank ahli akan dianalisa secara berterusan, terutamanya berhubung tahap daya saing yang mungkin memberi kesan kepada margin.

#### MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN BESAR

Dengan mudah tunai yang kukuh dalam pasaran ketika ini, kedudukan mudah tunai bank ahli kekal stabil. Semua bank ahli memenuhi keperluan pematuhan yang ditentukan oleh BNM di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai Baharu.

Deposit daripada pelanggan merekodkan pertumbuhan sebanyak 7.4% atau RM75.1 bilion dalam tempoh setahun pada akhir tahun 2010. Kadar faedah sepanjang tahun berkenaan [Kadar Polisi Semalaman (*Overnight Policy Rate - OPR*) telah dinaikkan sebanyak tiga kali pada tahun 2010 daripada 2.0% kepada 2.25% pada bulan Mac, 2.5% pada bulan Mei dan 2.75% pada bulan Julai] menyumbang kepada peningkatan tahap deposit. Bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih besar dalam pinjaman dan pendahuluan telah melebihi pertumbuhan deposit dan menjadikan nisbah pinjaman kepada deposit yang lebih tinggi iaitu, 79.9% pada akhir Disember 2010 (akhir Disember 2009: 76.1%). Pada tahap ini, nisbah pinjaman kepada deposit adalah dianggap baik dan menunjukkan bahawa bank ahli mempunyai deposit yang cukup untuk membiayai pertumbuhan pinjaman pada masa hadapan.

Walaupun terdapat mudah tunai yang kukuh dan peningkatan dalam pendanaan, Perbadanan akan terus memantau komposisi deposit, khususnya penumpuan deposit kepada pendeposit borong. Deposit pelanggan kebanyakannya adalah daripada individu (36.6%), perusahaan perniagaan domestik (36.2%) dan Kerajaan (7.2%). Mudah tunai telah menjadi aspek penting dalam penilaian terhadap sistem kewangan, khususnya semenjak krisis kewangan global pada tahun 2008, dan pengurusan aset liabiliti yang baik adalah penting dalam mengurus risiko pendanaan dan mudah tunai.

#### PROSPEK MASA HADAPAN DAN KESIMPULAN

Tahun 2010 merupakan tahun yang bermakna bagi bank ahli, dengan keuntungan yang bertambah baik serta kualiti aset mapan yang disokong oleh modal yang kukuh. Kami menjangkakan keyakinan dalam keseluruhan sistem kewangan kekal utuh dan berdasarkan pemantauan berterusan ke atas profil risiko bank ahli, kami tidak menjangkakan sebarang isu yang boleh menjejaskan daya maju bank ahli dalam tempoh yang terdekat ini.

Tahun 2011 pula dijangkakan akan terus menjadi tahun yang berdaya maju tetapi mencabar kepada bank ahli. Adalah penting bagi bank ahli kami untuk kekal berwaspada dan terus mengamalkan pengurusan yang berhemat. Pemantauan yang berterusan ke atas perkembangan dan kadar pemulihan di ekonomi negara lain adalah penting. Kemungkinan peningkatan

kadar faedah juga boleh menjadi satu cabaran kepada sektor kewangan. Di samping itu, bank ahli juga akan menghadapi peningkatan persaingan dalam pasaran apabila enam bank perdagangan baharu yang telah diberikan lesen pada tahun 2010 mula beroperasi. Kami menjangkakan pengawalselia akan terus melaksanakan langkah dan inisiatif untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko keseluruhan bank ahli termasuk dari aspek modal dan pengurusan mudah tunai. Perbadanan akan terus peka terhadap perkembangan dalam sektor kewangan sebagai sebahagian daripada mandat kami untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan.



Bahagian 6:  
ARTIKEL



*Memelihara alam sekitar untuk membina  
kejayaan pada masa hadapan...*

## ARTIKEL

## PAKEJ PERALIHAN DARIPADA JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

**PENGENALAN**

Kerajaan Malaysia mengumumkan Jaminan Deposit Kerajaan sementara yang berkuat kuasa dari 16 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2010. PIDM bertanggungjawab mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan ini. Jaminan penuh ini merangkumi semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam dan bank pelaburan, serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Jaminan ini diperluaskan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Malaysia melaksanakan Jaminan Deposit Kerajaan sebagai langkah awal dan berjaga-jaga bagi mengelak potensi penularan kesan daripada aliran modal rentas sempadan, kemungkinan arbitraj insurans deposit dan herotan kompetitif di kalangan bank di semua bidang kuasa.

Ketika Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan, keadaan ekonomi Malaysia secara asasnya kukuh, dengan keyakinan pendeposit tetap utuh. Aliran modal tidak begitu besar atau tidak berada dalam keadaan tidak menentu yang luar biasa. Masih terdapat mudah tunai yang banyak dalam sistem kewangan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Institusi perbankan juga mantap dan mempunyai modal yang mencukupi. Ia dikawal selia dengan baik oleh BNM dengan PIDM memantapkan disiplin kewangan dan amalan urusan yang kukuh. Sistem Premium Berbeza PIDM mempunyai kuasa untuk mengenakan surcaj premium bagi ketakpatuhan dan peraturan seperti Terma dan Syarat Keahlian yang disediakan sebagai insentif mereka untuk pengurusan risiko yang baik.

Kesan herotan dan potensi risiko fiskal yang datang bersama dengan Jaminan Deposit Kerajaan memerlukan jaminan ini ditamatkan sebaik sahaja keadaan ekonomi membenarkannya. Bagaimanapun, peralihan daripada sesebuah jaminan menyeluruh boleh menjadi rumit. Memandangkan ia melibatkan menangani persepsi awam, ini memerlukan perancangan dan pelaksanaan berhati-hati. Objektif utama peralihan daripada jaminan menyeluruh kepada keadaan biasa adalah untuk memastikan orang awam yakin dengan keselamatan deposit mereka dan kestabilan sistem kewangan dikekalkan.

Artikel ini menghuraikan rancangan PIDM bagi peralihan yang lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan pelaksanaan pelan-pelan ini.

**PERANCANGAN BAGI PERALIHAN LANCAR**

Menyadari akan kepentingan perancangan awal bagi peralihan yang lancar, PIDM pertamanya membentuk pelan peralihan pada masa yang sama dengan kemunculan konsep Jaminan Deposit Kerajaan, sebagai sebahagian daripada pendekatan komprehensif untuk membangunkan Jaminan Deposit Kerajaan. Tiga elemen utama pelan peralihan kami telah dikenal pasti dan inisiatif-inisiatif telah dibangunkan berdasar kepada elemen tersebut.

**Elemen 1: Kredibiliti PIDM dengan orang awam akan dikekalkan semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan**

Sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi peralihan Jaminan Deposit Kerajaan, amat penting bagi PIDM dilihat sebagai institusi berwibawa pada pandangan orang awam. Tanpa keyakinan daripada pendeposit terhadap keupayaan PIDM, sebagai penginsurans deposit nasional, bagi memastikan keselamatan deposit mereka, ia merupakan cabaran untuk mengurus dan melaksanakan pelan peralihan dengan jayanya. Bahagian strategik daripada usaha kami melibatkan langkah meningkatkan dan mengukuhkan pemahaman tentang peranan PIDM dalam rangka kerja jaringan keselamatan sepanjang tempoh Jaminan Deposit Kerajaan. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengekalkan dan memperkenalkan peranan PIDM termasuklah:

- Kenyataan akhbar rasmi oleh Menteri Kewangan mengumumkan bahawa PIDM ialah wakil Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Justeru, pada pandangan orang awam, PIDM adalah wakil rasmi atau penjamin bagi semua deposit yang dijamin. Pendeposit perlu berurusan dengan PIDM bagi semua perkara berkaitan dengan Jaminan Deposit Kerajaan;
- PIDM terus mentadbir sistem insurans deposit terhadap yang eksplisit dan menyediakan insurans deposit sehingga RM60,000 manakala Kerajaan menyediakan jaminan menyeluruh bagi deposit melebihi had insurans deposit dan bagi deposit-deposit lain yang tidak dilindungi oleh PIDM. Proses peralihan kemudiannya akan menjadi mudah kerana Malaysia akan kembali semula kepada sistem insurans deposit eksplisit yang sedia ada;
- Kempen kesedaran awam yang komprehensif juga dijalankan untuk mendidik orang awam mengenai Jaminan Deposit Kerajaan di samping membantu mengekalkan kesedaran tentang PIDM kepada pendeposit; dan
- Tanggungjawab bagi PIDM untuk mengesyorkan Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan dan mengendali semua pertanyaan media.

**Elemen 2: Mengurangkan bahaya moral bagi memastikan Jaminan Deposit Kerajaan tidak akan memberi kesan kepada kekukuhan bank ahli**

Jaminan Kerajaan sering dikaitkan dengan masalah bahaya moral. Kepercayaan bahawa pihak berkuasa akan sentiasa campur tangan untuk menyelamatkan syarikat dan bank mungkin menggalakkan mereka mengambil risiko berlebihan. Bagi menangani perkara ini, PIDM menerapkan beberapa ciri reka bentuk ke dalam pelan Jaminan Deposit Kerajaan. Pertama, bank ahli akan dikawal selia dengan ketat oleh BNM dan PIDM untuk mengelak pengambilan risiko berlebihan. Kedua, institusi yang dijamin dilarang daripada menggunakan Jaminan Deposit Kerajaan sebagai alat pemasaran untuk mendapatkan deposit. Ketiga, fi jaminan tahunan dikenakan ke atas semua institusi yang dijamin. Fi tersebut dikira berdasarkan kepada jumlah deposit yang dilindungi di bawah Jaminan Deposit Kerajaan. PIDM juga memeterai perjanjian perlindungan kerugian dengan Kerajaan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Di bawah perjanjian ini, PIDM akan mengutip fi jaminan sebagai mewakili Kerajaan dan sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank ahli semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan, PIDM akan bertanggungjawab bagi kos resolusi dan kerugian hingga ke tahap had insurans deposit manakala Kerajaan akan memberikan perlindungan yang sama bagi deposit yang dilindungi di bawah Jaminan Deposit Kerajaan. Keempat, semasa mengumumkan Jaminan Deposit Kerajaan, Kerajaan menyatakan dengan jelas yang jaminan ini hanya sementara dan akan berakhir pada 31 Disember 2010. Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh program-program komunikasi PIDM semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan.

**Elemen 3: Memupuk budaya kerjasama yang erat dengan peserta jaringan keselamatan utama**

Keberkesanan mana-mana pelan peralihan bergantung kepada sokongan dan penyelarasan semua peserta jaringan keselamatan utama, terutamanya pengawal selia. Proses peralihan berjalan lancar kerana PIDM dan BNM telah menjalin budaya kerjasama yang erat sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005. PIDM dan BNM telah membangunkan ciri-ciri Jaminan Deposit Kerajaan secara bersama. PIDM juga diamanahkan oleh Kerajaan untuk membangunkan dan memacu proses peralihan dan pengurusan Jaminan Deposit Kerajaan. Semua pihak jaringan keselamatan menyedari bahawa mengekalkan kestabilan kewangan adalah objektif utama dalam pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan.

**PAKEJ PERALIHAN**

Kerja-kerja bagi Pelan Peralihan dimulakan dalam tempoh enam bulan selepas pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan. Teras kepada Pelan Peralihan ialah pakej peralihan yang dibentuk bagi menangani kebimbangan awam tentang tempoh tamat Jaminan Deposit Kerajaan. Pakej peralihan tersebut termasuk pakej dan langkah-langkah perlindungan konsumer kewangan yang diperkukuhkan.

**(i) Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan**

Memutuskan apa yang akan menggantikan Jaminan Deposit Kerajaan merupakan salah satu isu peralihan paling kritikal. Justeru, PIDM memperuntukkan banyak masa dan membuat pertimbangan dalam membangunkan satu pakej perlindungan konsumer kewangan yang sesuai dan mesej-mesej utama yang akan disampaikan kepada pendeposit semasa tempoh peralihan tersebut. Ia amat penting untuk memastikan pendeposit tidak menganggap bahawa dengan berakhirnya Jaminan Deposit Kerajaan, faedah daripadanya juga akan ditamatkan. Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan mempunyai empat komponen:

- (a) Komponen pertama ialah meningkatkan had insurans deposit. Untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan dengan jayanya, kami merasakan penting untuk menyediakan had dan skop perlindungan yang lebih tinggi bagi memastikan ia selaras dengan peningkatan kewangan ekonomi pendeposit Malaysia. Sasarannya adalah untuk menyediakan had yang menjangkau jangkauan orang awam. Had baharu ini juga perlu memenuhi keperluan pendeposit bagi tempoh lima tahun akan datang kerana had tersebut tidak akan dikaji semula sehingga tahun 2016. Had insurans deposit RM60,000 sebelum ini yang dilaksanakan pada tahun 2005 melindungi kira-kira 96% pendeposit secara penuh dan 30% daripada nilai (jumlah deposit diinsurans berbanding jumlah deposit boleh diinsuranskan) pada tahun 2008. Di bawah cadangan had baharu RM250,000, perlindungan tersebut, dari segi pendeposit dan nilai akan meningkat, masing-masing kepada 99% dan 49%.

## ARTIKEL

## PAKEJ PERALIHAN DARIPADA JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

- (b) Komponen kedua adalah untuk memperluaskan skop perlindungan dengan memasukkan deposit mata wang asing dalam menyokong pelan yang lebih besar bagi membangunkan pasaran mata wang asing yang lebih dinamik di Malaysia.
- (c) Komponen ketiga adalah untuk melanjutkan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang eksplisit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful dan insurans sekiranya berlaku kegagalan sesebuah pengendali takaful atau syarikat insurans. Sasaran utama adalah untuk memastikan pemilik sijil takaful dan polisi insurans menikmati perlindungan konsumer kewangan yang disokong Kerajaan seperti yang disediakan bagi pendeposit. Pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ini juga dijangka dapat menggalakkan pertumbuhan industri insurans dan takaful. Industri insurans di Malaysia memainkan peranan penting dalam ekonomi sebagai perantara bagi menggerakkan wang simpanan dan

semakin ramai rakyat Malaysia menggunakan polisi insurans sebagai pilihan simpanan.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibentuk mengikut sistem insurans deposit dengan membuat beberapa penyesuaian untuk memenuhi keperluan ciri-ciri unik perniagaan insurans dan takaful. Ini bagi memastikan tahap sama rata antara bank, syarikat insurans dan pengendali takaful. Sejajar dengan sistem insurans deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans juga memastikan layanan saksama bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Bagi memastikan kesaksamaan antara sektor perbankan dan insurans, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibentuk untuk melindungi lebih 95% daripada semua pemilik polisi insurans dan sijil takaful berdasarkan kepada had dan skop perlindungan yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan 2.

Jadual 1: Manfaat Dilindungi bagi Takaful Am dan Insurans Am

TAKAFUL AM DAN INSURANS AM	
Manfaat Dilindungi	Had (Polisi / Pelan)
1. Kehilangan atau kerosakan kepada harta tetap yang terletak di Malaysia	RM500,000 bagi setiap harta
2. Kehilangan atau kerosakan kepada harta tidak tetap yang dipindah ke dalam atau keluar dari Malaysia (selain daripada kenderaan motor, kapal dan pesawat)	RM500,000 bagi setiap harta
3. Kehilangan atau kerosakan kepada harta pihak ketiga yang terletak di Malaysia (boleh diberi jaminan ganti rugi mengikut polisi liabiliti awam atau liabiliti produk)	RM500,000 bagi setiap harta
4. Kehilangan atau kerosakan kepada kenderaan motor yang didaftarkan di Malaysia atau rosak ketika di Malaysia	RM500,000 bagi setiap harta
5. Kehilangan atau kerosakan kepada harta pihak ketiga (boleh diberi jaminan ganti rugi mengikut polisi kenderaan motor)	RM500,000 bagi setiap harta
6. Kehilangan atau kerosakan kepada kapal dan pesawat	RM500,000 bagi setiap harta
7. Kehilangan atau kerosakan kepada harta pihak ketiga (boleh diberi jaminan ganti rugi mengikut polisi kapal dan pesawat)	RM500,000 bagi setiap harta
8. Kematian dan manfaat berkaitan	RM500,000
9. Hilang upaya kekal	RM500,000
10. Penyakit kritikal	RM500,000
11. Pendapatan hilang upaya	RM10,000 sebulan
12. Perbelanjaan perubatan	100% daripada perbelanjaan yang ditanggung
13. Premium prabayar boleh bayar balik	100% daripada jumlah prabayar
14. Kematian pihak ketiga	RM500,000
15. Hilang upaya kekal pihak ketiga	RM500,000
16. Penyakit atau kecederaan badan pihak ketiga	RM500,000
17. Pendapatan hilang upaya pihak ketiga	RM10,000 sebulan
18. Perbelanjaan perubatan pihak ketiga	100% daripada perbelanjaan yang ditanggung
<b>Orang yang layak: Meliputi pemilik polisi dan sijil bagi polisi-polisi Malaysia yang disebut nilai dalam Ringgit Malaysia</b>	

Jadual 2: Manfaat Dilindungi bagi Takaful Perpaduan Keluarga dan Insurans Hayat

TAKAFUL PERPADUAN KELUARGA DAN INSURANS HAYAT	
Manfaat Dilindungi	Had (Polisi / Pelan Individu atau Kumpulan)
1. Kematian dan manfaat berkaitan	RM500,000
2. Hilang upaya kekal	RM500,000
3. Penyakit kritikal	RM500,000
4. Nilai kematangan (tidak termasuk bahagian unit polisi berkaitan pelaburan)	RM500,000
5. Dividen tunai terkumpul	RM100,000
6. Nilai serahan	RM500,000
7. Pendapatan hilang upaya	RM10,000 sebulan
8. Pendapatan anuiti	RM10,000 sebulan
9. Perbelanjaan perubatan	100% daripada perbelanjaan ditanggung
10. Premium prabayar boleh bayar balik	100% daripada jumlah prabayar
<b>Orang yang layak: Meliputi pemilik polisi dan sijil bagi polisi-polisi Malaysia yang disebut nilai dalam Ringgit Malaysia</b>	

- (d) Komponen keempat ialah pengenalan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 baharu yang mengukuhkan perlindungan kewangan menerusi ketelusan dan pendedahan produk yang lebih besar. PIDM bertanggungjawab memastikan pendeposit menerima maklumat yang betul, relevan dan tepat pada masa mengenai perkara-perkara berkaitan insurans deposit. Peraturan ini, antara lainnya, memerlukan bank ahli menyediakan gambaran jelas mengenai keahlian mereka dalam PIDM dalam iklan mereka; mendedahkan, di tempat jualan, sama ada sesebuah produk deposit layak bagi perlindungan insurans deposit; dan menyediakan maklumat tepat mengenai insurans deposit dan manfaatnya kepada pendeposit. Bank ahli perlu menyediakan kepada pendeposit salinan brosur maklumat PIDM semasa pembukaan akaun bank baharu.

Pertimbangan utama bagi Peraturan ini adalah untuk memastikan ketelusan produk bagi pendeposit dan memberikan mereka akses mudah kepada maklumat insurans deposit yang tepat dan relevan. Bagi tujuan ini, bank ahli perlu menyediakan maklumat mengenai ciri-ciri produk deposit baharu mereka kepada PIDM sebelum ia dipasarkan agar PIDM boleh menentukan sama ada produk tersebut layak bagi perlindungan insurans deposit atau tidak. Semua maklumat ini disimpan oleh Sistem Pendaftaran Produk kami dan menyediakan rekod semua produk deposit yang ditawarkan oleh bank ahli yang telah disahkan oleh PIDM sebagai layak bagi insurans deposit. Pendeposit boleh meminta, pada bila-bila masa, senarai produk insurans deposit layak yang ditawarkan oleh bank mereka. Justeru, kurang kekeliruan akan berlaku tentang produk yang diinsurans dan yang tidak diinsuranskan.

**(ii) Memperkukuh kapasiti dan keupayaan PIDM memenuhi mandatnya**

Kami mempunyai polisi dalaman untuk menguji perundangan kami bagi memastikan kami boleh memenuhi mandat kami dengan efektif dan efisien. Bagi tujuan ini, satu kajian semula menyeluruh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dijalankan, yang membawa kepada pembentangan Rang Undang-Undang baharu PIDM 2010 di Parlimen pada 30 November 2010 untuk memperluaskan mandat PIDM dan juga menyediakan instrumen tambahan bagi aktiviti intervensi dan resolusi.

la terbukti menjadi kajian semula yang tepat pada masa apabila krisis kewangan global 2008 memberikan satu pengajaran penting iaitu, pendeposit kurang keyakinan terhadap penginsurans deposit yang tidak boleh membuktikan kapasiti dan keupayaan mereka bagi memenuhi mandat mereka, sama ada dalam membuat bayaran balik kepada pendeposit atau menangani bank-bank yang bermasalah. Akta PIDM baharu ini menyediakan kepada PIDM kuasa yang mencukupi, instrumen yang lebih banyak dan fleksibiliti bagi memenuhi mandatnya dalam mengekalkan dan meningkatkan keyakinan awam dan kestabilan sistem kewangan.

# ARTIKEL

## PAKEJ PERALIHAN DARIPADA JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Perundangan baharu ini juga termasuk pakej langkah-langkah penstabilan yang disasarkan untuk menyediakan fleksibiliti untuk bertindak balas kepada keperluan pendeposit sekiranya berlaku sesuatu krisis. Peruntukan utama Akta PIDM tersebut dinyatakan di bawah:

- Kuasa untuk meningkatkan insurans deposit melebihi had insurans deposit yang diluluskan. Kuasa ini membolehkan PIDM mengesyorkan kepada Menteri Kewangan had baharu menerusi perundangan subsidiari. Objektifnya adalah untuk menyediakan mekanisme yang pantas untuk bertindak balas kepada dan meneutralkan sebarang ancaman terhadap kestabilan kewangan. Sejajar dengan kuasa ini, Akta PIDM baharu tersebut tidak lagi menetapkan had insurans deposit statutori;
- Institusi kewangan yang bukan institusi ahli PIDM boleh diletakkan sebagai ahli sistem insurans deposit. Di bawah Akta yang dimansuhkan itu, "institusi ahli" merujuk hanya kepada bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam. Bagaimanapun, terdapat institusi kewangan lain yang berkemungkinan menjadi penting dari segi sistemik. Bagi mengekalkan keyakinan awam terhadap keseluruhan kestabilan sistem kewangan, ia mungkin perlu untuk menyediakan insurans deposit bagi institusi tersebut. Oleh itu, kini terdapat peruntukan perundangan baharu bagi Menteri Kewangan untuk menetapkan institusi kewangan lain sebagai institusi ahli berdasarkan cadangan daripada PIDM dan BNM;
- Kuasa bagi Menteri Kewangan untuk menetapkan kadar premium tahunan. Akta yang dimansuhkan itu menetapkan kadar premium tahunan dihadkan pada 0.5% daripada jumlah deposit diinsurans yang dipegang oleh bank ahli. Berikutan daripada pengajaran yang dipelajari daripada krisis kewangan baru-baru ini berkaitan dengan cabaran dalam membangunkan semula kumpulan dana insurans deposit, had bagi kadar premium ini dihapuskan agar PIDM boleh mengesyorkan kepada Menteri Kewangan sebarang kadar premium atau kadar-kadar, bagi fleksibiliti yang lebih besar; dan
- Kuasa bagi PIDM untuk menubuhkan dan melaksanakan institusi perantara (*bridge institution*), sebagai sebahagian daripada kuasanya untuk menangani bank ahli yang bermasalah agar ia boleh memenuhi mandatnya dengan lebih efektif dan efisien. Di bawah Akta yang dimansuhkan itu, PIDM diberi kuasa intervensi dan resolusi tertentu yang berkaitan dengan bank ahli yang bermasalah. Kuasa-kuasa ini termasuk bidang kuasa PIDM atau orang yang dilantik untuk mengambil alih kawalan bank ahli, untuk melantik penerima, atau memohon kepada mahkamah bagi perintah pembubaran.

Di bawah pilihan institusi perantara, PIDM diberi kuasa memindahkan aset dan liabiliti tertentu daripada bank ahli kepada institusi perantara, yang akan beroperasi sebagai sebuah bank. Institusi perantara ini akan distabilkan dan dipulihkan semula untuk dikembalikan kepada sektor swasta pada masa yang sesuai.

### STRATEGI PELAKSANAAN

PIDM juga menumpukan banyak usaha untuk menyediakan strategi peralihan bagi melaksanakan Pakej Peralihan. Daripada perspektif PIDM, strategi pelaksanaan merupakan komponen penting bagi Pelan Peralihan dan bahagian paling kritikal bagi Pakej Peralihan. Tanpa set strategi yang dipertimbangkan dengan baik, objektif peralihan yang lancar boleh terjejas.

Strategi pertama kami melibatkan pengumuman awal oleh Perdana Menteri Malaysia pada 11 Mei 2010 mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan. Tujuan pengumuman ini dibuat lebih tujuh bulan sebelum tamat tempoh Jaminan Deposit Kerajaan adalah untuk memperlihatkan komitmen Kerajaan untuk beralih daripada jaminan menyeluruh menjelang 31 Disember 2010 dan bagi mengumumkan Pakej Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan. Ini memberikan kepastian kepada pendeposit agar mereka akan lebih bersedia dan mempunyai masa mencukupi untuk menilai faedah pakej diperkukuhkan itu menjelang tempoh peralihan. Pengumuman awal pakej diperkukuhkan ini juga menyediakan peluang baik kepada PIDM untuk memantau sentimen orang awam mengenai cadangan pakej tersebut.

Pemahaman dan penerimaan oleh orang awam adalah kunci kepada keyakinan awam semasa tempoh peralihan dan selepas tarikh peralihan. Bagi mencapai matlamat ini, PIDM melaksanakan program komunikasi dan kesedaran awam komprehensif yang disasarkan untuk mencapai segmen orang awam yang lebih luas. Pendekatan komunikasi yang diguna pakai adalah untuk menampilkan pakej diperkukuhkan sebagai "berita baik", dengan penekanan lebih kepada faedah-faedahnya. Mesej utama lain ialah kepentingan penginsurans yang efektif dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara sepanjang masa.

Orang awam digalakkan menyuarakan pandangan mereka mengenai cadangan had insurans deposit yang diperkukuhkan dan skop perlindungan serta manfaat yang dicadangkan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Ini dicapai menerusi komunikasi dengan orang awam melalui Pusat Panggilan kami dan laman sesawang di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my) serta menerusi sesi kumpulan fokus yang diadakan di beberapa negeri di negara ini. Maklum balas yang diterima banyak membantu PIDM dalam menguji dan menangani persepsi orang awam serta memperkemas Pakej Peralihan dan strategi Pelan Peralihan.

Pelbagai saluran komunikasi digunakan, termasuk media dan iklan cetak. Justeru, bersempena dengan sambutan ulang tahun kelima PIDM pada bulan September, satu advertorial yang mengandungi lima bahagian telah diterbitkan dalam akhbar harian Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina bagi mengetengahkan peranan PIDM dan pencapaiannya. Pada suku terakhir 2010, iklan radio juga disiarkan bagi mengukuhkan kesedaran tentang peranan PIDM sebagai pelindung deposit. Program komunikasi dan kesedaran awam tentang Pakej Peralihan akan dipergiatkan pada suku pertama 2011 bagi mengukuhkan lagi keyakinan konsumer. Ini termasuk iklan dalam semua platform media utama bagi memperkenalkan had baharu dan pelancaran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Brosur maklumat baharu dan buku panduan mengenai deposit insurans dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta video maklumat korporat dan poster akan diedarkan bersempena dengan pelaksanaan pakej baharu tersebut.

Strategi kedua kami adalah untuk mengguna pakai kaedah peralihan pantas daripada Jaminan Deposit Kerajaan. Ini menjadi pilihan berbanding kaedah beransur-ansur atau berperingkat disebabkan oleh cabaran yang berpanjangan serta risiko bahaya moral bagi pilihan seumpama itu. Tambahan lagi, asas ekonomi Malaysia yang kukuh membolehkan pengunapakaian kaedah peralihan yang pantas. Persekitaran ekonomi Malaysia, dan sektor perbankan terutamanya, mempunyai mudah tunai yang besar dan bank ahli kami juga mempunyai modal yang mencukupi. Selain itu, rizab pertukaran wang asing bank pusat kukuh dan rangka kerja jaringan keselamatan kewangan adalah berwibawa pada pandangan orang awam.

Strategi ketiga melibatkan penentuan sama ada keadaan ekonomi dan kewangan kondusif untuk menyokong peralihan kepada sistem insurans deposit terhad eksplisit sedia ada. PIDM dan BNM terus berwaspada dengan potensi kemunculan risiko kewangan dan cabaran ekonomi sepanjang tempoh Jaminan Deposit Kerajaan, tetapi lebih berwaspada semasa menjelang tamat tempoh Jaminan Deposit Kerajaan. PIDM dan BNM memantau dengan teliti keadaan ekonomi dan kewangan serta pergerakan liabiliti deposit dalam sistem kewangan.

Peralihan lancar daripada jaminan menyeluruh tidak boleh dicapai hanya oleh satu peserta jaringan keselamatan sahaja. Meskipun perancangan Pelan Peralihan merupakan tanggungjawab PIDM, pelaksanaannya memerlukan kerjasama daripada peserta jaringan keselamatan lain. Oleh kerana setiap peserta jaringan keselamatan bertanggungjawab bagi tugas yang berbeza, penyelarasan dan kerjasama rapat di kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan adalah elemen penting dalam strategi pelaksanaan kami. Ini merupakan strategi keempat. Bagi memastikan peralihan dijalankan dengan efektif, PIDM memerlukan penerimaan

daripada peserta jaringan keselamatan lain bagi Pelan Peralihan tersebut. Justeru, PIDM bekerjasama rapat dengan BNM dan Kementerian Kewangan memberikan maklumat terkini kepada mereka mengenai Pelan Peralihan dan strategi pelaksanaan. Bekerjasama rapat membantu meminimumkan isyarat dan mesej bercanggah, yang bukan sahaja boleh menjejaskan keyakinan awam, tetapi juga memberi kesan kepada kredibiliti peserta jaringan keselamatan.

### RUMUSAN

Perancangan dan pelaksanaan pelan peralihan daripada jaminan menyeluruh boleh menjadi rumit. Bagaimanapun, ia boleh dilaksanakan dengan jayanya dengan perancangan yang baik, kempen kesedaran awam yang efektif dan kerjasama rapat dengan peserta jaringan keselamatan lain. Teras kepada pelaksanaan yang berjaya bagi Pelan Peralihan oleh PIDM ialah Pakej Peralihan yang diyakini yang mana ia diterima dan disampaikan dengan baik dan seterusnya dapat mengurangkan kebimbangan orang awam tentang tamat tempoh Jaminan Deposit Kerajaan. Pelaksanaan Pelan Peralihan yang berjaya dan inisiatif kesedaran awam selepasnya akan mengekalkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan dan mengukuhkan lagi ketampakan dan kredibiliti PIDM sebagai komponen penting jaringan keselamatan kewangan yang efektif di Malaysia.

## ARTIKEL

## MEMASTIKAN KESEDIAAN OPERASI DALAM INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN

Krisis kewangan tahun 2008 menghendaki banyak kerajaan dan peserta jaringan keselamatan mengambil tindakan yang tidak pernah dilakukan sebelum ini untuk mengembalikan atau memelihara keyakinan awam dan mengekalkan kestabilan kewangan. Krisis baru-baru ini telah menunjukkan bahawa kejayaan dalam mencapai objektif ini bergantung kepada kejelasan peranan dan tanggungjawab serta kesediaan peserta jaringan keselamatan dalam memenuhi mandat mereka dengan berkesan.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan Malaysia yang diumumkan pada tahun 2001, satu sistem insurans deposit telah dicadangkan bagi meningkatkan lagi keyakinan pendeposit terhadap sistem kewangan. PIDM telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2005 untuk melaksanakan fungsi utama perlindungan pendeposit ini, yang membentuk komponen penting jaringan keselamatan kewangan di Malaysia. Sejak penubuhan PIDM, kami telah menumpukan usaha dan sumber ke arah membangunkan rangka kerja menyeluruh bagi intervensi dan resolusi kegagalan serta memastikan kesediaan operasi dan keupayaan kami untuk menangani institusi ahli yang bermasalah dengan segera dan menggunakan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

**RANGKA KERJA INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN**

PIDM membangunkan satu rangka kerja, seperti dalam gambar rajah di bawah, untuk menyediakan struktur konsep bagi pengurusan berkesan institusi ahli yang bermasalah.

Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan bank memperakui hubungan di kalangan peserta jaringan keselamatan yang berbeza dalam membina mandat, kuasa perundangan, prinsip panduan, polisi, prosedur, sumber dan infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan proses intervensi dan resolusi kegagalan mencapai objektif menggalakkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan. Sejalan dengan mandat kami, Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan bertujuan menyediakan struktur yang mana resolusi institusi ahli yang bermasalah boleh dilaksanakan secara efektif dengan kos yang rendah kepada sistem kewangan. Ia memerlukan pembangunan dan pengoperasian aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dalam mengenalpasti secara awal institusi ahli yang bermasalah dan menyediakan pilihan intervensi dan resolusi kegagalan yang sesuai dengan mengambil kira impak yang lebih meluas terhadap kestabilan sistem kewangan.

Perenggan-perenggan berikut menerangkan butiran lanjut.

**Mandat dan Kuasa**

Mandat perundangan yang jelas adalah penting kerana ia merupakan asas untuk mentakrif peranan kami di kalangan jaringan keselamatan kewangan serta kuasa yang diperlukan untuk memenuhi mandat kami. Sehingga kini, satu semakan penuh terhadap kuasa PIDM telah dijalankan pada tahun 2010 bagi memastikan kami mempunyai kuasa yang mencukupi untuk melaksanakan intervensi awal dan menjalankan resolusi kegagalan dengan segera dan berkesan.

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- Mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Untuk mencapai objektif-objektif di perenggan (b) dan (d), kami perlu bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Bagi memenuhi mandat kami, kami telah diberikan kuasa-kuasa berikut:

- Kuasa pemeriksaan** yang membolehkan penilaian dan penyiasatan awal yang terperinci dijalankan apabila institusi ahli menunjukkan tanda-tanda bermasalah. Kuasa ini adalah penting dalam memudahcarakan kesediaan PIDM untuk menentukan dan melaksanakan pilihan intervensi dan resolusi kegagalan pada kos yang paling minimum. Pemeriksaan ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menjalankan pemeriksaan khas dan persediaan ke atas institusi ahli bagi tujuan ketekunan wajar, taksiran daya maju dan penilaian pilihan resolusi yang berkemungkinan.
- Kuasa mitigasi kerugian** yang membolehkan tindakan intervensi pembetulan dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada sistem kewangan atau ancaman kerugian kepada PIDM. Kuasa ini membolehkan PIDM, antara lain, menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman, pendahuluan atau jaminan, menyediakan deposit, memperoleh saham atau instrumen modal institusi ahli, membeli aset institusi ahli dan melakukan perkara-perkara lain yang difikirkan perlu dalam situasi tersebut.

• **Kuasa resolusi kegagalan** yang membolehkan pelaksanaan tindakan resolusi dengan segera ke atas institusi ahli yang bermasalah. Kuasa ini membolehkan PIDM:

- menghendaki sesebuah institusi ahli sama ada mengambil atau tidak, apa-apa tindakan yang difikirkan perlu atau dengan segera; untuk berhenti mengumpul, mengambil atau membayar semula deposit; atau menstruktur semula keseluruhan atau sebahagian perniagaan;
- memperoleh saham institusi ahli daripada pemegang saham sedia ada;
- mengambil alih kawalan sesebuah institusi ahli;
- melantik penerima dan / atau pengurus untuk mengurus aset, liabiliti, perniagaan dan hal-ehwal sesebuah institusi ahli;
- memindahkan aset dan liabiliti institusi ahli kepada institusi perantara; atau
- membubarkan institusi ahli.

Pelaksanaan kuasa-kuasa ini biasanya akan melibatkan beberapa perubahan kepada struktur perundangan, kewangan, operasi dan pemilikan institusi ahli dan dijalankan dengan objektif untuk mengekalkan keyakinan awam, menggalakkan kestabilan dan meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Kuasa ini merupakan susulan daripada pengeluaran notis tidak berdaya maju oleh BNM.

**Prinsip Panduan, Polisi dan Prosedur**

Prinsip panduan, polisi dan prosedur PIDM telah diguna pakai untuk memberikan kami asas yang kukuh dalam melaksanakan pengurusan yang berkesan terhadap institusi ahli yang bermasalah sejajar dengan objektif kami.

Prinsip panduan kami telah direka bentuk untuk memberikan kami hala tuju yang digunakan bagi mana-mana tindakan intervensi dan resolusi kegagalan yang dilaksanakan.

**Prinsip Panduan Kami**

- Melaksanakan intervensi awal dan segera

Strategi resolusi yang berkesan memerlukan tindakan segera ketika institusi ahli tersebut masih mempunyai nilai francais. Pengenalpastian awal masalah, disokong oleh tindakan intervensi dan resolusi yang segera dan tepat pada masa iaitu, sebelum sesuatu institusi ahli yang bermasalah menjadi insolven, mengurangkan kerugian kepada PIDM dan sistem kewangan.

KEYAKINAN AWAM  
DAN PERLINDUNGAN PENDEPOSITMandat dan  
KuasaPrinsip  
Panduan,  
Polisi dan  
ProsedurKecekapan dan  
InfrastrukturKeupayaan  
Kewangan

Jaringan Keselamatan Kewangan

## ARTIKEL

## MEMASTIKAN KESEDIAAN OPERASI DALAM INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN

## (ii) Prinsip kerugian pemegang saham didahulukan

Sekiranya PIDM memberikan apa-apa bantuan kewangan dalam menjalankan resolusi ke atas institusi ahli, pemegang saham hendaklah pertamanya menanggung apa-apa kerugian dan sekiranya pemegang saham sedia ada mengekalkan kepentingan dalam institusi ahli tersebut, kepentingan sisa mereka hendaklah tertakluk kepada hak-hak PIDM. Apa-apa bantuan kewangan yang diberikan hendaklah bertujuan mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada sistem kewangan atau ancaman kerugian kepada PIDM.

## (iii) Ketekunan wajar mendahului semua tindakan intervensi dan resolusi kegagalan

Sekiranya PIDM percaya bahawa ia dikehendaki melakukan intervensi dan resolusi ke atas sesebuah institusi ahli yang bermasalah, PIDM akan menjalankan proses kajian teliti ke atas perniagaan dan hal ehwal ahli yang bermasalah bagi tujuan mengenal pasti penyelesaian yang tersedia untuk melakukan resolusi ke atas institusi ahli yang bermasalah. Ini termasuk pelbagai penyelesaian usaha berterusan kepada pembubaran.

## (iv) Pendekatan dwi-pantau

Semua pilihan intervensi dan resolusi kegagalan yang mana PIDM terdedah kepada kerugian dalam bentuk kewangan, akan dinilai menurut pendekatan dwi-pantau, iaitu mengikut dasar usaha berterusan dan dasar pembubaran secara serentak susulan ketekunan wajar bebas dan penilaian daya maju ke atas perniagaan dan hal ehwal institusi ahli yang bermasalah. Penilaian dwi-pantau tersebut akan dilakukan untuk menentukan pilihan yang mempunyai kos yang paling minimum kepada sistem kewangan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kos kewangan dan kestabilan sistem kewangan.

## (v) Berurus niaga hanya dengan pihak ketiga yang berkemampuan

Dalam melaksanakan mana-mana pilihan resolusi usaha berterusan, PIDM akan hanya memberikan bantuan kewangan atau menjalankan urusan intervensi dan resolusi kegagalan dengan pihak ketiga yang boleh dipercayai, yang pada pandangan PIDM, mempunyai kapasiti dan keupayaan dari segi kewangan dan operasi untuk menyempurnakan urusan niaga dan untuk mengekalkan dan mengurus perniagaan dan hal ehwal institusi ahli tersebut dengan jayanya.

## (vi) Pilihan yang dilaksanakan mesti menghasilkan penyelesaian kekal

Tindakan intervensi dan resolusi kegagalan yang diambil oleh PIDM hendaklah menghasilkan penyelesaian kekal dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh institusi ahli yang bermasalah. Dengan kata lain, pilihan-pilihan akan dinilai mengenai kebarangkalian kejayaan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang. Sehubungan ini, proses resolusi mesti distruktur bagi memastikan pendedahan kewangan terhadap PIDM boleh ditentukan.

Bagaimanapun, polisi dan prosedur adalah penting untuk memberikan kejelasan pendekatan kepada kakitangan kami ketika berlaku intervensi dan resolusi kegagalan. Kami memulakan projek besar pada tahun 2007 yang dipanggil Projek Sentiasa Tersedia (*Project Eveready*) untuk membangunkan sejumlah 15 polisi dan prosedur bagi pelbagai aspek intervensi dan resolusi kegagalan. Polisi dan prosedur tersebut mendokumen pendekatan langkah demi langkah dalam menangani pelbagai aspek intervensi dan resolusi kegagalan. Di samping bertindak sebagai panduan operasi, polisi dan prosedur tersebut juga digunakan sebagai manual latihan bagi kakitangan dan penyedia perkhidmatan kami bagi membantu mereka memahami proses serta peranan dan tanggungjawab mereka apabila berurusan dengan institusi ahli yang bermasalah. Kami menjangka akan menyempurnakan pembangunan polisi dan prosedur kami pada pertengahan tahun 2011.

**Kecekapan dan Infrastruktur**

Resolusi institusi ahli yang bermasalah merupakan fungsi teras tetapi unik bagi PIDM yang memerlukan kemahiran, kepakaran dan pengalaman khusus. Sehubungan ini, PIDM telah banyak melabur dalam pembangunan kecekapan dan sumber. Struktur organisasi PIDM adalah berpandukan usaha mengekalkan keupayaan kemahiran dan kepakaran teras untuk mengurus tindakan intervensi dan resolusi kegagalan dan menyediakan mekanisme untuk menggerakkan dengan segera tenaga kerja yang lebih besar apabila keadaan memerlukan. Ini akan dilakukan melalui pembangunan organisasi virtual yang terdiri daripada rangkaian kerja profesional berpengalaman seperti peguam, akauntan, pegawai bank pelaburan, pakar pengurusan aset, penerima dan pembubar. Pendekatan sedemikian memastikan penggunaan optimum sumber dalaman dan pada masa yang sama memberikan kami akses kepada kemahiran dan kepakaran luaran apabila diperlukan.

**Keupayaan Kewangan**

Pengaturan pembiayaan yang mantap merupakan satu lagi faktor penting bagi mana-mana resolusi institusi kewangan yang berkesan. Pembiayaan yang mencukupi mesti tersedia untuk bersedia atau melaksanakan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan, termasuk pembayaran tuntutan pendeposit dengan segera. PIDM telah mengguna pakai struktur pembiayaan hibrid yang menggabungkan pembiayaan *ex-ante* dan *ex-post*.

**Pembiayaan *ex-ante*** membolehkan PIDM menyelaraskan premium dari semasa ke semasa dan lebih adil kerana institusi ahli akan menanggung sebahagian daripada kos resolusi mereka sendiri melalui sumbangan premium. Tambahan lagi, PIDM mengguna pakai sistem penaksiran premium berasaskan risiko yang membezakan kadar premium yang diguna pakai terhadap institusi ahli dengan profil risiko mereka.

**Pembiayaan *ex-post*** membenarkan kami mengakses sumber pembiayaan tambahan sekiranya diperlukan melalui kuasa PIDM untuk mengenakan levi, dan meminjam atau menjana dana melalui cara yang sesuai. PIDM mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang dalam pasaran modal. Pembiayaan luaran adalah bertujuan memenuhi mana-mana keperluan kecairan bagi melaksanakan sesuatu resolusi kegagalan. Kami kini sedang menyediakan pengaturan bersama Kerajaan bagi memberikan PIDM akses kepada pembiayaan kecairan sekiranya diperlukan.

Pada tahun 2008, kami telah memulakan inisiatif untuk membangunkan rangka kerja pembiayaan. Rangka kerja pembiayaan tersebut memberi panduan kepada PIDM tentang cara untuk membiaya operasi kami dan membina rizab untuk melaksanakan mandat kami dengan berkesan. Sebahagian daripada rangka kerja pembiayaan tersebut memperincikan pembangunan dana sasaran, yang pada asasnya merujuk kepada tahap sumber kewangan yang ingin dikekalkan oleh PIDM untuk menampung kerugian pada masa hadapan dalam memenuhi kewajipan terhadap pendeposit.

**Jaringan Keselamatan Kewangan**

Sebuah sistem kewangan yang berkesan dengan mandat serta peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan dengan jelas bagi setiap peserta keselamatan merupakan asas kepada sistem yang stabil. Sebuah jaringan keselamatan kewangan yang berkesan juga memastikan tindakan pembetulan yang segera diambil oleh peserta yang berkaitan apabila institusi-institusi kewangan menghadapi masalah. Peranan dan tanggungjawab yang jelas juga membawa kepada kebertanggungjawaban yang jelas.

BNM merupakan pengawal selia dan pengawal atur utama bagi institusi ahli dan bertanggungjawab untuk mengekalkan kestabilan, keselamatan dan kekukuhan sistem kewangan. PIDM pula berganding bahu untuk meningkatkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan dengan melengkapkan peranan kawal selia BNM dengan mentadbir sistem insurans deposit yang berkesan untuk manfaat pendeposit dan skim perlindungan manfaat takaful dan insurans bagi pemilik polisi dan sijil serta dengan menyediakan insentif kewangan yang jelas yang menggalakkan pengurusan risiko berhemat dalam kalangan institusi ahli.

PIDM telah melaksanakan Sistem Premium Berbeza yang menaksir premium tahunan berdasarkan profil risiko setiap bank ahli. Semakin tinggi profil risiko sesebuah bank ahli, semakin tinggi premiumnya. Sistem Premium Berbeza menaksir bank ahli berpandukan kriteria kuantitatif dan kualitatif. Salah satu kriteria berlawanan tinggi ialah penarafan pengawalseliaan BNM terhadap bank ahli. Oleh itu, PIDM menyokong pengawal selia dengan menyediakan mekanisme yang menggalakkan bank ahli untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko berhemat kerana penarafan pengawalseliaan mereka akan menentukan amaun premium yang akan dibayar.

**KESEDIAAN OPERASI KAMI DALAM INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN**

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kesediaan operasi untuk melaksanakan intervensi bagi sesebuah institusi ahli yang gagal telah menjadi fokus utama bagi PIDM sejak penubuhan kami pada tahun 2005. Sehingga kini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan kesediaan operasi kami untuk melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli yang bermasalah.

**Sistem Pembayaran Balik Deposit**

Projek untuk membangunkan Sistem Pembayaran Balik Deposit bermula pada awal tahun 2007 bagi memastikan kami berupaya melaksanakan pembayaran balik tuntutan pendeposit yang diinsuranskan dengan segera dan tepat sekiranya perlu dilaksanakan. Projek tersebut, yang dibahagikan kepada tiga fasa, terdiri daripada membangunkan sistem yang berautomasi sepenuhnya, menyeluruh dan bersepadu yang menghubungkan semua aktiviti pembayaran balik deposit yang kritikal.

## ARTIKEL

## MEMASTIKAN KESEDIAAN OPERASI DALAM INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN



Jadual di bawah menghuraikan tiga fasa Projek Pembayaran Balik Deposit dan status masing-masing.

FASA	HURAIAN	STATUS
Fasa 1	Melibatkan pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit. Sistem ini mengeluarkan senarai pembayaran bayaran balik deposit dan dihubungkan dengan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit yang membantu Pusat Panggilan PIDM menyediakan maklumat kepada pendeposit mengenai status pembayaran balik deposit.	Disempurnakan.
Fasa 2(a)	Melibatkan pembangunan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk. Fungsi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit adalah untuk memudahkan proses pembayaran balik deposit manakala Sistem Pendaftaran Produk memudahkan proses pensijilan produk PIDM bagi penentuan insurans deposit.	Kini sedang diusahakan. Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit akan disempurnakan pada penghujung tahun 2011 dan Sistem Pendaftaran Produk akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011.
Fasa 2(b)	Melibatkan integrasi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dengan penyedia perkhidmatan yang dikenal pasti yang bertindak sebagai ejen pembayaran kami.	Kini sedang diusahakan. Dijangka akan disempurnakan pada tahun 2011.
Fasa 3	Melibatkan integrasi antara Sistem Pembayaran Balik Deposit PIDM dengan maklumat pinjaman dan kewangan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat BNM ( <i>BNM's Central Credit Reference Information System – CCRIS</i> ) bagi tujuan menentukan jumlah pendedahan setiap pendeposit. Ini akan melibatkan pewujudan Pangkalan Data Deposit Dinamik, yang akan membolehkan PIDM menganalisis arah aliran deposit dan menjalankan simulasi menyeluruh untuk menguji kesediaan Sistem Pembayaran Balik Deposit.	Bermula pada tahun 2013.

Dengan penyempurnaan Fasa 1, teras Sistem Pembayaran Balik Deposit telah diuji dengan data simulasi yang mengikut format yang diperlukan dan hasilnya menunjukkan bahawa Sistem Pembayaran Balik Deposit mempunyai keupayaan untuk memproses 20 juta akaun dalam masa 15 jam.

#### Latihan dan Simulasi

Sejajar dengan objektif Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan kami untuk membangunkan kecekapan dan infrastruktur, kami juga telah melabur sumber yang banyak dalam menjalankan sesi latihan dan simulasi pada tahun 2010. Sesi latihan ini telah direka bentuk untuk memberikan kefahaman asas mengenai polisi dan prosedur dan membantu kakitangan memahami peranan dan tanggungjawab mereka ketika berlaku sesuatu intervensi dan resolusi kegagalan. Susulan beberapa sesi siri latihan dan perkongsian pengetahuan di keseluruhan organisasi, satu latihan simulasi sehari telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2010. Simulasi tersebut telah direka bentuk untuk:

- (i) menyediakan pembelajaran melalui pengalaman kepada kakitangan PIDM untuk bertindak apabila berlaku sesuatu krisis bank; dan
- (ii) menguji kefahaman dan penguasaan polisi dan prosedur yang disampaikan ketika sesi latihan.

Latihan simulasi tersebut mengetengahkan pelbagai aspek kekuatan dan bidang yang dikenal pasti untuk ditambah baik sekiranya perlu. Susulan latihan simulasi tersebut, beberapa sesi penerangan telah dijalankan bersama peserta dan kakitangan lain untuk mendapatkan maklum balas mereka. Kami merancang untuk mengadakan beberapa simulasi kecil pada tahun 2011 dan 2012 untuk melatih lagi kakitangan kami serta meningkatkan kesediaan kami untuk melaksanakan intervensi.

#### Kerjasama dengan BNM

PIDM melaksanakan Perjanjian Perikatan Strategik bersama BNM pada tahun 2006 bagi membina asas bagi kerjasama erat antara kedua-dua agensi. Salah satu bidang yang dikenal pasti adalah kerjasama antara kedua-dua agensi sekiranya berlaku sesuatu intervensi dan resolusi kegagalan. Sebagai contoh, kedua-dua agensi akan berkongsi maklumat mengenai institusi ahli secara kerap. Sistem dwi-pemantauan ini memberikan elemen semak

dan seimbang serta memastikan isyarat amaran awal sesebuah institusi ahli yang bermasalah dapat ditangani. BNM akan memaklumkan PIDM apabila sesebuah institusi ahli tidak lagi berdaya maju. Pada ketika itu, PIDM diberi kuasa untuk mengambil langkah yang perlu bagi menjalankan resolusi ke atas institusi ahli yang bermasalah bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Dalam situasi begini, BNM kekal bertanggungjawab ke atas pengawalseliaan institusi ahli yang bermasalah manakala PIDM bertanggungjawab melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan. Kedua-dua agensi akan bekerjasama sepanjang proses intervensi dan resolusi kegagalan tersebut. PIDM dan BNM kini sedang bekerjasama untuk memperkuatkan Perjanjian Perkongsian Strategik untuk dimasukkan ke dalam mandat PIDM yang diperluaskan serta melindungi pemilik polisi dan siji serta memastikan Perjanjian Perkongsian Strategik kekal terkini dan relevan.

#### KESIMPULAN

Membangunkan Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank yang mantap serta memastikan kesediaan operasi PIDM adalah penting dalam meminimumkan kesan kegagalan institusi ahli kepada keyakinan awam serta ekonomi secara keseluruhannya. Kesediaan operasi merupakan proses berterusan dan mesti sentiasa diuji terhadap persekitaran biasa bagi memastikan ia kekal terkini dan relevan. Di PIDM, kami terus meningkatkan kesediaan kami dengan membangunkan dan menguji sistem dan kecekapan kami agar berupaya menangani dengan segera institusi ahli yang bermasalah. Di samping itu, kami juga akan melaksanakan inisiatif baharu bagi menyokong mandat yang diperluaskan iaitu, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Inisiatif-inisiatif ini termasuk mempertingkat dan meminda rangka kerja, polisi, prosedur dan sistem semasa kami bagi meluaskan kesediaan operasi intervensi dan resolusi kegagalan merangkumi pengendali takaful dan syarikat insurans.

Usaha kami masih diteruskan!

Bahagian 7: INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN  
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

*Menggariskan visi dan nilai-nilai kami untuk  
dikongsi bersama masyarakat...*



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM



### KESEDARAN INSURANS DEPOSIT MASUK TAHUN KELIMA

Ketika insurans deposit memasuki tahun kelimanya di Malaysia pada tahun 2010, PIDM terus memberi penekanan utama dalam mewujudkan kesedaran dan pemahaman awam tentang sistem bagi melindungi deposit. Sebagai pentadbir sistem insurans deposit nasional tersebut sejak pelancarannya, PIDM percaya kesedaran awam tentang insurans deposit adalah kunci bagi meningkatkan keyakinan terhadap sistem kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

PIDM mengutamakan kepentingan bagi memastikan orang awam, terutamanya pendeposit, mempunyai akses langsung dan mudah kepada maklumat mengenai perlindungan insurans deposit dalam bahasa pilihan masing-masing.

Sejak hari pertama operasi, kami mendirikan Pusat Panggilan bebas tol bagi mengendalikan pertanyaan orang awam dalam empat bahasa utama Malaysia (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil). Fungsi Pusat Panggilan ini adalah untuk menyediakan maklumat jelas mengenai ciri-ciri insurans deposit serta peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan.


Juga mustahak kepada kami untuk menyediakan maklumat kepada orang awam dalam bentuk bahan bercetak. Kami

menerbitkan dan mengedarkan risalah maklumat awam dalam empat bahasa utama dan dua bahasa tambahan iaitu, Kadazandusun dan Iban, yang digunakan dengan meluas oleh kumpulan etnik utama masing-masing di Sabah dan Sarawak.

Menyedari keberkesanan teknologi dalam menyebarkan maklumat jitu yang tepat pada masa, kami melancarkan laman sesawang maklumat awam ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) dalam empat bahasa utama pada tempoh beberapa bulan awal operasi PIDM. Laman sesawang PIDM memenuhi keperluan maklumat semua pemegang kepentingan, daripada maklumat asas mengenai insurans deposit dan PIDM hinggalah penerbitan garis panduan, polisi dan kertas perundangan bagi ulasan dan maklum balas awam, Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan.

Sebagai amalan tahunan, kami menjalankan kaji selidik konsumen seluruh negara bagi menilai tahap kesedaran dan pemahaman awam tentang insurans deposit dan PIDM setiap tahun. Kaji selidik ini juga membolehkan kami menilai keberkesanan usaha-usaha kami bagi mewujudkan kesedaran tentang insurans deposit dan meningkatkan keberkesanan inisiatif komunikasi kami pada masa hadapan. Dalam tempoh lima tahun sejak penubuhan PIDM, kami mencatatkan purata 19.4% bagi tahap kesedaran insurans deposit, manakala tahap kesedaran tentang PIDM berada pada purata 17.6%.

Graf ini menunjukkan tahap kesedaran tentang insurans deposit dan PIDM dari tahun 2006 hingga 2010.



Susulan pelaksanaan inisiatif Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami yang bermula pada tahun 2007, tahap kesedaran awam tentang insurans deposit dan PIDM mencatatkan peningkatan ketara dalam keputusan kaji selidik konsumen 2007 dan 2008. Bagaimanapun, tahap kesedaran ini kemudiannya menunjukkan penurunan sederhana, yang disebabkan oleh pelaksanaan sementara Jaminan Deposit Kerajaan semasa tempoh 2009 dan 2010, justeru, wujud tanggapan umum bahawa perlindungan insurans deposit ditadbir oleh Kerajaan memandangkan PIDM ialah sebuah agensi Kerajaan.

Bagi maklumat lanjut, anda boleh merujuk Laporan Tahunan PIDM, yang boleh diperolehi daripada laman sesawang PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)

### TINJAUAN INISIATIF KAMI PADA TAHUN 2010

Pada tahun 2010, kami meneruskan pelaksanaan inisiatif utama bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam tentang insurans deposit dan PIDM seperti yang digariskan dalam Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011. Pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan sementara pada lewat tahun 2008, dengan tempoh berakhirnya pada 31 Disember 2010, memerlukan beberapa pengubahsuaian kepada strategi dan reka bentuk rancangan dan inisiatif komunikasi kami kerana semua deposit dijamin semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan. Teras strategik utama "mewujudkan kesedaran" dan "membina keyakinan" kekal menjadi tumpuan bagi semua inisiatif komunikasi dan mesej-mesej utama kami sepanjang tahun.

Sebagai persediaan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan sementara kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhadap semula, satu pakej inisiatif perundangan yang disasarkan untuk meningkatkan perlindungan konsumen kewangan diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 11 Mei 2010. Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan itu termasuklah cadangan had perlindungan insurans deposit baharu pada RM250,000 dan pengenalan satu Skim Pampasan Insurans yang eksplisit bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Skim ini dilancarkan pada 31 Disember 2010 sebagai Sistem Perlindungan Manfaat Insurans dan Takaful.

Dengan adanya pelan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, kebanyakan usaha kami bagi tahun ini ditumpukan kepada pembangunan dan persediaan inisiatif komunikasi bagi memperkenalkan pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan dan memastikan peralihan semula yang efektif kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhadap.

# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM


### Sorotan Inisiatif Kami pada tahun 2010

INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>PERLINDUNGAN KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUHKAN (MEI 2010)</b>	<p>Bersempena dengan pengumuman pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan pada 11 Mei 2010, PIDM mengadakan sesi taklimat khas bagi media, institusi ahli, pengendali takaful dan syarikat insurans, institusi kewangan dijamin dan pemegang kepentingan lain bagi menyediakan butiran terperinci mengenai cadangan pakej tersebut.</p> <p>Satu set Soalan Lazim dan fakta mengenai pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan dibangunkan bagi menyediakan penjelasan lanjut kepada orang awam.</p> <p>Cadangan had insurans deposit baharu pada RM250,000 dan Skim Pampasan Insurans mendapat liputan meluas dalam pelbagai media cetak, penyiaran dan elektronik.</p> <p>Bagi mengendalikan pertanyaan orang awam yang dijangka meningkat, waktu operasi Pusat Panggilan dilanjutkan semasa minggu 11 hingga 14 Mei 2010, dengan dua talian telefon tambahan disediakan.</p>

INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>PENERBITAN KERTAS PERUNDINGAN MENGENAI SKIM PAMPASAN INSURANS (JUN 2010)</b>	<p>PIDM melancarkan kempen publisiti khas bersempena dengan penerbitan Kertas Perundingan mengenai Skim Pampasan Insurans pada 24 Jun 2010.</p> <p>Objektif kempen ini adalah untuk mewujudkan kesedaran awam mengenai Skim Pampasan Insurans dan cadangan ciri-cirinya serta menggalakkan maklum balas orang awam terhadap cadangan yang digariskan dalam kertas perundingan tersebut.</p> <p>Di bawah kempen publisiti itu, aktiviti-aktiviti berikut dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Iklan cetak dalam akhbar harian utama dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.</li> <li>• Iklan dalam talian dalam laman sesawang media terpilih dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina (The Star, Utusan dan Sin Chew).</li> <li>• Iklan yang disiarkan dalam saluran radio Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil (Sinar FM, MY FM, THR Gegar, THR Raaga dan Lite FM).</li> <li>• Temu bual secara langsung dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi PIDM di rancangan bual bicara pagi NTV7 dan Selamat Pagi Malaysia RTM1.</li> <li>• Temu bual radio dengan Ketua Pegawai Eksekutif di rancangan waktu pagi Lite FM.</li> </ul>



INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>PENGIKLANAN DAN PUBLISITI (BERTERUSAN)</b>	<p>Bersempena dengan ulang tahun kelima PIDM, satu siri advertorial bercetak diterbitkan dalam tiga bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.</p> <p>Advertorial ini mengetengahkan pencapaian kami dalam aspek-aspek berikut:</p> <p><b>Advertorial 1: "Era baharu dalam perlindungan konsumen kewangan"</b> Peranan utama PIDM menggalakkan keyakinan awam dalam sistem perbankan negara dan menyumbang kepada kestabilan kewangan</p> <p><b>Advertorial 2: "Membina asas yang kukuh"</b> Tadbir urus dan kawalan dalaman PIDM yang mapan ke arah menjadi penginsurans deposit yang ditadbir dan diurus dengan baik</p> <p><b>Advertorial 3: "Kesedaran kunci meningkatkan keyakinan awam"</b> Kejayaan program kesedaran awam PIDM dalam meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem perbankan Malaysia</p> <p><b>Advertorial 4: "Memupuk celik kewangan dengan pandangan jangka panjang"</b> Inisiatif pendidikan PIDM sebagai usaha jangka panjang untuk menyumbang kepada pengukuhan tahap celik kewangan negara bagi membolehkan konsumen kewangan membuat keputusan berdasarkan maklumat</p> <p><b>Advertorial 5: "Meninjau ke hadapan dengan keyakinan"</b> Pencapaian dan tumpuan berterusan PIDM terhadap visinya menjadi penginsurans deposit dengan amalan terbaik</p> <p>Dalam suku pertama 2010, iklan radio baharu mengenai perlindungan insurans deposit dan peranan PIDM disiarkan dalam empat bahasa – Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.</p> <p>Advertorial bercetak dan iklan radio ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang PIDM di <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a></p>



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>TAKLIMAT BAGI INSTITUSI AHLI DAN PELBAGAI PEMEGANG KEPENTINGAN (BERTERUSAN)</b>	<p>Pada setengah tahun pertama 2010, kami meneruskan pengendalian sesi latihan bagi pegawai-pegawai bank di bandar-bandar seluruh Malaysia, merangkumi lokasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuala Lumpur</li> <li>• Shah Alam, Selangor</li> <li>• Bukit Mertajam, Pulau Pinang</li> <li>• Sungai Petani, Kedah</li> <li>• Johor Bahru, Johor</li> <li>• Seremban, Negeri Sembilan</li> <li>• Melaka</li> <li>• Sitiawan, Perak</li> </ul> <p>Taklimat tersebut dianjurkan secara kerjasama dengan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia (BNM).</p> <p>Susulan pengumuman Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan oleh Menteri Kewangan pada 11 Mei 2010, taklimat-taklimat ditangguhkan ke tahun 2011 bagi pelaksanaan pakej yang diperkukuhkan.</p> <p>PIDM meneruskan pengendalian sesi dialog dengan pegawai perhubungan institusi ahli dalam usaha berterusan kami untuk berinteraksi dan mengukuhkan hubungan kerja dengan institusi ahli.</p> <p>Bagi senarai lengkap taklimat dan dialog kami, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa bagi tahun 2010 (halaman 172).</p> <p>Pada setengah tahun kedua 2010, kami memulakan perancangan sesi latihan dan taklimat bagi tahun 2011 apabila had dan skop perlindungan insurans deposit baharu serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dilaksanakan.</p>

INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>MINGGU INSURANS DEPOSIT ANTARABANGSA (3 HINGGA 7 MEI 2010)</b>	<p>Tahun ini dua inisiatif dilaksanakan semasa Minggu Insurans Deposit Antarabangsa, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009</li> <li>• Taklimat bagi pegawai-pegawai bank di Sitiawan, Perak</li> </ul> <p><b>Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009</b> PIDM mengadakan Dialog Tahunan keempatnya dengan institusi kewangan pada 6 Mei 2010 bersempena dengan pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009.</p> <p>Di Dialog Tahunan tersebut, PIDM membentangkan prestasi kewangan dan pencapaiannya kepada pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan. Dialog Tahunan itu merupakan platform untuk berinteraksi dan berbincang dengan institusi ahli dan institusi kewangan dijamin mengenai isu-isu industri.</p> <p>Susulan Dialog Tahunan itu, PIDM mengadakan sidang akhbar mengenai pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009.</p> <p><b>Taklimat bagi pegawai-pegawai bank</b> PIDM mengadakan sesi taklimat bagi kira-kira 25 orang pegawai bank di Sitiawan, Perak pada 5 Mei 2010.</p>



INISIATIF	PENCAPAIAN
<b>PENYERTAAN DALAM PAMERAN DAN JERAYAWARA (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM terus bekerjasama dengan BNM dan agensi berkaitan dalam pelbagai jerayawara nasional termasuk Minggu Saham Amanah Malaysia dan sebagai penganjur bersama dan peserta pameran di Minggu Kesedaran Kewangan atau M2K .</p> <p>Pada tahun ini, M2K diadakan dari 18 hingga 24 Oktober 2010 di Kota Kinabalu, Sabah. M2K ialah program kesedaran awam yang dianjurkan oleh BNM bagi orang awam. Selain PIDM, agensi yang menyertainya termasuk BNM, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) dan Suruhanjaya Sekuriti.</p> <p>Semasa minggu tersebut, wakil-wakil PIDM mengendalikan taklimat awam di pelbagai sekolah, kolej, universiti, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, sekolah khas bagi golongan kurang upaya serta di dua daerah, Papar dan Penampang.</p> <p>PIDM menyertai pameran M2K dari 22 hingga 24 Oktober 2010 di Suria Sabah, yang menarik 37,200 pengunjung. Pameran tersebut dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Donald Peter Mojuntin, Pembantu Menteri Kewangan Sabah 2.</p> <p>Bagi senarai lengkap penyertaan kami dalam pameran dan jerayawara, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa bagi tahun 2010 (halaman 172).</p>



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	PENCAPAIAN
<p><b>PERHUBUNGAN MEDIA (BERTERUSAN)</b></p>	<p>PIDM mengutamakan kerjasamanya dengan golongan media sebagai satu saluran komunikasi yang penting dan sangat efektif. PIDM terus meningkatkan profilnya sebagai penginsurans deposit nasional menerusi inisiatif pembabitian media termasuk sidang akhbar, temu bual, artikel dan kenyataan akhbar.</p> <p>Pada tahun 2010, PIDM mengeluarkan kenyataan akhbar berikut dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• "PIDM lantik Ketua Pegawai Operasi" pada 18 Mac 2010 bersempena dengan pelantikan Ketua Pegawai Operasi PIDM, Encik Md. Khairuddin Hj. Arshad</li> <li>• "PIDM menerbitkan Laporan Tahunan 2009" pada 6 Mei 2010 bersempena dengan sidang akhbar bagi pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009 pada hari yang sama.</li> <li>• "PIDM mempelawa maklum balas mengenai cadangan Skim Pampasan Insurans" pada 24 Jun 2010 bersempena dengan pengeluaran Kertas Perundingan mengenai Skim Pampasan Insurans.</li> <li>• "PIDM anugerah lima biasiswa kepada rakyat Malaysia yang memerlukan" pada 7 Julai 2010 bersempena dengan majlis penganugerahan biasiswa yang diadakan pada hari yang sama.</li> <li>• "PIDM lancar program pendidikan bagi pelajar" pada 28 September 2010 bersempena dengan pelancaran Program Pendidikan PIDM, Projek PIDM MoneySmart, pada hari yang sama.</li> <li>• "Had Insurans Deposit Baharu RM250,000" pada 30 Disember 2010 berkenaan skop perlindungan yang diperkukuhkan yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010</li> </ul> <p>PIDM mengadakan program-program media berikut pada tahun 2010:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sidang akhbar bagi pelancaran Laporan Tahunan PIDM pada 6 Mei 2010</li> <li>• Taklimat media mengenai pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan pada 11 Mei 2010</li> <li>• Sidang akhbar bagi pelancaran program pendidikan PIDM pada 28 September 2010</li> <li>• Majlis terbuka puasa bagi wakil-wakil media pada 17 Ogos 2010 untuk mengeratkan lagi hubungan kerja kami dengan media.</li> </ul> <p>Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010 dibentangkan bagi bacaan pertama di Dewan Rakyat pada 30 November 2010. Pembentangan rang undang-undang itu mendapat liputan meluas dalam pelbagai media cetak dan penyiaran. Rang Undang-Undang itu kemudiannya diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Disember dan di Dewan Negara pada 22 Disember.</p> <div data-bbox="507 1312 834 1680"> <p><b>PIDM: Tell depositors what's insured</b></p> <p>...PIDM has issued a consultation paper on the proposed framework for the proposed Deposit Protection Scheme (DPS) to the public...</p> </div> <div data-bbox="507 1701 765 1848"> <p><b>PIDM seeks feedback on ICS proposals</b></p> <p>...PIDM has issued a consultation paper on the proposed framework for the proposed Deposit Protection Scheme (DPS) to the public...</p> </div> <div data-bbox="863 1312 1151 1575"> <p><b>PIDM rangka pakej baru perlindungan pendeposit</b></p> <p>...PIDM has issued a consultation paper on the proposed framework for the proposed Deposit Protection Scheme (DPS) to the public...</p> </div> <div data-bbox="863 1585 1151 1890"> <p><b>Play and learn about finance</b></p> <p>...PIDM has issued a consultation paper on the proposed framework for the proposed Deposit Protection Scheme (DPS) to the public...</p> </div>

INISIATIF	PENCAPAIAN
<p><b>PENYELIDIKAN KONSUMER SELURUH NEGARA (AKHIR TAHUN)</b></p>	<p><b>Penyelidikan kuantitatif</b>                  PIDM melaksanakan kaji selidik konsumen pada suku akhir 2010. Kaji selidik akhir tahun menyeluruh tersebut yang menggunakan pendekatan kuantitatif dijalankan dari November hingga Disember, melibatkan temu bual bersemuka dengan kira-kira 1,000 responden.</p> <p>Selain mengukur tahap kesedaran mengenai insurans deposit dan PIDM, kaji selidik itu juga meninjau tahap pemahaman orang awam tentang ciri-ciri dan manfaat perlindungan insurans deposit serta keberkesanan inisiatif komunikasi yang sedang kami laksanakan bagi meningkatkan kesedaran insurans deposit.</p> <p><b>Penyelidikan kualitatif</b>                  Cadangan bahan pengiklanan dan mesej utama bagi pelaksanaan cadangan had insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diuji menggunakan perbincangan kumpulan fokus pada November 2010.</p> <p>Perbincangan tersebut dikendalikan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina dan bertujuan meninjau pemahaman, daya tarikan dan penerimaan awal orang awam terhadap bahan-bahan dan mesej-mesej utama.</p> <p>Keputusan penyelidikan dan pemahaman itu diguna pakai dalam memantapkan strategi, inisiatif, bahan dan mesej utama pengiklanan yang sedang dilaksanakan.</p>

### FOKUS KHAS 2010: PROGRAM PENDIDIKAN PIDM - PROJEK PIDM MONEYSMART

Penginsurans deposit yang efektif memaklum dan mendidik orang awam bagi membantu mereka membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat. Sejalan dengan mandat kami sebagai penginsurans deposit nasional dan kepercayaan kami yang pengetahuan tentang insurans deposit harus dipupuk dari usia yang muda, kami telah memantapkan usaha-usaha komunikasi kami dengan membangunkan program pendidikan khusus dan menyeluruh yang disasarkan untuk meningkatkan celik kewangan dan mewujudkan pemahaman mengenai insurans deposit di kalangan generasi muda.

#### Pembangunan

Pembangunan Program Pendidikan PIDM, dikenali sebagai Projek PIDM MoneySmart, bermula pada suku akhir 2009. Direka khusus bagi pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia, satu pendekatan kreatif diambil dalam membangunkan bahan pembelajaran bagi program tersebut untuk memastikan pelajar benar-benar tertarik terhadap kepentingan tabiat menabung dan perlindungan insurans deposit. Hasilnya, tiga elemen pembelajaran dibentuk bagi Program Pendidikan PIDM – Permainan Dalam Talian MoneySmart, Permainan Papan MoneySmart dan Buku Komik Bijak Wang.



Permainan Dalam Talian MoneySmart disampaikan dalam Bahasa Inggeris, yang merupakan bahasa umum yang digunakan dalam kebanyakan permainan dalam talian yang dimainkan oleh generasi muda hari ini. Manakala Permainan Papan MoneySmart dan Buku Komik Bijak Wang disampaikan dalam Bahasa Malaysia kerana bahan-bahan ini diedarkan kepada pelajar sekolah dan digunakan dalam aktiviti sekolah.

#### Permainan Dalam Talian MoneySmart

Permainan Dalam Talian MoneySmart ([www.pidmmoneysmart.com.my](http://www.pidmmoneysmart.com.my)) ialah laman sesawang permainan dalam talian interaktif yang direka bagi menghubungkan kait pelbagai tahap kehidupan seseorang dengan perubahan dalam keperluan kewangan di setiap tahap kehidupan:

- Tahap 1 – Pelanjutan pelajaran
- Tahap 2 – Pekerjaan dan kerjaya
- Tahap 3 – Perkahwinan
- Tahap 4 – Keibubapaan
- Tahap 5 – Persaraan

# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM



Sepanjang Permainan Dalam Talian itu, sebanyak 200 soalan perlu dijawab dengan tepat oleh para peserta untuk mara ke peringkat seterusnya dan memperoleh pendapatan tinggi menuju ke peringkat persaraan kemudiannya. Kepentingan peranan PIDM dalam melindungi deposit yang disimpan di bank-bank diberi penekanan sepanjang Permainan Dalam Talian itu.

Permainan Dalam Talian tersebut menyeronokkan dan mudah dimainkan, serta memberi peluang kepada pelajar menimba pengetahuan dan memenangi hadiah. Hadiah-hadiah dalam bentuk wang tunai dan komputer meja berjumlah RM60,000 diberikan kepada para pemenang Permainan Dalam Talian itu. Para pelajar boleh menyertai permainan tersebut secara individu atau secara berkumpulan dengan guru, ibu bapa, adik beradik dan rakan-rakan mereka.

Permainan Dalam Talian itu menarik penyertaan lebih 6,000 peserta menjelang tarikh tutup 30 November 2010, dan keputusan pemenang diumumkan pada awal tahun 2011.

### Permainan Papan MoneySmart

Direka sebagai replika Permainan Dalam Talian, Permainan Papan MoneySmart juga membolehkan para peserta melalui pengalaman lima tahap kehidupan. Di setiap tahap kehidupan, peserta perlu menggunakan pengetahuan dan kepakaran yang berbeza dalam

pengurusan dan perancangan kewangan peribadi untuk mara ke peringkat seterusnya dalam Permainan Papan itu hingga sampai ke titik penamat.

### Buku Komik

Buku Komik Bijak Wang menyampaikan pendidikan kewangan menerusi kehidupan empat rakan daripada latar belakang sosio ekonomi berbeza – Azman, Vijay, Su Lin dan Dayang. Mereka mempelajari kepentingan keputusan kewangan yang baik dan berhemat, terutamanya dalam memupuk tabiat menabung dan cara insurans deposit berfungsi dalam melindungi simpanan mereka di bank.

### Fasilitator dan Guru

Kami juga menerbitkan Buku Panduan bagi Fasilitator dan Guru sebagai bahan rujukan bagi guru-guru yang mahu mengendali dan menyampaikan program ini kepada pelajar mereka sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah atau aktiviti kurikulum tambahan.

### Pelaksanaan

Peringkat percubaan Projek PIDM MoneySmart dijalankan dari April hingga Mei 2010 merangkumi 24 sekolah menengah dan lima institusi pengajian tinggi. Peringkat percubaan ini diadakan bagi meninjau keberkesanan pendekatan dan bahan pembelajaran program sebelum peringkat pelaksanaan.

Berdasarkan temu bual dengan pelajar, guru dan ibu bapa susulan peringkat percubaan itu, kami menerima maklum balas positif tentang manfaat dan keberkesanan pendekatan dan bahan pembelajaran program tersebut.

Kami memulakan peringkat pelaksanaan Projek PIDM MoneySmart pada 12 Julai 2010 menerusi taklimat yang diadakan di sekolah menengah dan jerayawara yang diadakan di institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia. Menjelang November 2010, kami berjaya merangkumi 200 sekolah menengah dan 50 institusi pengajian tinggi, pencapaian 100% sasaran kami bagi Program Pendidikan PIDM tahun ini.

Projek PIDM MoneySmart dilancarkan secara rasmi pada 28 September 2010 dalam satu majlis yang dirasmikan oleh Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Kementerian Pelajaran Malaysia. Satu sidang akhbar bagi kira-kira 37 wakil media yang hadir di majlis pelancaran tersebut juga diadakan pada hari yang sama. Majlis itu mendapat liputan meluas daripada media cetak dan media penyiaran elektronik, EduWeb TV.



### MASA HADAPAN: STRATEGI KOMUNIKASI BAGI PERLINDUNGAN KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUHKAN

Pada tahun 2011, PIDM akan melaksanakan kempen menyeluruh bagi mendidik orang awam mengenai ciri-ciri Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan, termasuk had perlindungan insurans deposit baharu pada RM250,000, skop perlindungan yang diperluaskan bagi merangkumi deposit mata wang asing, pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan kuat kuasa Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.

Susulan pengumuman Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan pada Mei 2010, PIDM meningkatkan kesediaan operasi pelbagai saluran komunikasinya termasuk Pusat Panggilan dan laman sesawang kami.

Pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang ditadbir oleh PIDM melibatkan pembangunan strategi komunikasi untuk mencapai audien sasaran baharu. Audien sasaran baharu itu kini merangkumi konsumen produk takaful dan insurans yang mempunyai perspektif, tingkah laku dan keutamaan berbeza berbanding konsumen produk perbankan dan deposit. Dengan pertimbangan perkara ini, PIDM melibatkan konsumen produk takaful dan insurans dalam perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan pada November 2010 bagi menguji keberkesanan cadangan bahan dan mesej komunikasi.

Inisiatif komunikasi yang dirancang bagi pelaksanaan pada tahun 2011 termasuklah:

- Iklan dalam media cetak, penyiaran dan elektronik, termasuk advertorial mengenai inisiatif Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan
- Taklimat bagi institusi ahli dan pelbagai pemegang kepentingan
- Penyertaan dalam pameran dan jerayawara yang berkaitan
- Kajian semula, pemantapan dan pelaksanaan program pendidikan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi
- Pengedaran bahan maklumat awam baharu termasuk risalah dalam enam bahasa mengenai sistem insurans deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 serta buku panduan mengenai sistem insurans deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Inisiatif perhubungan media seperti taklimat media, temu bual dan artikel
- Pembaharuan semula laman sesawang maklumat awam ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))

Bagi tahun-tahun akan datang, PIDM akan terus menumpukan usaha terhadap mengekalkan dan meningkatkan kesedaran dan keyakinan pendeposit dengan melaksanakan inisiatif kesedaran awam menerusi pendekatan jangka panjang dan khusus, meneruskan pembangunan berasaskan inisiatif-inisiatif dahulu dan mengkaji semula strategi kami berdasarkan hasil penyelidikan semasa dan perubahan dalam persekitaran luaran.

# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

### PROGRAM BIASISWA PIDM BAGI RAKYAT MALAYSIA YANG LAYAK

#### Latar Belakang

Inisiatif pendidikan menyokong Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM bagi menjalankan urusan dan hal ehwalnya dengan cara yang bertanggungjawab, mapan dan bermakna dari segi sosial.

Justeru, pelancaran Program Biasiswa Sarjana Muda Tahunan PIDM pada Julai 2010 bukan hanya membawa inisiatif pendidikan kami ke tahap seterusnya tetapi juga memenuhi tema teras ikhtiar Tanggungjawab Sosial Korporat kami, iaitu mendekatkan diri dan menyumbang balik kepada masyarakat.

#### Falsafah

Penganugerahan sulung biasiswa PIDM kepada lima rakyat Malaysia yang layak merupakan lanjutan strategik program pendidikan kami, Projek PIDM MoneySmart, untuk melengkapkan usaha-usaha kami menggalakkan celik kewangan. Selain memenuhi keperluan sosial bagi membantu pelajar cemerlang mencapai cita-cita akademik mereka, program biasiswa ini juga akan menyumbang kepada pengembangan kumpulan modal insan bagi pasaran pekerjaan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan. Pada masa yang sama, program ini akan mewujudkan kesedaran yang lebih besar mengenai PIDM dan peranannya sebagai pengawal selia institusi kewangan dan badan berkanun bebas.

Beberapa inisiatif berkaitan pendidikan lain telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum program biasiswa ini. Ini termasuk:


- Bantuan pendidikan bagi kakitangan PIDM;
- Projek PIDM MoneySmart bagi pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi; dan
- Taklimat kepada pemegang kepentingan.

#### Objektif

Objektif program biasiswa tersebut adalah untuk:

- menyokong rakyat Malaysia layak yang telah mencapai keputusan akademik cemerlang untuk melanjutkan pendidikan mereka dan berjaya dalam hidup;
- menarik minat individu yang mahu mendaftar dalam program sarjana muda untuk memilih program-program berkaitan dengan industri perkhidmatan kewangan, termasuk bidang insurans, perbankan, kewangan, modal insan dan bidang berkaitan seperti yang diluluskan oleh PIDM; dan
- mewujudkan lebih kesedaran mengenai PIDM dan insurans deposit menerusi kesedaran awam program biasiswanya.

### Skop Program Biasiswa



Selain bantuan kewangan, program tersebut menyediakan platform bagi:

#### • Pasca-Pemilihan – Program Induksi

Satu program induksi diadakan untuk semua pemegang Anugerah Biasiswa PIDM. Ini adalah untuk memastikan pemegang biasiswa memahami peranan dan mandat PIDM, misi dan nilainya, dan butiran terperinci program biasiswa ini agar mereka boleh mendapat manfaat maksimum daripada program tersebut.

#### • Bimbingan Mentor dan Latihan

Seorang “mentor” daripada kumpulan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dilantik bagi setiap pemegang biasiswa. Mentor ini akan menyediakan bimbingan dan latihan yang konsisten dan berterusan sepanjang program tersebut. Ini adalah untuk memastikan pemegang biasiswa memperoleh sokongan yang perlu dan dapat memanfaatkan pengalaman dalaman kami, sebagai bimbingan dalam memenuhi keperluan pengajian sambil memenuhi keperluan program tersebut. Pemegang biasiswa digalakkan untuk menyediakan tesis, kertas projek atau kaji selidik yang lain mengenai aktiviti berkaitan dengan PIDM atau insurans deposit.

#### • Pasca-Biasiswa – Program Pelatih

Sebagai sebahagian daripada reka bentuk strategik program ini, pemegang biasiswa digalakkan menjalani program pelatih bagi membolehkan mereka mempraktikkan apa yang mereka telah dipelajari dalam konteks operasi seperti PIDM. Semua pemegang biasiswa dijamin mendapat penempatan sebagai pelatih di PIDM bagi tempoh enam bulan. Ini bagi memastikan mereka diberi peluang untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang perlu, agar mereka dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat berkaitan kerjaya pilihan mereka.

Program latihan tersebut dijangka akan melahirkan alumni bagi PIDM, dengan peserta program sebagai wakil kami bagi mewujudkan lebih kesedaran mengenai PIDM dan insurans deposit. Selain itu, inisiatif ini adalah bukti komitmen kami untuk meningkatkan lagi sumbangan jangka panjang kami kepada masyarakat.

Terma dan syarat asas bagi penerimaan, kelayakan, proses pemilihan dan butiran terperinci boleh didapati di laman sesawang PIDM.

#### Kumpulan Pemegang Biasiswa Pertama Kami Tahun 2010

Permohonan diterima dari seluruh negara dan 11 orang calon yang telah disenarai pendek ditemu duga pada Jun 2010. Lima pemegang biasiswa berikut telah dipilih:

- Farah Afiza binti Salmanfarsi  
Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Firdaus Ally bin Zulkifli  
Sarjana Muda Teknologi Maklumat,  
Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)
- Leong Zhi Cong  
Sarjana Muda Sains Aktuari,  
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- Phang Jai Juet  
Sarjana Muda Perundangan, Multimedia University (MMU)
- Vichneshwaran a/l Bala  
Sarjana Muda Sains Aktuari, UTAR

#### Pelancaran Rasmi Dan Penyampaian Anugerah Biasiswa

Pelancaran rasmi diadakan di Kuala Lumpur pada 1 dan 2 Julai 2010, dan pemegang biasiswa terpilih mengikuti aktiviti-aktiviti berikut:

- Taklimat dan upacara menandatangani kontrak biasiswa
- Pelaksanaan program induksi
- Pengenalan program mentor dan pelantikan mentor
- Penyampaian anugerah biasiswa oleh Pengerusi kami



### USAHA-USAHA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT LAIN

PIDM giat menggalakkan kakitangannya untuk menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan golongan kurang berkemampuan menerusi usaha-usaha komuniti dan suka cita dengan kegiatan aktif kakitangannya dalam aktiviti-aktiviti sedemikian.

Kakitangan PIDM menyumbang wang tunai dan seumpamanya – setiap bulan serta semasa musim perayaan – kepada pelbagai pertubuhan amal, rumah anak yatim dan rumah kebajikan. Selain menyumbang daripada segi kewangan, kakitangan juga terlibat, antara lainnya, dalam menganjurkan rombongan pendidikan bagi sebuah rumah anak yatim ke pusat perlindungan gajah dan menjadi penjaga secara sukarela semasa kunjungan tersebut (168 jam); menyokong sebuah badan amal sebagai Timbalan Bendahari, bagi aspek-aspek kewangan operasi dan aktiviti (60 jam); melawat rumah-rumah anak yatim dan kebajikan serta menyertai aktiviti bagi kanak-kanak yang memerlukan bantuan khas (24 jam); menyokong komuniti sebagai Timbalan Pengerusi persatuan komuniti perumahan, untuk mengeratkan hubungan dan perpaduan di kalangan ahlinya dan masyarakat (250 jam); mengendalikan kelas tuisyen untuk anak-anak yatim (24 jam); dan mengajar di kelas agama Kristian untuk kanak-kanak pada Hari Ahad (12 jam).

### KESIMPULAN

PIDM akan meneruskan pelaksanaan program biasiswa dan inisiatif berkaitan pendidikan lain pada masa hadapan sejajar dengan mandat kami untuk menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam dalam sistem kewangan negara. Inisiatif seumpama itu juga konsisten dengan falsafah kami iaitu berusaha sekarang demi manfaat masa hadapan. Kami juga akan terus menggalakkan kakitangan menyokong masyarakat dalam pelbagai aspek dan cara, sejajar dengan falsafah Tanggungjawab Sosial Korporat kami berkaitan dengan penglibatan dalam komuniti.



Bahagian 8:  
KALENDAR PERISTIWA

*Memupuk ikatan lebih akrab  
bersama mereka yang berada di  
sekeliling kami untuk kemajuan  
yang lebih gemilang...*

# KALENDAR PERISTIWA 2010



## JANUARI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
12 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
18 - 20 Januari	Goa, India	Persidangan Serantau Asia Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ( <i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i> ) Ke-8
19 Januari	Shah Alam, Selangor	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
22 - 25 Januari	Kuala Lumpur	Pameran di Ekspo MY 1Malaysia
26 Januari	Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
	Pulau Pinang	Taklimat Insurans Deposit kepada kakitangan Bank Negara Malaysia (BNM) di cawangan BNM
27 Januari	Universiti Kuala Lumpur, Kuala Lumpur	Pameran di Perniagaan Anda Bermula di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
27 Januari	Sungai Petani, Kedah	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
27 - 28 Januari	Selangor	Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM kepada Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Rumah Perlindungan Kanak-Kanak ( <i>Shelter Home For Children</i> ) dan Pertubuhan Pertolongan Wanita ( <i>Women's Aid Organisation</i> )
28 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Rancangan Kesenambungan Urusan bagi kakitangan PIDM



## FEBRUARI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
4 Februari	Kuala Lumpur	Dialog bersama Pegawai Perhubungan Bank Ahli
8 - 11 Februari	Basel, Switzerland	Mesyuarat Majlis Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap IADI
9 - 10 Februari	Basel, Switzerland	Penyampaian oleh PIDM di Seminar Institut Kestabilan Kewangan ( <i>Financial Stability Institute - FSI</i> ) IADI mengenai Isu-Isu Resolusi Perbankan Rentas Sempadan
12 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
18 Februari	Kuala Lumpur	Pameran di Majlis Pelancaran Pertandingan Kepenggunaan Hari Pengguna oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia ( <i>Federation of Malaysian Consumers Associations - FOMCA</i> )
23 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
24 - 25 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Program Pensijilan Latihan Bantuan Kecemasan bagi kakitangan PIDM

## MAC

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 - 5 Mac	Ottawa dan Toronto, Kanada	Lawatan Sambil Belajar ke <i>Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC)</i>
3 - 4 Mac	Tokyo, Jepun	Perbincangan Meja Bulat <i>Deposit Insurance Corporation of Japan (DICJ)</i> Ke-5
10 Mac	Johor Bahru, Johor	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin



## APRIL

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 April	Kuantan, Pahang	Pameran di Seminar Pendidikan Kewangan 2010
6 April	Seremban, Negeri Sembilan	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
7 April	Melaka	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
7 - 9 April	Warwick, United Kingdom	Penyampaian oleh PIDM di Simposium Menangani Krisis Sistemik
8 April	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
12 April	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah
13 April	Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
19 - 20 April	Kuching, Sarawak	Pameran di Minggu Saham Amanah Malaysia 2010
20 April	Shah Alam, Selangor	Permulaan Pelaksanaan Perintis Program Pendidikan PIDM (Projek PIDM MoneySmart) di SMK Bukit Jelutong
26 - 29 April	Cebu, Filipina	Penyampaian oleh PIDM di Persidangan Sidang Kemuncak Cebu mengenai Pengukuhan Sistem Insurans Deposit dalam Situasi Krisis dan Selepas Krisis



# KALENDAR PERISTIWA 2010

## MEI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
5 Mei	Sitiawan, Perak	Taklimat Insurans Deposit kepada Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
6 Mei	Kuala Lumpur	Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2009 Dialog Tahunan bersama Bank Ahli dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin Sidang Media
10 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
11 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat Media mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan
12 Mei	Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan bagi Bank Ahli, Syarikat Insurans dan Organisasi Industri
13 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
13 Mei	Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan bagi Institusi Kewangan Lain yang Dijamin, Firma Perakaunan, Firma Guaman dan Perunding
14 - 17 Mei	Awana, Pahang	Program Kerjasama Berpasukan PIDM
17 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan bagi Majlis Peguam
19 Mei	BNM, Kuala Lumpur	Penyampaian oleh PIDM bagi delegasi <i>Central Bank of Uganda</i> mengenai Pendidikan Kewangan dan Mekanisme Ganti Rugi
20 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Federal Reserve Bank of New York</i>
23 Mei	Petaling Jaya, Selangor	Pameran di Jerayawara FOMCA 2010

## JUN

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
2 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Memorandum Persefahaman (MOU) dan Perjanjian Perkhidmatan Perundingan Induk (MCSA) antara PIDM dengan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia ( <i>Islamic Banking and Finance Institute Malaysia - IBFIM</i> )
7 - 11 Jun	Mexico City, Mexico	Mesyuarat Majlis Eksekutif IADI dan Jawatankuasa Tetap dan Seminar mengenai Peranan Bank-Bank dalam Kestabilan dan Pertumbuhan Ekonomi
15 - 16 Jun	Manila, Filipina	Penyampaian oleh PIDM di Dialog Awam-Swasta Ke-6 <i>Southeast Asian Central Banks (SEACEN)</i> , Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik bagi Rantau Asia Pasifik (PECC)
18 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah



## JUN

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
21 - 25 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh Lembaga Pengarah <i>Nigeria Deposit Insurance Corporation (NDIC)</i> bagi Tadbir Urus Korporat, Rangka Kerja dan Sistem Insurans Deposit Islam
25 Jun	Kuala Lumpur	Rancangan bual bicara <i>The Breakfast Show</i> secara langsung di NTV7 dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM
25 - 27 Jun	Port Dickson, Negeri Sembilan	Program Luar Pejabat bagi Pengurusan Kanan PIDM
28 Jun	Kuala Lumpur	Rancangan bual bicara Selamat Pagi Malaysia secara langsung di RTM1 dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM
29 Jun	Kuala Lumpur	Rancangan bual bicara <i>The Lite Breakfast</i> secara langsung di Lite FM dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM
	Kuala Lumpur	Temu bual oleh The Star dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM
	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat kepada Kementerian Kewangan mengenai cadangan pindaan kepada Akta PIDM

## JULAI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 Julai	Kuala Lumpur	Program Induksi Biasiswa PIDM
2 Julai	Kuala Lumpur	Majlis Anugerah Program Biasiswa PIDM
8 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Perbincangan Kumpulan Fokus mengenai Skim Pampasan Insurans ( <i>Insurance Compensation Scheme - ICS</i> ) dengan FOMCA
12 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
12 Julai	Wilayah Persekutuan Putrajaya	Permulaan Pelaksanaan Penuh Projek PIDM MoneySmart di SMK Putrajaya, Presint 8(1)
12 - 16 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh NDIC bagi Sistem Insurans Deposit Islam
20 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Perbincangan Kumpulan Fokus mengenai ICS dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
27 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
29 - 30 Julai	Tanzania, Afrika	Persidangan dan Mesyuarat Serantau Afrika IADI



# KALENDAR PERISTIWA 2010



## OGOS

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 Ogos	Kuala Lumpur	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah
12 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Latihan Simulasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank
15 - 20 Ogos	Kuala Lumpur	Kursus SEACEN-IADI mengenai Resolusi Masalah Bank-Bank secara kerjasama dengan PIDM
16 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Sesi Lembaga Pengarah – Dana Sasaran
17 Ogos	Kuala Lumpur	Majlis Berbuka Puasa dengan Ahli Media
23 - 24 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Deposit Protection Fund Board of Kenya</i>
24 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Central Bank of Kenya</i>



## SEPTEMBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
14 - 20 September	Kuala Lumpur	Perpindahan pejabat PIDM dari 1 Sentral ke Quill 7, Kuala Lumpur
21 - 23 September	Jakarta, Indonesia	Mesyuarat Tiga Pihak mengenai Polisi Peralihan bagi Perlindungan Insurans Deposit
24 - 28 September	Tokyo, Jepun	Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Tahunan IADI Ke-9
27 September	Kuala Lumpur	Penyampaian oleh PIDM di Kursus SEACEN mengenai Persediaan Krisis dalam Pasaran Bersepadu
28 September	Kuala Lumpur	Majlis Pelancaran Projek PIDM MoneySmart
30 September	Kuala Lumpur	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah – Perancangan Strategik Majlis Jamuan Hari Raya PIDM bagi Institusi Kewangan dan Rakan Kongsi Strategik



## OKTOBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 Oktober	Kuala Lumpur	Majlis Jamuan Hari Raya bagi kakitangan PIDM
4 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
6 - 8 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Credit Guarantee Corporation of Nepal</i>
8 Oktober	Washington, USA	Mesyuarat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ( <i>Islamic Financial Services Board – IFSB</i> )

## OKTOBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
8 - 15 Oktober	Ottawa, Kanada	Lawatan Sambil Belajar ke CDIC
18 Oktober	Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik UMS
	Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada pegawai polis Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah
19 Oktober	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik UiTM
	Politeknik Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik Politeknik Kota Kinabalu
20 Oktober	Penampang, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada masyarakat tempatan di Penampang, Sabah
21 Oktober	Papar, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada masyarakat tempatan di Papar, Sabah
22 Oktober	Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada Tentera Laut Diraja Malaysia
22 - 24 Oktober	Kota Kinabalu, Sabah	Pameran Minggu Kesedaran Kewangan (M2K)



## NOVEMBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 November	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Bank of Thailand</i>
9 November	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
26 November	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
27 November	Kuala Lumpur	Majlis Makan Malam Tahunan Ke-4 PIDM
29 November	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Central Bank of Afghanistan</i>
30 November	Kuala Lumpur	Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010 dibentangkan bagi bacaan pertama di Dewan Rakyat



## DISEMBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Dialog bersama Pegawai Perhubungan Bank Ahli
6 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
9 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
13 - 17 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh NDIC dan <i>Deposit Protection Board of Zimbabwe</i> bagi Fungsi-Fungsi Pengauditan Berasaskan Risiko
15 Disember	Kuala Lumpur	Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010 diluluskan oleh Dewan Rakyat
22 Disember	Kuala Lumpur	Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010 diluluskan oleh Dewan Negara

## Lampiran

*Mencapai kejayaan yang lebih gemilang  
menerusi perkongsian pengetahuan...*



# LAMPIRAN

## PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

### A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa tadbir urus ditubuhkan.

### B. OBJEKTIF

Jawatankuasa Tadbir Urus (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan prinsip tadbir urus yang utuh dalam PIDM. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: pembangunan prinsip dan amalan tadbir urus yang berkesan; penilaian fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh PIDM; dan perancangan pengurusan penggantian.

### C. PRINSIP OPERASI

#### 1. Fungsi dan Komposisi

(a) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

(b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.

(c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

#### 2. Pengerusi

Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah kecuali pada masa dalam mesyuarat itu, Jawatankuasa membincangkan, mempertimbangkan dan / atau memutuskan mengenai perkara-perkara berhubung tempoh perkhidmatan, persaraan dan / atau perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah, yang mana, Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana satu daripada ahli-ahli lain yang hadir (bagi kes yang mana tiga ahli Jawatankuasa hadir dalam mesyuarat itu) atau oleh seorang ahli lain yang hadir (bagi kes yang mana dua ahli Jawatankuasa hadir dalam mesyuarat itu). Dalam keadaan demikian, ahli Jawatankuasa yang mempengerusikan mesyuarat tersebut semasa Jawatankuasa membincangkan, mempertimbangkan dan / atau memutuskan mengenai perkara-perkara yang berhubung tempoh perkhidmatan, persaraan dan / atau perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah mempunyai undi kedua sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi.

#### 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

#### 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian di sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

#### 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

#### 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit prosiding Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

#### 7. Keperluan dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun.

#### 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

#### 9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

#### 10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

#### 11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

#### 12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

#### 13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini sekurang-kurangnya sekali setahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan bagi kelulusan Lembaga Pengarah.

#### 14. Penilaian Kendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

#### 15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

#### 16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa memperoleh khidmat penasihat luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

### D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

#### 1. Pengawasan Tadbir Urus Korporat

(a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula pendekatan PIDM terhadap isu tadbir urus pada setiap tahun dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan kajian semula garis panduan tadbir urus PIDM. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.

(b) Memastikan terdapat sistem yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai, yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM dan bertanggungjawab bagi pentadbiran berterusan sistem tersebut.

(c) Mengkaji semula mandat PIDM sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

(d) Mengikuti perkembangan mutakhir mengenai tadbir urus korporat untuk memastikan amalan urus tadbir PIDM adalah selaras dengan amalan terbaik.

(e) Melaksanakan inisiatif tadbir urus lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi pengarah dan pengawasan yang berkesan supaya dapat menyumbang kepada tadbir urus dan pengurusan utuh PIDM.

#### 2. Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

(a) Menilai keperluan Lembaga Pengarah dari segi kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat, dan perjalanan mesyuarat serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu, melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif.

(b) Membangunkan, mengesyorkan dan mengkaji semula mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada setiap tahun untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

(c) Membangunkan suatu proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.

(d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah suatu kaedah untuk menilai secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan melaksanakannya pada setiap tahun serta mengesyorkan sebarang perubahan wajar yang berbangkit.

#### 3. Pencalonan Lembaga Pengarah

(a) Membangunkan, mengesyorkan dan membuat semakan pada setiap tahun kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil ahli Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, kemahiran dan ciri-ciri seseorang pengarah bagi memenuhi tanggungjawab dengan berkesan dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik PIDM.

(b) Mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang menepati profil dan mengemaskinkan senarai tersebut secara tetap.

(c) Mempertimbangkan profil terkini yang disyorkan dan mengemaskinkannya jika perlu apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah serta menyediakan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon untuk mengisi kekosongan tersebut untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat cadangan kepada Menteri.

(d) Membangunkan dan melaksanakan suatu strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.

(e) Mengkaji semula secara berkala program ganjaran ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.

(f) Mengkaji semula, memantau dan membuat cadangan mengenai orientasi, latihan dan pembangunan berterusan ahli Lembaga Pengarah.

#### 4. Perancangan Pengurusan Penggantian

Mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta membuat cadangan mengemaskininya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

#### 5. Pelaporan dan Pendedahan

Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk mengemukakan mana-mana laporan tentang tadbir urus yang perlu atau dianggap wajar didedahkan secara umum.

# LAMPIRAN

## PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

### A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa ganjaran ditubuhkan.

### B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pelantikan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: sumber manusia dan perihal ganjaran; perancangan pengurusan penggantian secara amnya; kajian semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pelaksanaan penilaian tahunan; serta dasar dan proses berhubung amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan.

### C. PRINSIP OPERASI

#### 1. Fungsi dan Komposisi

(a) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

(b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.

(c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

#### 2. Pengerusi

Pengerusi haruslah dipengerusikan oleh salah seorang ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

#### 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

#### 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

#### 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

#### 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila diluluskan oleh Jawatankuasa.

#### 7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun.

#### 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

#### 9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa beserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

#### 10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

#### 11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

#### 12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

#### 13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

#### 14. Penilaian Kendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

#### 15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan secara umum.

#### 16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

# LAMPIRAN

### D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

#### 1. Dasar dan Strategi

(a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.

(b) Jawatankuasa hendaklah mengkaji falsafah ganjaran PIDM dan dasar yang berkaitan serta membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.

(c) Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar dan prosedur yang berterusan, bersesuaian dan berkesan mengenai amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan serta hendaklah mengkaji semula dasar dan kod serta membuat syor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

#### 2. Pematuhan dan Laporan

Jawatankuasa hendaklah mengkaji laporan mengenai:

(a) pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar utama korporat berhubung hal sumber manusia pada setiap tahun; dan

(b) pematuhan terhadap polisi berkenaan amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat permohonan kepada pihak Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul perkara yang memerlukan pengemukaan laporan.

#### 3. Hal yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula sebarang perkara berhubung sumber manusia dan perihal ganjaran yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

#### 4. Laporan kepada Lembaga Pengarah

Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai sumber manusia dan perihal ganjaran serta prestasi pihak Pengurusan dalam hal ini.

#### 5. Pemberian Bonus

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan meluluskan pemberian bonus kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

#### 6. Objektif dan Penilaian Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah:

(a) Mengkaji semula pernyataan objektif tahunan untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan

(b) Mengkaji semula prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan penilaian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dengan mengambil kira pernyataan objektif dan sebarang faktor lain yang relevan. Sekiranya ada, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai ganjaran dan bonus Ketua Pegawai Eksekutif.

#### 7. Aduan

Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai perantara hubungan awal pada peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme resolusi yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya dibawa ke hadapan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau dasar lain Lembaga Pengarah.

# LAMPIRAN

## PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

### A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa audit ditubuhkan.

### B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: integriti penyata kewangan PIDM; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; pelaksanaan fungsi audit dalaman PIDM; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama PIDM; dan pematuhan PIDM kepada polisi yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalseliaan.

### C. PRINSIP OPERASI

#### 1. (a) Fungsi dan Komposisi

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.

#### (b) Kecekapan

Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:

(i) arif dalam bidang kewangan semasa pelantikan iaitu, mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau

(ii) memperoleh pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Tertakluk kepada kepakaran yang ada, sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan. "Kepakaran kewangan" bermaksud seseorang yang mempunyai ciri-ciri berikut: latar belakang dalam bidang perakaunan atau pengalaman berkaitan pengurusan kewangan termasuk sebarang pengalaman atau latar belakang yang memperlihatkan pengetahuan kewangan individu itu, termasuk menjadi atau pernah menjadi seorang juruaudit, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan atau pegawai kanan lain yang bertanggungjawab menyelia urusan kewangan.

Jika perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan, perakaunan dan bidang lain yang berkaitan dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada PIDM serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

#### 2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

#### 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

#### 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

#### 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

#### 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila diluluskan oleh Jawatankuasa.

#### 7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setiap tahun.

#### 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

#### 9. Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara, menurut Akta Audit 1957 (Pindaan 1972) (Akta 62):

(i) berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan

(ii) boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa.

#### 10. Mesyuarat Sulit

Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan ketua fungsi audit dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.

# LAMPIRAN

### 11. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

### 12. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

### 13. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

### 14. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

### 15. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kesesuaian Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan ini untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

### 16. Penilaian Kendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

### 17. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan secara umum.

### 18. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa memperoleh khidmat penasihat luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

## D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

### 1. Nasihat dan Syor kepada Lembaga Pengarah

Jawatankuasa bergantung pada kepakaran pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman PIDM dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa tidak menjalankan audit dalaman, ia memantau audit yang dibuat dan menyemak laporan serta membuat siasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

### 2. Penyiasatan

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan PIDM bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dilakukan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya.

### 3. Pelaporan Kewangan

Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan penyeliaannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan PIDM serta laporan Perbincangan dan Analisis pihak Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan membuat kajian semula yang sewajarnya ke atas penyediaan dan penyebaran maklumat kewangan bukan umum yang penting. Kajian semula dibuat sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun dan harus merangkumi perbincangan dengan pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting tentang prinsip perakaunan, dasar perakaunan PIDM serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh pihak Pengurusan, termasuk isu kualiti dan kebolehterimaan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Selain pendedahan umum penyata kewangan tahunan PIDM, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa terdapat prosedur yang mencukupi bagi kajian semula pendedahan umum maklumat kewangan PIDM yang diperoleh daripada penyata kewangan PIDM dan hendaklah menilai kesesuaian prosedur tersebut secara berkala.

### 4. Proses Pelaporan Kewangan, Dasar Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman

Pihak Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, penyampaian dan integriti penyata kewangan PIDM dan penyenggaraan prinsip, dasar, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan dan undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapat pandangan pihak Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki kualiti prinsip perakaunan PIDM yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya, mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan PIDM, dan menyiasat situasi yang mana nasihat Ketua Audit Negara berkenaan perihal perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam penyediaan proses pelaporan kewangan PIDM termasuklah:

(a) menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan PIDM;

## LAMPIRAN

## PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

- (b) menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;
- (c) mengkaji perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan PIDM sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau pihak Pengurusan;
- (d) memastikan bahawa pihak Pengurusan mempunyai dasar dan prosedur berkaitan kawalan dalaman yang mematuhi undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman PIDM; dan mengkaji semula laporan berkaitan daripada pihak Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;
- (e) mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan PIDM;
- (f) mengkaji proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan PIDM;
- (g) mengkaji semula rancangan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan rancangan audit serta menentukan sama ada PIDM menerima liputan audit dan usaha keseluruhan yang sewajarnya, berpuas hati bahawa Ketua Audit Negara telah mempertimbangkan hasil kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah boleh mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah berpuas hati bahawa skop audit tidak terhad dalam apa-apa cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diliputi dengan secukupnya;
- (h) mengkaji semula dan memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
- (i) memantapkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh pihak Pengurusan dan sebarang kerumitan yang dihadapi semasa kajian atau audit, termasuklah apa-apa sekatan ke atas skop atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
- (j) melalui penyeliaan ke atas fungsi audit dalaman, berpuas hati bahawa PIDM menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
  - (i) aset PIDM dilindungi dan terkawal;
  - (ii) transaksi PIDM adalah mengikut kehendak Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), peruntukan perundangan, arahan, pekelling atau garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan

- (iii) sumber kewangan, manusia dan fizikal PIDM diuruskan dengan cermat dan efisien dan operasi PIDM dijalankan dengan berkesan.

**5. Pengawasan Pengurusan Kewangan dan Strategik**

- (a) Rancangan Korporat dan Bajet Modal Operasi – semakan semula dan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan Rancangan Korporat Perbadanan dan memantau serta memaklumkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan prestasi pihak Pengurusan berbanding rancangan tersebut.
- (b) Pembiayaan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh PIDM melalui sekuriti hutang PIDM atau selainnya.
- (c) Pelaburan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.
- (d) Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai – menerima laporan daripada pihak Pengurusan dan menyemak laporan daripada fungsi audit dalaman dan / atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai PIDM.

**6. Fungsi Audit Dalaman**

Fungsi audit dalaman adalah untuk menyasiat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan pihak Pengurusan tentang buku akaun dan rekod PIDM; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi PIDM dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.

Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas bagi melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa, dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.

Jawatankuasa bertanggungjawab bagi pengawasan kerja fungsi audit dalaman serta pampasan dan pengawasan Ketua Juruaudit Dalaman. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Juruaudit Dalaman dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan penamatan perkhidmatan dengannya.

Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:

- (a) mengkaji semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;
- (b) menilai keupayaan fungsi audit dalaman;
- (c) mengkaji semula kebebasan fungsi audit dalaman dan struktur pelaporannya;

- (d) mengkaji rancangan fungsi audit dalaman, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;
- (e) mengkaji prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap rancangan audit dan bajetnya;
- (f) mengkaji laporan fungsi audit dalaman;
- (g) memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;
- (h) memastikan koordinasi fungsi audit dalaman dengan audit Ketua Audit Negara dan pemeriksaan khas tahunan dan mengkaji operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.

**7. Pengurusan Risiko**

Fungsi pengurusan risiko organisasi menyediakan nasihat bebas, memantau dan menenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan, menggalakkan pengurusan efektif bagi semua kategori risiko dan memupuk serta mengekalkan budaya risiko efektif dalam operasi Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko, sebagai ketua fungsi pengurusan risiko organisasi, bertanggungjawab melaksana, membangun dan menenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi bagi Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa berhubung semua aktiviti pengurusan risiko organisasi dan hasil proses pengurusan risiko organisasi, iaitu, pengenalanpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi juga menyediakan penilaian bebas berhubung keupayaan pengurusan risiko Perbadanan, dan mengesyorkan cadangan untuk menambah baik keupayaan ini, mengikut kesesuaian. Ketua Pegawai Risiko bertanggungjawab membuat pelaporan secara tetap kepada Jawatankuasa serta kepada Lembaga Pengarah.

Bagi menunaikan tanggungjawabnya dengan efektif, Ketua Pegawai Risiko memerlukan status bebas, justeru, melapor secara fungsian terus kepada Jawatankuasa dan melapor daripada segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan bahawa Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada antara satu sama lain secara langsung.

Jawatankuasa juga bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi pengurusan risiko organisasi dan bagi prestasi dan pengawasan Ketua Pegawai Risiko, dan perlu memastikan fungsi pengurusan risiko organisasi mempunyai sumber yang berkualiti dan mencukupi, bagi memenuhi peranannya. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Risiko dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan penamatan perkhidmatan dengannya.

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) memastikan bahawa dasar, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;
- (b) menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan magnitud risiko penting yang dihadapi oleh PIDM;
- (c) mengkaji semula bersama pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang dasar dan garis panduan yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko PIDM, serta mengkaji semula dasar dan garis panduan itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;
- (d) mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa dasar dan garis panduan pengurusan risiko penting PIDM dipatuhi;
- (e) melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko penting; pelan dan kawalan mitigasi bagi menguruskan risiko penting; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;
- (f) mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam PIDM dan menilai prestasi Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu; dan
- (g) meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko pihak Pengurusan.

**8. Pematuhan Etika dan Undang-Undang**

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) mengkaji semula bersama penasihat PIDM sebarang perkara perundangan yang boleh memberikan kesan ketara kepada penyata kewangan PIDM;
- (b) memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekalan reputasi PIDM dengan menerima laporan tentang pematuhan dasar atau kod amalan urusan dan etika kelakuan PIDM daripada pihak Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada PIDM; dan dengan mengkaji mana-mana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan / atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang kajian pematuhan;

## LAMPIRAN

## PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

- (c) memastikan terdapat sistem bagi memantau pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa PIDM mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;
- (d) menyemak hasil penyiasatan pihak Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau perkara perakaunan yang boleh dipersoalkan;
- (e) memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi (i) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau perkara berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan; (ii) pengemukaan rahsia dan tanpa nama, mengikut dasar korporat yang mantap oleh kakitangan PIDM berkaitan perkara perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan PIDM. Jawatankuasa juga memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan
- (f) menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau pengarah PIDM atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang dilantik untuk melaksanakan audit penyata kewangan PIDM bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan mengambil atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya jika dakwaan itu dibuktikan benar.

## LAMPIRAN

## Kad Skor Korporat 2011 - 2013

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran			
		2011	2012	2013	
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam: a. Kesedaran umum mengenai PIDM b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	35% 30% 10%	40% 35% 15%	45% 40% 20%
		2. Interaksi dan responsif terhadap keperluan pemegang kepentingan	Tahap responsif 100%	Tahap responsif 100%	Tahap responsif 100%
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu b. Program pendidikan c. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula Dilaksanakan	Disempurnakan Dilaksanakan dan dipantau -	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula -
	B Perkongasian efektif	4. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institut ahli c. Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi utama d. Penginsurans deposit yang lain e. Pemegang kepentingan yang lain	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan
		5. Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
Tadbir Urus dan Proses Dalam	C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah bagi membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi
		7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah: i. Risiko Strategik dan Tadbir Urus ii. Risiko Operasi iii. Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan b. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan Penyertaan aktif	Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Dibangunkan dan dilaksanakan Penyertaan aktif	Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Penyertaan aktif
	D Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Polisi Dilindungi: i. Mengkaji semula dan mempertingkatkan peraturan-peraturan dan perintah bagi Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi sistem insurans deposit ii. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan insurans: a(ii)(1). Premium dinilai terhadap syarikat insurans a(ii)(2). Garis panduan bagi Penyata Jumlah Polisi Dilindungi: Pengiraan Jumlah Polisi Dilindungi, Premium dan Penyediaan Penyata a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi a(ii)(4). Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza a(ii)(5). Garis panduan Sistem Premium Berbeza dan peraturan-peraturan a(ii)(6). Pengesahan juruaudit luaran terhadap garis panduan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	Dibangunkan dan dilaksanakan Dilaksanakan Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan Dikaji selidik dan dibangunkan - -	- - Dilaksanakan Dibangunkan Dirunding Dikaji selidik dan dibangunkan	Kajian semula dan dipertingkatkan - Kajian semula dan dipertingkatkan - Dilaksanakan Dilaksanakan Dilaksanakan

## LAMPIRAN

## KAD SKOR KORPORAT 2011 - 2013

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran			
		2011	2012	2013	
D Tadbir Urus dan Proses Dalam	Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	b. Pengukuhan berterusan bagi Metodologi serta Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko:			
		i. Bank-bank	Kajian semula dan dilaksanakan	Dibangunkan dan kajian semula	Kajian semula dan dilaksanakan
		ii. Syarikat insurans dan pengendali takaful			
		b(i)(1). Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko	Dibangunkan dan dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	Kajian semula dan dipertingkatkan
		b(i)(2). Sistem Penilaian Risiko Insurans	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dibangunkan dan dilaksanakan
		c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal bagi bank-bank	Dikaji selidik dan dibangunkan	Dibangunkan dan disahkan	Dilaksanakan
		d. Komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk proses, polisi dan prosedur:			
		i(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen terakhir bagi bank-bank	Disempurnakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	Kajian semula dan dipertingkatkan
		i(2). Membangunkan dan melaksanakan Sistem dan Model Kos Paling Minimum ( <i>Least Cost</i> )	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dibangunkan dan dilaksanakan
		ii(1). Mengkaji pindaan yang diperlukan kepada polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful	Dibangunkan	Disempurnakan	Kajian semula dan dipertingkatkan
		e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dividen dan peraturan-peraturan bagi bank-bank:			
		i. Garis panduan / peraturan-peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dibangunkan dan dilaksanakan	-	-
		ii. Surcaj premium	Dibangunkan dan dilaksanakan	-	-
		iii. Mengkaji selidik piawaian amalan urusan dan kewangan mantap bagi bank ahli	Disempurnakan	-	-
		f. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:			
		i. Terma dan syarat keahlian	Dibangunkan	Dilaksanakan	-
		ii. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan
g. Menjalankan simulasi bagi:					
i. Pembayaran Balik Deposit	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan		
ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan		
h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:					
i. Fasa 2 – Menyepadukan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan	Dilaksanakan	-		
ii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	-	-	Dikaji selidik		
i. Membangunkan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	Kajian semula dan dipertingkatkan		
j. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:					
i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan		
ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan		
iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemegang Polisi	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan		
iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran	-	Dikaji selidik	Dibangunkan		
k. Program pematuhan institusi ahli	Dibangunkan	Dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan		

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran			
		2011	2012	2013	
E Tadbir Urus dan Proses Dalam	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi: a. Laporan Tahunan b. Rancangan Korporat	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan
		10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
		11. Pematuhan Kawalan Dalam	Kukuh	Kukuh	Kukuh
		12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	75%	75%
		13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Sistem berkaitan perakaunan kewangan dan proses penakrifan dan peningkatan	Dibangunkan dan dilaksanakan Disempurnakan	Dilaksanakan	-
		b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan bagi Fasa 1 – Pinjaman Kerajaan, Fasa 2 – Pembiayaan daripada pasaran modal	-	-	-
		c. Melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi bank-bank	Disempurnakan	-	-
		d. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
		e. Rancangan Kesinambungan Urusan	Kajian semula dan diuji	Kajian semula dan diuji	Kajian semula dan diuji
		f. Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Kajian semula dan diuji	Kajian semula dan diuji	Kajian semula dan diuji
		g. Sistem Pengurusan Maklumat Korporat:			
		i. Fasa 2: Pengukuhan	Dibangunkan dan dipertingkatkan Dibangunkan dan dilaksanakan	-	-
		ii. Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet	Dibangunkan dan dilaksanakan	-	-
		h. Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat:			
		i. Fasa 1(a): Keselamatan Maklumat	Dibangunkan	Dilaksanakan	-
		ii. Fasa 1(b): Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital	Dilaksanakan	-	-
iii. Fasa 2: Akses Terpencil	-	Dibangunkan dan dilaksanakan	-		
i. Sistem Maklumat Eksekutif:					
i. Fasa 1: Kaji Selidik	-	Dikaji selidik	-		
ii. Fasa 2: Papan Pemuka Korporat	-	-	Dibangunkan		
F Pembelajaran dan Pembangunan	Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan kakitangan tahunan	Dibangunkan	Dilaksanakan	-
		15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Meneruskan pelaksanaan model kecekapan	Dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	Kajian semula dan dipertingkatkan
b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan:					
i. Fasa 1: Rangka kerja Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan dan dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan	-		
ii. Fasa 2: Polisi dan proses Pengurusan Pengetahuan	-	Dibangunkan	Dilaksanakan		
G Persekitaran korporat yang kondusif	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	75%	-	75%
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan		

## LAMPIRAN

### SENARAI INSTITUSI AHLI

Pada 1 Februari 2011, institusi ahli PIDM adalah seperti berikut:

#### Bank Perdagangan (23)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. CIMB Bank Berhad
9. Citibank Berhad\*
10. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad\*
11. EON Bank Berhad
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
15. Malayan Banking Berhad
16. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
17. Public Bank Berhad
18. RHB Bank Berhad
19. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
20. The Bank of Nova Scotia Berhad
21. The Royal Bank of Scotland Berhad
22. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
23. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad

\* institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam

#### Bank Islam (17)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al-Rajhi Banking and Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. Amlslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. EONCAP Islamic Bank Berhad
10. Hong Leong Islamic Bank Berhad
11. HSBC Amanah Malaysia Berhad
12. Kuwait Finance House (M) Berhad
13. Maybank Islamic Berhad
14. OCBC Al-Amin Bank Berhad
15. Public Islamic Bank Berhad
16. RHB Islamic Bank Berhad
17. Standard Chartered Saadiq Berhad

#### Syarikat Insurans (36)

1. ACE Synergy Insurance Berhad
2. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
3. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
4. American International Assurance Bhd.
5. AmG Insurance Berhad
6. AmLife Insurance Berhad
7. AXA Affin General Insurance Berhad
8. AXA Affin Life Insurance Berhad
9. Berjaya Sampo Insurance Berhad
10. Chartis Malaysia Insurance Berhad
11. CIMB Aviva Assurance Berhad
12. Etiqa Insurance Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. ING Insurance Berhad
16. Jerneh Insurance Berhad
17. Kurnia Insurance (Malaysia) Berhad
18. Lonpac Insurance Berhad
19. Malaysian Assurance Alliance Berhad
20. Manulife Insurance Berhad
21. MCIS Zurich Insurance Berhad
22. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
23. MUI Continental Insurance Berhad
24. Multi-Purpose Insurans Berhad
25. Oriental Capital Assurance Berhad
26. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
27. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
28. Progressive Insurance Berhad
29. Prudential Assurance Malaysia Berhad
30. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
31. RHB Insurance Berhad
32. The Pacific Insurance Berhad
33. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
34. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
35. Uni.Asia General Insurance Berhad
36. Uni.Asia Life Assurance Berhad

#### Pengendali Takaful (10)

1. AIA AFG Takaful Bhd.
2. CIMB Aviva Takaful Berhad
3. Etiqa Takaful Berhad
4. Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.
5. Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad
6. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
7. MAA Takaful Berhad
8. Prudential BSN Takaful Berhad
9. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
10. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

## LAMPIRAN

### SOALAN LAZIM

#### INSURANS DEPOSIT

##### 1. Apakah insurans deposit?

Insurans deposit ialah satu sistem yang melindungi pendeposit, sama ada individu atau entiti perniagaan, daripada kehilangan wang deposit diinsuranskan yang disimpan di bank-bank ahli sekiranya berlaku kegagalan bank. Sistem insurans deposit di Malaysia ditadbir oleh PIDM.

##### 2. Bank-bank yang manakah merupakan bank ahli PIDM?

Bank-bank ahli PIDM ialah semua bank perdagangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983, termasuk bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia. Keahlian adalah wajib mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).

Senarai bank yang merupakan bank ahli PIDM boleh diperolehi sama ada dengan menghubungi PIDM di talian 1-800-88-1266 atau menerusi laman web PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my). Sila perhatikan tanda keahlian ini di semua pintu masuk cawangan bank anda.



##### 3. Perlukah saya memohon atau mendaftar bagi perlindungan insurans deposit?

Tidak, anda tidak perlu memohon atau mendaftar bagi perlindungan ini. Insurans deposit disediakan secara automatik bagi akaun deposit yang layak.

##### 4. Apakah had perlindungan insurans deposit saya?

Deposit anda yang layak diinsuranskan dilindungi sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli. Had RM250,000 ini termasuk amaun prinsipal deposit dan juga faedah / pulangan.

##### 5. Bolehkah saya beli insurans tambahan bagi deposit saya sekiranya deposit saya melebihi RM250,000?

Tidak. Insurans deposit bukan produk insurans am dan hayat. Perlindungan ini disediakan oleh Kerajaan menerusi PIDM.

##### 6. Apakah jenis deposit yang layak bagi insurans deposit?

Deposit yang layak termasuk akaun semasa, akaun simpanan, deposit tetap dan deposit mata wang asing.

##### 7. Apakah jenis deposit yang TIDAK dilindungi?

Deposit yang tidak boleh dibayar di Malaysia, deposit pasaran wang, instrumen deposit boleh niaga, deposit pembawa lain dan perjanjian pembelian semula tidak dilindungi oleh PIDM.

##### 8. Adakah saham amanah layak mendapat perlindungan insurans deposit?

Tidak. Saham amanah tidak layak mendapat perlindungan insurans deposit.

##### 9. Bagaimanakah saya boleh ketahui sekiranya deposit saya layak mendapat perlindungan insurans deposit?

Bank ahli sepatutnya memaklumkan kepada anda sama ada sesuatu produk deposit layak atau tidak layak mendapat perlindungan insurans deposit sebelum anda menyimpan wang di bank tersebut. Semua produk deposit yang layak mendapat perlindungan insurans deposit disenaraikan dalam satu daftar senarai yang boleh didapati di bank ahli.

Keperluan ini adalah sejajar dengan Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 bagi memastikan bank-bank ahli menyediakan maklumat yang tepat, relevan dan terkini mengenai perlindungan insurans deposit dan skop perlindungan.

##### 10. Adakah deposit Islam dan konvensional dilindungi secara berasingan?

Ya. Deposit Islam dan konvensional layak bagi had perlindungan yang berasingan sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.

##### 11. Jika saya mempunyai deposit dalam beberapa bank ahli, adakah semua deposit saya akan dijumlahkan bagi tujuan perlindungan insurans deposit?

Tidak. Deposit anda di bank ahli yang berbeza dilindungi secara berasingan sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.

##### 12. Sekiranya saya mempunyai deposit dalam beberapa cawangan sesebuah bank ahli, adakah semua deposit saya akan dilindungi secara berasingan?

Tidak. Deposit yang disimpan dalam cawangan berbeza sesebuah bank ahli akan dijumlahkan bagi tujuan perlindungan insurans deposit.

##### 13. Adakah terdapat akaun yang dilindungi secara berasingan?

- **Akaun bersama** – Akaun bersama mendapat perlindungan insurans deposit secara berasingan asalkan rekod bank ahli menyenaraikan nama pemegang-pemegang akaun bersama.

- **Akaun amanah** – Bagi akaun amanah, benefisiari boleh mendapat perlindungan secara berasingan sekiranya pemegang amanah mengemukakan kepentingan setiap benefisiari dan amaun yang tertakluk kepada setiap benefisiari pada rekod bank ahli. Setiap benefisiari dilindungi sehingga RM250,000 secara berasingan daripada deposit diinsuranskan mereka yang lain.

- **Akaun perniagaan milikan tunggal, perkongsian atau praktik profesional (contohnya, arkitek atau doktor gigi)** – Akaun-akaun ini juga dilindungi secara berasingan sehingga had RM250,000.

## LAMPIRAN

### SOALAN LAZIM

Contoh ini menjelaskan perlindungan insurans deposit berasingan bagi pendeposit yang memegang beberapa akaun dalam sesebuah bank ahli:

PENDEPOSIT	JENIS DEPOSIT	AMAUN (RM)	DILINDUNGI (RM)
Ahmad	Simpanan	300,000	250,000
Ahmad dan isteri	Semasa	300,000	250,000
Ahmad, isteri dan anak perempuan	Simpanan	250,000	250,000
Ahmad, Leong & Co. (firma guaman)	Semasa	200,000	200,000
Ahmad & Ali Sdn. Bhd.	Semasa	50,000	50,000
<b>Jumlah deposit</b>		<b>1,100,000</b>	
<b>Jumlah deposit dilindungi</b>			<b>1,000,000</b>

#### 14. Apakah yang akan berlaku kepada deposit saya sekiranya dua bank ahli bergabung?

Anda akan terus menikmati perlindungan insurans deposit berasingan bagi tempoh dua tahun atau selepas kematangan atau sehingga pengeluaran deposit, yang mana lebih awal.

#### 15. Sekiranya berlaku kegagalan bank ahli, bagaimana saya boleh membuat tuntutan insurans deposit?

Anda tidak perlu membuat sebarang tuntutan. PIDM akan membuat pengumuman mengenai pembayaran balik wang deposit yang dilindungi. Pembayaran balik deposit akan dibuat berdasarkan rekod pendeposit daripada bank ahli.

#### 16. Saya seorang bukan pemastautin Malaysia. Adakah deposit saya dilindungi?

Tempat tinggal atau kewarganegaraan anda tidak menjejaskan perlindungan insurans deposit. Deposit yang disimpan di bank ahli PIDM akan dilindungi sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.

#### 17. Adakah deposit dalam cawangan dan anak syarikat bank-bank domestik yang beroperasi di luar Malaysia dilindungi?

Tidak, tetapi deposit itu mungkin dilindungi oleh skim perlindungan atau insurans deposit beroperasi di negara cawangan atau anak syarikat tersebut.

### SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS


#### 1. Apakah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah sistem yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi melindungi anda daripada kehilangan manfaat takaful dan insurans yang layak sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Sekiranya ahli penginsurans mengalami kegagalan dan tidak dapat memenuhi tuntutan manfaat takaful atau insurans yang dilindungi di bawah sistem ini, PIDM akan membuat pembayaran kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans.

#### 2. Pengendali takaful dan syarikat insurans yang manakah merupakan ahli penginsurans PIDM?

Ahli penginsurans PIDM ialah semua pengendali takaful berlesen di bawah Akta Takaful 1984 bagi menjalankan urusan niaga takaful keluarga dan / atau am di Malaysia, serta syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 bagi menjalankan urusan niaga insurans hayat dan / atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib mengikut peruntukan Akta PIDM.

Senarai pengendali takaful dan syarikat insurans yang merupakan institusi ahli penginsurans PIDM boleh diperolehi sama ada dengan menghubungi PIDM di talian **1-800-88-1266** atau menerusi laman web PIDM di **www.pidm.gov.my**. Sila perhatikan tanda keahlian ini di semua pintu masuk pejabat pengendali takaful atau syarikat insurans anda.



#### 3. Perlukah saya memohon atau mendaftar bagi perlindungan manfaat takaful dan insurans?

Tidak, anda tidak perlu memohon atau mendaftar bagi perlindungan ini. Anda dilindungi secara automatik bagi manfaat takaful atau insurans yang layak.

#### 4. Adakah semua pemilik sijil takaful dan polisi insurans layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Pemilik sijil takaful atau polisi insurans yang layak mendapat perlindungan di bawah sistem ini termasuk individu, perniagaan milikan tunggal, perkongsian, kesatuan sekerja, persatuan berdaftar, koperasi, badan amal berdaftar dan perbadanan.

#### 5. Apakah manfaat takaful dan insurans yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans? Apakah had dan skop perlindungan di bawah sistem ini?

Manfaat takaful dan insurans dilindungi di bawah sistem ini

TAKAFUL KELUARGA DAN INSURANS HAYAT	
MANFAAT DILINDUNGI	HAD PERLINDUNGAN MAKSIMUM (INDIVIDU ATAU POLISI / PELAN KUMPULAN)
Kematian dan manfaat berkaitan	RM500,000
Hilang upaya kekal	RM500,000
Penyakit kritikal	RM500,000
Pendapatan hilang upaya	RM10,000 sebulan
Pendapatan anuiti	RM10,000 sebulan
Perbelanjaan perubatan	100% perbelanjaan ditanggung
Premium prabayar boleh bayar balik	100% amaun prabayar

TAKAFUL AM DAN INSURANS AM	
MANFAAT DILINDUNGI	HAD PERLINDUNGAN MAKSIMUM (POLISI / PELAN)
Kehilangan atau kerosakan harta	RM500,000 bagi setiap harta
Kematian dan manfaat berkaitan	RM500,000
Hilang upaya kekal	RM500,000
Penyakit kritikal	RM500,000
Pendapatan hilang upaya	RM10,000 sebulan
Perbelanjaan perubatan	100% perbelanjaan ditanggung
Premium prabayar boleh bayar balik	100% amaun prabayar
Tuntutan pihak ketiga juga dilindungi di bawah sistem ini tertakluk kepada had di atas	

Untuk layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, sijil takaful atau polisi insurans mesti dikeluarkan di Malaysia oleh ahli penginsurans dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Untuk maklumat lanjut berkenaan skop dan had perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, sila hubungi PIDM di talian **1-800-88-1266** atau layari **www.pidm.gov.my**

#### 9. Bagaimanakah saya boleh ketahui jumlah perlindungan saya sekiranya saya membeli beberapa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat bagi diri saya dan ahli keluarga saya?

Setiap orang yang diinsuranskan dilindungi secara berasingan. Ini bermakna sekiranya anda membeli beberapa sijil takaful atau polisi insurans bagi beberapa ahli keluarga daripada ahli penginsurans yang sama, anda akan dilindungi berdasarkan setiap ahli keluarga yang diinsuranskan. Anda boleh merujuk kepada contoh ini:

*Encik Tan dan isteri membeli beberapa polisi insurans hayat bagi ahli keluarga mereka daripada ahli penginsurans yang sama.*

PEMILIK POLISI: ENCIK TAN		PEMILIK POLISI: PUAN TAN	
ORANG YANG DIINSURANSKAN	AMAUN DIINSURANSKAN (RM)	ORANG YANG DIINSURANSKAN	AMAUN DIINSURANSKAN (RM)
Polisi 1 - Anak lelaki (Adam)	200,000	Polisi 4 - Anak lelaki (Adam)	100,000
Polisi 2 - Anak perempuan (Alice)	150,000	Polisi 5 - Anak lelaki (Adam)	50,000
Polisi 3 - Encik Tan	600,000	Polisi 6 - Puan Tan	400,000
<b>Senario 1: Kematian Adam</b>			
Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Encik Tan		RM200,000 (Polisi 1)	
Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Puan Tan (RM100,000 + RM50,000)		RM150,000 (Polisi 4 dan 5)	
<b>Jumlah amaun boleh dituntut di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</b>		<b>RM350,000</b>	
<b>Senario 2: Kematian Encik Tan</b>			
Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Encik Tan		RM600,000 (Polisi 3)	
<b>Jumlah amaun boleh dituntut di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</b>		<b>RM500,000*</b>	

\* Had perlindungan maksimum di bawah sistem tersebut

## LAMPIRAN

### SOALAN LAZIM

#### 10. Bolehkah saya membeli insurans tambahan untuk mendapatkan lebih perlindungan bagi manfaat takaful atau insurans saya?

Tidak. Perlindungan bagi manfaat takaful dan insurans anda di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bukan seperti polisi insurans atau takaful komersil yang boleh dibeli. Perlindungan ini disediakan oleh Kerajaan menerusi PIDM. Anda tidak perlu mendaftar atau memohon bagi perlindungan ini kerana ia disediakan secara automatik bagi manfaat takaful atau insurans yang layak.

#### 11. Apakah yang akan berlaku kepada sijil takaful atau polisi insurans saya sekiranya dua ahli penginsurans bergabung?

Anda akan terus menikmati perlindungan manfaat takaful atau insurans secara berasingan sehingga semua kewajipan ahli penginsurans dipenuhi, termasuk kejadian peristiwa tuntutan, kematangan atau serahan sijil takaful atau polisi insurans tersebut.

#### 12. Sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans, bagaimana saya boleh membuat tuntutan bagi manfaat takaful atau insurans saya yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Sekiranya PIDM dikehendaki melaksanakan resolusi terhadap ahli penginsurans yang bermasalah, kami akan membuat pengumuman mengenai pembayaran kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans bagi manfaat takaful atau insurans yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pembayaran kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans akan dibuat berdasarkan rekod pengendali takaful atau syarikat insurans.

PIDM juga boleh mengaturkan pindahan sijil takaful atau polisi insurans daripada ahli penginsurans yang gagal kepada ahli penginsurans lain bagi memastikan kesinambungan perlindungan bagi pemilik sijil takaful atau polisi insurans, khususnya yang berkaitan takaful keluarga atau insurans hayat.

## LAMPIRAN

### GLOSARI ISTILAH

#### Ahli penginsurans

Semua pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia serta syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta PIDM. Keahlian diwajibkan di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans ini boleh didapati di muka surat 192.

#### Aset risiko berwajaran

Aset risiko berwajaran merujuk kepada konsep yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Basel untuk Penyeliaan Bank bagi menentukan nisbah kecukupan modal. Aset diwajibkan mengikut faktor yang mewakili tahap risiko dan potensi kemungkiran.

#### Bahaya moral

Insentif bagi pengambilan risiko tambahan yang boleh timbul daripada penyediaan insurans deposit atau jaminan deposit dan institusi-institusi kewangan tidak akan mengalami kerugian akibat pengambilan risiko ini.

#### Bank ahli

Semua bank perdagangan (termasuk bank asing yang diperbadankan di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Keahlian diwajibkan di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ini boleh didapati di muka surat 192.

#### Bantuan kewangan

Bentuk bantuan kewangan yang ditetapkan di bawah Seksyen 25(2)(a)(ii) hingga (iv) dan Seksyen 25(2)(e) Akta PIDM yang diperuntukkan bagi tujuan lanjutan matlamat PIDM dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

#### Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank-bank Islam ahli atau bank-bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit Islam.

#### Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit konvensional.

#### Dana Perlindungan Insurans Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada anggota penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada anggota penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Dana Perlindungan Takaful Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada anggota penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan faedah diperoleh ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada anggota penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Dana Sasaran

Dana sasaran bagi sesebuah penginsurans deposit, pada umumnya, merupakan tahap dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung kerugian yang dijangkakan daripada penyediaan perlindungan insurans deposit.

#### Institusi ahli

Institusi ahli PIDM yang terdiri daripada bank ahli dan ahli penginsurans.

#### Institusi perantara (*Bridge institution*)

Sebuah institusi (berasingan daripada penginsurans deposit) yang akan mengambil alih dan menjalankan operasi sebahagian atau kesemua perniagaan, aset dan liabiliti institusi ahli yang mengalami kegagalan, dan terus menyediakan perkhidmatan kepada pendeposit, sehingga pembeli bagi perniagaan, aset dan liabiliti boleh dikenal pasti bagi membeli institusi perantara tersebut. Di negara lain, institusi perantara sering digunakan sebagai pilihan resolusi bagi memelihara nilai francais institusi yang bermasalah, serta membolehkan peruntukan masa yang lebih lama untuk menangani masalah institusi dan mengenal pasti pembeli.

#### Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju.

# LAMPIRAN

## GLOSARI ISTILAH

### Jaminan Deposit Kerajaan

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi ahli dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah awal dan berjaga-jaga sejajar dengan langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

### Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan berhemat dan pemberi pinjaman usaha akhir.

### Jumlah Deposit yang Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

### Manfaat Insurans

Agregat manfaat insurans yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

### Manfaat Takaful

Agregat manfaat takaful yang ditanggung oleh sesebuah pengendali takaful atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

### Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit, mata wang Malaysia.

### Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal ialah nisbah modal pengawalseliaan sebuah bank terhadap pendedahan aset risiko berwajaran. Piawaian antarabangsa mengesyorkan nisbah minimum lapan peratus bertujuan untuk membolehkan bank menyerap kerugian tanpa menjadi insolven, bagi melindungi pendeposit.

### Pembayaran Balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 55 dan 56 serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

### Pembelian dan pengambilalihan

Satu kaedah resolusi yang melibatkan institusi kewangan yang kukuh atau sekumpulan pelabur yang membeli sebahagian atau kesemua aset serta mengambil alih sebahagian atau kesemua liabiliti, termasuk semua deposit yang diinsuranskan di sesebuah institusi ahli.

### Pemilik Polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

### Pemilik Sijil

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

### Pengambilalihan kawalan

Sebaik sahaja institusi ahli telah ditentukan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju atau dijangka menjadi tidak berdaya maju, PIDM boleh mengambil alih kawalan sebahagian atau kesemua perniagaan, aset, liabiliti dan hal ehwal institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut perenggan 99(1)(c) Akta PIDM, bagi melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan sejajar dengan mandatnya.

### Pengurusan pembayaran

Satu proses bagi mengendalikan pembayaran balik deposit kepada pendeposit yang diinsuranskan, benefisiari takaful dan orang yang diinsuranskan, termasuk menyediakan penyata pembayaran, menyimpan fail dokumen pembayaran dan memantau status pembayaran.

### Penstrukturan semula

Kaedah resolusi yang melibatkan penstrukturan semula kedudukan kewangan sesebuah institusi ahli atau berkenaan dengan aspek bukan kewangan yang lain.

### Perjanjian perwakilan (Agency arrangements)

Satu kaedah resolusi yang melibatkan perjanjian antara PIDM, institusi ahli dan bank wakil atau pengendali takaful wakil atau syarikat insurans wakil (perantara). Perantara ini bertindak bagi pihak institusi ahli bagi mengendalikan pembubaran institusi ahli secara teratur dan memenuhi tuntutan pendeposit atau benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang harus dibayar.

### Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

### Rancangan Komunikasi Bersepadu

Rancangan lima tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran sistem insurans deposit. Rancangan ini berasaskan dua teras utama: mewujudkan kesedaran mengenai sistem insurans deposit dan meningkatkan kredibiliti dan kewibawaan PIDM sebagai pentadbir sistem insurans deposit.

### Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Rangka kerja yang akan memberi panduan kepada PIDM dalam pembangunan polisi dan prosedur operasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan menyeluruh PIDM berhubung intervensi dan resolusi kegagalan serta polisi dan prosedur berkaitan dengan pelbagai tindakan dan pilihan yang sedia ada bagi membolehkan PIDM menangani institusi ahli yang bermasalah atau gagal.

### Sijil berkumpulan / Polisi berkumpulan

Insurans / takaful yang melindungi sekumpulan individu (tiga atau lebih) di bawah satu polisi induk. Ia selalunya dikeluarkan kepada majikan untuk manfaat kakitangan, atau ahli-ahli pertubuhan.

### Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses butiran terperinci dan akaun deposit yang dipegang oleh pendeposit, dengan tujuan mengira amaun jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan penghasilan fail dokumen pembayaran bagi pemprosesan seterusnya oleh Pengurusan Pembayaran.

### Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit

Sistem ini merupakan komponen komunikasi dalam Sistem Pembayaran Balik Deposit PIDM. Sekiranya berlaku pembayaran balik deposit, Pusat Panggilan PIDM, yang menguruskan komunikasi, pertanyaan dan permintaan daripada pendeposit, akan menggunakan sistem ini sebagai pengantara (*interface*) dengan Sistem Pembayaran Balik Deposit.

### Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada institusi ahli pada kadar yang berbeza berdasarkan profil risiko masing-masing.

### Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko ketara sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

### Portal enterpris

Portal enterpris ialah sistem untuk menyepadukan maklumat, insan dan proses. Portal ini membenarkan pengguna mengakses maklumat yang disimpan di dalam portal ini melalui satu saluran sahaja.

## LAMPIRAN

### BUTIR-BUTIR HUBUNGAN

#### Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami di:  
Talian Bebas Tol **1-800-88-1266**  
**8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat**
- Layari laman web kami di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)
- Emel kepada [info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my)
- Tulis kepada:  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam**  
**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Aras 12, Quill 7,**  
**No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,**  
**Kuala Lumpur Sentral,**  
**50470 Kuala Lumpur.**

Telefon: 603-2173 7436

Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432

